

**METODOLOGI HAMKA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN:
TUMPUAN KHUSUS PADA AYAT-AYAT YANG
MENGANDUNGI KALIMAH PENGERTIAN TAKWA DI
DALAM SURAH AL-BAQARAH, TAFSIR AL-AZHAR**

MUHAMMAD YUSRY AFFANDY BIN MD ISA

**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2012**

Kebenaran Merujuk Tesis

Dalam menyerahkan tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mengedarkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau, semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Kolej Sastera dan Sains. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk tujuan pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

**Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences,
UUM Collage of Arts and Sciences,
Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok, Jitra,
Kedah Darul Aman.**

Abstrak

Kajian kualitatif ini mengkaji pendekatan Hamka dalam penafsiran ayat-ayat terpilih berkaitan kalimah takwa dalam surah al-Baqarah. Penafsiran ayat-ayat tersebut dilakukan melalui pengkajian karya Hamka, Tafsir al-Azhar. Kajian-kajian yang terdahulu juga telah membincangkan perkembangan-perkembangan utama di dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran dan pelbagai pendekatan telah diambil oleh ramai ilmuan Islam dalam usaha mereka mendalami al-Quran. Sebagai tambahan, hasil-hasil ilmiah dari pelbagai universiti dan perpustakaan awam turut dirujuk. Kaedah deduktif turut diaplikasikan dalam mengkaji penggunaan kalimah takwa dalam surah al-Baqarah. Satu usaha juga telah dibuat untuk membandingkan secara umum metodologi tafsiran Hamka dengan kaedah ilmuan lain. Di samping itu, kaedah deskriptif turut digunakan untuk memberi gambaran umum tentang pengetahuan yang diperlukan dalam penafsiran al-Quran, biografi Hamka dan data terperinci yang terhasil dari penafsiran Hamka berkenaan ayat-ayat takwa dalam surah al-Baqarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metodologi yang digunakan oleh Hamka bersesuaian dengan pendekatan Islam, walaupun secara asasnya adalah berdasarkan pemahaman peribadi beliau dan hanya sedikit merujuk pandangan ilmuan lain. Pandangan beliau selari dan berbetulan dengan penafsiran rakan-rakannya dan juga ilmuan lain yang berpengaruh. Kajian ini juga mengukuhkan bahawa penafsiran Hamka berdasarkan gabungan ilmu Islam, sains, psikologi kemanusiaan, undang-undang antarabangsa, pandangan pakar perubatan, ekonomi juga ilmu pengetahuan semasa yang amat bermanfaat kepada masyarakat Muslim Nusantara. Dapatan kajian ini juga telah menyumbang ke arah menyatukan usaha penafsiran al-Quran tempatan, dengan gabungan kajian ilmiah tinggalan Hamka.

Kata kunci: Metodologi penafsiran, Hamka, Tafsir Al-Azhar, Kalimah takwa, Ilmu tafsir.

Abstract

This qualitative study examines the Hamka's approach in performing an exegesis of selected Quranic verses regarding *takwa*, in the chapter of *al-Baqarah*. Thus, Hamka's work on the exegesis of the al-Quran, the *Tafsir al-Azhar* has been studied. Previous works have discussed major developments in the Quranic exegesis and the various approaches taken by different Islamic scholars in their attempts to study the al-Quran. In addition, other scholarly works from universities as well as public libraries have also been considered. A deductive method was applied to study the usage of *takwa* terminology in *al-Baqarah*. An attempt was also made to generally compare the Hamka's methodology of exegesis with other scholars' approaches. Furthermore, a descriptive method was used to prepare the overview of knowledge needed in the Quranic exegesis, Hamka's biography and detailed data as a result of the Hamka's exegesis of verses regarding *takwa* in *al-Baqarah*. Findings have shown that the Hamka's methodology is compatible with Islam, although it is mainly of his personal understanding and it has few references to other scholars' views. His opinion on *takwa* is concurrent with the exegesis of his peers as well as the perspective of authoritative scholars. This study has also established that the Hamka's exegesis is built on the synthesis of Islamic knowledge, sciences, human psychology, international laws, opinion of medical experts, economics as well as other contemporary knowledge which is particularly beneficial to Muslims of Southeast Asia. This finding has also contributed to consolidate local efforts in the Quranic exegesis, together with the integration of scholarly works left by Hamka.

Keyword: Methodology of exegesis, Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, *Takwa* terminology, Science of exegesis

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Segala kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t. kerana telah menganugerahkan semangat serta kesabaran yang tinggi kepada saya dalam menyiapkan tesis yang berkaitan dengan metodologi pentafsiran al-Quran ini. Tesis ini yang berjudul *Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran al-Quran: Tumpuan Khusus Pada Ayat-Ayat Yang Mengandungi Kalimah Pengertian Takwa Di Dalam Surah al-Baqarah, Tafsir al-Azhar* berjaya dilaksanakan dengan bantuan serta sokongan pelbagai pihak. Jutaan terima kasih pada sesi keluarga terutamanya pada ayahanda Hj. Yusuff b. Md Hasan, bonda Puan Ramlah bt. Muhamad, isteri yang dikasihi Puan Ribhan bt. Hj. Ibrahim, anakanda tercinta 'Iz Hafy, kakak yang dikasihi Puan Yusramizza bt. Yusuff serta suami Ustaz Md Hilmy b. Sulaiman serta adik-adik yang banyak memberi dorongan sepanjang pengajian peringkat sarjana saya di Universiti Utara Malaysia.

Sekalung penghargaan turut diberikan kepada pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kolej Universiti Insaniah serta pegawai-pegawai Perpustakaan Awam Negeri Kedah yang banyak membantu bagi menyempurnakan tesis ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pensyarah dan pentadbir pengurusan Kolej Sastera dan Sains UUM atas segala maklumat, kerjasama dan sokongan moral yang diberikan selama ini.

Saya juga ingin menyampaikan rasa terhutang budi kepada penyelia tesis saya iaitu al-Fadhil Ustaz Hj. Kamarudin b. Ahmad atas bimbingan, ilmu serta didikan dedikasi yang dicurahkan selama ini. Allah s.w.t. jualah yang dapat menganugerahkan sebaik-baik balasan bagi mereka yang banyak berbakti ini.

Senarai Kandungan

Perakuan Kerja Tesis / Disertasi	i
Kebenaran Merujuk Tesis	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah	x
Senarai Kependekan.....	xi
Panduan Transliterasi.....	xii
Glosari.....	xiv
BAB SATU PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah.....	7
1.3 Kepentingan Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian.....	13
1.6 Skop Kajian.....	14
1.7 Sorotan Karya	14
1.8 Hasil Kajian Yang Diharapkan	20
1.9 Metodologi Kajian	22
1.9.1 Kaedah Kajian.....	22
1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data	22
1.9.2.1 Kaedah Dokumentasi	22
1.9.3 Kaedah Penganalisan Data	23
1.9.3.1 Kaedah Deduktif	23
1.9.3.2 Kaedah Deskriptif	23
1.9.4 Kaedah Perumusan.....	24
1.9.5 Susunan Penulisan	24
1.9.6 Kerangka Konseptual.....	24

BAB DUA BIOGRAFI HAMKA.....	30
2.1 Pengenalan	30
2.2 Kelahiran dan Latarbelakang	30
2.3 Pendidikan.....	32
2.4 Penglibatan Sebagai Ulama	36
2.5 Penglibatan Sebagai Sasterawan.....	41
2.6 Penglibatan Sebagai Ahli Politik	45
2.7 Keperibadian dan Cabaran Yang Dihadapi.....	49
2.8 Sumbangan Terhadap Dunia Islam dan Nusantara	53
2.9 Rumusan	57
 BAB TIGA PENTAFSIRAN AL-QURAN	59
3.1 Pengenalan	59
3.2 Pengertian Tafsir	59
3.3 Perbezaan <i>Tafsir</i> dan <i>Ta'wil</i>	61
3.4 Keutamaan Tafsir.....	63
3.5 Syarat-Syarat dan Adab <i>Mufassir</i>	66
3.5.1 Syarat-Syarat <i>Mufassir</i>	66
3.5.2 Adab Seorang <i>Mufassir</i>	70
3.6 Metodologi Utama Dalam Pentafsiran Al-Quran	72
3.6.1 Pentafsiran Berdasarkan al-Quran	73
3.6.2 Pentafsiran Berdasarkan al-Sunnah	79
3.6.3 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat dan <i>Ijtihad</i> Sahabat.....	84
3.6.4 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat Tabiin	87
3.7 Perkembangan Sejarah Ilmu Tafsir.....	89
3.7.1 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah s.a.w	90
3.7.2 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Sahabat.....	94
3.7.3 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Tabiin	97
3.8 Tokoh- Tokoh <i>Mufassir</i> dan Klasifikasi Tafsiran Al-Quran	99
3.8.1 Tafsir Zaman <i>Mutakhirin</i>	101
3.8.1.1 Definisi <i>Al-Tafsir Bi Al-Ma`thur</i>	102
3.8.1.2 Definisi <i>Al-Tafsir Bi Al-Ra`yi</i>	103

3.8.1.3 Definisi <i>Al-Tafsir Bi Al-Isyari</i>	105
3.8.2 Tafsir Zaman Moden.....	106
3.9 Rumusan	107

BAB EMPAT PENGLIBATAN HAMKA DALAM PENTAFSIRAN

AL-QURAN	110
4.1 Pengenalan	110
4.2 Penulisan Hamka Berkaitan Pentafsiran Al-Quran.....	110
4.2.1 <i>Tafsir Al-Azhar</i>	116
4.3 Persekitaran Keagamaan, Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Membentuk Pemikiran Hamka	118
4.4 Sumber-Sumber Pentafsiran Al-Quran Yang Digunakan Hamka	123
4.5 Keistimewaan Hamka Dalam Pentafsiran Al-Quran	125
4.6 Cabaran Dalam Menyampaikan Tafsiran Al-Quran	128
4.7 Rumusan	131

BAB LIMA METODOLOGI HAMKA PADA AYAT-AYAT YANG MENGANDUNGI KALIMAH PENGERTIAN TAKWA DI DALAM

SURAH AL-BAQARAH, TAFSIR AL-AZHAR	134
5.1 Pengenalan	134
5.2 Pengenalan <i>Surah Al-Baqarah</i>	134
5.3 Pandangan Ulama Tentang Takwa	137
5.4 Ayat-Ayat Yang Mengandungi Kalimah Pengertian Takwa Di Dalam Surah Al-Baqarah, <i>Tafsir Al-Azhar</i>	141
5.5 Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran.....	142
5.6 Rangkuman Metodologi Hamka	186
5.7 Rumusan	196

BAB ENAM KESIMPULAN	199
6.1 Pengenalan	199
6.2 Rumusan Keseluruhan	199
6.3 Cadangan.....	205

6.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	206
6.5	Penutup	208
BIBLIOGRAFI		209
LAMPIRAN.....		220
i.	Institusi dan Multimedia	220
ii.	Surat Kebenaran Mengumpul Data dan Maklumat	221
iii.	Gambar al-Marhum Hamka.....	222
iv.	Buku <i>Tafsir al-Azhar</i> (sampel utama kajian).....	223
v.	Contoh Petikan Antara Manuskrip Yang Dijadikan Bahan Kajian (Pentafsiran Ayat 2 dan 21 <i>Surah Al-Baqarah, Tafsir al-Azhar</i>)	224

Senarai Rajah

TAJUK	HALAMAN
1.1 Perkembangan Pentafsiran Al-Quran	28
1.2 Bidang Kajian Pentafsiran Al-Quran	28
1.3 Bidang Kajian Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran Al-Quran	29

Senarai Kependekan

a.s.	-	<i>‘Alaihi al-Salam</i>
b.	-	bin
bt.	-	binti
bil.	-	bilangan
Dr.	-	Doktor Falsafah; <i>Philosophy Doctorate</i>
H	-	Hijrah
Hj.	-	Haji
j.	-	jilid
M	-	Masihi
MASYUMI	-	Majlis Syura Muslimin Indonesia
no.	-	Nombor
Prof.	-	Profesor
r.a.	-	<i>Radiallahu ‘Anhu</i>
s.a.w.	-	<i>Sallallahu ‘Alaihi Wasallam</i>
s.w.t.	-	<i>Subhanahu Wa Ta’ala</i>
tjmh.	-	terjemahan
t.t.	-	tanpa tarikh
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia

Panduan Transliterasi

Panduan ini berdasarkan panduan transliterasi Dewan Bahasa dan Pustaka 1992.

Huruf 'Arab

Nama dan Transkripsi

~

b

t

th

j

h

kh

d

dh

r

z

s

sy

s

d

t

z

,

gh

f

q

k

l

m

n

w

h

,

y

a

i

u

Perkataan yang dikecualikan daripada transliterasi dalam tesis ini adalah seperti berikut:

Allah, afdal, akhirat, Arab, bidaah, dakwah, dinar, dirham, faraid, Haji, halal, haram, ilmu tafsir, ilmu, islah, Islam, jahiliah, jihad, juz, kalimah, khalifah, khatam, khurafat, khutbah, kitab, Makkah, mazhab, mukjizat, muktabar, Nabi, nas, Rasulullah, riba, riwayat, rujuk, sahabat, sirah, solat tahajud, talak, solat tarawih, soleh, sufi, surah, syarak, syariat, tabiin, takwa, tarikat, tasawuf, tawaduk, tilawah, ulama, umrah, dan wasiat.

Glosari

Afdal: Lebih utama

Al-Silmi: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna penyatuan.

'Aqidah: Kepercayaan dan keyakinan dalam pegangan Islam.

Asbab al-Nuzul: Ilmu mengenai faktor-faktor penurunan ayat al-Quran.

Atba' tabi'in: Golongan yang sempat bertemu dan mengikuti jejak tabiin.

Athar: Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sahabat dan tabiin.

Ateis: Golongan yang tidak percaya kewujudan tuhan.

Balaghah: Ilmu tentang keindahan bahasa Arab dan kaedah penyampaiannya.

Bidaah: Pembaharuan atau perkara baru sama ada dalam hal ehwal agama. Kedapatan bidaah yang selari dengan syarak dan ada yang menyimpang.

Bi al-ma'ruf: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *dengan sepatutnya*.

Da'iif : Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *orang yang lemah*.

Dam: Denda yang dikenakan kepada jemaah haji yang meninggalkan wajib haji atau melakukan perkara larangan di dalam *ihram*.

Deisme: Fahaman yang berpegang kepada kewujudan tuhan tetapi tidak menerima wahyu atau rukun-rukun agama.

Dewan Konstituante: Dewan yang merangka perlembagaan negara di Indonesia.

Dinar: Kepingan wang emas.

Dirham: Kepingan wang perak.

Doa Iftitah : Bacaan yang disunatkan selepas *takbir al-Ihram* dalam solat.

Faraid: Ilmu atau hukum tentang pembahagian harta pusaka.

Fiqh: Ilmu yang membincangkan perihal ibadat dan hukum hukum Islam.

Fusuq: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *perbuatan fasik*.

Ghanimah: Harta rampasan perang.

Hadyu: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *korban sembelihan*.

Haji Ifrad: Mengerjakan haji dan umrah secara berasingan.

Haji Mabru: Ibadah haji yang dianggap sah, sempurna dan diterima Allah s.w.t. kerana memenuhi segala rukun dan syarat serta dapat mengekalkan sifat dan kelakuan yang baik dan terpuji selepas menunaikan haji.

Haji Mardud: Ibadah haji yang tertolak di sisi Allah s.w.t. kerana kegagalan memenuhi segala rukun dan syarat sah haji.

Haji Qiran: Ibadah haji dan umrah yang dikerjakan serentak dalam bulan haji dan dikenakan *dam*.

Haji Tamattu': Ibadah haji yang dikerjakan setelah selesainya ibadah umrah pada bulan haji dan dikenakan *dam*.

Haji Wada': Haji terakhir dikerjakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebelum wafat.

Hari Nahr: 10 Zulhijah.

Hari Tasyriq: Hari yang kesebelas, kedua belas dan ketiga belas dalam bulan Zulhijah.

Hari Wuquf: Hari jemaah haji berhimpun di padang Arafah pada 9 Zulhijah.

Hilal: Anak bulan.

Hisab: Perkiraan untuk menentukan permulaan bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

Hurumat: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna segala sesuatu yang ditentukan kemuliannya oleh agama.

'Iddah: Masa yang wajib dinanti oleh seseorang perempuan untuk membolehkannya berkahwin lagi dengan lelaki lain.

Ijtihad: Usaha yang dilakukan oleh seorang yang berkeelayakan untuk mendapatkan sesuatu hukum atau kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah menurut syarak.

Iktikaf: Perbuatan duduk atau beribadah dalam masjid dengan niat kerana Allah s.w.t..

'Iktiqad: Sesuatu perkara yang berkaitan kepercayaan yang dijadikan pegangan utuh dalam sanubari .

Ilmu Kalam: Ilmu yang membicarakan perkara 'aqidah dan aspek keimanan.

Injil: Kitab yang diturunkan kepada Nabi 'Isa a.s.

'Irab: Ilmu tentang keadaan baris dan status sesuatu kalimah bahasa Arab.

Islah: Usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai.

Israiliyyat: Kisah-kisah yang diriwayatkan Ahli Kitab.

Jidal: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *pergaduhan*.

Jihad: Usaha untuk mempertahankan sesuatu yang baik atau untuk menentang sesuatu yang buruk; usaha bersungguh-sungguh.

Jinayat: Perundangan Islam tentang jenayah yang dilakukan dalam masyarakat.

Kaffarah: Penebus dosa atau kesilapan.

Khitab: Kalimah yang mempunyai mesej seruan.

Khalifah: Pengganti Nabi Muhammad s.a.w.; gelaran bagi ketua agama atau pemerintah dalam kerajaan Islam.

Khawarij: Golongan yang memberontak terhadap kepemimpinan 'Ali b. Abi Talib dan muncul sebagai salah satu mazhab *'aqidah*.

Khurafat: Kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul.

Khitab: Ungkapan untuk ditujukan kepada seseorang.

Khulafa' al-Rasyidin: Empat khalifah pertama iaitu Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali.

Komunis: Fahaman yang menggalakkan penubuhan masyarakat tanpa kelas berdasarkan pemilikan dan kawalan yang sama rata dalam pengeluaran dan penguasaan harta.

Mahar: Pemberian yang diwajibkan daripada pengantin lelaki kepada pengantin perempuan.

Mansukh: Ayat al-Quran yang dimansuhkan pembacaan atau hukumnya.

Masdar: Kata terbitan dalam bahasa Arab.

Mantiq: Ilmu berkaitan logik akal.

Mazhab: Gagasan pemikiran dan pemahaman terhadap ajaran Islam mengikut tempat dan situasi tertentu.

Mu'amalah: Hal ehwal kemasyarakatan seperti perhubungan sesama manusia, perniagaan dan pengurusan ekonomi.

Mubasyarah: Hubungan kelamin antara suami dan isteri.

Mufasssir: Pentafsir al-Quran.

Mujaddid: Penghidup ajaran Islam dengan pendekatan yang unik dan membawa manfaat besar kepada keseluruhan umat Islam.

Mujahid fi sabilillah: Pejuang yang berada di jalan Allah.

Mukjizat: Kelebihan luar biasa yang dikurniakan Allah kepada para rasul untuk membuktikan kebenaran Islam.

Muktabar: Terkenal dan dipercayai akan keilmuan.

Mu'tazilah: Salah satu mazhab 'aqidah yang terlalu mengutamakan akal dalam penjelasan agama dan mempunyai beberapa pertentangan dengan aliran *ahli Sunnah wa al-jama'ah*.

Munakahat: Hukum hakam berkenaan pernikahan dan hubungan suami isteri.

Murjiah: Mazhab 'aqidah kontroversi yang berpegang kepada konsep penangguhan hukum dan kebebasan amalan manusia di dunia.

Muta'ah: Pemberian atau saguhati dari suami kepada isteri yang diceraikan.

Nahu: Ilmu tatabahasa Arab.

Nas: Ayat al-Quran atau hadith yang digunakan sebagai pegangan dalam hukum syarak.

Nasikh: Ayat al-Quran yang diturunkan untuk memasukkan hukum atau pernyataan ayat al-Quran yang diturunkan sebelum itu.

Nazi Jerman: Anggota Parti Sosialis Nasional Jerman yang diasaskan oleh Hitler.

Notarelease Acte: Akta berkaitan perjanjian pinjaman moden di Indonesia.

Notaris: Individu yang diberi kuasa oleh perundangan untuk mengesahkan atau menyaksikan sesuatu perjanjian.

Pantheisme: Suatu kepercayaan bahawa dunia dengan segala isinya adalah tuhan.

Perjanjian Hudaibiyyah: Perjanjian Musyrikin Makkah dengan Rasulullah di *Hudaibiyyah* tatkala baginda beserta sahabat ingin memasuki Makkah bagi menunaikan umrah pada tahun 6 Hijrah.

Polytheisme: Pemujaan atau kepercayaan kepada lebih daripada satu tuhan.

Qardan hasanan: Pinjaman ikhlas atau pinjaman yang tidak melibatkan faedah atau syarat tambahan pada saat pengembalian pinjaman.

Qiraat: Kaedah bacaan al-Quran.

Qisas: Hukuman balas terhadap kes kecederaan dan pembunuhan dalam perundangan Islam.

Rafath: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *percakapan kotor yang menimbulkan syahwat*.

Riba fadl: Riba yang dibayar lebih kepada satu pihak yang menukarkan barang dalam bentuk berlainan kualiti dan jenis.

Riwayat: Keterangan atau berita tentang sesuatu perbuatan yang disampaikan oleh seseorang.

Rujuk: Berbalik atau berkahwin semula semasa masih dalam *'iddah*.

Ru'yah al-Hilal: Perbuatan melihat anak bulan untuk menentukan permulaan bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

Sad li al-zari'ah: Pendekatan yang digunapakai sebagai langkah awal untuk menolak kerosakan daripada berlaku dalam masalah berkaitan kepentingan syarak.

Salaf: Generasi sahabat Nabi Muhammad s.a.w., tabiin dan atba' tabi'iiin.

Safih: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *kurang kemahiran atau kurang daya fikir*.

Saraf : Ilmu tentang perubahan kalimah bahasa Arab.

Siyam: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *berpuasa*.

Solat Tahajjud: Solat sunat selepas bangun dari tidur yang dikerjakan sebelum waktu subuh.

Solat Tarawih: Solat sunat yang dikerjakan selepas solat Isyak pada bulan Ramadan.

Sosialis: Fahaman yang menganjurkan pemilikan dan pengusahaan bersama faktor-faktor pengeluaran.

Syahid: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna saksi.

Syarak: Hukum yang bersandarkan ajaran Islam.

Syariah: Perkara yang berkaitan dengan ketetapan atau peraturan hukum hakam Allah s.w.t..

Syiah: Mazhab *'aqidah* dan *fiqh* kontroversi yang menganggap 'Ali b. Abi Talib sebagai pengganti Nabi Muhammad yg sah.

Syubhat: Sesuatu antara halal dan haram atau sesuatu keadaan yang samar.

Ta'kid: Memperkuat atau menegaskan.

Tabiin: Golongan yang bertemu dan bersahabat dengan sahabat Rasulullah s.a.w.

Tafsir Madhabi: Pentafsiran al-Quran berdasarkan aliran mazhab.

Tahallul: Kebenaran melakukan perkara-perkara yang menjadi larangan ketika haji dan umrah.

Tahallul Ihzar: Kebenaran untuk melepas diri daripada perkara larangan ketika ihram disebabkan berlaku perkara-perkara yang menghalang aktiviti haji atau umrah.

Talak: Pelepasan ikatan nikah yang dilafazkan suami kepada isteri.

Talbiyyah: Lafaz sunat tertentu untuk memuji Allah s.w.t yang diperdengarkan ketika permulaan ibadah haji dan umrah.

Taradin: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna keredhaan kedua-dua pihak.

Tarikat: Aliran berkaitan kaedah kerohanian dalam ilmu tasawuf.

Tarikh Mashaf: Ilmu berkaitan pengumpulan dan penulisan al-Quran.

Tasawuf: Ilmu untuk mengenal Allah s.w.t. dan kaedah kerohanian untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Tasyawurin: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna perbincangan kedua-dua pihak.

Tauhid: Ilmu berkenaan mengesakan dan mengenali Allah s.w.t. serta menyakininya.

Taurah: Kitab yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s.

Tawaf: Perbuatan mengelilingi kaabah sebanyak tujuh pusingan.

Kontrak sosial: Persetujuan yang telah dicapai antara pihak yang berkepentingan untuk membentuk sebuah masyarakat yang padu dan sejahtera dengan setiap pihak bersedia bertolak ansur serta menyetepikan kepentingan peribadi tertentu.

'Ulum al-Quran: Ilmu-ilmu berkaitan aspek al-Quran.

'Urdatan: Kalimah daripada al-Quran yang membawa makna *penghalang*.

Usul Fiqh: Ilmu tentang kaedah-kaedah mengistinbat hukum-hukum syarak.

Wazan: Asal atau sumber sesuatu kalimah dalam bahasa Arab.

Zaman Jahiliah: Zaman kebodohan dan kekufuran sebelum kedatangan Islam.


Zindiq: Orang yang imannya telah terpesong dan bertindak melakukan sesuatu yang menyimpang daripada suruhan agama

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim adalah kitab teragung yang diturunkan Allah s.w.t. sebagai penyuluh kehidupan umat manusia. Ia berperanan sebagai sumber hidayah, peringatan, penyembuh kemelutan manusia dan rujukan terpenting golongan yang beriman. Hal ini dinyatakan Allah s.w.t. dalam firman-Nya:



Maksudnya: Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu peringatan dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.

(al-Quran, *Yunus*. 10: 57)

Pembacaan al-Quran dan pengamalannya mendatangkan rahmat yang melimpah ruah daripada Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada 'Ubaidah Mulaiki r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya: Wahai ahli-ahli al-Quran, jangan gunakan al-Quran sebagai bantal (bahan mainan) tetapi hendaklah kamu membacanya dengan teratur siang dan malam, kembangkan kitab suci ini, bacalah ia dengan suara yang baik dan fikirlah di atas kandungannya (tadabbur), dengan ini kalian akan meraih kejayaan. Janganlah kamu gunakannya untuk mendapatkan ganjaran yang serta merta darinya (dalam dunia) kerana ia mempunyai ganjaran yang begitu mengagumkan (di hari akhirat).

(al-Asfabahani, *Akhbar al-Asfabahani li Abi Na'im*, Qahirah: no.857, j.1, Dar al-Ma'krifah, 1993.)

Rasulullah s.a.w. banyak menegaskan dalam ucapan-ucapan baginda tentang kepentingan beramal dan berpegang teguh dengan al-Quran. Baginda seringkali berkhotbah mengingatkan kaum muslimin supaya mendekati dan menjunjung al-Quran dalam kehidupan, contohnya hadits yang diriwayatkan oleh Muslim bersanadkan kepada Zaid b. Arqam, Rasulullah s.a.w. telah berkhotbah:

Maksudnya: Dan aku telah meninggalkan dua perkara besar pada kalian. Yang pertama adalah Kitab Allah, padanya petunjuk dan cahaya (penyuluh kehidupan). Ambillah al-Quran ini dan berpeganglah kepadanya.


(Muslim, *Sahih Muslim*, tanpa no., Qahirah: Dar al-Hadith, 1991.)

Para sahabat Rasulullah s.a.w. amat menghayati kandungan al-Quran dan pengajarannya. Mereka berjaya mengaplikasikan dalam kehidupan dengan penuh jitu. Antara misalan penghayatan para sahabat ialah:

- a. 'Umar al-Khattab telah memeluk Islam setelah mendengar permulaan surah *Taha* (Hamka, 1982);
- b. 'Uthman al-'Affan kerap membaca al-Quran sehingga naskahnya koyak terbahagi dua (Muhammad, 2005);
- c. 'Abdullah b. Mas'ud membaca surah *al-Nisa'* di hadapan Rasulullah s.a.w. dan baginda menangis setelah 'Abdullah b. Mas'ud membaca ayat 41 surah tersebut (Fauzi dan Mustafa, 2001);
- d. Ummu Salamah dapat menerangkan dengan terperinci bagaimana Rasulullah s.a.w. menyebutkan huruf al-Quran (Muhammad, 2005);

- e. `Ali b. Abi Talib terkenal dengan kemampuannya meriwayatkan tafsir al-Quran kepada masyarakat (al-Dhahabi, 1989).

Contoh-contoh di atas membuktikan bahawa al-Quran benar-benar diamati oleh generasi sahabat hasil daripada didikan Rasulullah s.a.w. Sebagai generasi mutakhir, kita sewajarnya menghayati al-Quran dan mencontohi sikap dan mentaliti para sahabat dalam menterjemahkan tuntutan wahyu dalam kehidupan. Allah s.w.t akan memastikan kita berada di bawah naungan rahmat-Nya dan dipimpin ke jalan yang benar sekiranya kita bersedia mengenal al-Quran dan berpegang dengannya. Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Adapun orang-orang yang beriman pada Allah dan berpegang teguh kepada (agama)-Nya, nescaya Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat yang besar dari-Nya dan limpahan kurnia-Nya dan menunjuki mereka kepada jalan yang lurus (untuk sampai) kepada-Nya .

(al-Quran, *al-Nisa'*. :)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Dhar al-Ghifari:

Maksudnya: Kalian tidak berupaya kembali kepada Allah dengan sesuatu yang lebih utama (bernilai) melainkan dengan (membawa) yang datang terus daripada-Nya yakni al-Quran.

(al-Hakim, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, no. 2039, Birut: Dar al- Ma'krifah, t.t.)

Allah s.w.t telah menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Jibril a.s. (al-Qatan, 2000). Proses penyampaian al-Quran ini dikenali

sebagai penyampaian *mutawatir* iaitu wahyu yang tidak terputus, langsung daripada Allah s.w.t. (al-Habshi, 1999). Kemudian baginda menyampaikan kepada para sahabat melalui pelbagai wacana dakwah.

Rasulullah menurunkan ilmu-ilmu berharga berkaitan pentafsiran al-Quran kepada para sahabat. Kemudian para sahabat mewariskan ilmu tafsir kepada generasi ulama terkemudian. Proses perpindahan daripada Rasulullah s.a.w. adalah di bawah pemeliharaan Allah s.w.t.. Firman Allah s.w.t.:



 Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al- Quran dan sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya.

(al-Quran, *al-Hijr* . 15: 9)

Generasi yang terdapat di zaman Rasulullah s.a.w. dan para tabiin berjaya merealisasikan matlamat al-Quran melalui perantaraan ilmu tafsir. Menurut Ibn Taimiyyah (t.t.), Rasulullah s.a.w. adalah sebaik-baik pentafsir al-Quran dan kemudiannya diikuti oleh generasi sahabat. Allah s.w.t. mengingatkan manusia supaya meneliti wahyu yang diturunkan untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan. Penelitian terhadap wahyu hanya dapat dicapai dengan ilmu pentafsiran al-Quran. Firman Allah s.w.t.:



 Maksudnya: Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran? Kalau kiranya al-Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya.

(al-Quran, *al-Nisa* '. 4: 82)

Ilmu tafsir adalah suatu ilmu yang berkembang dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Rasulullah s.a.w. adalah pentafsir ulung di zaman baginda dan turut dibantu perkembangannya oleh pentafsir-pentafsir al-Quran di kalangan sahabat, seperti *Khulafa' al-Rasyidin*, Ibn 'Abbas, Ubay b. Ka'ab, Zaid b. Thabit, Abu Musa al-'Asy'ari dan Ibn Zubair (Fauzi dan Mustafa, 2001). Ini menunjukkan bahawa pentafsiran al-Quran tidak terbatas kepada apa-apa yang disampaikan baginda sahaja tetapi baginda juga membuka pintu *ijtihad*¹ kepada para sahabat untuk mentafsirkan al-Quran berdasarkan ilmu yang dimiliki oleh mereka.

Pelbagai kaedah disusun oleh ulama dalam menampilkan tafsiran al-Quran. Majoriti ulama berpendapat bahawa tafsiran al-Quran dengan *ma'thur*² adalah kaedah yang terbaik dalam memahami isi kandungan al-Quran (Fauzi dan Mustafa, 2001). Inilah kaedah utama yang dipraktikkan generasi sahabat. Mereka menerangkan dan mentafsirkan al-Quran berdasarkan empat sumber iaitu al-Quran, al-Hadith, *Ijtihad* dan sumber daripada Ahli Kitab (al-Dhahabi, 1989).

¹ *Ijtihad* bererti suatu usaha yang dilakukan *mujtahid* untuk mengeluarkan (*istinbat*) hukum terhadap sesuatu perkara melalui keluasaan ilmu yang dicapai dan penguasaan sumber hukum syarak. Lihat Dr. 'Abd al-Karim Zaidan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muasasah al-Risalah, 1996.

² Tafsir al-Quran dengan *ma'thur* bermaksud tafsir yang berpegang kepada riwayat yang *sahih* iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadith kerana ia berfungsi sebagai penerang kepada al-Quran, atau dengan riwayat sahabat, memandangkan mereka adalah orang yang paling mengetahui tentang al-Quran. Pentafsiran yang dilakukan tabiin turut termasuk dalam kaedah ini juga kerana mereka biasanya menerima perkara tersebut daripada sahabat. Perkembangan *Tafsir bi al-Ma'thur* terbahagi kepada dua kaedah. Pertama; secara lisan iaitu pentafsiran al-Quran yang dilakukan melalui periwayatan Rasulullah kepada para sahabat atau periwayatan sesama sahabat atau periwayatan sahabat kepada tabiin. Kedua; secara penulisan atau pembukuan pentafsiran al-Quran berdasarkan riwayat daripada Rasulullah, sahabat dan tabiin yang dibukukan sebagai himpunan tafsir yang tepat dan sahih. Antara kitab tafsir dalam klasifikasi *Tafsir bi al-Ma'thur* ialah *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran* dan *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Lihat Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah, *Pengantar Usul Tafsir*, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, 2001.

Tafsiran al-Quran berlaku dalam dua zaman iaitu zaman *mutaakhirin* dan zaman moden. Pentafsiran dan pembukuannya mengalami perkembangan yang paling pesat pada zaman *mutaakhirin*. Situasi ini berlangsung selama hampir lapan abad. Ia bermula dari awal abad keempat Hijrah hingga abad kedua belas Hijrah (Rosmawati, 1997). Terdapat tiga klasifikasi tafsir al-Quran yang berkembang ketika itu dan kemudian menjadi klasifikasi penting dalam menilai sesuatu gaya pentafsiran (Fauzi dan Mustafa, 2001). Klasifikasi tersebut ialah (al-Dhahabi, 2005):

- i) *al-Tafsir bi al-Ma`thur*;
- ii) *al-Tafsir bi al-Ra`yi*;
- iii) *al-Tafsir al-Isyari*;

Dalam era moden pula, pentafsiran al-Quran bermula pada awal abad ke-19 Masihi. Ketika itu dunia Islam mengalami pelbagai kemelut dan penindasan pihak musuh (Rosmawati, 1997). Implikasinya lahir pelbagai tafsiran al-Quran yang terisi dengan semangat perjuangan dan pembelaan. Antaranya termasuk Rasyid Rida, Jamal al-Din al-Qasimi, Tantawi al-Jauhari, Ahmad Mustafa al-Maraghi, Syed Qutb dan Hamka.

Alam Melayu pernah melahirkan ramai ulama yang disegani, penulis yang prolifik dan aktivis masyarakat yang dihormati. Namun begitu, tidak ramai tokoh-tokoh yang dilahirkan memenuhi kesemua ciri istimewa tersebut untuk dicatatkan dalam sejarah sebagai tokoh yang sumbangannya dimanfaatkan sepanjang zaman. Hamka boleh dikategorikan sebagai seorang tokoh yang memenuhi ciri-ciri ini (Mohammad Redzuan, 2008). Sebagai buktinya, karya tafsir beliau yang terkenal iaitu *Tafsir al-Azhar*, yang lahir hasil daripada pengaruh tokoh-tokoh *mufasssir* moden. Dunia

Islam Nusantara juga memiliki *mufassir-mufassir* hebat seperti Abdul Rauf al-Fansuri, Muhamad Said b. Umar dan T.M. Hasbi As-Sidieqiy (Muhammad Nur, 2002), tetapi Hamka kelihatan lebih ke hadapan dalam karya *Tafsir al-Azhar* yang dihasilkannya.

Karangan beliau terdapat dalam bentuk tafsiran 30 juz al-Quran versi moden dan karangan dalam pelbagai etika ilmiah berpaksikan pemikiran Islam (Abdul Rahman, 2008). Melalui *Tafsir al-Azhar*, masyarakat Islam Nusantara dapat memahami kehendak al-Quran dengan lebih sempurna kerana Hamka memasukkan pelbagai metodologi pentafsiran ayat yang menarik. Menurut Yunan (1990), kalam pemikiran Hamka yang terdapat di dalam *Tafsir al-Azhar* adalah bercorak rasional. Selain mengaplikasikan pelbagai ilmu yang telah digunakan oleh ulama-ulama terdahulu, beliau juga menambah perisian tafsiran dengan elemen semasa seperti fakta sejarah, unsur sastera dan pandangan ulama moden.

Melalui kajian ini, penulis telah mengkaji dan menganalisis metodologi pentafsiran yang digunakan Hamka pada ayat-ayat yang mengandungi kalimah *takwa* di dalam surah *al-Baqarah*. Pengkaji dapat menilai dengan lebih mendalam kehebatan ilmu dan pemikiran beliau.

1.2 Penyataan Masalah

Generasi Rasulullah s.a.w. dan para sahabat adalah generasi awal perkembangan Islam yang amat mengenali segala ilmu berkenaan dengan al-Quran (al-Zarqani, 1996). Cabaran yang timbul adalah, adakah wujud keprihatinan para ulama pada

zaman ini terhadap ilmu tafsir berbanding keprihatinan yang ditunjukkan generasi awal Islam.

Golongan *al-Salaf al-Salih*³ telah berjaya mempelajari al-Quran, menghayatinya dan melaksanakan tuntutanannya. Diriwayatkan bahawa mereka kebiasaannya tidak memindahkan satu ayat ke ayat yang lain melainkan setelah mereka melaksanakan ajaran yang terkandung di dalamnya. Misalannya, diriwayatkan daripada 'Abdullah b. Mas'ud katanya: "golongan lelaki daripada kalangan kami apabila mempelajari sepuluh ayat, mereka tidak memindahkan penekunan kepada ayat-ayat yang lain melainkan setelah mereka mengetahui makna ayat-ayat tersebut dan beramal dengannya." Keadaan ini menyebabkan 'Abdullah b. 'Umar mengambil masa selama lapan tahun untuk menghafaz *surah al-Baqarah* (Fauzi dan Mustaffa, 2001). Dalam konteks ini, kajian telah dilakukan berdasarkan nas-nas syarak, apakah langkah para ulama mengembangkan ilmu tafsir berdasarkan warisan ilmu yang ditinggalkan para sahabat. Seterusnya, adakah penyebaran tafsir al-Quran perlu dihentikan memandangkan telah wujud karya-karya terdahulu serta disebabkan faktor keilmuan generasi sekarang agak yang terbatas.

Para ulama menyusun ilmu tafsir al-Quran serta membuktikan bahawa ilmu ini sememangnya adalah anak kunci kepada perbendaharaan al-Quran (Mahadi, 2003). Mereka menghuraikan ilmu ini dengan takrifan tersendiri supaya masyarakat

³ Perkataan *al-Salaf* bermaksud generasi umat Islam pertama yang hidup pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. sampai abad ketiga. Lihat Mahayudin Hj. Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: Penerbit UKM, 1986.

mengerti maksud sebenar ilmu tafsir. Pengkaji perlu membuktikan kemanfaatan ilmu tafsir dan menjelaskan aliran pentafsiran al-Quran yang didokongi golongan *mufasssir*. Ilmu tafsir dan karya pentafsiran al-Quran terus berkembang sehingga ke zaman mutakhir. Ini berlaku kerana sumbangan yang dimainkan oleh ulama terkemudian berdasarkan tatacara atau metodologi masing-masing. Terdapat juga di kalangan ilmuan Islam yang mempunyai metodologi yang agak kontroversi dan berlawanan di kalangan *mufasssir* dan perkara ini dinamakan sebagai perkara *khilaf*⁴ (al-Syarqawi, 2004). Bagi memelihara kemurnian tafsir al-Quran, individu yang terlibat dalam lapangan penafsiran al-Quran diwajibkan memenuhi syarat sebagai pentafsir al-Quran. Dalam konteks ini, pengkaji berusaha menghuraikan etika serta syarat sebagai *mufasssir* al-Quran.


Realiti yang berlaku pada hari ini seolah-oleh penulisan tafsir secara sempurna telah terhenti. Hakikatnya manuskrip tafsir yang mahsyur sebelum ini seperti *Tafsir Pimpinan al-Rahman* dan *Tafsir Nur al-Ihsan* belum mencapai status kesempurnaan yang dapat dibanggakan seperti *Tafsir al-Azhar* yang telah dihasilkan Hamka (Muhammad Nur, 2002). Pengkaji berdepan dengan cabaran untuk mengetengahkan

⁴ *Khilaf* dari segi bahasa bererti sesuatu yang berlawanan dengan kesepakatan. Pandangan ulama menyatakan bahawa *khilaf* bermaksud satu perselisihan yang berlaku yang menyebabkan pihak yang mengeluarkan pandangan tersebut mencetuskan satu jalan pendapatnya yang tersendiri yang berupaya mempengaruhi sesuatu keadaan dan peredaran masa. Sesetengah ulama membezakan pengertian *khilaf* dan *ikhtilaf*. *Ikhtilaf* bermaksud sesuatu pendapat yang berlawanan daripada pendapat yang lain dan merujuk kepada dalil yang tersendiri. Lihat al-Syarqawi, *Ikhtilaf al-Mufasssirin Asbab wa Ghawabituh*, teks rujukan khas Universiti al-Azhar: Rujukan Kuliah Kali ke-17, 2004.

Menurut Hasan al-Banna: “Perselisihan fiqh pada perkara cabang tidak seharusnya menjadi punca perpecahan dalam agama dan mengheret kepada permusuhan dan saling benci-membenci. Setiap *mujtahid* mendapat ganjarannya. Tidakkah menjadi kesalahan untuk membuat penjelasan ilmiah pada masalah perselisihan di bawah naungan rasa mahabbah (kasih sayang) kerana Allah dan saling bertolongan untuk mencapai hakikat (kebenaran) tanpa mengheret kepada perdebatan yang tercela dan rasa taasub.” Lihat Muhammad Abdullah al-Khatib, (tjmh.), *Penjelasan di Sekitar Risalah al-Ta’alim*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2001.

Tafsir al-Azhar supaya para pembaca dapat menilai keberkesanan manuskrip Hamka ini berbanding karya-karya yang lain.

Terdapat 31 ayat al-Quran dalam surah *al-Baqarah* yang menggunakan kalimah pengertian takwa. Takwa merupakan manifestasi yang mesti dicapai oleh setiap insan hasil daripada segala syariat yang telah diturunkan dan pewartaan nas-nas agama. Insan yang memahami tuntutan takwa adalah insan yang bakal meraih kejayaan di dunia dan di akhirat. Kalimah berkaitan pengertian takwa begitu banyak terkandung di dalam al-Quran. Antara ayat yang mengandungi kalimah takwa ialah:



Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

(al-Quran, *Ali 'Imran* 2 : 102)

Makna dan pengertian *takwa* yang difirmankan Allah s.w.t. mempunyai pelbagai pengertian pada kalimah tersebut. Para sahabat dan para ulama sendiri mempunyai pelbagai pengertian tersendiri mengenai *takwa*. Antaranya pandangan 'Abdullah b. Mas'ud yang menjelaskan *takwa* adalah:

Takwa ialah hendaklah ditaati perintah Allah maka jangan didurhakai, hendaklah diingati perintah Allah maka jangan dilupai, dan hendaklah disyukuri pemberian Allah maka jangan dikufuri.

(al-Zuhaili, 1998)

Berdasarkan penelitian terhadap 31 ayat yang mengandungi kalimah takwa di dalam surah *al-Baqarah*, terdapat persamaan dan kadangkala perbezaan makna takwa yang

difirmankan Allah s.w.t.. Pengkaji menampilkan perbincangan khusus makna takwa tersebut dan metodologi yang diaplikasikan Hamka dalam ayat berkenaan.

Kajian ini secara umumnya memerihalkan ilmu tafsir al-Quran, perbincangan dan tuntutan mengenainya. Kemudian diikuti dengan satu kajian khusus mengenai metodologi pentafsiran Hamka pada ayat-ayat yang mengandungi pengertian kalimah takwa di dalam surah *al-Baqarah* diketengahkan dalam kajian ini. Kajian turut menilai; sejauh manakah keilmuan Hamka dan bagaimanakah keadaan bentuk tafsiran atau metod yang dikemukakan oleh beliau sama ada benar-benar menepati syarak atau sebaliknya.

1.3 Kepentingan Kajian


Kajian ini menumpukan perbincangan tentang kaedah pentafsiran ayat al-Quran dan pendekatan Hamka. Kajian ini penting kerana cuba mengetengahkan sebuah manuskrip berkaitan ilmu tafsir al-Quran dan biografi Hamka selaku ulama' tersohor Nusantara serta penglibatan beliau dalam penulisan tafsir.

Kajian membuktikan bahawa mempelajari ilmu tafsir adalah satu kewajipan dalam merealisasikan maksud al-Quran yang mesti dikaji dan dijadikan pedoman dalam kehidupan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: al-Quran adalah sebagai pemberi syafaat di mana syafaatnya diterima dan sebagai penghujah yang mana hujahnya adalah disokong. Barang siapa yang meletakkannya di hadapan ia akan membawanya ke syurga, dan barang siapa yang meletakkannya di belakang ia akan mencampakkannya ke neraka.

(Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, no.331, j.1, Birut: Dar al-Fikr.)

Secara tidak langsung, kajian ini adalah satu inisiatif ke arah mempertahankan dan membuktikan bahawa al-Quran mengandungi pelbagai jenis ilmu yang unik yang tidak mampu diganggu gugat oleh anasir negatif. Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Katakanlah sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain.

(al-Quran, *al-Isra'*. 17: 88)

Di samping itu, kajian ini membahaskan ketokohan Hamka yang sememangnya tidak dinafikan telah menyumbang jasa begitu besar dalam perkembangan tafsir di Nusantara. Hasil kajian ini, sangat penting buat tatapan pengkaji al-Quran, ilmuan Islam, ahli-ahli akademik, para pelajar dan masyarakat Islam amnya dalam mengamati hasil penulisan Hamka. Justeru, keunikan pemikiran dan keintelektualan Hamka dapat dianalisis melalui lapangan kajian ini untuk faedah semua pihak. Diharap ia menjadi pembakar semangat dan formula bersama untuk mencontohi keberkesanan penulisan beliau.

Hasil kajian ini juga mudah-mudahan dapat dijadikan rujukan pengkaji-pengkaji tafsir karangan ulama tempatan. Melalui kajian ini, para pengkaji tafsir dapat membuat kesimpulan bahawa metodologi yang diaturkan Hamka adalah satu kelainan berbanding karangan ulama-ulama tempatan yang lain. Penulis berharap dengan pengamatan yang dijalankan ini maka akan lahirlah penulis tafsir secara sempurna seperti *Tafsir al-Azhar*. Kajian ini dapat memperkayakan khazanah penulisan serta

hasil berkaitan al-Quran. Kajian ini amat bermanfaat buat pengkaji-pengkaji lain pada masa hadapan bagi memperkembangkan kajian berkaitan tafsir al-Quran.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah apakah metodologi yang diaplikasikan Hamka ketika menafsirkan ayat-ayat yang mengandungi pengertian kalimah takwa di dalam surah *al-Baqarah*. Secara spesifik adalah sebagai berikut:

- a. Mengapakah ilmu *Usul al-Tafsir* dianggap sebagai ilmu asas dalam pentafsiran al-Quran?
- b. Kenapakah Hamka kelihatan menonjol sebagai seorang tokoh dalam aktiviti pentafsiran al-Quran?
- c. Adakah *Tafsir al-Azhar* mengikut piawaian penulisan tafsiran al-Quran yang selari dengan tuntutan syarak?
- d. Apakah metodologi istimewa yang diaplikasikan Hamka dalam ayat-ayat tumpuan kajian?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk memahami kaedah yang diaplikasikan Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat yang mengandungi kalimah takwa.

Objektif-objektif yang khusus pula ialah:

- i) Untuk menerangkan perbincangan mengenai ilmu tafsir dan pendekatan yang digunakan ulama silam dalam memahami ayat-ayat al-Quran;

- ii) Untuk mengkaji pendekatan Hamka dalam menghuraikan ayat-ayat yang mengandungi kalimah takwa di dalam surah *al-Baqarah*;
- iii) Untuk menganalisis dan menjelaskan pandangan Hamka dalam tafsiran ayat-ayat berkenaan.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan ini meliputi beberapa fakta berkenaan tafsir al-Quran yang dibincangkan oleh para ulama di dalam karya mereka. Fakta-fakta yang bakal diketengahkan ialah berkaitan pentafsiran al-Quran meliputi perkembangan tafsir, keperluan ilmu tafsir, metodologi yang diperlukan untuk mentafsir al-Quran dan contoh-contoh penulisan tafsir.

Selain itu, kajian memfokuskan berkenaan biografi, peranan dan metodologi yang digunakan Hamka dalam pentafsiran al-Quran. Kajian dilakukan berdasarkan data yang diperolehi daripada pelbagai sumber ilmiah. Rasional skop ini disasarkan kepada kajian berkaitan Hamka ialah kerana beliau merupakan individu yang dinilai masyarakat Nusantara sebagai ulama dan terbukti wujud peninggalan berharga beliau dalam karya-karya ilmiah. Kajian dihadkan kepada kalimah pengertian takwa dalam surah *al-Baqarah*. Ayat-ayat tersebut merupakan antara wahyu yang membawa mesej penting dan pengkaji dapat melihat kaedah pentafsiran Hamka dalam skop kajian tersebut.

1.7 Sorotan Karya

Terdapat beberapa kajian dan penulisan ilmiah yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan al-Quran, ilmu tafsir, biografi Hamka dan tinjauan mengenai karya-karya Hamka. Penulisan tersebut wujud dengan meluas sama ada dalam bentuk umum atau khusus. Kebanyakan kajian mengenai Hamka adalah lebih menfokuskan kepada biografi ketokohan dan sumbangan penulisan beliau yang diterangkan secara umum.

Kitab *al- Jami' li Ahkam al-Quran* (al-Qurtubi, 2000) merupakan salah satu daripada rangkaian tafsir yang *ma'thur*⁵, yang terawal dan paling diterima ramai. Dalam penulisan tersebut, tertera tafsiran ayat al-Quran yang tepat dan dalil-dalil hujah daripada sumber yang pelbagai. Tafsiran yang dikemukakan juga menggambarkan suasana generasi ketika itu. Justeru, penulisan mereka wajar dijadikan rujukan buat para pengkaji bagi mencapai pengertian al-Quran yang tepat.

Tulisan al-Nawawi (2003) di dalam *al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran* berjaya membincangkan pengertian al-Quran, perkembangannya dengan penuh dinamika dan perbahasan secara lengkap mengenai adab dalam mengaplikasikan al-Quran.

Al-Zarqani (1996) pula menghasilkan sebuah kitab bertajuk *Manahil fi 'Ulum al-Quran* yang menampilkan perbahasan ilmu al-Quran dengan lebih ringkas tetapi padat dan banyak merujuk kepada pandangan al-Suyuti. Ini kerana al-Suyuti

⁵ Perkataan *ma'thur* bermakna sesuatu yang diambil secara terus dari sumber yang sahih dan mempunyai hubungan khas yang berkesinambungan sehingga Rasulullah s.a.w. Lihat al-Marbawi, *Qamus al-Marbawi*, Qahirah: terbitan Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh, t.t.

merupakan ulama berkepakaran tinggi dalam ilmu wahyu dan ilmu sampingan yang berkaitan.⁶

Manakala perbincangan mengenai perkembangan al-Quran pada zaman awal Islam dihuraikan di dalam tulisan Fauzi dan Mustafa (2001) iaitu *Pengantar Usul Tafsir*. Karya ini banyak mendedahkan kepada para pembaca mengenai perkembangan al-Quran, Qiraat dan penafsiran al-Quran.

Asmawi (2004) turut menulis sebuah buku yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran yang berjudul *'Ulum al-Quran*. Karya tersebut membincangkan kronologi penurunan al-Quran, sejarah dan perbahasan tentang perkembangan tafsir al-Quran.

Dalam ilmu qiraat pula, Hasan (1995) mengetengahkan penulisan bertajuk *Mengenal Qiraat Al-Quran*. Beliau membincangkan ilmu Qiraat dalam ruang lingkup pengenalan khusus kepada para pembaca warga Malaysia.

Panduan untuk mengenali intipati kandungan al-Quran dan ilmu falsafah yang terkandung di dalamnya dapat dilihat menerusi buku bertajuk *Panduan Bergaul Dengan Al-Quran*. Buku karangan Salah 'Abd Fattah (1994) ini adalah terjemahan daripada judul asal dalam bahasa 'Arab yang bertajuk *Miftah Lita'ammul Ma'a al-Quran*.

Dua buah karya Sa'id Hawa yang diterbitkan pada tahun 2003 dan 2005 yang bertajuk "*al-Asas fi al-Tafsir* dan *al-Islam* menyumbang informasi berguna kepada

⁶ Terdapat biografi dan keterangan lanjut berhubung kehebatan al-Suyuti dalam halaman pendahuluan *Tafsir al-Jalalain*. Lihat *Tafsir al-Jalalain*, Birut: Dar al-Fikr, 1999.

pengkaji berkaitan kandungan al-Quran, peranannya dan perkembangan penurunan wahyu. Karya ini dinilai sebagai medium ilmu yang kompleks kerana beliau menggunakan pendekatan huraian padat, bahasa yang mendalam dan perkaitan dengan suasana masa kini. Kaedah yang diaplikasikan Sa'id Hawa ialah tafsiran berdasarkan isu semasa dan tafsiran ulama' terdahulu. Pengalaman beliau dalam gerakan Islam di Syria turut mencorakkan isi penulisannya.

Para ulama' *mufassirin* terdahulu mempunyai metodologi (*manhaj*) yang tersendiri dalam mentafsir dan menghurai maksud al-Quran. Antara kitab yang membahaskan perkara tersebut ialah *al-Tafsir wa al-Mufasssriun* oleh al-Dhahabi (1998). Walaupun karya tersebut adalah penjelasan yang amat penting kepada metodologi ilmu tafsir ulama terdahulu tetapi tidak terdapat fakta metodologi daripada ulama *mufassirin* moden. Karangan *al-Tafsir wa al-Mufasssirun, al-Itqan fi 'Ulum al-Quran* dan *Mabahith fi 'Ulum al-Quran* merupakan karya yang berjaya mengetengahkan metodologi ulama silam dengan sempurna dan menjadi peninggalan berharga untuk pengkaji yang lain.

Antara hasil penulisan yang membicarakan soal karya tafsir dari Nusantara tanpa menyebut metodologi tafsir secara khusus ialah buku *Data-Data Terbitan Awal, Penterjemahan dan Pentafsiran al-Quran di Alam Melayu* oleh Abdullah al-Qari (2000). Beliau berjaya menghimpun senarai karya tafsir Nusantara secara khusus antaranya termasuklah *Tafsir Nur al-Ihsan*, *Tafsir Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir al-Nur* dan *Tafsir al-Azhar*. Para pentafsir al-Quran tempatan yang disebutkan beliau seperti Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri, Muhammad Said b. Umar

al-Qadhi, T.M. Hasbi al-Shiddieqy dan Hamka, diakui memiliki etika khas sepertimana yang termaktub dalam bab ilmu tafsir, iaitu *Syurut al-Mufasssir wa Adabuh* (syarat-syarat pentafsir al-Quran dan etikanya). Antara etika yang dimiliki mereka ialah menguasai ilmu agama dan beramanah dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.

Berkaitan dengan kajian mengenai Hamka pula, Mustafa (1992) dalam kajiannya yang bertajuk *Sastera Dakwah: Satu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif Hamka* tidak ketinggalan dalam menghuraikan biodata Hamka. Namun, kajian yang dijalankan beliau lebih mengaitkan kisah hidup Hamka ke arah perbincangan karya sastera dan bukan ke arah perbincangan wacana ilmu tafsir.

Antara buku terpenting yang membicarakan biografi Hamka ialah karya H. Rusydi (1976) *Kenangan-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Tulisan ini dianggap sumber paling dekat dengan perjalanan hayat beliau kerana ia dihasilkan oleh putera Hamka sendiri. Karya ini merupakan biografi sejarah perjuangan Hamka berdasarkan pengamatan anak kandungnya sendiri.

Buku tulisan Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber (2004) yang bertajuk *Tokoh-Tokoh Guru Nusantara* memuatkan Hamka sebagai salah seorang tokoh Nusantara dan Islam secara ringkas. Tulisan ini hanya menghuraikan peranan Hamka dalam konteks seorang tokoh pendidikan. Mereka menyetujui Hamka sebagai tokoh terbilang di Nusantara dan menyarankan pembaca supaya membuat tinjauan lebih aktif terhadap biografi Hamka yang sarat dengan pelbagai pengajaran.

Wahba dan Hafiz (2007) pula tidak jauh bezanya dalam mengemukakan karya seperti buku tersebut dan didapati lebih ringkas dalam mengupas isu Hamka. Mereka memuatkan himpunan biografi ulama yang berpengaruh di dunia termasuk Hamka. Berdasarkan buku tersebut, Hamka telah diletakkan sebaris dengan para ulama bertaraf dunia seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi, Abu Hasan 'Ali al-Hasani al-Nadwi, Hasan al-Banna, Rasyid Rida, Ibn Sina, al-Razi dan Hasan al-Basri.

Abdul Rahman pula telah menghasilkan *Pemikiran Etika Dalam Karya Sastra Hamka* (1984) dan buku bertajuk *Pemikiran Etika Hamka* (2002) yang mengupas biografi Hamka dan mempunyai persamaan dengan kajian Mustaffa (1992) di dalam *Sastra Dakwah: Satu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif Hamka*. Abdul Rahman membuat satu kupasan unik dengan menyelitkan kritikan terhadap Hamka dan jawapan kepada kritikan tersebut. Antara kritikan yang dinyatakannya ialah Hamka didakwa tidak menampilkan nilai-nilai Islam di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Selain itu, novel itu dianggap karya yang diciplak daripada pengarang Barat.

Antara kajian peringkat sarjana muda yang melibatkan Hamka ialah kajian Ahmad Nuruddin (2002) yang bertajuk *Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran al-Quran: Tumpuan Kajian Kepada Surah al-Ahzab* adalah bersifat kupasan terbuka pada ayat-ayat *surah al-Ahzab*. Penulis menerangkan klasifikasi pentafsiran al-Quran secara umum dan khusus serta perkembangan tafsir al-Quran.

Selain itu, terdapat kajian melibatkan sumbangan Hamka terhadap masyarakat yang dihasilkan oleh Hasmani bt. Husain (1984) menerusi kajian peringkat sarjana muda bertajuk *Analisa Sumbangan Pemikiran Hamka Dalam Mengislahkan Masyarakat*. Melalui penulisan ilmiah tersebut, pembaca dapat mengetahui kaedah dakwah dan peranan yang dipraktikkan Hamka dalam mengembangkan Islam dalam masyarakat. Menurutnya, pengaruh Hamka bukan sekadar di Indonesia malah menjalar ke negara jiran seperti Singapura dan Malaysia.

Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada kajian-kajian tersebut:

- a. Perbincangan mengenai al-Quran dan ilmu tafsir wujud dengan meluas dalam bahasa Arab;
- b. Hamka merupakan antara ulama yang menjadi tumpuan para pengkaji daripada pelbagai sudut sama ada daripada aspek keagamaan, kesasteraan mahupun kepimpinan;
- c. Pengkhususan perbincangan mengenai metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran belum kedapatan di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah.

Berdasarkan tulisan dan kajian yang telah dikemukakan, dapatlah disimpulkan bahawa kajian menyeluruh mengenai metodologi Hamka dalam pentafsiran ayat al-Quran secara khusus di peringkat sarjana belum pernah diadakan. Dengan itu, pengkaji berhasrat menghasilkan kajian yang memuatkan pengertian al-Quran, kepentingan ilmu tafsir, biografi Hamka sebagai ulama, karya tafsirnya, kajian terperinci melibatkan surah *al-Baqarah* dan sumbangan beliau kepada masyarakat.

1.8 Hasil Kajian Yang Diharapkan

Hasil kajian yang diharapkan ialah agar:

- i. Dapat menerangkan ilmu *Usul al-Tafsir* yang sememangnya berkait rapat dengan hal ehwal pentafsiran al-Quran;
- ii. Dapat mengenalpasti antara pendekatan yang telah digunakan Hamka dalam pentafsiran al-Quran;
- iii. Dapat mengemukakan metodologi-metodologi yang membuktikan beliau sebagai seorang *mufassir* moden yang mampu menampilkan kelainan tersendiri;
- iv. Dapat menambahkan lagi kajian berhubung khazanah ilmu yang ditinggalkan Hamka.

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif sepenuhnya. Menurut Asmah (1990), antara keperluan kaedah penyelidikan yang perlu diaplikasikan ialah pengumpulan data, analisis dan kesimpulan. Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan tiga kaedah utama untuk memperolehi hasil kajian, iaitu kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data dan kaedah perumusan yang menggunakan kaedah penyelidikan berkenaan seperti berikut:

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Secara umumnya melalui metod ini, pengkaji memperoleh dan mengumpul data menerusi beberapa kaedah berikut:

1.9.2.1 Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini dikenali sebagai cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai perkaitan dengan masalah yang diteliti (Charles, 2001). Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan

sumber dan maklumat dari perpustakaan. Bahan utama yang diperolehi ialah buku, majalah dan kitab ilmiah. Perpustakaan yang telah dikunjungi ialah Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Kolej Universiti Insaniah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

1.9.3 Kaedah Penganalisan Data

Pengkaji menggunakan kaedah penganalisan data untuk menganalisis fakta-fakta terkumpul. Terdapat dua kaedah lanjutan yang diguna pakai dalam konteks ini iaitu kaedah deduktif dan kaedah deskriptif.

1.9.3.1 Kaedah Deduktif

Kaedah deduktif bermaksud membuat kesimpulan yang berdasarkan dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Pengkaji menggunakan teori atau gagasan fikiran sendiri untuk mengupas isu yang berlaku (Idris, 2001). Kaedah ini dijalankan berdasarkan perbandingan-perbandingan terhadap data yang diperolehi semasa proses penganalisan dijalankan (Imam Barnadib, 1982). Pengkaji telah membuat perbandingan metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran dengan metodologi asas para *mufassirin* yang berpegang kepada kaedah pentafsiran al-Quran yang menepati kehendak syarak. Berdasarkan Kaedah ini juga, pengkaji meneliti ayat-ayat khas daripada surah *al-Baqarah* dan mengeluarkan beberapa rumusan dalam bentuk data baru yang bersifat umum. Kaedah ini juga

digunakan untuk mengumpulkan maklumat umum secara langsung bagi menjawab objektif kajian yang bersifat khusus.

1.9.3.2 Kaedah Deskriptif

Kaedah deskriptif digunakan untuk menghuraikan ilmu asas pentafsiran al-Quran, biografi Hamka dan fakta-fakta tumpuan kajian yang terkandung di dalam *Tafsir al-Azhar*. Di samping itu, kaedah yang sama digunakan untuk memperincikan data yang dianggap sebagai metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran dalam skop terbabit.

1.9.3 Kaedah Perumusan

Pengkaji berusaha menyelidik segala bentuk dokumen atau bahan berkaitan tajuk sama ada berbentuk buku, catatan, majalah, jurnal, akhbar, autobiografi dan sebagainya. Pengkaji mengolah dan merangka kesimpulan berdasarkan bahan tersebut. Kaedah ini digunakan secara intensif dalam menghasilkan kajian ini bermula daripada bab pertama sehingga bab kelima.

1.9.5 Susunan Penulisan

Pengkaji memulakan kajian dengan bab pertama iaitu bab pendahuluan dengan menjelaskan latar belakang kajian. Melalui latar belakang kajian, pengkaji menghuraikan sebab-sebab pemilihan tajuk kajian. Seterusnya pengkaji menyebut kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk kajian, rumusan masalah kajian, objektif dan metodologi.

Seterusnya, pengkaji menyempurnakan penulisan bab pertama sehingga bab kelima serta membuat kesimpulan serta saranan pada bab keenam. Pengkaji juga menyertakan bibliografi dan lampiran.

1.9.6 Kerangka Konseptual

al-Suyuti (2003) menyatakan bahawa pentafsiran al-Quran tidak terikat di zaman Rasulullah s.a.w. sahaja. Pandangan beliau secara tidak langsung membantu kewujudan pelbagai kitab tafsir al-Quran seperti *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran* (2005), *Ta'wilat al-Quran* (t.t.), *Tafsir al-Manar* (1995) *Tafsir fi Zilal al-Quran* (1996) *Tafsir al-Azhar* (1982) dan sebagainya yang berupaya membantu umat Islam setiap zaman dan tempat dalam memahami maksud dalaman al-Quran. Perkembangan ini berlaku dalam dua zaman utama iaitu zaman *mutakhirin* dan moden.

Pentafsiran al-Quran yang dilakukan sarjana-sarjana Islam walaupun melahirkan aliran tafsir yang pelbagai, ia tetap bertitik tolak dari sumber yang satu dan sama iaitu ayat-ayat al-Quran. Tidak mungkin pentafsiran diwujudkan tanpa berlandaskan penelitian terhadap nas al-Quran terlebih dahulu. Penelitian objek nas al-Quran adalah meliputi keseluruhan ayat, potongan ayat tertentu, kalimah dan status ayat tersebut. Landasan utama kajian ini ialah ayat-ayat suci al-Quran terpilih dari surah *al-Baqarah*. Selanjutnya, pengkaji memfokuskan pandangan atau teori Hamka (1982) mengenai ayat-ayat berkenaan di dalam *Tafsir al-Azhar* bagi mengesan konsep metodologi pentafsiran beliau.

Ilmu *Usul al-Tafsir* adalah teras dalam kajian pentafsiran al-Quran kerana ia adalah asas-asas untuk mengenali tujuan wahyu, disiplin dan tatacara pentafsiran al-Quran.

Konsep *Usul al-Tafsir* yang utama ialah untuk mengetahui makna yang terkandung di dalam al-Quran, menjelaskan makna-makna dan hukum-hukum serta hikmah yang terkandung di dalamnya bagi memahami hakikat al-Quran demi kemenangan di dunia dan akhirat (al-'Ak,1994).

Setiap *mufassir* pasti mempunyai sumber metodologi pentafsiran tersendiri untuk disesuaikan kepada masyarakat dan aliran pemikiran yang digagaskan. Sumber berkenaan adalah merangkumi ilmu wahyu, *al-ra`yu* atau pandangan sendiri, dan sumber-sumber sampingan seperti *israiliyyat* dan ilmu-ilmu duniawi. Penafsiran yang diaplikasikan berdasarkan sumber ini dapat melebarkan penjelasan sesuatu ayat al-Quran (Alfatih, 2005).


Terdapat empat konsep dasar metodologi penulisan tafsir, iaitu kaedah *tahlili*, kaedah *ijmali*, kaedah *muqarran*, dan kaedah *maudu'i*. Seorang *mufassir* yang menggunakan kaedah *tahlili*, akan menafsirkan ayat-ayat al-Quran secara keseluruhannya. Kaedah *tahlili* ini diaplikasikan dalam menghasilkan *tafsir bi al-ma`thur*, *tafsir bi al-ra`yi*, *tafsir al-sufi*. Kaedah *ijmali* pula membahaskan turutan ayat-ayat Quran secara huraian ringkas. Kaedah *muqarran* menekankan pembahasannya pada aspek perbandingan tafsir al-Quran dengan beberapa *mufassir* yang lain manakala kaedah *maudu'i* adalah kaedah penulisan tafsir pada tema-tema tertentu sahaja (Alfatih, 2005).

Hamka mempunyai metodologi pentafsiran yang tersendiri berdasarkan kejayaan beliau menghasilkan *Tafsir al-Azhar*. Metodologi beliau dapat dikesan berdasarkan teori al-Qatan (2005) mengenai konsep pentafsiran utama al-Quran, dan teori al-'Ak


(1994), al-Qatan (2005), al-Qurtubi (2000), al-Sabuni (1972) dan al-Tabari (2005) mengenai konsep syarat dan adab pentafsiran. Pengkaji menumpukan kajian pada sampel ayat-ayat yang mengandungi kalimah pengertian takwa yang begitu banyak dalam al-Quran bagi mendapatkan pandangan dan kaedah pentafsiran beliau.

Takwa merupakan istilah yang sering diperkatakan ulama silam dan semasa kerana ia adalah manifestasi daripada ajaran Islam yang mesti dicapai oleh golongan yang beriman. Pandangan Hamka berhubung ayat-ayat yang mengandungi kalimah berkaitan pengertian takwa dapat dianalisis untuk digandingkan bersama dengan pandangan takwa oleh generasi awal Islam seperti Ibn Mas'ud (al-Zuhaili, 1998) dan Ibn 'Abbas (al-Qurtubi, 2000) dan ulama muktabar seperti al-Ghazali (2003), Wahbah al-Zuhaili (1998) dan Muhammad 'Ali al-Sabuni (2003).


Berdasarkan kerangka konseptual di atas, kajian akan meneliti latarbelakang Hamka, pentafsirannya di dalam *Tafsir al-Azhar*, surah *al-Baqarah* yang mengandungi ayat-ayat kalimah pengertian takwa dan memerincikan metodologi beliau. Kerangka konseptual kajian seperti yang dijelaskan tadi dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi gambaran rajah-rajah sebagai berikut:



Rajah 1.1. Perkembangan Pentafsiran Al-Quran



Rajah 1.2. Bidang Kajian Pentafsiran Al-Quran



Rajah 1.3. Bidang Kajian Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran Al-Quran

BAB DUA

BIOGRAFI HAMKA

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji mengetengahkan biografi Hamka yang merangkumi latar belakang, pendidikan, penglibatannya sebagai ulama, sasterawan, ahli politik, keperibadian dan cabaran yang dihadapi dan sumbangan terhadap dunia Islam dan Nusantara.

2.2 Kelahiran dan Latar Belakang

Hamka (1908-1981) atau nama sebenarnya, Haji Abdul Malik b. Karim Amrullah dilahirkan pada hari Ahad 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram 1324 Hijrah (Hamka, 1974). Permata Islam ini lebih dikenali dengan nama Hamka iaitu singkatan daripada nama penuhnya (Wahba dan Hafiz, 2007). Beliau menggunakan nama ini semenjak menetap di Medan iaitu semasa memimpin penerbitan majalah *Pedoman*

Masyarakat dan ketika mengarang beberapa buku seperti *Di Bawah Lindungan Kaabah dan Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (Rushdi, 2001).

Beliau dilahirkan di Kampung Molek, Sungai Batang, pinggir tasik Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia (Engku Ahmad, 2007). Daerah Maninjau adalah kawasan yang terkenal dengan keindahan alam semulajadi yang terdiri dari tasik dan hutan yang tidak dinodai sebarang pencemaran. Masyarakatnya terdiri daripada orang-orang miskin dan para perantau (Rushdi, 2001).

Ayahnya bernama Haji Karim Amrullah yang dikenali sebagai Haji Rasul merupakan tokoh islah yang terkenal di Minangkabau (Mahayudin, 1986). Haji Rasul dilahirkan di desa Kepala Kebun, Nagari Sungai Batang, Maninjau, Sumatera Barat pada tahun 1879 (Hamka, 1974). Datuk Hamka bernama Syeikh Muhammad Amrullah b. Tuanku Abdullah Saleh iaitu merupakan seorang guru daripada tarekat *Naqsyabandiyah*. Orang ramai mengenali beliau sebagai Tuan Kisa-i. Pada tahun 1894, Haji Rasul dikirim ayahnya ke Makkah untuk menimba ilmu dan berguru pada Syeikh Ahmad Khatib yang pada waktu itu menjadi guru dan imam Masjidil Haram. Ayahanda Hamka mula dikenali ramai setelah mempelopori gerakan islah di Minangkabau apabila kembali dari Makkah pada tahun 1906 (Syed Mahadzir, 2006). Haji Rasul pernah menghadapi hukuman buang daerah ke Sukabumi, Jawa Barat oleh penjajah Belanda atas tuduhan mengeluarkan fatwa yang menggugat ketenteraman awam (Rushdi, 2001). Ayahanda Hamka meninggal pada 21 Jun 1945 di Jakarta, kira-kira dua bulan sebelum tarikh perisytiharan kemerdekaan Indonesia (Tajuddin, 1993).

Datuk Hamka di sebelah ibunya, iaitu Abdullah Arif atau Tuanku Pariaman atau Tuanku Nan Tuo di Koto Tuo adalah salah seorang yang menyebarkan Islam di beberapa tempat di Minangkabau dan merupakan pahlawan yang gigih melawan Belanda dalam Perang Paderi (1821-1873). Fakta ini membuktikan keturunan Hamka terdiri daripada ilmuan agama dan tokoh istimewa (*Tuanku Kisa-i al-Minankabawi Lahirkan Tokoh besar Hamka*, <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2006/ii/tuanku-kisai-alminankabawi-lahirkan.htm>).

Ayahanda dan bonda Hamka banyak mempengaruhi pembentukan diri Hamka. Ini kerana Haji Rasul adalah seorang ulama yang berpengalaman dalam gerakan Islam dan bondanya mempunyai bakat dalam kesenian (Fadhlullah, 2008). Secara tidak langsung keadaan ini mempengaruhi Hamka untuk meneruskan kesinambungan sebagai seorang ulama dan sebagai seorang tokoh yang meminati kesenian.

Walaupun Hamka diberi nama oleh ayahnya dengan nama penuh Abdul Malik tetapi rakan-rakan Hamka memanggilnya dengan nama Malik sahaja. Apabila Hamka pulang dari Makkah, beliau memperkenalkan diri sebagai Haji Abdul Malik (Hamka, 1974). Kemunculan nama Hamka bertitik tolak daripada aktiviti penulisan yang memerlukan nama pena (Ahmad Nuruddin, 2002). Selain daripada nama singkatan tersebut, tokoh ulama Nusantara ini juga menggunakan beberapa nama pena yang lain seperti A.S. Hamid, Indra Maha dan Abu Zaki (Yunus, 1993). Masyarakat Indonesia kadang kala menggelarkan Hamka dengan panggilan *Buya Hamka*. *Buya* adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu daripada perkataan *abi abuya*, yang berarti *ayahku*, atau seseorang yang dihormati.

2.3 Pendidikan

Sewaktu kanak-kanak, Hamka hidup di kampung bersama ayahanda dan bondanya. Beliau belajar mengaji dan pencak silat serta melazimi tidur di surau (Yunus, 1993). Hamka mempelajari al-Quran sehingga khatam dengan ayahnya sendiri ketika berumur 10 tahun. Semasa berumur 13 tahun, beliau sudah didedahkan dengan ilmu bahasa Arab, seperti *Nahu* dan *Saraf* (*Tokoh Universitas Muhamadiyyah Prof. Dr. Hamka*, <http://www.uhamka.ac.id/buya.htm>).

Hamka mendapat pendidikan formal pertama pada tahun 1915 ketika berumur 7 tahun di Sekolah Dasar Maninjau sehingga darjah dua sahaja (Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2004). Pengajiannya tidak tamat kerana beliau dikatakan sangat malas belajar dan suka meninggalkan sekolah selama beberapa hari. Walaupun perbuatan ini adalah negatif, namun tidak boleh dijadikan hujah bahawa Hamka memiliki sifat negatif yang mencemar kewibawaannya. Norma tersebut hanya berlaku ketika Hamka masih berada di alam kanak-kanak dan bukan semasa Hamka telah muncul sebagai insan yang berpengaruh (Engku Ahmad, 2005).

Faktor lain beliau berhenti bersekolah adalah kerana ayahandanya tidak yakin dengan perjalanan pendidikan sekolah tersebut (Ahmad Nuruddin, 2002). Ketika beliau berumur 10 tahun, ayahandanya telah mendirikan Madrasah Sumatera Thawalib di Padang Panjang (Tajuddin, 1993). Sekolah ini mendapat jolokan “*Surau Jembatan Besi*” dan menjalankan pendidikan agama secara tradisional (Ahmad Nuruddin, 2002).

Melalui pengajian sekolah ini, Hamka mendapat pengajian agama dan bahasa Arab (Wahba dan Hafiz, 2007). Setelah beberapa tahun, beliau berpindah pula ke madrasah di Bukit Tinggi sehingga ke tingkatan empat (Ahmad Nuruddin, 2002). Semasa belajar, Hamka berpeluang berguru dengan ulama terkenal, iaitu Syeikh Ibrahim Musa.

Salah satu kegemaran Hamka ialah mengembara, mengunjungi perguruan pencak silat dan mendengar senandung dan *kaba* iaitu kisah-kisah rakyat yang dinyanyikan dengan iringan alat muzik tradisional, rebab dan salung. Keadaan penumpuan Hamka pada aktiviti tersebut dan tindakannya ponteng sekolah dikatakan turut disebabkan konflik perceraian antara ayahanda dan bondanya (Rushdi, 2001). Walaupun begitu, Hamka tetap setia dalam aktiviti pendidikan tidak formal seperti membaca karya-karya sastera (Engku Ahmad, 2005). Beliau sangat gemar membaca dan belajar sendiri terutama di Perpustakaan Zainaro milik gurunya, Zainuddin dan di perpustakaan St. Sinaro (Hamka, 1974).

Hamka mula mencari pengalaman dan meluaskan pandangan dengan merantau keluar dari Minangkabau (Rushdi, 2001). Untuk itu, beliau berangkat ke Pulau Jawa dan seterusnya menuju ke Yogyakarta (Engku Ahmad, 2005). Pada tahun 1924, sewaktu berada di Jawa, Hamka berguru dengan pemimpin Sarekat Islam iaitu Haji Omar Said Tjokroaminoto. Semasa berada di sana, beliau menginap di rumah pakciknya, iaitu Jaafar Amrullah, seorang pedagang batik. Hamka berkesempatan mengikut pelbagai kursus anjuran Sarekat Islam dan mula menganggotai Muhammadiyah ketika berada

di Yogyakarta. Selain itu, beliau juga sempat menuntut ilmu dengan pimpinan Muhammadiyah seperti K.H Fachruddin dan Kiai Bagus Hadikusumo (Rushdi, 2001). Setelah beberapa ketika, akhirnya beliau kembali ke kampung halamannya dan pada usia 19 tahun, Hamka menunaikan haji di Makkah berbekalkan wang sendiri tanpa pengetahuan ayahandanya. Pergiannya yang nekad ke Makkah adalah berpunca daripada pergolakan konflik yang berlaku dalam keluarganya (Engku Ahmad, 2005). Beliau tinggal selama enam bulan di Makkah dan bekerja di sebuah kedai percetakan bagi membiayai kehidupan sehariannya (Rushdi, 2001). Selama di sana, Hamka memanfaatkan peluang keemasan dengan menuntut ilmu dan mempelajari bahasa Arab dengan guru-guru yang berwibawa seperti Sayyid Zaini Dahlan, Syeikh Muhammad Hasbullah, Syeikh Ahmad Khatib dan Syeikh Tahir Jalaluddin (*Tuanku Kisa-i al-Minankabawi Lahirkan Tokoh Besar Hamka*, <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2006/ii/tuanku-kisai-al-minankabawi-lahirkan.htm>).

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1929, beliau diterima ayahandanya dengan penuh sukacita dan terus dinikahkan dengan seorang gadis bernama Siti Raham (Tajuddin, 1993). Pada tahun 1931, Hamka berkelana bersama keluarga sebagai Konsul Muhammadiyah di Makasar, Sulawesi selama tiga tahun (Syed Mahadzir, 2006).

Di samping pendidikan yang diperolehi melalui guru, Hamka turut menjalankan pembelajaran penyelidikan sendiri terhadap sumber-sumber ilmu. Penyelidikan yang dijalankan beliau melibatkan lapangan ilmu falsafah, sastera, sosiologi dan politik. Hamka berfikiran terbuka untuk menjenguk pemikiran sarjana Timur Tengah,

Perancis, Inggeris dan Jerman. Menurut Syed Mahadzir (2006), antara tokoh luar yang menjadi tumpuan Hamka ialah Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas Al-Aqqad, Mustafa Al-Manfaluti, Hussein Haikal, Albert Camus, William James, Arnold Tonybee, Jean Paul Sartre, Karl Marx, Pierre Loti dan Sigmund Freud.

Hasil daripada penyelidikan beliau terhadap tokoh-tokoh tersebut menjadikan beliau sebagai ulama yang mempunyai minda terbuka dan ilmu yang luas. Beliau juga acapkali mengadakan perbincangan untuk bertukar-tukar fikiran dengan tokoh-tokoh ilmu ternama Indonesia seperti Raden Mas Surjoparonto, K.H Fachruddin, Kiai Bagus Hadikusumo dan Ar Sutan Mansur. Secara tidak langsung mereka telah mengasah bakat Hamka menjadi peminato handalan (Syed Mahadzir, 2006).

2.4 Penglibatan Sebagai Ulama

Penglibatan Hamka dalam pelbagai wacana seperti pengajian Islam, dakwah, sastera, politik dan kemasyarakatan membuktikan Hamka adalah seorang ulama gemilang yang telah dilahirkan di rantau Nusantara.

Ulama yang dimaksudkan di sini ialah berdasarkan takrifan *Kamus Dewan* (1998) iaitu orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan Islam atau orang yang mendalami ilmu aqidah, syariah, ibadah, muamalah dan akhlak (Basri, 1997). al-Ghazali menukilkan:

Sesiapa yang memiliki ilmu lalu memanfaatkannya dan memberi manfaat kepada orang lain samalah seperti mentari yang menerangi dirinya dan orang lain sedangkan ia terus bersinar.

(Shuhadak, 2001)

Menurut mengikut pandangan Ibnu 'Uyainah, perkataan ulama berasal daripada kata jamak dan ia difokuskan kepada seseorang yang mempunyai banyak ilmu dan mengamalkan ilmunya (Ibn Manzur, 2003). Menurut Abdul Rahman (2002), kedudukan Hamka sebagai ulama dapat ditunjukkan melalui persoalan penting iaitu cita-cita Hamka untuk pembinaan Daulah Islamiah di Indonesia, penghasilan karya cereka sebagai wadah untuk memperkatakan Islam dan penglibatan dalam Majlis Ulama Indonesia.

Penyertaan Hamka dalam pertubuhan Muhamadiyah bermula pada tahun 1925. Beliau aktif dalam gerakan Islam tersebut untuk membasmi khurafat, bidaah dan tarikat sesat yang berleluasa di Padang Panjang (Raja Ahmad Shalaby, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2002). Mulai tahun 1928, beliau mengetuai pertubuhan Muhammadiyah cawangan Padang Panjang (*Hamka: Hilangnya Seorang Tokoh Ilmuan Islam*, <http://isuhangat.blogspot.com/2007/07/hamkahilangnya-seorang-tokoh-ilmuan.html>).

Kerjaya Hamka sebagai guru bermula pada tahun 1927, apabila beliau bertugas di Perkebunan Tinggi Medan dan pada tahun 1929 pula beliau mengajar di Padang Panjang (*Buya Hamka; Tokoh Ilmuan Nusantara*, <http://kelabhamka.blogspot.com/>). Melalui kerjaya ini, Hamka berpeluang berdakwah dan menyampaikan ilmu kepada para pelajar dan orang ramai dengan lebih berkesan (Wahba dan Hafiz, 2007). Pada tahun 1934, keinginan Hamka untuk menuntut ilmu menjelma semula walaupun ketika itu beliau sudah bertaraf guru dan mubaligh Muhamadiyah. Lalu beliau

mengambil keputusan untuk mempelajari ilmu Usul Fiqh dan Mantiq secara khusus daripada ayahandanya.

Pada tahun 1937, Hamka menubuhkan *Kulliyatul Muballighin* (Ahmad Nuruddin, 2002). Sekolah ini didirikan dengan kerjasama para pengurus Muhammadiyah. Hamka bertindak sebagai pemimpin dan tenaga pengajar di sekolah tersebut (Rushdi, 2001). Beliau meninggalkan sekolah tersebut setelah pimpinan pusat Muhammadiyah memintanya menjadi pendakwah di Makasar dan tinggal di kota tersebut selama tiga tahun (Engku Ahmad, 2005).

Hamka banyak menyumbangkan idea yang bernas dan aktif dalam membantu perjalanan Muhammadiyah sehingga mendapat sambutan orang ramai. Pada tahun 1946, Hamka dipilih menjadi Ketua Majlis Pimpinan Muhammadiyah di Sumatera Barat menggantikan S.Y. Sutan Mangkuto. Kemudian pada tahun 1953, beliau menjawat jawatan tertinggi dalam pertubuhan tersebut sebagai Penasihat Pimpinan Pusat Muhammadiyah (Wahba dan Hafiz, 2007).

Keilmuan dan ketokohan yang ada pada beliau mendorong beberapa buah universiti mengambilnya sebagai pensyarah dalam bidang agama dan falsafah. Antara tahun 1951 hingga 1958, beliau pernah menjadi pensyarah di Universiti Islam Jakarta, Universiti Muhammadiyah Sumatera Barat, Universiti Islam Pemerintah di Yogyakarta dan Universiti Islam Makasar (*Hasil Tulisan Prof. Dr. Hamka*, <http://clearblogs.com/hamka/>).

Reputasi Hamka terus meningkat apabila beliau dilantik menjadi rektor Perguruan Tinggi Islam Jakarta dan Profesor Universitas Mustopo, Jakarta (Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2004). Pada 26 Julai 1977, Menteri Agama Indonesia melantik Hamka sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Inonesia. Perlantikan tersebut menimbulkan pelbagai reaksi positif dan negatif. Tanggapan negatif timbul kerana ramai menjangkakan beliau akan menjadi ulama yang cenderung mempertahankan pemerintah. Sebaliknya Hamka menerima jawatan itu dengan tujuan untuk meniupkan kesedaran beragama di kalangan masyarakat Indonesia (Abdul Rahman, 2002). Buktinya Hamka sanggup meletakkan jawatan pada 18 Mei 1981 kerana nasihatnya berkaitan hubungan masyarakat Islam dan Kristian yang perlu diperbaiki dan diawasi tidak diendahkan oleh pemerintah Indonesia (Wahba dan Hafiz, 2007).

Di samping menjadi guru dan pemimpin gerakan Islam, Hamka juga berperanan sebagai imam dan khatib. Beliau aktif memimpin jamaah di Masjid al-Azhar yang terletak berhampiran dengan rumahnya di daerah Kebayoran Baru, Jakarta di mana kuliah subuh dan pengajian tafsir berjaya menarik ramai jemaah (Engku Ahmad, 2005).

Pada mulanya, jemaah masjid terdiri daripada orang awam yang terdiri daripada penarik beca dan buruh binaan, kemudiannya turut dihadiri oleh tokoh-tokoh ternama seperti Jeneral Sudirman dan Kolonel Muchlas Rowi (Rusydi, 2008). Melalui Masjid al-Azhar, beliau telah melaksanakan dakwah Islam dengan jayanya. Masjid ini dianggap sebagai tempat yang dapat memberikan ketenangan jiwa hakiki kepadanya.

Abdul Rahman (2002) menyatakan bahawa Hamka pernah menyebut kepada putranya yang bernama H. Rusydi bahawa:

Kita mulai perjuangan dari masjid, selama ini kita lalai memerhatikan masjid kerana sibuk di Parlimen.

Menurut H. Rusydi (2008) Hamka bijak membahagikan waktu antara mengarang, berkhotbah, berceramah, berkuliah, membaca buku dan tilawah al-Quran serta menerima ramai tetamu yang datang meminta nasihat. Tetamu yang datang perlu beratur menunggu giliran, seperti keadaan pesakit yang berhajat berjumpa doktor. Semua itu dilakukan Hamka dengan penuh ikhlas tanpa mengharapkan bayaran demi meraih keredhaan Allah s.w.t.

Dari tahun 1964 hingga 1966, Hamka dipenjarakan oleh Presiden Sukarno atas tuduhan bersikap pro-Malaysia semasa berlaku konfrontasi di antara Indonesia dan Malaysia (Wahba dan Hafiz, 2007). Selama hampir tiga tahun di dalam tahanan, beliau berpeluang melakukan solat Tahajud, menelaah kitab-kitab tafsir dan mengarang karya tafsiran al-Quran (Rusydi, 2008). Pengalaman beliau menyampaikan kuliah Tafsir di Masjid al-Azhar banyak membantu penulisan beliau untuk mewujudkan karya bertajuk *Tafsir al-Azhar*. Kitab *Tafsir al-Azhar* tiada tolok bandingan dengan karya tafsir al-Quran tempatan yang lain. Kebanyakan *mufasssir* moden di rantau Nusantara pasti akan menyebut dan menukilkan pandangan Hamka kerana ia mampu memberi rangsangan ke arah kebangkitan dan kemajuan Islam di rantau alam Melayu (Fadhlullah, 2008).

Selaku ulama' tersohor, Hamka sudah pasti mempunyai pengaruh yang besar semasa hayat dan selepas kematiannya. Pelbagai karya dihasilkan para pengkaji berkaitan pemikiran dan ketokohnya. Walaupun beliau dilahirkan di Indonesia tetapi nama Hamka harum mewangi ke negara jiran seperti Malaysia dan Singapura serta negara luar seperti Mesir. Terbukti jasanya mendapat perhatian apabila Hamka dianugerahkan Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 Jun 1974 (*Penyataan Umum UKM*, http://www.mohe.gov.my/webkpt_v2/UKM.php) (Fadhlullah, 2008), gelaran Datuk Indono dan Pangeran Wirogun daripada kerajaan Indonesia dan penganugerahan luar negara, iaitu Doktor Honoris Causa daripada Universiti al-Azhar pada tahun 1958. Berdasarkan daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa Hamka adalah seorang insan yang benar-benar bertaraf ulama. yang tidak dapat dipertikaikan (Wahba dan Hafiz, 2007).

Hal ini kerana Hamka memiliki ilmu yang luas dan telah mewakafkan dirinya kepada perjuangan Islam di bumi Indonesia secara khusus dan di rantau Nusantara secara umumnya. Mengikut pandangan pengkaji, sumbangan terbesar Hamka selaku ulama ialah kejayaan menghasilkan *Tafsir al-Azhar* kerana sumbangan ini dapat kekal zaman-berzaman dan terkandung di dalamnya pelbagai khazanah ilmu serta perkongsian pengalaman yang dapat dimanfaatkan generasi terkemudian.

2.5 Penglibatan Sebagai Sasterawan

Tokoh ini juga berperanan sebagai sasterawan yang banyak menyumbang karya yang mengagumkan. Sasterawan di sini ialah orang yang menghasilkan karya sastera, ahli sastera atau pujangga (*Kamus Dewan*, 1998). Hamka turut dinilai sebagai sasterawan

kerana berjaya menampilkan sastera yang beretika seperti yang digariskan oleh Sasterawan Negara, Shahnnon (1981) iaitu sastera yang dikehendaki oleh Islam (Abdul Rahman, 2002):

Kesusasteraan yang hak adalah kesusasteraan yang berakhlak, kesusasteraan yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan manusia terus-menerus ke arah kesempurnaan.

A. Hasjmy seorang penyair terkemuka Aceh mengakui Hamka sebagai ulama dan sasterawan yang cuba untuk mendidik dan membawa masyarakat Islam ke suatu arah yang diredhai Allah s.w.t.. Peranan Hamka sebagai sasterawan dapat dilihat melalui ciri-ciri seperti sebagai penulis, sebagai penerbit, sebagai wartawan dan pejuang bahasa (Abdul Rahman, 2002).

Sejak tahun 1920-an, Hamka menjadi wartawan beberapa buah akhbar seperti *Pelita Andalas*, *Seruan Islam*, *Bintang Islam* dan *Seruan Muhammadiyah*. Pada tahun 1925, Hamka memulakan kerjayanya sebagai pengarang di Padang Panjang. Beliau menulis dalam majalah *Seruan Islam*, menerbitkan majalah *Pedoman Masyarakat*, dan *Panji Masyarakat*. Pada tahun 1926, Hamka sempat menghasilkan jurnal Muhammadiyah pertama iaitu *Chatibul Ummah*. Pengalaman beliau merantau terutama ketika di Makkah bukan sahaja meningkatkan kemampuannya berbahasa Arab, tetapi juga memperkenalkannya kepada kesusasteraan Arab, (Buya Hamka: *Ulama', Politisi dan Sastrawan Besar*, <http://www.tokohindonesia.com/ensiklopedi/h/hamka/index.htm>).

Hamka menerbitkan buku pertamanya dalam genre novel bertajuk *Si Sabariah* pada tahun 1928. Buku ini pada mulanya mendapat tentangan daripada keluarga Hamka sendiri kerana kelihatan tidak mengetengahkan isu Islam dan bercanggah dengan

latarbelakang keluarganya yang mendalami pengajian Islam (Syed Mahadzir, 2006). Hamka pernah menyebut perihal kebimbangan ayahandanya terhadap kecenderungan beliau kepada sastera. Pernah satu ketika ayahandanya datang menziarahi beliau dan mendapati buku-buku bercorak kesusasteraan lebih banyak daripada buku-buku hadith. Kitab-kitab tafsir pula hanya dalam empat buah kitab sahaja. Lantaran itu Haji Rasul menyoal:

Apa yang sudah jadi dengan kamu, Malik!? Dengan tersenyum, Hamka menjawab: biarlah ayah menjadi ulama besar dan doakanlah anakanda menjadi pujangga besar tetapi dalam jiwa anakanda hanyalah Islam!

(Hamka, 2005)

Hamka tetap tegas dengan prinsipnya untuk menghasilkan novel yang berupaya meniup nafas baru kepada rakyat. Selepas *Si Sabariah*, novel *Laila Majnun* berjaya disempurnakan (Rushdi, 2001). Menurut Engku Ahmad (2005) kedua-dua novel ini menjadi sumber inspirasi beliau untuk lebih gigih dalam aktiviti mengarang. Novel *Laila Majnun* diterbitkan semasa beliau sedang sibuk menguruskan pengeluaran majalah *Kemajuan Zaman*. Pada tahun 1929, Hamka menerbitkan buku *Agama dan Perempuan*, *Pembela Islam (Tarich Sd. Abubakar)*, *Ringkasan Tarich Umat Islam*, *Kepentingan Tabligh*, dan *Ayat-ayat Mi'rat*. Pada tahun 1930 pula, beliau menulis dalam surat khabar *Pembela Islam Bandung*. Ketika berhijrah ke Makasar pada tahun 1932, beliau menerbitkan majalah *al-Mahdi*. Buku-buku novel lain yang ditulis Hamka ketika itu ialah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, *Merantau ke Deli*, *Terusi* dan *Keadilan Illahi*. (Engku Ahmad, 2005).

Setelah Hamka menetap di Sumatera Barat, beliau menulis buku-buku *Revolusi Pikiran*, *Revolusi Agama*, *Islam dan Revolusi Adat Minangkabau*, *Menghadapi*

Revolusi, Negara Islam, Sesudah Naskah Renfile, Muhammadiyah Melalui 3 Zaman, Dari Lembah Cita-Cita, Merdeka, dan Islam dan Demokrasi. Pada tahun 1950, ketika di Jakarta, beliau menerbitkan buku *Ayahku, Kenang-Kenangan Hidup, Perkembangan Hidup, Perkembangan Tasawuf Dari Abad ke Abad, Riwayat Perjalanan ke Negeri-Negeri Islam, Empat Bulan di Amerika dan Tafsir al-Azhar.*

Menurut sumber daripada Universiti Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka, selama 30 tahun Hamka telah mengarang tidak kurang daripada 120 buku (*Tokoh Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka*, <http://www.uhamka.ac.id/buya.htm>). Manakala menurut penelitian Dr. Mohammad Redzuan (2008), bahawa secara tepat Hamka telah menghasilkan sebanyak 118 buah buku daripada pelbagai disiplin ilmu. Hamka banyak berjasa dalam menyebarkan Islam melalui wadah penulisan dan kesusasteraan sehingga beliau mendapat gelaran "*Hamzah Fansuri Zaman Baharu*". Karya kreatif Hamka seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Merantau ke Deli* mendapat perhatian yang meluas dan pernah menjadi buku teks sastera di Malaysia dan Singapura. Di samping itu, ada juga karya beliau yang difilemkan seperti novel *Di Bawah Naungan Kaabah* (*Riwayat Hamka*, <http://members.tripod.com/man999/Hamka.htm>).

Kebanyakan karya sastera Hamka bercerminkan Islam. Dua karya beliau yang dianggap memberi sumbangan besar kepada dunia Islam ialah *Tafsir al-Azhar* dan *Sejarah Umat Islam*. *Tafsir al-Azhar* memuatkan pelbagai ilmu Islam dan ilmu-ilmu sokongan yang lain dalam bentuk tafsiran 30 juzuk al-Quran. Penulisan *Tafsir al-Azhar* memakan masa selama lebih kurang lima tahun iaitu bermula dari tahun

1962 sehingga tahun 1967 (Hamka, 1982). Manakala buku *Sejarah Umat Islam* memakan masa lebih daripada 15 tahun untuk disempurnakan beliau (Fadhlullah, 2008). Buku ini memuatkan pelbagai fakta mengenai sejarah umat Islam terutama di alam Melayu. Hamka telah membuat penyaringan semula terhadap sejarah yang telah bercampur dengan pengaruh cerita-cerita dongeng dan mitos serta sumber sejarah dari Barat yang tidak tepat. Beliau merupakan pelopor ulung kepada penulisan sejarah umat Islam secara komprehensif di rantau Nusantara. Hamka juga merupakan seorang wartawan yang tersohor. Ini diakui oleh H. Rosihan Anwar yang menyebut bahawa Hamka mempunyai pelbagai perwatakan hebat. Kekurangan pendidikan sekolah tidak mengurangi reputasi Hamka sebagai seorang wartawan besar yang kaya dengan pengalaman (Mohammad Redzuan, 2008) Antara keistimewaan Hamka ialah gaya bahasanya yang menarik, mudah difahami dan jelas maksudnya kecuali apabila beliau menggunakan istilah-istilah khas Minangkabau (Wan Sabri, 2008).

Hamka juga terkenal sebagai seorang pejuang bahasa Melayu. Beliau pernah menulis *Sumpah Pemuda 1928* yang berkaitan dengan isu penyeragaman bahasa di Nusantara. Pandangan Hamka bertujuan untuk menyatukan segala bahasa pertuturan Melayu yang sedia ada dengan panggilan nama "*Bahasa Melayu*." Ini kerana bahasa pertuturan utama masyarakat Nusantara kadangkala dipanggil sebagai Bahasa Indonesia di Indonesia dan Bahasa Malaysia di Malaysia (Siddiq, 2008).

Walaupun Hamka telah meninggal dunia namun sehingga kini masyarakat masih mengingati beliau dengan mencari kaset kuliah, karya tafsir dan buku-buku karangannya. Beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang banyak. Ini merupakan

suatu prestasi luar biasa yang jarang dicapai oleh orang kebanyakan. Sememangnya Hamka merupakan seorang pemikir Islam yang tidak jemu-jemu menyeru ke arah kemajuan dan kecemerlangan bangsa (*Hamka*, majalah/e@siswa/default.asp?categories=Tokoh % 20Ilmu).

2.6 Penglibatan Sebagai Ahli Politik

Kegiatan politik Hamka bermula sejak tahun 1925 apabila beliau menjadi anggota parti politik Sarekat Islam (Syed Mahadzir, 2006). Selanjutnya Hamka berpeluang untuk berada sebaris dengan kepimpinan negara Indonesia apabila diamanahkan sebagai Pegawai Tinggi Agama oleh Menteri Agama Indonesia. Hamka bertindak meletakkan jawatan selepas Sukarno memberinya pilihan sama ada mahu menjadi pegawai kerajaan atau bergiat dalam politik Majelis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI) (Rusydi, 2008).

Melalui penglibatan Hamka di dalam MASYUMI, beliau tegas dan berani memperkatakan mengenai kemurnian ajaran Islam. Apabila Sukarno memberi amaran keras yang berbunyi “bahawa siapa saja yang tidak menyesuaikan diri dengan arus revolusi, ia akan dilanda revolusi...” maka Hamka menjawab suara pemerintah tersebut dengan sebuah sajak. Sajak itu juga merupakan sebagai peniup semangat kepada rakan seperjuangannya iaitu Mohamad Natsir supaya teguh dengan prinsip perjuangan Islam yang telah disusuri (Abdul Rahman, 2002):

Meskipun bersilang keris di leher
Berkilat pedang di hadapanmu matamu
Namun yang benar kau sebut juga
Cita Muhammad biarlah lahir

Bongkar apinya sampai bertemu
Hidangkan di atas persada nusa

Jibril berdiri di sebelah kananmu
Mikail berdiri di sebelah kirimu
Lindungan Ilahi memberi tenaga
Suka dan duka kita hadapi
Suaramu, hai Natsir, suara kaummu.

Kemana lagi Natsir, ke mana kita lagi
Ini berjuta kawan sefaham
Hidup dan mati bersama-sama
Untuk menuntut Ridha Ilahi
Dan aku pun masukkan!
Dalam daftarmu

Pada zaman pemerintahan Jepun, Hamka telah menumpukan sepenuh perhatian memimpin Muhammadiyah di Sumatera Timur (Rushdi, 2001). Pada masa yang sama, Hamka juga aktif bersama pemimpin Indonesia yang lain untuk menuntut kemerdekaan. Sewaktu Perang Dunia Kedua, Hamka telah bersedia untuk bekerjasama dengan orang-orang Jepun disebabkan keinginannya yang kuat untuk menuntut kemerdekaan Indonesia. Walau bagaimanapun, Hamka tidak menyangka bahawa Jepun yang berimejkan ‘pembela’ rupa-rupanya mempunyai agenda politik yang mementingkan diri sendiri. Hamka berkata pada waktu itu:

Selagi diperintah bangsa asing, nasib kita belumlah akan berubah. Jika tuan-tuan kesal kepada pemerintah Belanda, maka pemerintahan Jepun tidaklah akan lebih baik daripada pemerintah Belanda. Kalau dia tidak dapat dihambat lagi, apa boleh buat, biarlah dia masuk. Tetapi tangan kita sendiri, bangsa yang ditindas, janganlah turut pula mengorbankan tanah air kita 'dan membuka pintu.

(*Jejak Ulama*, Minda Madani Online, [http:// www.abim.org.my/madani/content/view24/ 1/](http://www.abim.org.my/madani/content/view24/1/))

Setelah Indonesia memperolehi kemerdekaan pada tahun 1945, Hamka beserta keluarga kembali ke Padang Panjang (Engku Ahmad, 2005). Semasa revolusi Indonesia melawan Belanda dari tahun 1945 hingga 1949, beliau dengan keras membantah inisiatif-inisiatif untuk mengembalikan pemerintahan Belanda ke

Indonesia melalui pidatonya yang bersemangat. Hamka juga menyertai gerakan gerila di hutan Medan untuk menentang penjajahan (Wahba dan Hafiz, 2007).

Pada tahun 1947, Hamka dilantik menjadi Ketua Front Pertahanan Nasional Indonesia. Di samping itu, beliau turut terpilih sebagai wakil Parti Islam Masyumi untuk menganggotai Dewan Konstituyente hasil pemilihan umum pertama Indonesia (Wahba dan Hafiz, 2007). Hamka menjadi pemidato utama pilihan raya umum tahun tersebut (Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2004). Setelah Indonesia memperoleh kemerdekaan daripada Belanda pada tahun 1949, Hamka memilih untuk menetap di Jakarta bagi mengembangkan kerjayanya sebagai seorang pengarang dan aktivis masyarakat (Engku Ahmad, 2005).

Beliau melancarkan gerakan umat bagi mempertahankan MASYUMI yang menghadapi pertentangan dengan Parti Komunis Indonesia yang sangat agresif dalam menyebarkan fahaman *atheis* (Engku Ahmad, 2005). Pada tahun 1960, MASYUMI akhirnya diharamkan oleh Presiden Sukarno yang bersikap pro-Komunis. Pengharaman ini bertitik tolak daripada peristiwa pemberontakan yang terketut di Sumatera Barat yang sengaja dikaitkan dengan pihak MASYUMI (Engku Ahmad, 2005).

Jeneral Sudirman dan Kolonel Muchlas Rowi merupakan antara tokoh yang menghadiri pengajian tafsir Hamka di Masjid al-Azhar (Rusydi, 2008). Mereka menyatakan hasrat untuk mengajak Hamka menerbitkan majalah yang bertajuk *Gema Islam*. Melalui majalah ini, Hamka menyeru dan mengkritik secara halus perlakuan

masyarakat dan pemerintah Indonesia yang sedang berada di persimpangan antara Demokrasi dan Komunis (Abdul Rahman, 2002).

Ketika pihak Komunis bermaharajalela di Indonesia, mereka bertindak membakar buku-buku tulisan Hamka yang dianggap penentang tegar gerakan Komunis (Tajuddin, 1993). Pihak Komunis turut memantau aktiviti Islam yang dijalankan di Masjid al-Azhar (Rusydi, 2008). Kemudian Hamka dan beberapa orang ulama ditangkap dan dipenjarakan atas tuduhan mengadakan kospirasi untuk membunuh Sukarno. Hamka dibebaskan setelah jatuhnya Sukarno dan terbubarnya Parti Komunis Indonesia (Engku Ahmad, 2005). Setelah itu, pada tahun 1967 Hamka dilantik menjawat jawatan Ahli Badan Musyawarah Kebajikan Nasional Indonesia, Anggota Majlis Perjalanan Haji Indonesia dan Anggota Lembaga Kebudayaan Nasional Indonesia (Syed Mahadzir, 2006).

2.7 Keperibadian dan Cabaran Yang Dihadapi

H. Rusydi (2008) mengetengahkan di dalam karyanya bertajuk “*Hamka Pujangga Islam*” bahawa Hamka mempunyai kemahiran dalam mengimbangi masa untuk diri dan masyarakat. Khidmat yang dilakukannya penuh ikhlas demi pengabdian diri kepada Allah menerusi kasih sayang kepada sesama ummah. H. Rusydi merupakan putra Hamka sendiri, justeru pandangan tersebut adalah pandangan paling tepat mengenai keperibadian Hamka.⁷

⁷ H. Rusydi merupakan putera kepada almarhum Hamka. Beliau telah menulis sendiri berkaitan biografi ayahandanya. Sila lihat *Hamka Pujangga Islam: Kebanggaan Rumpun Melayu*, Shah Alam: Pustaka Dini, 2008.

Keperibadian unggul Hamka adalah bertitik tolak daripada penglibatan beliau dalam aktiviti ilmu. Menurut A. Hasjmy (1979), beliau gigih dan tekun menuntut ilmu sehingga mampu menguasai pelbagai bidang ilmu. Beliau juga adalah insan yang berjiwa pemimpin, cintakan negara serta tegas mempertahankan hak. Senario ini dapat dibuktikan melalui fakta berikut:

- a. Terlibat dalam pendidikan formal dan tidak formal seperti berguru dengan ayahandanya, gemar mengunjungi Perpustakaan Zainaro, banyak membaca karya sastera dan agama dan mendalami ilmu di Makkah al-Mukarramah;
- b. Penglibatan sebagai tokoh akademik di Universiti Islam Jakarta, Universiti Muhammadiyah Sumatera Barat, Universiti Islam Pemerintah di Jogjakarta dan Universiti Islam Makasar;
- c. Mempunyai pengaruh yang kuat dalam Parti Islam MASYUMI dan Muhammadiyah;
- d. Berjuang menentang penjajahan Belanda dan Parti Komunis Indonesia.;
- e. Sanggup meletakkan jawatan sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia.

Menurut Engku Ahmad Zaki (2005), kehebatan Hamka mula tersirna di mata masyarakat dengan penglibatan beliau dalam aktiviti menulis karya sastera. Kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu dan membina pengalaman sememangnya tidak dapat dinafikan. Beliau banyak menimba ilmu dan pengalaman di pelbagai tempat di dalam negara Indonesia. Hamka selalu berbincang dan berkongsi pendapat dengan tokoh-tokoh terkemuka (*Tokoh Ilmuan*, <http://www.karangkraf.com.my/majalah/e@siswa/default.asp?categories=Tokoh%20IlmuwanE.>).

Beliau mampu menjadi ulama berkesan meskipun tidak mendapatkan pendidikan formal sepenuhnya kerana gigih berusaha menerusi aktiviti pembacaan dan pemerhatian (Fadhlullah, 2008). Dengan pengalaman hidup inilah Hamka berjaya memajukan diri sehingga terus menerus hingga ke akhir hayatnya.

Pujangga Islam ini juga bertindak meluaskan pengalaman dunia luar dengan melakukan kunjungan ke Arab Saudi, Mesir, Syria, Iraq, Lebanon, Burma dan Malaysia (Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2004). Beliau juga memiliki semangat persaudaraan Islam yang tinggi. Penyampaian pidato dan ucapan beliau juga mampu memikat para pendengar kerana beliau mengaplikasikan gaya bahasa dan teknik tersendiri. Kedua-dua kekuatan Hamka ini (bakat pidato dan menulis) mampu membuatkan orang lain menitikkan air mata dan meniup semangat individu lain. Ini diakui oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (Abdul Rahman, 2002):

Adalah biasa orang yang pintar dalam pidato lemah dalam menulis, sebaliknya orang yang cekap menulis tidak cekap tidak pintar dalam pidato. Diri Haji Abdul Malik menyimpang dari kebiasaan ini, beliau adalah pintar baik dalam pidato mahupun dalam menulis.

Hamka adalah seorang insan yang mempunyai pemikiran yang terbuka. Ini disebabkan beliau banyak mengkaji karya Barat dan Timur lalu diseimbangkan dengan norma Islam. Beliau juga mengemari muzik klasik seperti *Beethoven*, *Mozart* dan *Bach*. Menurut Hamka di dalam buku karangannya *Kenang-Kenang Hidup*, beliau juga turut meluangkan masa menonton wayang di pawagam untuk menggarap ilham dan pengalaman baru (Abdul Rahman, 2002).

Hamka dikatakan orang sebagai pelopor *Kaum Muda* di Indonesia. Ini kerana idea pembaharuan yang dirintis dan pegangan tasawuf beliau adalah bersifat sederhana. Tidak dinafikan terdapat golongan *Kaum Tua* yang amat menyetujuinya dan ada juga yang mengecam beliau (*Tuanku Kisa-i al-Minankabawi Lahirkan Tokoh Besar Hamka*, <http://ulama-nusantara-barublogspot.com/2006/ii/tuanku-kisai-alminankabawilahirkan.htm>).

Dalam hal ini beliau meletakkan kepentingan dakwah melebihi kepentingan diri dan kelompok serta mengelakkan pertelingkahan yang merugikan umat Islam terutama di antara *Kaum Tua* dan *Kaum Muda*. Dalam situasi ini, beliau menyerap semangat dan pemikiran al-Afghani, 'Abduh dan Rasyid Rida yang membicarakan cara-cara mengatasi kelemahan dan kemunduran umat Islam.

Cabaran paling getir yang menimpa Hamka ialah ketika ditahan pada tanggal 27 Januari 1964 oleh Presiden Sukarno dan dipenjarakan selama dua tahun empat bulan (Wan Sabri, 2008). Ini membuktikan sememangnya beliau memiliki darah perjuangan di dalam diri kerana sanggup menentang kezaliman penguasa (Abdul Rahman, 2002). Salah satu sifat terpuji Hamka ialah beliau bukan seorang pendendam malah seorang pemaaf. Ini terbukti apabila Sukarno meninggal dunia, kepimpinan baru meminta Hamka untuk mengimamkan solat jenazah (Tajuddin, 1993). Lantas beliau tampil menyembahyangkan jenazah Sukarno serta berdoa supaya Allah mengampunkan dosa-dosanya.

Hamka juga seorang yang kuat beribadat. Rusydi Hamka menyatakan bapanya tekun menjalani ibadat terutama pada waktu tengah malam ketika orang seusianya berehat.

Hamka tidak pernah terlambat bangun subuh malah sebelum fajar menyingsing beliau telah bangun seawal empat pagi. Beliau jarang sekali meninggalkan Solat Tahajud jarang sekali ditinggalkan kecuali dalam keadaan uzur (*Jejak Ulama*, Minda Madani Online, <http://www.abim.org.my/madani/content/view/24/1/>).

Permata kebanggaan Nusantara ini menghembuskan nafas yang terakhir pada jam 11.10 pagi, tanggal 24 Julai 1981 dalam usia 73 tahun. Saat-saat akhir hidupnya bermula sejurus selesai menunaikan solat Tarawih di Masjid al-Azhar, beliau mendapat serangan sakit jantung dan meninggal dunia setelah dirawat beberapa hari di hospital (Rusydi, 2008). Hamka disemadikan di Perkuburan Kusir, Jakarta, di sisi pusara isterinya yang pertama. Kematian beliau merupakan kehilangan besar buat umat Islam.

2.8 Sumbangan Terhadap Dunia Islam Dan Nusantara

Selaku tokoh yang berwibawa, Hamka banyak memberi sumbangan terhadap dunia Islam dan Nusantara. Beliau berperanan sebagai ulama, sasterawan dan ahli politik sehingga tiba ke detik penghujung hayat. Sumbangan yang dicurahkan dapatlah disimpulkan seperti berikut:

a) Perkembangan ilmu: Hamka berjaya menjalankan peranannya sebagai ulama menerusi jawatan guru agama Islam, ahli akademik di kebanyakan universiti tersohor di Indonesia, mubaligh dan aktiviti kemasyarakatan. Ramai individu yang berbangga kerana dapat berdamping dengan beliau seperti H. Rusydi Hamka, Jeneral Sudirman, Kolonel Muchlas Rowi, Mohamad Natsir dan sebagainya.

Hamka turut meninggalkan khazanah ilmu yang terdiri dari tiga kategori penulisan iaitu dalam bidang agama, sastera dan penulisan ilmiah (Ahmad Nuruddin, 2002) Dalam bidang agama, karya terbesar yang dihasilkan ialah *Tafsir al-Azhar*. Kitab ini dianggap kitab tafsir terbesar yang pernah wujud di rantau Nusantara. Sekarang ini, wujud laman sesawang khas di dalam internet yang mengupas ayat-ayat al-Quran berdasarkan kitab *Tafsir al-Azhar*.⁸ Antara karya agama yang dihasilkan ialah *Sejarah Umat Islam*, *Tasawuf Moden* dan *Keadilan Sosial Dalam Islam*.

Dalam bidang sastera, beliau terkenal sebagai novelis yang menghasilkan karya-karya besar seperti *Si Sabariah* (1928), *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1976) dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (1976). Beliau juga banyak menghasilkan penulisan ilmiah dalam aspek Islam, falsafah, politik dan sejarah. Hamka banyak mengarang karya ilmiah semenjak remaja lagi menerusi penerbitan majalah seperti *Pedoman Masyarakat*, *Panji Masyarakat*, dan *Seruan Islam*. Antara tajuk karya yang dihasilkan beliau ialah *Falsafah Ideologi Islam*, *Sayid Jamaluddin Al-Afghany*, *Dibantingkan Ombak Masyarakat*, *Al-Mahdi* dan *Adat Minangkabau dan Agama Islam*.

b)Menjana pemikiran dinamik: Umat Islam berpeluang mengkaji dan mengaplikasikan pemikiran unik yang dimiliki Hamka. Antara idea hasil pemikiran yang ditinggalkan buat tatapan umat Islam ialah:

⁸ Rujuk laman sesawang berkenaan yang amat bermanfaat kepada para pengkaji tafsir al-Quran khususnya kajian yang berkaitan peninggalan Hamka. Sila layari *Tafsir al-Azhar Online-Prof Dr Hamka*, <http://www.geocities.com/hamkaonline/>.

- i) Merencanakan pembaharuan terhadap amalan masyarakat: Beliau merintis gerakan pembasmian amalan bidaah dan khurafat yang berleluasa di Padang Panjang;
- ii) Mempelbagaikan wacana dakwah: Masyarakat dapat mencontohi kreativiti beliau dalam menyampaikan pandangan dan ilmu Islam. Majalah, buku, pentas pidato, aktiviti persatuan, kepimpinan parti dan masjid dimanfaatkan oleh Hamka untuk kegunaan dakwah. Hasilnya, Hamka dijadikan inspirasi dalam lapangan kesusasteraan dan lapangan ketokohan ilmuan Islam;
- iii) Mewujudkan persaudaraan Islam tanpa batasan: Antara aktiviti yang dilakukan Hamka ialah mengembara ke pelbagai destinasi. Negara-negara yang pernah dikunjungi beliau ialah Arab Saudi, Amerika Syarikat, Mesir, Syria, Iraq, Lebanon, Burma dan Malaysia. Pepatah Melayu menyebut “jauh perjalanan luas pengalaman.” Pengembaraan yang dilakukan dapat membuka minda dan menambah kenalan.

Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein turut berbangga dengan sumbangan Hamka selaku ulama tersohor. Ketika menganugerahkan Hamka dengan Doktor Kehormat Persuratan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Tun Abdul Razak mengatakan (Abdul Rahman, 2002): “Hamka bukan milik rakyat Indonesia sahaja, tetapi beliau juga adalah tokoh kebanggaan seluruh bangsa di Asia Tenggara.” Keunikan pemikiran Hamka telah mendapat perhatian pihak Universitas Muhammadiyah untuk mengubah nama baru universiti tersebut kepada Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka pada 11 Jun 1997, di Balai Sidang Jakarta (*Jakarta Hilton Convention Centre*) serta

menubuhkan Pusat Kajian Buya Hamka. Pusat kajian yang didorong dengan semangat keilmuan ini, diharapkan mampu mengembangkan misi pendokumentasian dan semangat belajar mandiri Prof. Hamka. Hal ini disampaikan Ketua Pusat Kajian Buya Hamka iaitu Hj Aliyah Hamka dalam majlis rasmi pembukaan di Jakarta: “Sebagai ulama, penulis, dan budayawan, Buya Hamka memperoleh pengakuan dari banyak pihak. Apalagi, dakwah kultural Buya Hamka punya kearifan lintas etnis dan agama.” (*Hamka*, Kompas.com, <http://kompas.com/ver1/Nasional/0705/12/093500.htm>).

c) Memimpin masyarakat dengan cahaya Islam: Masyarakat Nusantara khususnya, warganegara Indonesia banyak menggarap maklumat berkaitan Islam dan perjuangan agama Allah melalui risalah yang disampaikan Hamka. Sebuah masyarakat akan binasa sekiranya mereka tidak mengenali serta tidak berpaut pada ajaran Islam. Ajaran Islam adalah agenda paling penting yang mesti disuntik ke dalam komuniti insani melebihi agenda lain seperti ekonomi dan pembangunan material. Inilah yang dipraktikkan Hamka. Pemikiran dan ideologinya bernafas Islam. Pembabitannya dalam gerakan Muhammadiyah, Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia dan Parti Islam MASYUMI membuktikan Hamka mempunyai pemikiran Islam untuk mengislahkan masyarakat Indonesia. Antara kalam beliau yang menggambarkan pemikiran Islam ialah:

Menghadapi ideologi Komunis haruslah dengan ideologi yang biasa mengatasi mereka. Dalam hal ini, Islam lah senjata kita, sebab majoritas rakyat Indonesia menganut agama itu.

(Abdul Rahman, 2002)

Di samping itu, ketika mengulas kejayaan Revolusi Islam Iran, Hamka menyebut:

Revolusi Iran adalah revolusi yang terbesar pada zaman ini. Revolusi yang mula-mula lahir di sebuah negara Islam kerana revolusi tersebut adalah revolusi aqidah, iaitu revolusi kembali kepada kemurnian Islam.

(Abdul Rahman, 2002)

d) Meniup semangat kebangsaan: Beliau sering menyebutkan bahawa kemerdekaan yang asasi adalah kemerdekaan jiwa iaitu kekuatan iman dan budi (Tanpa tajuk khas, <http://www.Rsi.Sg/malay/pemikirslam/view/20040617102919/1/html.>). Oleh itu, kemerdekaan negara harus dimanfaatkan sebagai wacana mengangkat martabat umat. Hamka juga aktif bersama pemimpin Indonesia yang lain untuk menuntut kemerdekaan.

Hamka menyakini bahawa Islam adalah agama yang mempengaruhi kebangkitan di Indonesia khususnya dan alam Melayu secara umumnya. Keislaman umat Melayu sering menjadi perhatian dan keprihatinan Hamka. Bagi beliau, Islamlah yang menjadi teras kepada kekuatan umat Melayu sekaligus menjadi faktor penyatuan yang mendasari semangat Nasionalisme. Walaupun Indonesia dilingkungi beribu-ribu pulau, beratus-ratus bangsa tetapi Islam wajar menjadi paksi perpaduan. Hamka telah menyumbang sesuatu yang berharga iaitu berjuang membantu tanah air untuk mendapatkan kemerdekaan. Selepas Belanda meninggalkan Indonesia, beliau terus berjuang memerdekakan Indonesia daripada cengkaman Komunis dengan menyeru rakyat jelata kembali kepada wadah Islam.

2.9 Rumusan

Hamka cukup dikenali sebagai tokoh ulama, ahli politik dan sasterawan agung. Latar belakang beliau menggambarkan sememangnya beliau dilahirkan untuk menjadi

seorang tokoh berwibawa dan memiliki nostalgia tersendiri. Penglibatan dalam pendidikan formal dan tidak formal dan dakwah Islamiah amat memberi kesan utama ke arah penghasilan *Tafsir al-Azhar*.

Mutiara kebanggaan rumpun Melayu ini diakui memiliki peribadi yang hebat dan pengaruh yang besar. Beliau berpengalaman sebagai tokoh akademik di Universiti Islam Jakarta, Universiti Muhamadiyah Sumatera Barat, Universiti Islam Pemerintah di Jogjakarta dan Universiti Islam Makasar. Dalam lapangan gerakan Islam, beliau berkecimpung dalam Parti Islam MASYUMI dan Muhammadiyah. Hamka turut berjuang menentang penjajahan Belanda dan Parti Komunis Indonesia serta pernah berpengalaman dalam membantu hal ehwal pentadbiran Islam dalam kerajaan Indonesia.

Dalam lapangan penulisan, Hamka menghasilkan tiga kategori penulisan utama iaitu agama, novel dan majalah ilmiah. *Tafsir al-Azhar* merupakan karya terhebat yang telah dihasilkan beliau dan merupakan kitab tafsir terbesar yang pernah wujud di rantau Nusantara.

Hamka wajar dijadikan ikutan terbaik generasi para ulama sekarang terutama dalam soal kegigihan beliau menghasilkan karya Islam dan kesungguhan beliau dalam memartabatkan agama Allah di muka bumi ini

BAB TIGA

PENTAFSIRAN AL-QURAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan sebahagian ilmu *Usul al-Tafsir* dan disiplin pentafsiran al-Quran. Aspek yang terkandung dalam bab ini adalah berkenaan pengertian tafsir, perbezaan *tafsir* dan *ta`wil*, keutamaan tafsir, syarat-syarat dan adab *mufasssir* termasuk juga metodologi pentafsiran al-Quran, perkembangan ilmu tafsir, tokoh-tokoh *mufasssir* dan klasifikasi tafsiran al-Quran.

3.2 Pengertian Tafsir

Perkataan tafsir diwujudkan daripada wazan “*taf’il*” yang berasal daripada kalimah “*al-fasr*” yang bererti “menjelaskan” (Mustafa, t.t.). Ibnu Manzur (2003) mengetengahkan *al-fasr* ialah “menyingkap sesuatu yang tertutup” sementara *tafsir* () membawa maksud “menyingkap sesuatu lafaz yang musykil dan pelik.”

Menurut istilah pula, tafsir ialah suatu ilmu yang membahaskan mengenai al-Quran berpandukan dalil-dalil mengikut apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. dengan kadar kemampuan manusia (al-Zarqani, 1996). Asas pengenalan kepada ilmu tafsir ialah fakta daripada al-Quran atau al-Sunnah atau pandangan sahabat bagi menerangkan kehendak Allah s.w.t. yang terdapat di dalam wahyu. Ilmu ini sangat penting untuk memahami kandungan al-Quran yang sarat dengan ilmu tersurat dan tersirat. Ibn ‘Abbas menjelaskan bahawa maksud *tafsir* ialah “penjelasan yang mendalam” seperti mana penjelasan beliau terhadap makna () dalam firman Allah s.w.t. (al-Qatan, 2000):



Maksudnya: Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan sebaik-baiknya penjelasan (untuk menangkis segala yang dikatakan itu).

(al-Quran, *al-Furqan*. 25: 13)

Ilmu tafsir adalah anak kunci untuk mengetahui perbendaharaan al-Quran. Di samping itu, manusia dapat mengambil manfaat daripada maksud al-Quran. al-Zarqani (1999) menukilkan:

...manfaat daripada ilmu tafsir ialah peringatan (daripada Allah) dan iktibar (daripada ayat tersebut) serta mencapai hidayah daripada Allah dalam aspek aqidah, ibadah, mu'amalah serta adab kehidupan...

Al-Suyuti (2003) pula memberi pandangan:

hikmah mendalami tafsir ialah Allah mengkhendaki hamba-hambanya berfikir mengenai kitab-Nya, justeru Allah s.w.t. tidak memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. mencatatkan maksud tersirat pada seluruh ayat al-Quran.

Melalui pengamatan para ulama terhadap ilmu pentafsiran al-Quran, maka lahirlah beberapa definisi ilmu tafsir yang menggambarkan hubungan langsungnya dengan al-Quran. Antaranya:

i) Takrifan Abu Hayyan: Tafsir ialah ilmu yang membicarakan tentang lafaz-lafaz al-Quran, ilmu qiraat, maksud yang ditunjukkan lafaz tersebut, hukum hakam serta susunan makna yang dapat melengkapkan kesamaran dan menjelaskan hikmah-hikmah yang ada di dalam ayat dan sumber lain yang berkaitan dengan al-Quran.

(al-Zarqani, 1996)

ii) Takrifan al-Zarkasyi: Ilmu yang dipraktikkan untuk memahami al-Quran yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., menjelaskan makna-maknanya, dan mengemukakan hukum hakam dan hikmah-hikmah di dalamnya.

(al-Dhahabi, 1989)

iii) Takrifan Ibn Juraiy: Ilmu untuk mensyarahkan al-Quran, menerangkan maknanya serta menegaskan hukum yang diputuskan atau diisyaratkan al-Quran.

(Musa'id, 2001)

iv) Takrif Ibn 'Arafah al-Maliki: suatu ilmu berpandukan al-Quran, mengkhususkan kaedah penjelasan dalil-dalil wahyu, asbab al-Nuzul, nasakh dan mansukh serta lain-lain dalam hal berkaitan.

(Musa'id, 2001)

3.3 Perbezaan Tafsir Dan Ta'wil

Tafsir dan *ta`wil* mempunyai perkaitan yang rapat walaupun berbeza dari segi zahir perkataannya. *Ta`wil* menurut istilah terbahagi kepada dua pendapat. Pertama, ulama *Salaf* menyatakan bahawa *ta`wil* ialah mentafsirkan kalam Allah s.w.t. serta menjelaskan pengertiannya, sama ada yang sesuai dengan makna zahir atau bertentangan dengan makna zahir. Di samping itu, ia juga bermaksud mengetengahkan makna yang dikehendaki oleh Allah s.w.t..

Kedua, ulama *Mutaakhirin* menyatakan bahawa *ta`wil* ialah menukarkan atau memalingkan makna sesuatu lafaz kepada maknanya yang *marjuh* atau lemah dengan disokong oleh hujah dan dalil yang tersendiri (Ahmad, 1992). *Ta`wil* difahami sebagai hakikat atau kenyataan yang sebenar daripada sesuatu perkataan atau berita. Justeru *ta`wil* yang dikeluarkan mentarjihkan sebahagian makna daripada ayat al-Quran yang mengandungi banyak pengertian (Rosmawati, 1997).

Para *mufassirin* berselisih pendapat mengenai erti *tafsir* dan *ta`wil*. Menurut Abu 'Ubaidah, *tafsir* dan *ta`wil* merupakan satu makna yang sama dan mempunyai maksud yang sama (al-Suyuti, 2003). Pandangan ini tersebar luas di kalangan ulama *salaf*. Pendapat ini disokong oleh Ibn Jarir yang menyatakan bahawa pengertian dan perkataan *ta`wil* adalah sama dengan makna *tafsir*.

Al-Asfahani pula mengatakan bahawa pengertian *tafsir* lebih umum daripada *ta`wil*. Menurut beliau, *tafsir* diaplikasikan pada lafaz-lafaz manakala *ta`wil* diaplikasikan berkaitan dengan makna-makna. Selain itu, *tafsir* selalunya digunakan terhadap lafaz-lafaz tunggal manakala *ta`wil* pula selalunya digunakan dalam susunan ayat.

Menurut Abu Talib al-Tha'labi, *tafsir* digunakan untuk menerangkan kedudukan sesuatu lafaz manakala *ta`wil* ialah mentafsirkan makna batin sesuatu lafaz. Oleh itu, *ta`wil* bersifat mengkhabarkan dalil dan petunjuk yang dikehendaki (al-Suyuti, 2003).

Pendapat al-Suyuti dan al-Alusi lebih jelas dalam memahami maksud dua perkataan tersebut. Mereka menyatakan bahawa *tafsir* ialah membongkar makna al-Quran yang nyata manakala *ta`wil* ialah pengeluaran hukum tersirat terhadap makna-makna yang tersembunyi serta rahsia ketuhanan yang terdapat di dalam al-Quran (al-Suyuti, 2003).

Kesimpulan daripada perbincangan di atas, dapatlah difahami bahawa pandangan yang menyatakan *ta`wil* adalah bermaksud mentafsirkan lafaz dan menjelaskan maknanya, maka ia adalah menyamai makna asal bagi *tafsir*. Pengertian ini sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang mendoakan Ibn 'Abbas:

Maksudnya: Wahai Tuhanku! Mantapkanlah beliau dalam (penguasaan) ilmu agama dan kurniakanlah kepadanya ilmu *ta`wil*.

(Ahmad, *al-Musnad*, no.3102, Birut: Dar al-Fikr, t.t.)

Bagi pendapat yang menyatakan bahawa *ta`wil* adalah menjelaskan sesuatu lafaz maka *tafsir* sudah tentu mempunyai makna yang berlainan. Hal ini kerana *tafsir* dijelaskan sebagai penyelarasan maksud bagi sesuatu perkataan dan *ta`wil* adalah penerangan sesuatu fakta ke arah realiti sebenarnya (Musa'id, 2001).

Tafsir dikaitkan dengan apa yang nyata di dalam al-Quran atau sunnah yang sahih sedangkan *ta`wil* dikaitkan dengan apa yang disimpulkan daripada tafsiran sesuatu makna. Sebahagian ulama mengatakan *tafsir* adalah sesuatu yang berhubung dengan

riwayah sedangkan *ta`wil* adalah sesuatu yang berhubung dengan *dirayah* (al-Qatan, 2000).

3.4 Keutamaan Tafsir

Ilmu tafsir berperanan menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran, kedudukannya, kisah dan *asbab nuzul*, susunan ayat *makki* dan *madani*, *muhkam* dan *mutasyabih*, *nasikh mansukh*, khusus dan umum, halal, haram dan sebagainya dengan menggunakan ungkapan yang menunjukkan secara jelas dan terang. Ilmu ini wujud secara komprehensif dan konsisten sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan ia berkembang selari dengan penyebaran wahyu. Rasulullah adalah *mufassir* pertama al-Quran yang menerangkan maksud-maksud wahyu yang diturunkan (Fauzi dan Mustafa, 2001).

Tafsir dikategori sebagai semulia-mulia ilmu. Ia membincangkan kalam Allah s.w.t. yang termuat segenap hikmah agung (al-Qatan, 2000). Umat Islam memerlukan ilmu ini untuk memahami kehendak al-Quran. Menurut Ibn 'Abbas, ungkapan “ ” dalam ayat 269 surah *al-Baqarah* adalah bermaksud insan yang telah diberi anugerah hikmah oleh Allah s.w.t. ialah orang yang telah diberi pengetahuan mendalam mengenai ilmu-ilmu al-Quran (al-Suyuti, 2003). Firman Allah s.w.t.tersebut:



Maksudnya: Allah menganugerahkan al-hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan barang siapa yang dianugerahi al-hikmah itu, ia benar-benar telah dianugerahi kurniaan yang banyak.

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2: 269)

Tujuan utama ilmu tafsir adalah untuk merealisasikan maksud “*al-I’tisam bi al-’urwah al-Wuthqa*” iaitu berpegang erat dengan ikatan yang teguh (ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran) bagi mencapai kebahagiaan yang hakiki di sisi Allah (al-Suyuti, 2003). Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: al-Quran itu mempunyai pelbagai maksud, maka pratikkanlah (kehendak ayat tersebut) berdasarkan ukuran yang terbaik bagi maksud-maksudnya.

(al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, no.4199, Dimasyq: Dar al-Muabbad, 2001.)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: Tidak dianggap seseorang itu memahami setiap perkara pokok (dalam agama) sehinggalah ia berupaya menghuraikan al-Quran dengan pelbagai maksud.

(al-Zarkasyi, *al-Burhan fi Ulum al-Quran*, tanpa no., Misr: Dar al-Ma’rifah, 1990.)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: Huraikanlah Al-Quran serta berpegang teguh dengan keistimewaan makna yang terkandung di dalamnya.

(al-Hakim, *al-Mustadrak ’ala al-Sahihain*, no.3696, Birut: Dar al-Ma’rifah, t.t.)

Dalam kerangka ilmu ‘Ulum al-Quran, tafsir merupakan salah satu daripada bidang kajiannya yang utama. Ini kerana ia berperanan untuk menerangkan atau menjelaskan wahyu. Sumber pengambilan ilmu tafsir ialah berdasarkan ilmu *riwayah* dan *dirayah*, iaitu dengan berdasarkan ilmu bahasa ‘Arab, *Nahu*, *Saraf*, *Balaghah*, *Usul Fiqh*, *Asbab al-Nuzul*, dan ilmu *Nasikh Mansukh* (Rosmawati, 1997). Ini melambangkan

ilmu tafsir adalah ilmu yang kompleks sejajar dengan statusnya sebagai kunci khas yang dapat membongkar khazanah *al-Quran al-Karim*. Pentafsiran al-Quran walaupun kelihatan sukar tetapi ia menunjukkan ilmu yang dapat diamalkan dan dibenarkan syarak. Berkata al-Khuwaiyyi:

Ilmu tafsir ialah ilmu yang sukar tetapi ia menyenangkan (manusia).

(al-Suyuti, 2003)

Keutamaan yang ada pada ilmu tafsir menyebabkan para pengkaji dan pentafsir al-Quran meraih pelbagai ganjaran di sisi Allah s.w.t. Diriwayatkan Ibn al-Anbari daripada Abu Bakar al-Siddiq berkata:

Satu ayat yang ditafsirkan daripada al-Quran adalah lebih baik daripada perbuatan menghafaz semata-mata.

(al-Suyuti, 2003)

Berdasarkan riwayat Syabiyyi, 'Umar al-Khattab ada mengucapkan:

Sesiapa yang membaca al-Quran beserta penafsirannya (pengamatannya) maka adalah disisinya pahala syahid.

(al-Suyuti, 2003)

Rasulullah s.a.w. bersabda mengenai kelebihan melibatkan diri dalam lapangan kajian al-Quran, termasuklah pentafsiran al-Quran. Sabda baginda:

Maksudnya: sesiapa yang disibukkan dengan al-Quran dan tidak sempat meminta kepada-Ku maka Aku berikan kepadanya sebaik-baik pemberian yang Aku berikan kepada orang-orang yang meminta. Keutamaan kalam Allah berbanding kalam-kalam yang lain adalah seumpama kelebihan Allah melebihi makhluk-makhluk ciptaan-Nya.

(al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Wadhi*, tanpa no., Birut: Dar al-Kitab al- 'Ilmiyyah, t.t.)

3.5 Syarat-Syarat Dan Adab Mufassir

Syariat membolehkan seseorang individu muslim untuk mentafsirkan al-Quran dengan berlandaskan syarat-syarat yang ditetapkan (al-Qatan, 2000). Tanpa tafsir al-Quran, kehendak wahyu sukar ditelahi dan masyarakat Islam mengalami masalah dalam menterjemahkannya mengikut keadaan zaman yang berubah. Al-Quran pula adalah kitab yang sesuai sepanjang zaman. Oleh itu, pentafsiran membolehkan manusia memahami kehendak ayat al-Quran yang mempunyai pelbagai maksud.

3.5.1 Syarat-Syarat Mufassir

Sejarah Islam memaparkan banyak tokoh-tokoh *mufassir*⁹ telah muncul selepas generasi awal yang diterajui Rasulullah s.a.w. kerana baginda dan para sahabat mewariskan ilmu berkenaan dan membuka pintu *ijtihad* terhadap pentafsiran al-Quran.

Pelbagai kaedah disusun oleh ulama dalam menampilkan tafsiran al-Quran. Majoriti ulama berpendapat tafsiran al-Quran dengan *ma'thur* adalah kaedah yang terbaik dalam memahami isi kandungan al-Quran (Fauzi dan Mustafa, 2001). Antara tokoh-tokoh *mufassir* yang menyumbangkan pelbagai karya dalam lapangan Tafsir al-Quran termasuklah (Ali, 1989):

⁹ *Mufassir* bermaksud ulama yang berkecimpung dalam lapangan pentafsiran al-Quran. Penglibatan yang dimaksudkan adalah aktiviti penyampaian atau penulisan ilmu tafsir secara khusus. Generasi awal Islam yang dikenali sebagai *mufassir* contohnya daripada kalangan sahabat ialah seperti 'Abdullah b. Mas'ud dan Ibn 'Abbas, dari kalangan tabiin seperti Sa'id b. Jubair dan Mujahid b. Jabir, dari kalangan *atba' tabi'in* seperti al-Kalbi dan Sufyan al-Thawri. Terdapat empat bahagian *mufassir* iaitu : i) *Mufassir* dari generasi sahabat, tabiin dan *atba' tabi'in*. ii) *Mufassir* zaman seterusnya yang berpegang kepada sunnah. iii) *Mufassir* yang banyak berijtihad. iv) *Mufassir* daripada kalangan ulama kontroversi seperti Mu'tazilah dan Syi'ah.

- i) Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari;¹⁰
- ii) Abu al-Qasim Mahmud b. 'Umar b. Muhammad bin 'Umar al-Zamakhsyari;¹¹
- iii) Muhammad b. al-Hasan b. al-Husain al-Taimi al-Bakri al-Tabrastani al-Razi al-Syafi'i;¹²
- iv) Abu al-Thana Syihab al-Din Mahmud al-Alusi al-Baghdadi;¹³
- v) 'Iman al-Din Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar Ibn Kathir al-Dimasyqi al-Syafi'i;¹⁴
- vi) Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad b. Abi Bakr b. Farah al-Ansari al-Andalusi al-Qurtubi.¹⁵

Menurut Ali Yusuf (1989) para ulama yang dinyatakan tadi telah mempersembahkan sesuatu yang amat berharga terutama kepada para generasi muda. Mereka adalah segelintir daripada nama-nama agung para pentafsir al-Quran dan tersenarai dalam kelompok ulama muktabar. Untuk menjadi seorang pentafsir al-Quran, seseorang itu mestilah memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam bab *Syurut al-Mufasssir* (Subhi, 1972). Hal ini kerana seseorang yang bergelar *mufasssir* akan mengetengahkan maksud yang sememangnya dikehendaki Allah s.w.t. berdasarkan dalil-dalil syarak serta kadangkala melibatkan *ijtihadnya* sendiri. Oleh sebab tafsiran yang dikemukakan sama ada tepat atau menyeleweng akan diterima pakai masyarakat

¹⁰ Beliau wafat pada 310 Hijrah. Lihat karya beliau berjudul *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Quran*, Qahirah: Dar al-Salam, 2005.

¹¹ Beliau wafat pada 538 Hijrah. Lihat karya beliau *Tafsir al-Kasyaf*, Birut: Dar al-Ma'rifah, t.t.

¹² Beliau wafat pada 606 Hijrah. Lihat karya beliau *al-Tafsir al-Kabir*, Birut: Dar al-Fikr, 1995.

¹³ Beliau wafat pada 1270 Hijrah. Lihat karya beliau *Ruh al-Ma'ani*, Birut: Dar al-Fikr, 1994.

¹⁴ Beliau wafat pada 774 Hijrah. Lihat karya beliau *Tafsir Ibn Kathir*, Qahirah: Maktabah Aulad li al-Syeikh al-Turath, 2000.

¹⁵ Beliau wafat pada 671 Hijrah. Lihat karya beliau *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran*, Qahirah: al-Maktabah al-Taufiqiyah, t.t.

awam, maka Islam memandang berat perkara ini, justeru diwujudkan syarat-syarat pentafsir al-Quran sebagai etika yang mengawasi pentafsiran al-Quran.

Syarat yang paling utama ialah *mufasssir* wajib mempunyai akidah yang sebenar (al-Suyuti, 2003). Syarat ini amat penting kerana akidah memainkan peranan yang besar kepada setiap *mufasssir* dan menjadi pendorong untuk tidak melakukan penyelewengan terhadap ayat-ayat al-Quran dan juga penipuan dalam periwayatan. Mereka juga tidak mudah terdorong kepada mazhab-mazhab yang menyeleweng dengan mengemukakan penta'wilan yang bertentangan dengan akidah yang benar.

Para pentafsir turut disyaratkan supaya membebaskan diri daripada runtutan nafsu (al-Qatan, 2005). Ini kerana nafsu mendorong diri membela dan menegaskan kepentingan dan keperluan mazhabnya semata-mata sehingga ia berupaya menipu manusia lain dengan ucapan-ucapan lembut dan keterangan-keterangan yang menarik minat seseorang seperti yang dilakukan oleh golongan yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Dalam mengemukakan sesebuah tafsiran, kaedah yang mesti didahulukan ialah memulakan tafsiran al-Quran dengan al-Quran itu sendiri (Ibn Taimiyah, 1390H). Sebahagian ayat al-Quran dalam keadaan saling berkaitan dan sesetengah ayat menguatkan ayat yang lain. Terdapat juga ayat yang berbentuk umum dan khusus. Selain itu, pentafsiran al-Quran wajar dihubungkan dengan al-Sunnah. Apabila tidak didapati di dalam penerangan al-Quran maka hendaklah *mufasssir* merujuk kepada al-Sunnah kerana ia adalah penjelas paling tepat kepada ayat al-Quran. Para *mufasssir* perlu merujuk kepada pandangan para sahabat Rasulullah s.a.w. apabila tidak terdapat

tafsiran daripada al-Quran dan al-Sunnah (al-Dhahabi, 1989). Para sahabat adalah generasi yang diiktiraf oleh Rasulullah s.a.w. kerana mereka amat memahami kandungan al-Quran. Terbukti bahawa sahabat sememangnya adalah generasi yang telah menyaksikan penurunan wahyu dan mempunyai perkaitan dengan sesetengah ayat. Seterusnya para *mufassir* disyaratkan untuk turut meneliti pandangan tabiin iaitu generasi yang mewarisi ilmu daripada generasi sahabat (al-Dhahabi, 1989). Pandangan tabiin diaplikasikan jika tidak terdapat tafsiran daripada para sahabat dengan syarat tafsiran tabiin tersebut mestilah terdapat dalam riwayat yang sahih dan dipercayai.

Syarat yang seterusnya, para pentafsir al-Quran perlu menguasai bahasa Arab dan cabang ilmu tersebut. Hal tersebut kerana al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab (al-Suyuti, 2003). Tanpa penguasaan bahasa Arab dan cabang-cabang ilmunya sudah tentu seseorang itu tidak dapat mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan tepat. Antara keperluan asasi lain ialah para pentafsir al-Quran perlu mempunyai pengetahuan berkaitan ilmu *'Ulum al-Quran* kerana ia dapat membantu memahami ayat-ayat al-Quran dengan tepat dan mendalam (Abu Syuhbah, 1996). Contohnya *Asbab al-Nuzul* akan membantu *mufassir* dalam memahami latar belakang penurunan ayat. Begitu juga halnya dengan ilmu yang bersangkutan dengan al-Quran seperti *Qiraat* dan *Nasikh Mansukh*.

Dengan berbekal ilmu-ilmu tersebut, para *mufassir* perlulah cermat dan penuh teliti dalam memahami ayat-ayat al-Quran sebelum mengemukakan tafsirannya (al-'Ak, 1994). Tanpa berhati-hati dan tanpa didorongi perasaan takut kepada Allah s.w.t.

maka akan dikhuatiri tujuan pentafsiran yang dilakukan adalah bermotif keduniaan dan bakal menyesatkan umat yang telah berpegang pada pandangan yang dikeluarkan. Paling ketara penyelewengan tersebut merupakan satu pendustaan yang berat di sisi Allah s.w.t.

3.5.2 Adab Seorang *Mufassir*

Selain daripada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada *mufassir*, mereka juga perlu memiliki adab yang baik untuk melayakkan mereka mentafsirkan wahyu. Niat dan tujuan yang baik perlu digariskan dan disematkan terlebih dahulu (al-'Ak, 1994). Setiap perbuatan adalah bergantung kepada niat. Ini untuk mengelak seseorang pentafsir terjebak dengan niat keduniaan.

Mufassir umpama seorang pendidik di mana didikannya tidak akan dapat mempengaruhi jiwa seseorang selagi ia tidak menjadi tauladan kepada masyarakat menerusi akhlak yang mulia. Akhlak menjadi antara adab yang terpenting kerana ia merupakan gambaran dan penterjemahan kefahaman seseorang ulama terhadap al-Quran (al-Qatan, 2000). Justeru, pentafsir wajib taat kepada perintah al-Quran dan beramal dengannya melebihi tahap ketaatan orang-orang awam di dalam masyarakat (al-Qurtubi, 2000). Di samping itu, golongan *mufassir* turut diingatkan supaya beramanah dengan ilmu supaya tidak menjadi golongan yang dilaknati Allah apabila mereka melakukan pentafsiran dalam suasana mengharapkan kebesaran dan penghormatan serta takutkan sanggahan daripada makhluk (al-'Ak, 1994). Mereka perlu bertegas dalam menyampaikan kebenaran wahyu kerana perbuatan sedemikian termasuk dalam perbincangan jihad yang afdal di sisi agama.

Personaliti seorang *mufassir* mestilah berpaksikan kepada syariat dan berlainan dengan personaliti golongan yang jahil. *Mufassir* mesti menjaga adab ketika bergaul dengan anggota masyarakat supaya tidak menjadi bahan cemuhan terhadap ilmu penafsiran al-Quran yang disampaikan kepada mereka (al-'Ak, 1994). Sifat tawaduk dan lemah lembut perlu dijelmakan dan kesombongan diri perlu dilenyapkan. Kesombongan yang tumbuh daripada keilmuan seseorang *mufassir* merupakan pendinding yang akan menghalang diri daripada memanfaatkan ilmunya untuk diri sendiri dan orang lain.

Para *mufassir* wajar bersifat rendah diri dan rela mendahulukan pandangan orang-orang yang lebih utama daripada dirinya sendiri (al-Sabuni, 1972). Seseorang *mufassir* seharusnya tidak mengutamakan pendapat dirinya dalam mentafsir al-Quran takala berada sezaman dengan ulama terkemuka yang lain. Di samping itu, seseorang *mufassir* tidak wajar merendah-rendahkan pendapat *mufassir* lain yang telah meninggal dunia.

Adab yang perlu dilaksanakan ketika proses pentafsiran berlangsung ialah pentafsiran al-Quran mestilah berasaskan kepada etika ilmiah misalannya ialah seperti merujuk kepada pentafsiran al-Quran, pentafsiran sahabat, pentafsiran tabiin, menyebut *Asbab al-Nuzul*, erti perkataan, menerangkan susunan perkataan, memberi penerangan kepada aspek-aspek *Balaghah*, *'Irab*, makna umum dan khusus dan mengaitkan dengan realiti sebenar yang dialami umat Islam, serta mengemukakan kesimpulan dan hukum (al-Qatan, 2000). Semua adab ini penting bagi memastikan seseorang

pentafsir al-Quran benar-benar menepati kehendak syarak dan menghasilkan tafsiran yang direndah oleh Allah s.w.t. (al-Tabari, 2005).

3.6 Metodologi Utama Dalam Pentafsiran Al-Quran

Setiap pentafsir mempunyai kaedah yang tersendiri dalam mentafsir al-Quran. Di antara kaedah tersebut ialah (al-Qatan, 2000):

- i) Pentafsiran berdasarkan al-Quran;
- ii) Pentafsiran berdasarkan al-Sunnah;
- iii) Pentafsiran berdasarkan pendapat dan *ijtihad* sahabat;
- iv) Pentafsiran berdasarkan pendapat tabiin.

Kempat-empat kaedah di atas terkandung dalam klasifikasi tafsir yang disebut sebagai *al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Klasifikasi ini bermaksud tafsir yang berpegang kepada riwayat yang sahih (al-Qatan, 2005).

3.6.1 Pentafsiran Berdasarkan al-Quran

Kaedah pentafsiran al-Quran dengan merujuk kepada al-Quran itu sendiri adalah kaedah terbaik dan paling mulia. Kebanyakan ulama yang berjaya menghasilkan *tafsir al-Quran bi al-Ma'thur* akan mengetengahkan bab kepentingan mendahulukan tafsiran al-Quran dengan al-Quran.

Metodologi pentafsiran al-Quran berdasarkan al-Quran tercakup dalam beberapa situasi, iaitu:

i) Pentafsiran terhadap ayat-ayat yang ringkas (Ibn Taimiyah, t.t.): Terdapat ayat al-Quran yang ringkas yang hanya dapat disempurnakan pengertiannya berdasarkan ayat-ayat yang lain. Contohnya firman Allah s.w.t. di dalam ayat 4 surah *al-Fatihah*:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: Yang memiliki hari pembalasan.

Perkataan () maksudnya “*Hari Pembalasan*” ditafsirkan dengan firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Infitar*:

أَلَمْ نَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
يَكُونُ رَبًّا مُبْدِيًّا
وَمَا يَكُونُ لَكَ مِنْ دُونِهِ مُعْتَدٍ
وَمَا يُكَلِّمُ الْوَسْوَ الْخَافِ
يَقُولُ أَتْلُو الْقُرْآنَ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ
يَكُونُ رَبًّا مُبْدِيًّا
وَمَا يَكُونُ لَكَ مِنْ دُونِهِ مُعْتَدٍ
وَمَا يُكَلِّمُ الْوَسْوَ الْخَافِ
يَقُولُ أَتْلُو الْقُرْآنَ

Maksudnya: Dan sudahkah engkau ketahui apa (yang dikatakan) hari pembalasan? Seterusnya, sudahkah engkau ketahui apa (yang dikatakan) hari pembalasan? (ialah) hari yang tidak sesiapa pun kerana semua urusan di hari itu (adalah) kepunyaan Allah.

(al-Quran, *al-Infitar*. 82: 17-19)

Di samping itu, terdapat kandungan ayat-ayat yang mempunyai tajuk atau kisah yang sama tetapi diwujudkan dalam surah-surah dan ayat-ayat yang berlainan. Proses merujuk di antara satu ayat dengan ayat yang lain diperlukan dalam metodologi ini untuk mendapatkan tafsiran yang mendalam. Contohnya, kisah Nabi Adam dan Hawwa` serta Iblis diceritakan secara ringkas di dalam surah *Kahfi* dan *al-Isra'*. Kemudian ia diterangkan dengan panjang lebar dalam surah *al-Baqarah* dan *al-'Araf*. Ia juga diceritakan secara sederhana dalam surah *Taha*, *Sad* dan *al-Hijr*.

ii) Pentafsiran terhadap ayat yang berbentuk *mujmal* (Safwat, 1999): *Mujmal* di sini bermaksud sesuatu yang tidak jelas maksudnya. Ayat yang dianggap *mujmal*

ditafsirkan supaya kehendak utama ayat dapat difahami misalannya seperti firman

Allah s.w.t. (al-Bukhari, t.t.):

Maksudnya: Dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam iaitu fajar.

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2: 187)

Perkataan () yang bermaksud fajar subuh adalah hasil maksud perkataan benang putih dan benang hitam.

iii) Pentafsiran dengan mengkhususkan ayat-ayat yang umum (Safwat, 1999): terdapat ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kesinambungan hukum. Ertinya kadangkala pengeluaran hukum tidak ternyata pada sesuatu ayat sahaja kerana ayat tersebut adalah yang bersifat umum. Oleh itu, dalam mencari bentuk pelaksanaan hukum maka pentafsiran akan mengaitkan ayat-ayat khusus yang mengandungi hukum utama mengenai pelaksanaannya. Contohnya, firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: Penzina lelaki dan wanita hendaklah disebat kedua-duanya seratus kali sebatan.

(al-Quran, *al-Nur*. 24: 2)

Terdapat ayat lain yang menyatakan tentang kadar hukuman bagi orang yang melakukan kesalahan tersebut dalam kalangan hamba. Firman Allah s.w.t.:

(al-Quran, *al-Nisa* '. 4: 25)

[illegible]

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2 : 173)


© 7 ■ 𐀀 𐀁 𐀂 𐀃 𐀄 𐀅 𐀆 𐀇 𐀈 𐀉 𐀊 𐀋 𐀌 𐀍 𐀎 𐀏 𐀐 𐀑 𐀒 𐀓 𐀔 𐀕 𐀖 𐀗 𐀘 𐀙 𐀚 𐀛 𐀜 𐀝 𐀞 𐀟 𐀠 𐀡 𐀢 𐀣 𐀤 𐀥 𐀦 𐀧 𐀨 𐀩 𐀪 𐀫 𐀬 𐀭 𐀮 𐀯 𐀰 𐀱 𐀲 𐀳 𐀴 𐀵 𐀶 𐀷 𐀸 𐀹 𐀺 𐀻 𐀼 𐀽 𐀾 𐀿 𐁀 𐁁 𐁂 𐁃 𐁄 𐁅 𐁆 𐁇 𐁈 𐁉 𐁊 𐁋 𐁌 𐁍 𐁎 𐁏 𐁐 𐁑 𐁒 𐁓 𐁔 𐁕 𐁖 𐁗 𐁘 𐁙 𐁚 𐁛 𐁜 𐁝 𐁞 𐁟 𐁠 𐁡 𐁢 𐁣 𐁤 𐁥 𐁦 𐁧 𐁨 𐁩 𐁪 𐁫 𐁬 𐁭 𐁮 𐁯 𐁰 𐁱 𐁲 𐁳 𐁴 𐁵 𐁶 𐁷 𐁸 𐁹 𐁺 𐁻 𐁼 𐁽 𐁾 𐁿 𐂀 𐂁 𐂂 𐂃 𐂄 𐂅 𐂆 𐂇 𐂈 𐂉 𐂊 𐂋 𐂌 𐂍 𐂎 𐂏 𐂐 𐂑 𐂒 𐂓 𐂔 𐂕 𐂖 𐂗 𐂘 𐂙 𐂚 𐂛 𐂜 𐂝 𐂞 𐂟 𐂠 𐂡 𐂢 𐂣 𐂤 𐂥 𐂦 𐂧 𐂨 𐂩 𐂪 𐂫 𐂬 𐂭 𐂮 𐂯 𐂰 𐂱 𐂲 𐂳 𐂴 𐂵 𐂶 𐂷 𐂸 𐂹 𐂺 𐂻 𐂼 𐂽 𐂾 𐂿 𐃀 𐃁 𐃂 𐃃 𐃄 𐃅 𐃆 𐃇 𐃈 𐃉 𐃊 𐃋 𐃌 𐃍 𐃎 𐃏 𐃐 𐃑 𐃒 𐃓 𐃔 𐃕 𐃖 𐃗 𐃘 𐃙 𐃚 𐃛 𐃜 𐃝 𐃞 𐃟 𐃠 𐃡 𐃢 𐃣 𐃤 𐃥 𐃦 𐃧 𐃨 𐃩 𐃪 𐃫 𐃬 𐃭 𐃮 𐃯 𐃰 𐃱 𐃲 𐃳 𐃴 𐃵 𐃶 𐃷 𐃸 𐃹 𐃺 𐃻 𐃼 𐃽 𐃾 𐃿 𐄀 𐄁 𐄂 𐄃 𐄄 𐄅 𐄆 𐄇 𐄈 𐄉 𐄊 𐄋 𐄌 𐄍 𐄎 𐄏 𐄐 𐄑 𐄒 𐄓 𐄔 𐄕 𐄖 𐄗 𐄘 𐄙 𐄚 𐄛 𐄜 𐄝 𐄞 𐄟 𐄠 𐄡 𐄢 𐄣 𐄤 𐄥 𐄦 𐄧 𐄨 𐄩 𐄪 𐄫 𐄬 𐄭 𐄮 𐄯 𐄰 𐄱 𐄲 𐄳 𐄴 𐄵 𐄶 𐄷 𐄸 𐄹 𐄺 𐄻 𐄼 𐄽 𐄾 𐄿 𐅀 𐅁 𐅂 𐅃 𐅄 𐅅 𐅆 𐅇 𐅈 𐅉 𐅊 𐅋 𐅌 𐅍 𐅎 𐅏 𐅐 𐅑 𐅒 𐅓 𐅔 𐅕 𐅖 𐅗 𐅘 𐅙 𐅚 𐅛 𐅜 𐅝 𐅞 𐅟 𐅠 𐅡 𐅢 𐅣 𐅤 𐅥 𐅦 𐅧 𐅨 𐅩 𐅪 𐅫 𐅬 𐅭 𐅮 𐅯 𐅰 𐅱 𐅲 𐅳 𐅴 𐅵 𐅶 𐅷 𐅸 𐅹 𐅺 𐅻 𐅼 𐅽 𐅾 𐅿 𐆀 𐆁 𐆂 𐆃 𐆄 𐆅 𐆆 𐆇 𐆈 𐆉 𐆊 𐆋 𐆌 𐆍 𐆎 𐆏 𐆐 𐆑 𐆒 𐆓 𐆔 𐆕 𐆖 𐆗 𐆘 𐆙 𐆚 𐆛 𐆜 𐆝 𐆞 𐆟 𐆠 𐆡 𐆢 𐆣 𐆤 𐆥 𐆦 𐆧 𐆨 𐆩 𐆪 𐆫 𐆬 𐆭 𐆮 𐆯 𐆰 𐆱 𐆲 𐆳 𐆴 𐆵 𐆶 𐆷 𐆸 𐆹 𐆺 𐆻 𐆼 𐆽 𐆾 𐆿 𐇀 𐇁 𐇂 𐇃 𐇄 𐇅 𐇆 𐇇 𐇈 𐇉 𐇊 𐇋 𐇌 𐇍 𐇎 𐇏 𐇐 𐇑 𐇒 𐇓 𐇔 𐇕 𐇖 𐇗 𐇘 𐇙 𐇚 𐇛 𐇜 𐇝 𐇞 𐇟 𐇠 𐇡 𐇢 𐇣 𐇤 𐇥 𐇦 𐇧 𐇨 𐇩 𐇪 𐇫 𐇬 𐇭 𐇮 𐇯 𐇰 𐇱 𐇲 𐇳 𐇴 𐇵 𐇶 𐇷 𐇸 𐇹 𐇺 𐇻 𐇼 𐇽 𐇾 𐇿 𐈀 𐈁 𐈂 𐈃 𐈄 𐈅 𐈆 𐈇 𐈈 𐈉 𐈊 𐈋 𐈌 𐈍 𐈎 𐈏 𐈐 𐈑 𐈒 𐈓 𐈔 𐈕 𐈖 𐈗 𐈘 𐈙 𐈚 𐈛 𐈜 𐈝 𐈞 𐈟 𐈠 𐈡 𐈢 𐈣 𐈤 𐈥 𐈦 𐈧 𐈨 𐈩 𐈪 𐈫 𐈬 𐈭 𐈮 𐈯 𐈰 𐈱 𐈲 𐈳 𐈴 𐈵 𐈶 𐈷 𐈸 𐈹 𐈺 𐈻 𐈼 𐈽 𐈾 𐈿 𐉀 𐉁 𐉂 𐉃 𐉄 𐉅 𐉆 𐉇 𐉈 𐉉 𐉊 𐉋 𐉌 𐉍 𐉎 𐉏 𐉐 𐉑 𐉒 𐉓 𐉔 𐉕 𐉖 𐉗 𐉘 𐉙 𐉚 𐉛 𐉜 𐉝 𐉞 𐉟 𐉠 𐉡 𐉢 𐉣 𐉤 𐉥 𐉦 𐉧 𐉨 𐉩 𐉪 𐉫 𐉬 𐉭 𐉮 𐉯 𐉰 𐉱 𐉲 𐉳 𐉴 𐉵 𐉶 𐉷 𐉸 𐉹 𐉺 𐉻 𐉼 𐉽 𐉾 𐉿 𐊀 𐊁 𐊂 𐊃 𐊄 𐊅 𐊆 𐊇 𐊈 𐊉 𐊊 𐊋 𐊌 𐊍 𐊎 𐊏 𐊐 𐊑 𐊒 𐊓 𐊔 𐊕 𐊖 𐊗 𐊘 𐊙 𐊚 𐊛 𐊜 𐊝 𐊞 𐊟 𐊠 𐊡 𐊢 𐊣 𐊤 𐊥 𐊦 𐊧 𐊨 𐊩 𐊪 𐊫 𐊬 𐊭 𐊮 𐊯 𐊰 𐊱 𐊲 𐊳 𐊴 𐊵 𐊶 𐊷 𐊸 𐊹 𐊺 𐊻 𐊼 𐊽 𐊾 𐊿 𐋀 𐋁 𐋂 𐋃 𐋄 𐋅 𐋆 𐋇 𐋈 𐋉 𐋊 𐋋 𐋌 𐋍 𐋎 𐋏 𐋐 𐋑 𐋒 𐋓 𐋔 𐋕 𐋖 𐋗 𐋘 𐋙 𐋚 𐋛 𐋜 𐋝 𐋞 𐋟 𐋠 𐋡 𐋢 𐋣 𐋤 𐋥 𐋦 𐋧 𐋨 𐋩 𐋪 𐋫 𐋬 𐋭 𐋮 𐋯 𐋰 𐋱 𐋲 𐋳 𐋴 𐋵 𐋶 𐋷 𐋸 𐋹 𐋺 𐋻 𐋼 𐋽 𐋾 𐋿 𐌀 𐌁 𐌂 𐌃 𐌄 𐌅 𐌆 𐌇 𐌈 𐌉 𐌊 𐌋 𐌌 𐌍 𐌎 𐌏 𐌐 𐌑 𐌒 𐌓 𐌔 𐌕 𐌖 𐌗 𐌘 𐌙 𐌚 𐌛 𐌜 𐌝 𐌞 𐌟 𐌠 𐌡 𐌢 𐌣 𐌤 𐌥 𐌦 𐌧 𐌨 𐌩 𐌪 𐌫 𐌬 𐌭 𐌮 𐌯 𐌰 𐌱



Maksudnya: Katakanlah tiada aku dapati dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya kecuali kalau makanan itu bangkai, darah yang mengalir atau daging babi kerana semua itu kotor, atau binatang yang disembelih atas nama selain daripada Allah.

(al-Quran, *al-An'am*. 6: 145)


v) Pentafsiran melalui ayat-ayat nasakh (al-Suyuti, 1983): Perkataan *al-nasakh* dari sudut terminologi bermaksud menyatakan berakhirnya tempoh sesuatu hukum yang telah termaklum di sisi Allah s.w.t.. Ilmu ini sangat penting khususnya bagi seseorang *mufasssir*, kerana menurut al-Suyuti (2003) tanpa ilmu ini seseorang itu tidak dibenarkan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Contohnya firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Dan orang-orang yang akan meninggalkan dunia di antaramu dan meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isterinya iaitu memberi nafkah sehingga setahun lamanya dengan tidak disuruhnya pindah (dari rumahnya). Akan tetapi jika mereka berpindah sendiri, maka tidak ada dosa bagimu (wali atau waris dari yang meninggal) membiarkan mereka membuat yang makruf terhadap diri mereka dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2: 240)

Ayat di atas menyatakan tentang *'iddah* wanita yang kematian suami iaitu setahun lamanya. Kemudian ayat ini dimansuhkan dengan ayat yang lain yang menyatakan *'iddahnya* ialah empat bulan sepuluh hari. Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Dan orang-orang yang akan meninggal dunia di antaramu dan meninggalkan isteri (hendaklah para isteri) menanggukkan dirinya beredah empat bulan sepuluh hari.

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2: 234)

vi) Pentafsiran dengan cara menyesuaikan dua perkara yang dilihat secara zahirnya bertentangan di antara satu sama lain (al-Dhahabi, 1989): Secara zahir terdapat ayat-ayat al-Quran yang bertentangan fakta di antara satu sama lain. Pertentangan fakta ini bukan pada makna hakikat dan bukan bermaksud menunjukkan bahawa kandungan al-Quran tidak benar dan meragukan. Perbezaan fakta yang terletak dalam surah-surah yang berlainan sebenarnya adalah daripada kumpulan fakta yang sama tetapi dipisahkan oleh Allah mengikut tatacara sesebuah surah di dalam al-Quran. Contohnya ayat-ayat yang menceritakan penciptaan Nabi Adam yang pada zahirnya bertentangan. Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar.

(al-Quran, *al-Rahman*. 55: 14)

Firman Allah s.w.t.:




Maksudnya: Dan ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat: sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk.

(al-Quran, *al-Hijr*. 15: 28)

Sebenarnya, ayat-ayat tersebut menceritakan peringkat-peringkat penciptaan Nabi Adam a.s. dan bahan penciptaannya. Penggabungan huraian daripada ayat-ayat yang kelihatan berbeza tetapi mempunyai beberapa kesamaan fakta adalah sangat diperlukan untuk membantu pemahaman sesebuah ayat al-Quran.

vii) Pentafsiran menerusi bacaan qiraat yang sahih (al-Suyuti, 1983): Kesemua qiraat yang *mutawatir* adalah dikira sebagai bacaan al-Quran. Sesuatu bacaan qiraat yang *mutawatir* dapat menjelaskan sesuatu bacaan *mutawatir* yang lain. Contohnya bacaan Hamzah dan Kisaii menggunakan kalimah () di akhir ayat ini:



Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang kepada kamu orang yang fasik membawa berita hendaklah kamu selidik dengan teliti.

(al-Quran, *al-Hujurat*. 49: 6)


Perkataan () membawa maksud “menuntut kenyataan dan maklumat” manakala () yang digunakan Hamzah dan Kisaii membawa maksud “menuntut ketetapan dan ketegasan sehingga jelas sesuatu perkara.”

3.6.2 Pentafsiran Berdasarkan al-Sunnah

Rasulullah s.a.w. adalah pentafsir al-Quran utama yang menerima wahyu, memahaminya dan bertanggungjawab menyebarkannya. Para sahabat turut merujuk kepada Rasulullah s.a.w. apabila mereka menghadapi sebarang kemusykilan (Fauzi dan Mustafa, 2001). Sekiranya tugas menjelaskan maksud al-Quran tidak berlaku kepada baginda maka bererti sepanjang masa dua puluh dua tahun proses penurunan al-Quran itu, baginda sekadar menjadi manusia yang kaku dan tidak berperanan. Kalau itu berlaku maka ia adalah suatu yang mustahil pada akal yang waras (Abdul Halim, 1991).


Justeru penerangan Rasulullah s.a.w. merupakan *syarh* (kupasan) terhadap al-Quran al-Karim. Metodologi pentafsiran al-Quran berdasarkan al-Sunnah tercakup dalam beberapa situasi, iaitu:

i) Hadith menjelaskan secara umum dan menyeluruh terhadap ayat-ayat al-Quran yang padat dan ringkas (al-Sabbagh, 1988): Al-Quran tidak menerangkan secara terperinci mengenai pelaksanaan sesuatu kerana hanya menerangkan perkara dasar dan pelaksanaan dalam konteks umum. Sekiranya al-Quran menerangkan dengan lebih khusus maka kandungan al-Quran akan berada dalam kuantiti yang sangat besar. Ini menafikan peranan perutusan Rasulullah s.a.w. sebagai pembantu penyampai, penerang dan penunjuk jalan pelaksanaan wahyu Ilahi. Contohnya ayat yang memerintahkan umat Islam mengerjakan solat, firman Allah s.w.t.:



(al-Quran, *al-Hajj*. 22: 77)


iii) Hadith mengkhususkan terhadap sesuatu ayat yang umum (Tirmidhi, 1989): Ayat al-Quran yang umum boleh diertikan dengan pelbagai maksud. Justeru, pentafsiran menerusi al-hadith akan mengkhususkan maksud ayat-ayat tersebut. Contohnya hadith yang menerangkan maksud perkataan () dalam ayat:



 Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan tidak mempercampuradukkan iman mereka dengan kezaliman itulah orang-orang yang mendapat keimanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah.

(al-Quran, *al-An'am*. 6: 82)


Menurut ‘Abdullah b. Mas’ud (al-Tirmidhi, 1989), sewaktu turun ayat tersebut para sahabat agak kelam kabut kerana mereka memahami maksud *al-zulm* dalam ayat tersebut diertikan dengan makna kezaliman. Lantaran itu Rasulullah menjelaskan bahawa kezaliman di sini bukanlah sebagaimana yang dimaksudkan. Rasulullah s.a.w. menegaskan: “Apakah tidak kamu mendengar apa yang diucapkan oleh hamba yang salih” seperti yang termaktub di dalam al-Quran:



 Maksudnya: Dan ingatlah ketika Loqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: wahai anak kesayanganku, janganlah engkau menyekutukan Allah. Sesungguhnya perbuatan syirik itu satu kezaliman yang besar.

(al-Quran, *Loqman*. 31: 13)

iv) Hadith menjelaskan kemusykilan yang terdapat pada sesetengah ayat al-Quran (al-Sabbagh, 1988): Kemusykilan timbul hasil daripada ayat-ayat *mutasyabihat* atau ayat-ayat yang mempunyai perumpamaan atau misalan yang dikemukakan Allah s.w.t. Keadaan ini dapat dilihat dalam ayat yang menyebut mengenai ‘benang putih’ dan ‘benang hitam’ dalam firman Allah s.w.t (al-Bukhari, t.t.):



Maksudnya: Dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam iaitu fajar.

(al-Quran, *al-Baqarah*. 2: 187)

Terdapat sahabat yang berpendapat maksud benang ialah () yang hakikatnya sememang berwarna putih dan hitam. Akan tetapi Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa yang dimaksudkan ialah kegelapan malam dan terangnya siang.

v) Hadith menguatkan kedudukan sesuatu hukum yang terdapat pada ayat al-Quran (al-Suyuti, 1983): Sesuatu perintah Allah akan ditegaskan semula oleh Rasulullah s.a.w. Oleh itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh baginda secara langsung akan meninggikan arahan Allah s.w.t. Contohnya ayat al-Quran yang melarang pembunuhan sesama manusia:



Maksudnya: Dan jangan kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar.

(al-Quran, *al-An'am*. 6: 151)

Ayat ini diperkuatkan dengan hadith Rasulullah s.a.w. yang menyebut kes pembunuhan adalah termasuk tujuh perkara yang membinasakan seseorang.

Hadith tersebut berbunyi:

Maksudnya: Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan.” Sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah tujuh perkara itu?” Rasulullah menjawab: “menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah melainkan dengan kebenaran syarak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan pertempuran dan menuduh berzina terhadap perempuan-perempuan yang beriman yang baik lagi menjaga diri dengan tuduhan perbuatan keji.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, no. 2574, Misr: Dar wa Matabi’ al-Sya’b, t.t.)

vi) Hadith menerangkan dengan lebih meluas keterangan yang dikemukakan al-Quran (Ibn Taimiyah, t.t.): Rasulullah s.a.w. berperanan sebagai penjelas wahyu supaya dapat difahami oleh manusia. Tegasnya, baginda menerangkan dengan lebih khusus dan jelas sesuatu ayat. Contoh, Allah berfirman s.w.t.:




Maksudnya: Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu dan bagi orang-orang yang berada dalam perjalanan.

(al-Quran, *al-Maidah*. 5: 96)

Ayat di atas diterangkan dengan lebih khusus menerusi penjelasan Rasulullah s.a.w yang berbunyi: “Adalah bersih airnya dan halal bangkainya.” Situasi-situasi di atas jelas menunjukkan metodologi pentafsiran al-Quran dengan al-Sunnah sangat penting

dalam membongkar rahsia-rahsia yang tersirat di sebalik kalam Allah s.w.t.. Petunjuk al-Quran serta al-Sunnah yang ditinggalkan Rasulullah s.a.w. adalah petunjuk yang benar kerana ia dilhamkan oleh Allah. Allah s.w.t. berfirman:



Maksudnya: Dan tiadalah yang diucapkan itu menurut hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

(al-Quran, *al-Najm* 53: 3-4)

3.6.3 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat dan *Ijtihad* Sahabat

3.6.4 Para ulama telah mengistilahkan sahabat sebagai individu yang sempat berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. walaupun sesaat, beriman dan mati sebagai seorang Islam¹⁶ (Subhi, 1996). Rasulullah s.a.w. mengiktiraf peranan yang dimainkan

¹⁶ Para ulama telah meletakkan garis panduan berkaitan dengan individu yang digelar sebagai sahabat iaitu yang pertama: Pengkhabaran persahabatan bagi seseorang itu adalah dalam bentuk penyaksian *mutawatir*, seperti persahabatan sepuluh orang sahabat yang diberi berita gembira sebagai ahli syurga. Mereka terdiri daripada Khalifah yang empat, Sa'ad b. Abi Waqqas, Sa'id b. Zaid, Talhah b. 'Ubaidillah, al-Zubair b. Al-'Awwam, 'Abdul Rahman b. 'Auf dan Abu 'Ubaidah 'Amir b. al-Jarrah. Kedua: Pengetahuan mengenai persahabatan dengan Rasulullah wujud dalam pengkhabaran yang mahsyur seperti sahabat bernama Dhimmam b. Tha'labah dan 'Ukasyah b. Muhassin. Ketiga: Penyaksian yang dibuat oleh sahabat yang mahsyur kepada individu yang lain, seperti penyaksian Abu Musa al-Asy'ari ke atas Humamah b. Abi Humamah al-Dausi adalah seorang sahabat. Keempat: Seseorang yang terkenal dengan keadilannya membuat pengakuan bahawa beliau adalah sahabat di samping faktor zaman yang sesuai. Zaman yang sesuai yang dimaksudkan ialah zaman yang tidak melebihi 110 Hijrah. Lihat karangan Ibnu Hajar, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, Qahirah: penerbitan Mustafa, 1939.

Ibn al-Salah, Ibn 'Abd al-Basri dan al-Nawawi telah menceritakan bahawa berlaku *ijma'* mengatakan keseluruhan sahabat bersifat dengan adil. Lihat karangan Subhi Salih, terjemahan oleh Ariffin Omar dan Mohd. Nor Ngah, *Ilmu Hadith: Satu Pengenalan dan Kajian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Secara keseluruhannya sahabat terulung ialah isteri Rasulullah s.a.w., Khadijah bt. Khuwailid, manakala daripada kalangan orang tua ialah Waraqah b. Naufal, daripada kalangan lelaki dewasa ialah Abu Bakar al-Siddiq, daripada kalangan orang awam ialah Zaid b. Harithah, daripada kalangan hamba abdi ialah Bilal dan daripada kalangan orang Parsi ialah Salman al-Farisi. Lihat karangan 'Abd al-Wahab 'Abd al-Latif, *al-Mukhtasar fi Ibn Rijab al-Athar*, Birut: Dar al-Fikr, 1952. Sesungguhnya para sahabat telah bertebaran di seluruh negara, baik di desa dan bandar. Perkara ini menyebabkan bilangan mereka secara tepat sukar didapati dan menjadi perbincangan di kalangan ulama. Menurut Abu Zur'ah, sewaktu kewafatan Rasulullah s.a.w., para sahabat berjumlah 114,000 orang dan sahabat terakhir meninggal dunia di kalangan mereka ialah Abi al-Tufail 'Amir b. Watilah al-Laithi al-Kinani yang meninggal dunia pada tahun 100 Hijrah menurut pandangan

oleh para sahabat dalam memperkembangkan ajaran Islam. Baginda ada menyebut beberapa kelebihan sahabat, antaranya:

Maksudnya: (Antara) tanda iman ialah cinta kepada al-Ansar dan (antara) tanda munafik ialah benci kepada al-Ansar.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, no. 17, Misr: Dar wa Matabi' al-Sya'b, t.t.)

Maksudnya: Janganlah kamu mencela salah seorang pun daripada sahabatku. Seandainya kamu menginfakkan seumpama emas sebesar Uhud nescaya tidak dapat menyaingi satu gantang yang telah diinfakkan mereka serta sesekali tidak dapat menyamai (ukuran) walaupun setengah gantang (yang mampu disedekahkan sahabat).

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, no. 3673, Misr: Dar wa Matabi' al-Sya'b, t.t.)

Maksudnya: Sebaik-baik kalian adalah (golongan) kurunku kemudian golongan kurun selepas itu serta golongan kurun selepas itu pula.

(al-Nasai, *al-Sunan al-Kubra*, no. 3818, Misr: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, 1991.)

Rasulullah s.a.w. turut mengiktiraf peranan sahabat dalam penyebaran al-Quran, antaranya baginda mendoakan Ibnu 'Abbas:

Maksudnya: Wahai Tuhanku! Mantapkanlah beliau dalam (penguasaan) ilmu agama dan kurniakanlah kepadanya ilmu ta'wil.

(al-Suyuti, *al-Itqan fi 'ulum al-Quran*, tanpa no., Misr: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, 2003)

Dalam riwayat yang lain baginda menyebut kepada Ibn 'Abbas:

yang *rajih*. Lihat karangan Abu 'Amr b. Salah, *'Ulam al-Hadith*, Qahirah: penerbitan al-'Ilmiyyah Halab, 1931.

Maksudnya: Sebaik-baik pentafsir al-Quran ialah anda (Ibn 'Abbas).

(al-Suyuti, *al-Itqan fi 'ulum al-Quran*, tanpa no., Misr: Dar al-Kitab al-'Ilmiyah, 2003)

Rasulullah s.a.w. turut mendoakan 'Ali b. Abi Talib, antaranya: “Ya Allah, tetapkanlah lidahnya dan tunjukkan hatinya” (Safwat, 1999). Baginda ada menyebut Ubay b. Ka'ab adalah *Sayyid Qurra`* (pemimpin para qari) dan memilihnya sebagai salah seorang panel juru tulis wahyu kepada Rasulullah s.a.w. (al-Baqi, 1994).

Para sahabat memainkan peranan yang penting dalam penyebaran al-Quran di samping peranan Rasulullah s.a.w.. Menurut al-Tabari (2005) pentafsiran al-Quran mesti mendahulukan pandangan daripada golongan *Salaf* terutama sahabat, kemudian tabiin dan ulama-ulama terdahulu. Para sahabat mempunyai kelebihan utama kerana mereka menyaksikan sendiri wahyu yang diturunkan dan memiliki kemampuan dalam memahami kalam Allah s.w.t. serta mengetahui rahsia al-Quran melebihi kemampuan orang lain. Ibn Taimiyah (t.t.) berpendapat, Rasulullah s.a.w. menerangkan kesemua ayat kepada para sahabat. Namun, majoriti ulama berpendapat Rasulullah s.a.w. tidak menerangkan semua ayat secara mutlak kepada para sahabat (Rosmawati, 1997).

Pentafsiran al-Quran yang bersumberkan kepada *ijtihad* sahabat terbahagi kepada dua keadaan iaitu sebahagian sahabat memakai tafsir *ijtihad* sendiri dan sebahagian sahabat hanya memakai dan mengikuti tafsir yang berdasarkan riwayat hadith sahaja. (al-Dhahabi, 1989). Metodologi yang diketengahkan kebanyakan sahabat dalam mentafsirkan al-Quran adalah dengan bersumberkan riwayat daripada Rasulullah

s.a.w. sendiri. Di antara metodologi yang berlangsung pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat ialah (Rosmawati, 1997):

- a) Pentafsiran yang dilakukan hanyalah sekadar untuk menerangkan makna-makna ayat;
- b) Pentafsiran untuk kefahaman dari segi bahasa dengan keterangan yang ringkas sahaja;
- c) Pentafsiran secara umum tanpa menjelaskan atau mengistinbatkan hukum.

Menurut Fauzi dan Mustafa (2001) metodologi pentafsiran al-Quran dengan mengutamakan pendapat sahabat adalah wajar diterima dengan berpandukan kriteria-kriteria di bawah:

- i) Sanadnya baik dan tidak terputus dalam urutan para perawi tafsiran;
- ii) Perawinya bersifat adil dan mempunyai hafalan yang kuat;
- iii) Riwayat tidak bertentangan dengan *athar* sahabat lain yang lebih kuat;
- iv) Riwayat tidak bertentangan dengan hadith yang sah;
- v) Tidak bertentangan dengan dasar Islam, tidak dipengaruhi fanatisme terhadap kumpulan sahabat tertentu, tidak dimasukkan cerita khurafat, *Israiliyyat* dan kisah orang-orang *zindik*;
- vi) tidak bertentangan dengan al-Quran.

3.6.5 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat Tabiin

Para ulama telah mengistilahkan tabiin sebagai individu yang beriman dan sempat berjumpa dengan salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan mati sebagai seorang

Islam.¹⁷ Al-Khatib al-Baghdadi mensyaratkan wujud persahabatan di antara mereka dan bukan dengan sekadar berlaku perjumpaan (Subhi, 1996).

Ulama berbeza pandangan tentang metodologi tafsir al-Quran dengan menggunakan pendapat tabiin (Muhammad Hamd, 1999). Ada ulama yang menyokong metodologi ini dan mereka meletakkan dalam kelompok *al-Tafsir bi al-Ma`thur*. Alasannya ialah para tabiin kebiasaannya mendapat pengetahuan tafsiran ayat al-Quran daripada para sahabat. Selain itu ada juga ulama seperti Ibn 'Aqil dan Syu'bah yang tidak menyetujui pandangan tersebut (al-Dhahabi, 1989). Mereka mengatakan kaedah ini adalah termasuk dalam *al-Tafsir bi al-Ra`yi*. Menurut mereka, kedudukan tabiin adalah sama dengan kedudukan *mufasssir* yang lain (Safwat, 1999).

Sesetengah tabiin mendapat didikan langsung daripada para sahabat. Al-Zarqani (1996) menukilkan terdapat tiga pusat pengajian utama tafsir di zaman tabiin iaitu Makkah al-Mukarramah, Madinah al-Munawwarah dan Iraq.

Pendapat ulama yang mengatakan perlu mengambil tafsiran tabiin sebenarnya harus dilihat berdasarkan beberapa aspek. Sekiranya para tabiin bersepakat di atas sesuatu pendapat dalam sesebuah tafsiran, maka pada waktu itu kita perlu mengambil tafsiran tabiin kerana kesepakatan mereka sudah menunjukkan bahawa adanya sandaran atau

¹⁷ Menurut al-Khatib al-Baghdadi, individu yang dianggap sebagai tabiin mestilah mempunyai persahabatan dengan sahabat dan bukan sekadar berjumpa sahaja. Lihat al-Suyuti, *al-Tadrib: tadrib al-Rawi, Syarah Taqrib al-Nawawi*, Misr: Dar al-Fikr, 1976.

Menurut pandangan al-Hakim, *tabaqat* (generasi) tabiin yang terakhir ialah mereka yang sempat berjumpa dengan sahabat yang terakhir meninggal dunia. Sahabat yang terakhir wafat di Makkah ialah Abu al-Tufail, di Madinah ialah al-Saib, di Syam ialah Abu Umamah, di Kufah ialah 'Abdullah b. Abi Aufa dan di Basrah ialah Anas bin Malik. Tabiin yang terakhir meninggal dunia ialah Khalaf b. Khalifah yang meninggal dunia pada tahun 181 Hijrah. Beliaulah individu terakhir yang sempat bertemu sahabat terakhir yang wafat di Makkah iaitu Abu al-Tufail. Berdasarkan kepada inilah zaman tabiin berakhir pada akhir tahun 181 Hijrah. Lihat karangan Ibn Kathir, *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, Qahirah: Dar al-Fikr, 1951.

bukti yang menyokong pendapat tersebut (Ibn Kathir, 2003). Contoh tafsir tabiin dapat dilihat menerusi ayat ini (al-Suyuti, 1983):




Maksudnya: Dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu keyakinan.

(al-Quran, al-Hijr, 15: 99)

Ibn Jarir, Ibn al-Mundhiri dan Ibn Abi Hatim meriwayatkan bahawa Mujahid mentafsirkan “*al-yaqin*” pada ayat tersebut dengan makna kematian.

3.7 Perkembangan Sejarah Ilmu Tafsir

Allah s.w.t. menurunkan al-Quran khusus kepada Nabi Muhamamad s.a.w. untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. Allah telah memberi *taklif* (tanggungjawab) kepada baginda untuk menghafaz dan menerangkannya. Allah s.w.t. berfirman:



Maksudnya: Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulkan (di dalam dadamu) dan (memahirkannya) untuk membacanya. Apabila kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan kamilah penjelasannya.

(al-Quran, *al-Qiyamah*. 75: 17-19)

Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari tuhanmu.

(al-Quran, *al-Maidah*. 2: 67)

Rasulullah s.a.w. adalah gambaran daripada kehendak al-Quran. Baginda telah menghafaz, memahami dan menyebarkan keseluruhan wahyu (al-Qatan, 2000). Para sahabat mewarisi al-Quran dan ilmu berkaitannya seperti *tafsir* dan *qiraat*. Kemudian mereka mewariskan kepada generasi tabiin dan akhirnya tersebar ke seluruh alam.

Ilmu tafsir turut mempunyai sejarahnya yang tersendiri seperti ilmu-ilmu yang lain. Ilmu ini mula berkembang dari wahyu pertama dan ia adalah antara ilmu terawal dalam dunia Islam. Perkembangan dan sejarah ilmu ini telah menempuh beberapa zaman. Kitab tafsir yang dihasilkan juga selari dengan perkembangan zaman tersebut dan memenuhi keperluan generasi setiap zaman itu (Ibn Sa'ad, t.t.).

Sejarah awal perkembangan tafsir dapat dibahagikan kepada tiga zaman iaitu (Ibn Taimiyah, t.t.):

- i) Perkembangan tafsir pada zaman Rasulullah s.a.w.;
- ii) Perkembangan tafsir pada zaman sahabat;
- iii) Perkembangan tafsir pada zaman tabiin.

3.7.1 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah s.a.w.

3.7.2 Peranan Rasulullah s.a.w. telah bermula sejak wahyu pertama diturunkan di Gua Hira`. Pada peringkat pertama, baginda berperanan sebagai penerima wahyu dan kemudian menerima arahan untuk menyampaikannya. Keadaan ini membuktikan perkembangan tafsir al-Quran telah bermula semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w. lagi lantaran bagindalah orang pertama diperintahkan Allah s.w.t. untuk menyebarkannya. Pentafsiran al-Quran berlaku melalui hadith-hadith Rasulullah

s.a.w. yang tidak dibukukan lagi ketika itu. Pentafsiran al-Quran belum dibukukan lagi ketika hayat baginda kerana beberapa faktor iaitu (Rosmawati, 1997):


- a) Para sahabat tidak dibenarkan mencatat hadith secara berleluasa kerana dibimbangi akan bercampur dengan kandungan ayat al-Quran. Tafsiran Rasulullah s.a.w. juga termasuk dalam kumpulan hadith;
- b) Para sahabat lebih gemar menghafaz tafsiran dan hadith itu sendiri setelah mendapatkan daripada Rasulullah;
- c) Zaman tersebut mengalami kekurangan bahan catatan yang sempurna dan bahan yang tersedia lebih dimanfaatkan untuk mencatat ayat-ayat al-Quran;
- d) Al-Quran sendiri belum ditulis dalam sebuah mashaf. Ia wujud dalam pelbagai bahan catatan seperti pelepah kurma dan kulit binatang. Keadaan ini memustahilkan ilmu-ilmu lain dibukukan terlebih dahulu sebelum ilmu (al-Quran) itu sendiri dibukukan.

Pentafsiran di zaman Rasulullah s.a.w. adalah yang paling utama serta tinggi nilainya. Pentafsiran ketika itu tidak dinamakan dengan *al-Tafsir*. Ini bertujuan untuk mengelak tanggapan umat Islam dan masyarakat umum bahawa sumber rujukan utama Islam ialah al-Quran dan tafsiran al-Quran sahaja. Oleh itu, fahaman yang meletakkan ilmu tafsir melebihi hadith itu sendiri dapat diatasi kerana hadith mempunyai skop yang sangat luas yang merangkumi seluruh ilmu al-Quran. Sebenarnya *tafsir* turut terkandung di dalam *hadith* kerana hadith adalah penjelasan kepada kehendak wahyu.

Perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak berkembang pesat. Hanya baginda sahaja yang memainkan peranan utama selaras dengan tugas kerasulan manakala para sahabat pula hanya memberi perhatian dan pengajaran yang diberi oleh Rasulullah s.a.w. (Fauzi dan Mustafa, 2001).

Ulama berbincang mengenai tafsiran al-Quran yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. mengenai adakah ia melibatkan kesemua tafsiran terhadap al-Quran. Persoalan ini timbul kerana ia berkaitan dengan isu perkembangan pentafsiran al-Quran selepas kewafatan baginda, adakah ia melibatkan penemuan tafsiran baru terhadap al-Quran atau perkembangan yang berlaku hanya melibatkan ilmu tafsiran yang tersedia dari zaman Rasulullah s.a.w..

Ibn Taimiyah (t.t.) menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. menerangkan setiap ayat yang terdapat di dalam al-Quran berpandukan dalil:



Maksudnya: Dan kami turunkan kepada kamu al-Quran, agar kamu menerangkan kepada manusia apa yang diturunkan kepada mereka moga-moga mereka memikirkan.

(al-Quran, *al- Nahl* 16: 44)

Al-Suyuti (2003) berpendapat Rasulullah s.a.w. tidak menjelaskan semua ayat al-Quran. Alasannya Rasulullah s.a.w. memberi ruang kepada para sahabat untuk berfikir dan berijtihad terhadap maksud tersirat. Jika Rasulullah s.a.w. menjelaskan kesemua makna tersirat kepada para sahabat, akan samalah pencapaian ilmu mereka, maka secara tidak langsung tidak bererti lagi doa Rasulullah s.a.w. terhadap Ibn 'Abbas (Fauzi dan Mustafa, 2001). Hujah ini tidak bermaksud menafikan peranan

baginda sebagai rasul kerana sesungguhnya baginda telah menyebarkan keseluruhan wahyu secara sempurna.

Menurut Samir 'Abd al-'Aziz Syaliwah (t.t.) wajar kita mengambil sikap sederhana atau pertengahan dalam isu ini. Berdasarkan sejarah perkembangan pentafsiran al-Quran dan penelitian terhadap kitab-kitab tafsir muktabar, Rasulullah s.a.w. telah mentafsirkan sebahagian al-Quran kemudian diteruskan oleh para sahabat dalam mengetengahkan tafsiran yang sedia ada dan menjelaskan maksud yang tidak diterangkan Rasulullah s.a.w.. Antara hikmah Rasulullah s.a.w. meninggalkan sebahagian tafsiran al-Quran ialah seperti berikut (al-Dhahabi, 1989):

- a) Rasulullah s.a.w. tetap menerangkan isi al-Quran tetapi meninggalkan sesetengahnya untuk dijadikan medan *ijtihad* kepada umat Islam. Perkara-perkara yang tidak diterangkan tidak memberi mudarat kepada umat Islam bahkan memberi manfaat kepada mereka apabila mereka mengkaji al-Quran.
- b) Manusia dapat menemui kebenaran al-Quran apabila mereka menafsirkan al-Quran dengan menggunakan ilmu-ilmu tambahan yang wujud secara bersistem selepas zaman Rasulullah s.a.w. seperti astronomi dan perubatan.
- c) Para sahabat dapat memainkan peranan menggunakan ilmu yang dipelajari daripada Rasulullah s.a.w. untuk mentafsirkan al-Quran dan seterusnya melatih generasi seterusnya ber*ijtihad* terhadap perkara-perkara semasa yang melanda umat. Fenomena ini turut berlaku dalam perkembangan ilmu *fiqh* dan ilmu *tauhid*.

- d) Mewujudkan tafsiran berdasarkan pelbagai pendapat *ijtihad* yang tepat yang bakal memudahkan pemahaman dan pengamalan umat Islam.

Manifestasi daripada peranan yang dimainkan Rasulullah s.a.w. dalam konteks mengembangkan pentafsiran al-Quran ialah:

- a) berperanan sebagai pembaca al-Quran;
- b) memperjelaskan maksud al-Quran;
- c) menggalakan penyebaran al-Quran;
- d) mendidik para sahabat memahami maksud al-Quran;
- e) baginda adalah “terjemahan” daripada kehendak al-Quran;
- f) memerintahkan penulisan al-Quran;
- g) memerintahkan para sahabat menghafaz al-Quran;
- h) memberi keizinan kepada para sahabat untuk menghuraikan maksud sebenar al-Quran dan mendoakan mereka agar beriltizam dengan al-Quran.

3.7.2 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Sahabat

Kebanyakan sahabat utama Rasulullah s.a.w. mempunyai kepakaran dalam mentafsirkan al-Quran. Antaranya *al-Khulafa' al-'Arba'ah* (Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Ubay b. Ka'ab, Zaid b. Thabit, Abu Musa al-Asy'ari dan 'Abdullah b. al-Zubair (al-Suyuti, 1989). Mereka amat mahir dibantu oleh faktor persamaan bahasa iaitu bahasa Arab (al-'Ak, 1994). Pengalaman mereka bersama Rasulullah s.a.w. banyak memberi inspirasi berguna dalam mengembangkan wahyu Allah s.w.t.. Mereka terlibat menyaksikan penurunan wahyu dan penyebarannya (al-Zarqani, 1996). Ulama menyebut bahawa para sahabat adalah

antara manusia yang sangat mulia di sisi Allah s.w.t. kerana pengorbanan mereka bersama utusan Allah s.w.t. dan melaksanakan amanah Islam yang dipusakakan.

Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., penyebaran al-Quran mesti diteruskan. Para sahabat menerangkan dan mentafsirkan al-Quran berdasarkan empat sumber iaitu al-Quran, *hadith*, *Ijtihad* dan pendapat dari Ahli Kitab (al-Dhahabi, 1989).

Kefahaman para sahabat terhadap isi kandungan al-Quran adalah tidak sama (al-Qatan, 2000). Namun perselisihan pandangan tidaklah begitu ketara seperti yang berlaku pada zaman tabiin. Perbezaan ini adalah disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah latar belakang sahabat yang berbeza di antara satu sama lain. Ada sahabat yang memeluk Islam terlebih dahulu seperti Abu Bakar, 'Ali, 'Umar dan 'Uthman dan ada yang memeluk Islam pada masa terkemudian seperti Abu Hurairah. Hal ini juga disebabkan faktor kesibukan dalam pemerintahan dan peluasan empayar Islam. Selain itu, ada sahabat yang meninggal ketika usia masih muda sebelum sempat melebarkan pengaruh ilmu yang dimiliki (al-Suyuti, 2003). Fakta-fakta lain lagi ialah tempoh persahabatan yang lama bersama Rasulullah s.a.w.. Sahabat yang bergaul lama dengan baginda sudah tentu banyak menguasai ilmu berbanding dengan sahabat yang mempunyai batasan waktu dan sempat bersahabat seketika sahaja.

Selain itu, keupayaan daripada sudut bahasa dan kesasteraan yang berbeza turut menyebabkan perbezaan pendapat dalam pentafsiran al-Quran. Pernah berlaku 'Umar al-Khattab berkhotbah di atas mimbar dan membaca () dan menegaskan:

Adapun makna fakihah kita telah mengetahui maknanya tetapi mengenai kalimah abba maka aku tidak mengetahuinya. Ini menyusahkan kamu wahai 'Umar, tiada yang akan menyusahkan dan memudharatkan Ibn Khattab apabila ia tidak mengetahui perkataan itu.

(al-Qatan, 2000)

Ucapan ini menunjukkan kadang kala berlaku kemusykilan terhadap istilah bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan golongan sahabat berijtihad mengikut kadar keupayaan bahasa masing-masing. Para sahabat adalah generasi yang menyebabkan berlaku *Asbab al-Nuzul*. Namun tidak semua sahabat menyaksikan secara langsung episod penurunan wahyu. Sahabat yang terlibat akan dapat menghuraikan maksud ayat dengan lebih jelas.

Faktor-faktor ini menyebabkan perkembangan pentafsiran al-Quran berlaku secara berperingkat. Ia tidak disempurnakan keseluruhannya ketika generasi awal Islam meskipun para sahabat mempunyai pelbagai kelebihan. Pada peringkat awal, kandungan al-Quran tidak ditafsirkan secara mendalam. Pentafsiran mendalam hanya melibatkan sesetengah ayat yang sukar difahami sahaja (Ibn Taimiyah, 1390H). Ini disebabkan faktor kefahaman mereka sudah pun mendalam tanpa memerlukan pentafsiran lanjut dan mereka diiktiraf memiliki keimanan yang utuh.

Antara perkembangan yang berlaku ialah penyampaian ilmu tafsir berlangsung dalam salah satu cabang pengajian hadith. Sebarang tafsiran al-Quran belum dibukukan secara rasmi disebabkan tumpuan sahabat lebih kepada hadith dan kesibukan melaksanakan tugas yang diwariskan daripada Rasulullah (al-Dhahabi, 1989). Penyampaian dan periwayatan tafsiran al-Quran tidak membabitkan perbincangan *fiqh* dan *ilmu kalam* secara khusus kerana keadaan masih terkawal daripada keadaan perselisihan serius dan belum digagaskan sebarang mazhab.

3.7.3 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Tabiin

Zaman ini bermula pada awal abad kedua Hijrah hingga abad keempat Hijrah. Islam mula tersebar luas dan negara jajahan Islam berkembang hingga ke negara bukan Arab (Ibn Sa'ad, t.t.). Para sahabat terkemuka telah berpindah ke kota-kota baru untuk mentadbir negara Islam. Keadaan ini secara tidak langsung melibatkan perpindahan ilmu dan berlaku perkembangan positif dalam pentafsiran al-Quran. Para tabiin yang tidak berkesempatan menemui Rasulullah s.a.w. mengambil inisiatif berjumpa dengan para sahabat bagi mempelajari ilmu pengetahuan termasuk tafsiran al-Quran. Lantaran itu, wujud tiga madrasah utama pengajian tafsir iaitu (al-Dhahabi, 1989):

i) Madrasah di Makkah: Madrasah ini diasaskan oleh 'Abdullah b. 'Abbas. Pengajian dijalankan di dalam Masjid al-Haram. Madrasah ini berjaya melahirkan beberapa *mufasssir* di kalangan tabiin seperti Mujahid, 'Ata` b. Abi Rabah, 'Ikrimah, Tawus dan Sa'id b. Jubair (al-Suyuti, 2003).

ii) Madrasah di Madinah: Ulama tafsir di kalangan tabiin muncul begitu ramai di Madinah. Ini kerana kedudukan Madinah sebagai tempat utama para sahabat Rasulullah s.a.w.. Madrasah ini dipelopori Ubay b. Ka'ab. Antara tokoh-tokohnya ialah Muhammad b. Ka'ab al-Quradi, Abu 'Aliyah al-Riyahi dan Zaid b. Aslam (al-Qatan, 2000).

iii) Madrasah di Iraq: Pengajian tafsir di Iraq turut melahirkan ulama-ulama tafsir yang terkemuka. Madrasah ini diasaskan oleh 'Abdullah b. Mas'ud. Antara murid-murid beliau ialah Hasan al-Basri, Masruq b. al-Ajda', Qatadah

b. al-Hamzani, 'Ata` b. Abi Muslim al-Khurasani dan Murrah al-Hamzani (al-Zarqani, 1996).

Para tabiin mempunyai metodologi tersendiri dalam mentafsirkan al-Quran. Sumber yang dipegang mereka ialah penjelasan yang terdapat di dalam al-Quran, pentafsiran berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w., para sahabat, dan pandangan Ahli Kitab serta berijtihad dalam mentafsirkan ayat al-Quran (al-Dharqani, 1996).

Ulama pertama daripada golongan tabiin yang berusaha merintis penulisan tafsiran al-Quran ialah Mujahid (Amanah, 1993). Selepas itu, muncul ulama-ulama lain yang berperanan mengumpul tafsir al-Quran yang berada di pelbagai tempat. Antara ulama terkenal yang menjadi pengumpul segala tafsir ayat al-Quran yang berselerak itu ialah Sufian Ibn 'Uyainah (wafat 198 H), Waki' Ibn al-Jarah (wafat 197 H), Syu'bah Ibn al-Hajjaj (wafat 160 H) dan Yazid b. Harm al-Salimi (wafat 117 H) (al-Qatan, 2000). Di samping itu hasil daripada inisiatif yang dirintis Mujahid, lahir beberapa kitab tafsir terawal yang terkenal pada peringkat zaman tabiin iaitu *Tafsir al-Sa'udi*, *Tafsir Ibn Juraij*, *Tafsir Maqatil* dan *Tafsir Muhammad Ibn Ishaq* (Amanah, 1993).

Meskipun berlaku perkembangan pesat pada zaman ini berbanding zaman sahabat, tetapi pentafsiran al-Quran lebih melibatkan pengajaran secara lisan dan sesi periwayatan. Proses pembukuan masih belum ketara. Perkembangan baru yang berlaku pada zaman ini ialah kemasukan unsur *Israiliyyat* dalam pentafsiran al-Quran. Ini disebabkan ramai Ahli Kitab memeluk Islam. Golongan tabiin menukikan cerita-cerita *Israiliyyat* untuk menyokong hujah dalam pentafsiran

berdasarkan riwayat ‘Abdullah b. Salam, Ka’ab Ibn al-Ahbar, Wahab Ibn Munabbih dan ‘Abd al-Malik Ibn al-‘Aziz Ibn Juraij (Amanah, 1993).

3.8 Tokoh-Tokoh Mufassir Dan Klasifikasi Tafsiran Al-Quran

Mufassir adalah individu yang turut berjasa kepada perkembangan Islam. Mereka tersenarai dalam golongan ulama yang mendapat keistimewaan khas daripada Allah s.w.t. di akhirat kelak. Sumbangan mereka menyampaikan ayat al-Quran, menerangkannya dan menyusun penulisan berkenaan tafsir al-Quran merupakan kesinambungan peranan yang dimainkan oleh Rasulullah s.a.w..

Peredaran zaman melahirkan ramai para pentafsir al-Quran semenjak zaman baginda hingga kini (al-Sabuni, t.t.). Mengikut catatan Abebakar Atjeh (1980) di dalam bukunya *Falsafah al-Quran*, para *mufasir* di kalangan sahabat dan tabiin berkembang mengikut tempat pentadbiran dan pengajian Islam pada zaman tersebut. Antaranya Madinah al-Munawwarah dan Makkah al-Mukarramah. Pengajian di Madinah lebih maju berbanding Makkah yang mempunyai sejarah tekanan daripada kafir musyrikin sebelum zaman penguasaan Islam. Di samping itu, Masjid al-Nabawi berfungsi sebagai tempat pengajian dan tempat pelaksanaan pelbagai agenda kemasyarakatan di zaman Rasulullah s.a.w..

Selain itu, para sahabat telah mendirikan beberapa tempat pengajian tafsir selepas kewafatan baginda. Pengajian ini pada asalnya adalah penerangan mengenai al-sunnah dan periwayatan hadith kemudian turut diserikan dengan pengajian penerangan kepada al-Quran. Para sahabat mempunyai pelbagai ilmu dan kemahiran masing-masing. Ada di kalangan sahabat yang mahir dalam hadith seperti Ibn ‘Umar

dan ada yang mahir dalam pentafsiran al-Quran seperti Ibn 'Abbas. Madrasah-madrasah ini telah melahirkan beberapa tokoh *mufasssir* terkenal di kalangan tabiin iaitu (Abebakar, 1980):

- a) Mujahid, 'Ata` b. Abi Rabah, 'Ikrimah, Tawus dan Sa'id b. Jubair (madrasah tafsir di Makkah).
- b) Muhammad b. Ka'ab Al-Quradi, Abu 'Aliyah al-Riyahi dan Zaid b. Aslam (madrasah tafsir di Madinah).
- c) Hasan al-Basri, Masruq b. al-Ajda', Qatadah b. al-Hamzani, 'Ata` b. Abi Muslim al-Khurasani dan Murrah al-Hamzani (madrasah tafsir di Iraq).

Antara nama *mufasssir* yang mahsyur mengikut kelompok tahun dan latar belakang petempatan mereka iaitu pada era 57 Hijrah hingga 170 Hijrah ialah (Abebakar, 1980):

- a) Madinah (57 -170 Hijrah):

Abu Hurairah, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Abu al-Harith al-Mahdhumi, Abu Hamzah al-Khazraj, Sa'id b. Mussayab, 'Urwah b. Zubaid, 'Umar b. 'Abd al-'Aziz, 'Ala` Ibn Yasar al-Hilali, Sulaiman Ibn Yasar, 'Aban Ibn 'Uthman, Muslim Ibn Jundab, Abu Ja'far Muhammad al-Baqir, Abu Daud 'Abd al-Rahman Ibn Syihab Al-Zuhri, Yazib Ibn Qa'qa', Ja'far al-Sadiq dan Nafi'.

- b) Makkah (100-130 Hijrah):

Ibn al-Sa'id, Abu A'sim, al-Laithi, Dirbas, Tawud Ibn Kaisar, 'Ikrimah al-Barbani dan Ibn Mahaisin.

c) Kufah (53-100 Hijrah):

'Amar Ibn Syurahbil, al-Qama al-Nakhai, al-Rabi' Ibn Khusani al-Thauri, Masruq al-Hamdani, Harith al-Hamdani, 'Abidah Ibn Amr, Abu 'Abd al-Rahman, 'Ubaid Ibn Nudailah, 'Amr Ibn Maimun, al-Aswad Ibn Yazid al-Nakha'i, Sa'id b. Jubair, Ibrahim al-Nakha'iy dan Abu 'Amr al-Syaibani.

d) Damsyiq (80-170 Hijrah):

Khalid Ibn Sa'ad, al-Mubhirah Ibn Syihab, Ibnu 'Amir, 'Atiya Ibn Qais, Yahya Ibn Harithi, Abu Bahriya dan Khalid Madan.

e) Basrah (69-160 Hijrah):

Abu Aswad al-Duali, Hitan Ibn 'Abd-Allah, Yahya Ibn Ya'mar, Nasr Ibn 'Asim, Abu al-A'liya, Yahya Ibn Wasah, Dallah, Yahya Ibn Ya'mar, Nasr Ibnu 'Asim, Abu al-'Umar al-Hamdani, Abu Raja', al-Hasan, Ibn Sirin, Qatadah, Ibn Abi Ishaq, 'Asim, 'Isa Ibn 'Umar al-Saqafi dan Abu 'Amr Ibn 'Ala.

Selepas zaman yang disebutkan di atas, muncul beberapa ulama yang menyumbang jasa melalui penulisan yang lebih bersistematik. Penulisan tersebut berlaku pada zaman *mutaakhirin* dan zaman moden.

3.8.1 Tafsir Zaman *Mutakhirin*

Pentafsiran dan pembukuan al-Quran mengalami perkembangan pesat pada zaman *mutakhirin*. Ia berlangsung selama hampir lapan abad, iaitu bermula dari awal abad keempat Hijrah hingga abad kedua belas Hijrah. Terdapat tiga klasifikasi tafsir yang

berkembang dan kemudiannya menjadi klasifikasi terpenting dalam menilai gaya pentafsiran. Klasifikasi tersebut ialah (Muhammad, 1996):

- i) *al-Tafsir bi al-Ma`thur*;
- ii) *al-Tafsir bi al-Ra`yi*;
- iii) *al-Tafsir al-Isyari*.

3.8.1.1 Definisi *al-Tafsir bi al-Ma`thur*

Al-Tafsir bi al-Ma`thur* bermaksud tafsir yang berpegang teguh kepada riwayat yang sahih. Ia merangkumi tafsir al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadith, atau dengan riwayat sahabat, atau dengan riwayat tabiin (al-Dhahabi, 1989). *Al-Tafsir bi al-Ma`thur terbahagi kepada dua kaedah iaitu (Safwat, 1999):

- i) Secara lisan: Pentafsiran al-Quran dilakukan melalui periwayatan Rasulullah kepada para sahabat atau periwayatan sesama sahabat atau periwayatan sahabat kepada tabiin.
- ii) Secara penulisan atau pembukuan: Pentafsiran al-Quran berdasarkan riwayat daripada Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabiin yang dibukukan sebagai himpunan tafsir yang tepat dan sahih.

Antara kitab tafsir dalam klasifikasi ini ialah *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*¹⁸, *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran*¹⁹, dan *Tafsir al-Quran al-'Azim*²⁰.

¹⁸ Lihat *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran* oleh Ibn Jarir al-Tabari (2005). Kitab ini mengandungi sebanyak 30 jilid. Ia adalah kitab tafsir terulung yang lengkap dalam sejarah pembukuan ilmu-ilmu tafsir. Tafsir ini memuatkan ilmu yang tinggi, pendapat yang tepat dan nas yang sempurna berdasarkan *sanad* yang lengkap.

¹⁹ Lihat *Al-Jami' li Ahkam al-Quran* oleh Abu 'Abd-Allah Muhammad b. Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (2000). Al-Qurtubi menggunakan pendekatan tersendiri yang memudahkan para pembaca memahami kitab tersebut. Al-Suyuti mengatakan kitab tersebut adalah kitab yang mahsyur dan penuh dengan keberkatan. Al-Qurtubi berjaya memuatkan pelbagai jenis ilmu agama sebagai sandaran hujah. Kitab ini juga dianggap sebagai kitab Tafsir al-Quran yang mempunyai kecenderungan kepada perbahasan fiqh.

3.8.1.2 Definisi *al-Tafsir bi al-Ra`yi*

Al-Tafsir bi al-Ra`yi bermaksud pentafsiran al-Quran yang mengaplikasikan penerangan makna ayat dengan menggunakan *ijtihad* yang tersendiri (al-Qatan, 2000). Tafsir ini terbahagi kepada dua, iaitu (al-Dharqani, 1996):

- i) *Tafsir bi al-Ra`yi al-Madhmum* (tafsir yang tercela) iaitu pentafsiran yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak berkelayakan atau berdasarkan hawa nafsu atau mentafsir dengan konsep yang batil untuk menyokong golongan tertentu;
- ii) *Tafsir bi al-Ra`yi al-Mamduh* (tafsir yang terpuji) iaitu pentafsiran yang dilakukan berdasarkan ilmu yang mantap dalam bahasa 'Arab, kaedah perundangan dan asas-asas agama seperti ilmu *Usul Fiqh*, *Hadith* dan sebagainya.

Penggunaan kaedah tafsir ini semakin berkembang selepas zaman Rasulullah s.a.w. Ia selaras dengan kebebasan ber*ijtihad* dalam lapangan tafsir al-Quran. Selain itu, muncul golongan baru dalam Islam yang terdiri daripada *Khawarij*, *Syi'ah*, *Mu'tazilah*, *Murjiah* dan lain-lain. Setiap golongan mempunyai tokoh dan pengikut yang berusaha mentafsirkan al-Quran mengikut ideologi masing-masing. Akhirnya muncul *Tafsir Madhabi* yang mengetengahkan pegangan utama mereka yang terdiri

²⁰ Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim* oleh 'Imad al-Din Isma'il b. 'Amr bin Kathir al-Basri al-Dimasyqi (2000). Ibn Kathir memasukkan beberapa perbincangan fiqh di dalam kitab ini. Beliau mengemukakan metodologi yang kemas dan lebih ringkas berbanding tafsir karangan al-Tabari. Beliau turut memuatkan unsur-unsur kisah *Israiliyyat* dan pada masa yang sama kedapatan ingatan beliau kepada para pembaca supaya berwaspada dengan *Israiliyyat* yang tertolak.

daripada pendapat-pendapat peribadi dan *ijtihad* dalam memahami al-Quran ('Abd al-Wahhab, 1978). Antara sumber-sumber yang digunakan dalam *al-Tafsir bi al-Ra'yi* ialah (al-Zarqani, 1996):

- i) Merujuk terus kepada al-Quran;
- ii) Mengambil hadith dari Rasulullah dengan menghindarkan hadith yang *da'if* dan *maudu'*;
- iii) Mengambil riwayat yang sahih daripada sahabat dan tabiin;
- iv) Mengaplikasikan ilmu bahasa untuk mendapatkan ketepatan makna, kecuali pada kalimah yang mengandungi makna yang sudah meluas difahami bangsa Arab itu sendiri;
- v) mentafsirkan ayat berdasarkan makna dan huraian tersendiri yang dianggap tidak lari daripada maksud sebenar al-Quran.

Antara karya *al-Tafsir bi al-Ra'yi* yang terkenal ialah *Tafsir al-Kasyaf* ²¹, *al-Tafsir al-Kabir* ²², *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani* ²³.

²¹ Lihat *Tafsir al-Kasyaf* oleh Abu al-Qasim Mahmud b. 'Umar al-Khawarizmi al-Zamakhshari (t.t.). Al-Zamakhshari banyak menyebut mengenai kelebihan dan mukjizat yang terkandung di dalam al-Quran. Kitab ini tidak memuatkan unsur-unsur *Israiliyyat* dan tidak mengulas sesuatu ayat dengan kadar terlalu panjang. Kitab ini juga turut memuatkan beberapa pandangan *Mu'tazilah*.

²² Lihat *Al-Tafsir al-Kabir* oleh Abu 'Abd-Allah Muhammad b. 'Umar b. al-Husain b. Hasan b. 'Ali al-Tamimi al-Bakri al-Tabaristani al-Razi (1995). Kitab ini juga dikenali dengan nama *Mafatih al-Ghaib*. Ia dianggap kitab aliran *al-Tafsir bi al-Ra'yi* yang terbesar dihasilkan. Al-Razi berjaya menghasilkan kitab ini dalam bentuk mirip kepada sebuah ensiklopedia. Beliau bertindak memasukkan ilmu-ilmu sokongan seperti matematik dan fizik yang menambah seri persembahan penulisannya.

²³ Lihat *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani* oleh Abu al-Thana Syihab al-Din Mahmud b. Abd-Allah al-Alusi (1994). Al-Alusi sangat menitikberatkan *aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* di dalam kitab ini dan menentang fahaman lain seperti *Syi'ah* dan *Mu'tazilah*. Beliau juga mengetengahkan ilmu tasawuf sebagai wacana pentafsiran ayat al-Quran. Di samping itu, ilmu *Qiraat* turut dimanfaatkan.

3.8.1.3 Definisi *al-Tafsir bi al-Isyari*

Klasifikasi ini turut dikenali dengan *Tafsir al-Sufi*. Ia bermaksud pentafsiran al-Quran dengan tidak berpandukan kenyataan zahir ayat disebabkan terdapat ilmu-ilmu tersembunyi yang hanya dapat ditemui oleh ahli Tasawwuf sahaja. Penta'wilan yang berlaku tetap mempunyai hubung kait dengan maksud zahir ayat (al-Zarqani, 1996).

Para ulama meletakkan beberapa syarat yang perlu untuk membolehkan tafsir ini diterima. Syarat-syarat tersebut ialah (al-Zarqani, 1996, Safwat, 1999, al-'Ak, 1994):

- i) Pentafsiran sufi ini tidak bertentangan dengan kenyataan ayat al-Quran dan zahir maknanya;
- ii) Tidak bertentangan dengan syariat dan akal;
- iii) Penta'wilan mestilah tidak terlalu asing dengan kaedah pentafsiran al-Quran yang lain;
- iv) Perlu meneliti dan memahami makna ayat-ayat al-Quran secara zahir terlebih dahulu dan tidak dibenarkan mendahulukan pentafsiran secara batin.

Antara karya *Tafsir al-Isyari* yang terkenal ialah *al-Futuh al-Makkiyah*²⁴, *Tafsir al-Quran al-'Azim*²⁵ dan *Ta'wilat al-Quran*²⁶.

²⁴ Lihat *Al-Futuh al-Makkiyyah* oleh Muhammad b. 'Ali b. Muhammad b. Ahmad b. 'Abd-Allah al-Khatimi al-Ta'iy al-Andalusi (t.t.). Pengarang kitab ini juga dikenali dengan panggilan Ibn 'Arabi. Beliau mewujudkan kelainan dengan mengemukakan kaedah pentafsiran bersifat kesufian. Tafsiran beliau kadang kala menyukarkan orang awam untuk memahaminya. Namun kewujudan kitab ini mendapat reaksi positif daripada para ulama.

²⁵ Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim* oleh Abu Muhammad Sahl b. 'Abd-Allah al-Tustari (1908). Kitab ini sebenarnya disusun oleh Abu Bakar Muhammad b. Ahmad al-Baladi dan disandarkan kepada al-Tustari. Al-Tustari berkemahiran menerangkan makna al-Quran secara zahir dan batin. Kedapatan beberapa pentafsiran yang dilakukannya kurang jelas kerana melibatkan makna-makna yang asing. Walaupun kitab ini dianggap mempunyai kekurangan dan terhimpun dalam satu jilid sahaja namun ia tetap istimewa kerana memuatkan jawapan kepada beberapa keraguan yang telah dikemukakan musuh-musuh Islam.

²⁶ Lihat *Ta'wilat al-Quran* oleh 'Abd al-Razzaq b. Ahmad Jamal al-Din al-Qasyani (t.t.). Para ulama sepakat mengatakan tafsir ini merupakan karya yang dihasilkan oleh al-Qasyani tetapi disandarkan

3.8.2 Tafsir Zaman Moden

Pentafsiran dan pembukuan al-Quran pada zaman moden bermula pada awal abad ke-14 Hijrah, atau akhir abad ke-19 Masihi. Pada masa itu, sebahagian besar negara umat Islam berada di bawah penjajahan Barat dan umat Islam menghadapi pelbagai bentuk penindasan dan penentangan (Rosmawati, 1997). Lantaran itu muncul beberapa *mujaddid* Islam yang berjuang menerusi pelbagai wacana termasuk aktiviti penyampaian tafsir al-Quran dan penulisannya. Reformis Islam dan ulama moden lebih banyak memasukkan pendapat sendiri tanpa membelakangkan kaedah pentafsiran yang sebenar. Pendapat-pendapat itu berorientasi menimbulkan kesedaran dan semangat umat Islam kembali kepada Islam dan berjuang menentang penjajahan. Kitab tafsir moden merupakan jelmaan semula daripada kitab-kitab lama. Antara kesamaan yang terdapat dalam kitab tafsir moden ialah:

- a) Menukilkan pandangan daripada ulama silam. Mereka menyebut terlebih dahulu pandangan ulama *muktabar* sebelum memberi tafsiran yang berbentuk nafas baru;
- b) Tetap beriltizam menggunakan metodologi pentafsiran al-Quran yang sebenar;
- c) Memasukkan ilmu tambahan seperti falsafah, sains dan sejarah untuk mengukuhkan perbahasan;
- d) Mengemukakan kupasan terhadap perkara-perkara baru yang melanda umat Islam termasuk isu penjajahan.

kepada Ibn 'Arabi bertujuan untuk menarik minat masyarakat membacanya. Beliau telah dituduh terpengaruh dengan aliran *Wahdah al-Wujud* berdasarkan beberapa tafsiran kontroversi.

Antara karya tafsir moden yang tersohor dewasa ini ialah *Tafsir al-Manar*,²⁷ *Tafsir al-Maraghi*²⁸, *Tafsir fi Zilal al-Quran*²⁹ dan *Tafsir al-Azhar*.³⁰

3.9 Rumusan

Tafsir ialah suatu ilmu yang membahaskan kandungan al-Quran berpandukan fakta daripada al-Quran, al-Sunnah, pandangan sahabat dan tabiin serta berdasarkan

²⁷ Lihat *Tafsir al-Manar* oleh Rasyid Rida (1932). Beliau mempunyai hubungan yang erat dengan gurunya iaitu seorang ulama reformis tersohor, Muhamamad 'Abduh. *Tafsir al-Manar* yang bertajuk *Tafsir al-Quran al-Hakim* adalah kitab tafsir yang berjaya menghimpun riwayat-riwayat yang sahih dan pandangan akal yang logik dalam menjelaskan hikmah-hikmah syariah serta sunnatullah yang berlaku terhadap manusia. Tafsir ini pada dasarnya merupakan hasil karya tiga tokoh Islam, iaitu Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Syeikh Muhammad 'Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Rasyid Rida menggunakan konsep yang sama dengan Muhammad 'Abduh, contohnya penggunaan akal secara luas dalam memahami ayat-ayat al-Quran dan bersikap kritis terhadap hadith-hadith yang dianggap sahih oleh umat Islam. Beliau juga mempersempitkan penafsiran akan hal-hal yang ghaib. Misalnya beliau menganggap bakteria adalah termasuk bahagian dari jin yang mampu membuat orang terkena penyakit sebagaimana tafsirnya atas surah *al-Baqarah* ayat 275.

²⁸ Lihat *Tafsir al-Maraghi* oleh Ahmad Mustafa al-Maraghi, (1994). Beliau merupakan salah seorang ulama tafsir *mutakhirin* terkemuka Mesir. *Tafsir al-Maraghi* merupakan hasil kerja keras Ahmad Mustafa al-Maraghi selama kurang lebih 10 tahun, dari tahun 1940 hingga 1950. Tafsir ini tampil dengan gaya moden, iaitu disesuaikan dengan kondisi masyarakat yang sudah maju dan moden. Bagi sesetengah pengkaji tafsir, al-Maraghi adalah *mufassir* pertama yang memperkenalkan metod tafsir yang memisahkan antara "huraian menyeluruh" dan "huraian ringkas". Ini dapat dilihat menerusi dua kategori tulisan pentafsirannya, iaitu *ma'na ijmali* dan *ma'na tahlili*.

²⁹ Lihat *Tafsir fi Zilal al-Quran* oleh Syed Qutb, (2003), wafat pada 1966. Beliau merupakan pemimpin gerakan Ikhwan Muslimin dan tokoh tafsir moden yang disegani di Mesir. Syed Qutb berjaya mengarang sebuah tafsir al-Quran yang mendapat sambutan hebat di kalangan umat Islam seluruh dunia. Pengalaman sebagai sasterawan, ahli politik dan penglibatan dalam gerakan Islam seperti *al-Ikhwan al-Muslimun* banyak membantu kreativiti beliau dalam menghasilkan penulisan yang unik. Kitab *Tafsir fi Zilal al-Quran* ini sering dijadikan rujukan para pemimpin gerakan Islam. Ini kerana ia berisi soal perjuangan menegakkan agama Allah di muka bumi. Metod Syed Qutb agak tegas dan sering menyatakan kesesatan masyarakat moden berkaitan penghakiman yang tidak merujuk kepada Allah. Beliau juga lebih suka mendinginkan diri daripada membicarakan riwayat yang tidak pasti seperti asal usul sebenar Nabi Khidir dan al-Dhulqarnain. Tafsir ini dihasilkan takala beliau berada dalam tahanan akibat tuduhan palsu Jamal 'Abdul Nasir, pemerintah ketika itu.

³⁰ Lihat *Tafsir al-Azhar* oleh Hamka (1982), wafat pada 1981. Beliau adalah tokoh tafsir moden di rantau Nusantara. Hamka atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik b. Karim Amrullah merupakan ulama tersohor di rantau Nusantara. Kitab *Tafsir al-Azhar* sangat mahsyur di kalangan pengkaji tafsir di negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia. Kitab ini dianggap kitab tafsir pertama yang memuatkan pelbagai ilmu duniawi dan agama serta ditulis dengan penuh dinamika berbanding kitab-kitab yang dikarang ulama di negara yang disebutkan tadi. *Tafsir al-Azhar* juga turut menukilkan beberapa pandangan reformis Islam seperti Muhamamad 'Abduh, Syed Qutb dan al-Maududi. Ini menunjukkan Hamka terkesan dengan semangat perjuangan Islam dan menterjemahkan semangat tersebut melalui penulisan tafsir dan aktiviti kemasyarakatan.

kaedah-kaedah sampingan bagi menerangkan kehendak kandungan al-Quran yang sarat dengan ilmu tersurat dan tersirat. Ilmu ini wujud secara komprehensif dan konsisten sejak zaman Rasulullah s.a.w.

Tafsir dan *ta`wil* mempunyai hubungan yang rapat walaupun berbeza dari segi zahir perkataannya. Para *mufassirin* ada membincangkan perkara ini dan terdapat perselisihan pendapat mengenai erti *tafsir* dan *ta`wil*.

Syariat membolehkan seseorang individu muslim untuk mentafsirkan al-Quran dengan berlandaskan syarat-syarat yang ditetapkan. Islam mewujudkan syarat-syarat pentafsir al-Quran sebagai etika yang mengawasi pentafsiran al-Quran. Selain itu, para *mufassir* perlu mengikuti adab-adab yang baik kerana *mufassir* umpama seorang pendidik. Didikannya tidak akan dapat mempengaruhi jiwa seseorang yang lain selagi ia tidak menjadi tauladan kepada masyarakat menerusi akhlak yang mulia.

Pelbagai kaedah disusun oleh ulama dalam menampilkan tafsiran al-Quran. Majoriti ulama berpendapat tafsiran al-Quran dengan *ma`thur* adalah kaedah yang terbaik dalam memahami isi kandungan al-Quran. Kaedah tersebut ialah pentafsiran berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, pendapat dan *ijtihad* sahabat dan pentafsiran berdasarkan pendapat tabiin.

Perkembangan dan sejarah ilmu ini telah menempuh beberapa zaman. Pada peringkat awal berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabiin. Antara perkembangan yang berlaku ialah penyampaian ilmu tafsir berlangsung dalam salah satu cabang pengajian hadith. Pada peringkat awal turut menyaksikan tafsiran al-Quran belum

dibukukan secara rasmi disebabkan tumpuan sahabat lebih kepada hadith dan kesibukan melaksanakan tugas yang diwariskan daripada Rasulullah. Penyampaian dan periwayatan tafsiran al-Quran tidak membabitkan perbincangan *fiqh* dan *ilmu kalam* secara khusus kerana keadaan masih terkawal daripada keadaan perselisihan serius dan belum digagaskan sebarang mazhab.

Selepas zaman yang disebutkan di atas, penulisan tafsiran al-Quran mula berlaku pada zaman *mutaakhirin* dan zaman moden. Pentafsiran zaman *muakhirin* berlangsung dari awal abad keempat Hijrah hingga abad kedua belas Hijrah dan melibatkan tiga klasifikasi tafsir iaitu *al-Tafsir bi al-Ma`thur*, *al-Tafsir bi al-Ra`yi* dan *al-Tafsir al-Isyari*. Pentafsiran zaman moden pula bermula pada awal abad ke-14 Hijrah. Ia berpunca daripada inisiatif para reformis Islam dan ulama moden yang ingin meniup kesedaran umat Islam dalam karya tafsir al-Quran disebabkan penjajahan yang berlaku. *Tafsir al-Azhar* yang dihasilkan Hamka merupakan salah satu mata rantai yang berkesinambungan daripada generasi awal Islam.

BAB EMPAT

PENGLIBATAN HAMKA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan mengupas isu penulisan Hamka berkaitan pentafsiran al-Quran, *Tafsir al-Azhar*, sumber-sumber pentafsiran al-Quran yang digunakan, keistimewaan Hamka dalam pentafsiran al-Quran dan kaedah penyampaian tafsir al-Quran kepada masyarakat.

4.2 Penulisan Hamka Berkaitan Pentafsiran Al-Quran

Kemahsyuran nama Hamka sehingga hari ini sebahagian besarnya disebabkan penglibatan beliau di dalam penulisan dan pentafsiran al-Quran. Karya beliau bertajuk “*Tafsir al-Azhar*” sangat mengagumkan dan menjadi sumber rujukan tafsir al-Quran terpenting di rantau Nusantara. Penghasilan karya tersebut merupakan kemuncak aktiviti penyampaian ilmu yang beliau lakukan. Walaupun Hamka telah menghasilkan lebih daripada seratus lebih buah karya ilmiah bermutu yang terdapat dalam pelbagai genre seperti falsafah, fiqh dan sastera tetapi karya *Tafsir al-Azhar* mengatasi segala-galanya. Ini kerana karya tersebut memuatkan pelbagai jenis ilmu yang dicurahkan beliau melalui pena penulisan.

Penglibatan Hamka dalam pentafsiran al-Quran dapat dirumuskan melalui dua aktiviti utama, iaitu:

- i) penyampaian kuliah tafsir al-Quran di Masjid al-Azhar (Engku Ahmad, 2005);
- ii) penulisan tafsir al-Quran sehingga terhasil karya lengkap berjudul *Tafsir al-Azhar* (Wahba dan Hafiz, 2007).

Hamka sangat berminat dalam lapangan pentafsiran al-Quran. Buktinya walaupun beliau sibuk dengan pelbagai tugas tetapi beliau tetap meluangkan masa untuk menyampaikan ilmu tafsir al-Quran kepada masyarakat. Hal ini disimpulkan sendiri oleh beliau:

Dari usia masih muda remaja, sampai mulai tua menjunjung uban, tidaklah mendatar saja jalan yang harus saya tempuh. Karena tahanan lebih dua tahun ini adalah menjadi salah satu mata rantai kalung keemasan yang ditatahkan pada leher sejarah hidupku. Dia menjadi lebih indah lagi kerana kezaliman dan fitnah ini baru (semasa berada dalam tahanan) menimpaku setelah tanahairku merdeka (daripada penjajahan Belanda).

(Hamka, 1982)

Antara faktor-faktor yang membantu Hamka dalam penulisan tafsiran al-Quran ialah penguasaan beliau dalam ilmu pengetahuan, memiliki pengalaman yang luas dan semangat yang tinggi. Beliau mendapat pendidikan agama sejak masih kecil lagi melalui didikan ayahandanya, Haji Karim Amrullah. Hamka menyebut pada halaman permulaan di dalam *Tafsir al-Azhar* bahawa beliau cukup berterima kasih terutamanya kepada ayahanda beliau yang turut merangkap sebagai gurunya (Hamka, 1982).

Hamka sangat gemar berguru dengan individu bertaraf ulama. Natiujahnya, beliau terpengaruh dengan semangat Islam yang terdapat dalam diri guru-guru beliau.

Antara guru-guru utama Hamka ialah Syeikh Ibrahim Musa (Ahmad Nuruddin, 2002) Zainuddin (Hamka, 1974), Haji Omar Said Tjokroaminoto, Haji Fachruddin, Kibagus Hadikusumo dan Ahmad Rashid Mansor (Tajuddin, 1993).

Di samping itu, Hamka gemar menelaah karya ilmiah daripada pelbagai sumber. Pembacaan beliau tidak hanya terbatas kepada karya agama malahan turut meliputi karya penulisan Barat dan Timur Tengah. Antara tokoh luar yang menjadi tumpuan Hamka ialah Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas Mahmud al-Aqqad, Mustafa al-Manfaluti, Hussein Haikal, Albert Camus, William James, Arnold Tonybee, Jean Paul Sartre, Karl Marx, Pierre Loti dan Sigmund Freud (*Buya Hamka: Tokoh Ilmuan Nusantara*, [http:// kelabhamka.blogspot.com/](http://kelabhamka.blogspot.com/)).

Beliau terkenal dengan pelbagai karektor seperti wartawan, editor majalah dan aktivis Islam. Keadaan ini menyebabkan Hamka kaya dengan pengalaman kerana beliau terdedah dengan isu kemasyarakatan. Beliau juga berkesempatan melawat pelbagai tempat dalam negara Indonesia, seperti Pulau Jawa (Engku Ahmad, 2005) Sulawesi, dan lain-lain (Syed Mahadzir, 2006). Selain itu beliau berpeluang melawat negara luar seperti Arab Saudi, Mesir, Syria, Iraq, Lebanon, Burma dan Malaysia (Raja Ahmad, Siti Zaleha dan Mohd Zuber, 2004).

Pengembaraan ini sememangnya mencambahkan lagi pengalaman dan secara langsung membantu penulisan beliau di dalam pentafsiran al-Quran. Hamka acapkali menyebut fakta tempat-tempat yang dilawati dan mengisahkan perihal kemasyarakatan negara luar di dalam karya tafsirnya.

Apabila kita menyingkap biografi hidup Hamka maka kita akan dapati beliau ialah seorang insan yang tidak pernah mengenal penat lelah dan sentiasa bersemangat waja. Penglibatannya dalam gerakan Islam telah membentuk semangat perjuangan yang tinggi sehingga akhir hayat.

Aktiviti penulisan tafsir al-Quran bukanlah satu aktiviti yang mudah lebih-lebih lagi apabila melibatkan tafsiran 30 juz al-Quran. Berbekalkan semangat yang tinggi, Hamka berjaya menyiapkan *Tafsir al-Azhar* meskipun memakan masa yang lama dan dihipit dengan pelbagai tugas dan cabaran hidup.³¹

Jelas melalui pengakuan Hamka bahawa masa yang ada sangat terbatas bagi beliau. Takala berada di dalam tahanan, beliau memiliki banyak masa untuk menulis *Tafsir al-Azhar*. Namun, cabaran tetap ada kerana Hamka acapkali tertekan kerana beliau dipenjarakan kerana dizalimi pemerintah Indonesia. Hamka menegaskan:

Maka moga-moga dengan meninggalkan tafsir ini, ada yang akan diingat-ingatkan orang dari diriku sebagai suatu hasil khidmat untuk Tuhan dan umat yang dapat aku kerjakan di dalam saat-saat aku teraniaya.

(Hamka, 1982)

Dapatlah disimpulkan Hamka berusaha mewujudkan karya dalam lapangan tafsiran al-Quran disebabkan perkara berikut:

Pertama; sebagai satu amalan soleh untuk dijadikan bekalan di akhirat. Hamka menukilkan di dalam karya tafsirnya:

³¹ Hamka pernah meluahkan perasaannya: "...selalulah saya bertanya-tanya di dalam hati, bilakah tafsir ini akan selesa dikerjakan, pada hal tugas-tugas yang lain di dalam masyarakat terlalu besar pula. Saya kerap meninggalkan rumah. Saya kerap keluar kota dan memenuhi undangan kawan-kawan sefahaman di daerah-daerah yang jauh." Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk "Mengapa Dinamai Tafsir al-Azhar", juz 1, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

...moga-moga dia pun (Tafsir al-Azhar) menjadi salah satu dari alat untuk aku mendapat syafaat dari Tuhan di akhirat.

(Hamka, 1982)

Matlamat tersebut jelas menunjukkan Hamka adalah ulama yang benar-benar takut pada Allah. Beliau sangat mengharapakan kesejahteraan di negeri yang kekal abadi.

Kedua; mewujudkan sesuatu yang menjadi kesinambungan perjuangan ulama tafsir terdahulu. Penulisan beliau tidak sesekali meminggirkan tafsiran dan pandangan ulama terdahulu. Hamka menjelaskan:

...maka tafsir al-Quran, Tafsir al-Azhar ini yang di dalamnya kita telah mencuba menterjemahkan ayat demi ayat ke dalam bahasa Indonesia atau Melayu adalah menyambung usaha nenek moyang yang terdahulu seperti Syeikh Abdurrauf b. Ali al-Fanshuri³² di dalam abad ketujuh belas Masihi di negeri Aceh Darussalam dan menyertai pula usaha teman-teman sebaya yang lain dan terjemahan mereka masing-masing.

(Hamka, 1982)

Hamka juga turut terpengaruh dengan kemahsyuran kitab-kitab tafsir yang dihasilkan tokoh seperti al-Maraghi, Muhammad 'Abduh, Rasyid Rida, Syed Qutb dan al-Qasimi. Penulisan mereka itu membuatkan Hamka tertarik hati untuk melibatkan diri dalam wacana yang sama (Hamka, 1982). Pengaruh tersebut dapat dibayangkan menerusi tulisan Hamka yang berbunyi:

...maka seketika menyusun tafsir ini, wajah-wajah mereka itulah yang terbayang sehingga penafsiran tidaklah terlalu tinggi mendalam sehingga yang dapat memahaminya adalah (hanya) semata-mata sesama ulama, dan tidaklah terlalu rendah sehingga menjemukan.

³² Usaha awal pentafsiran al-Quran adalah dimulakan oleh beliau. Syeikh 'Abd al-Rauf b. 'Ali al-Fansuri menjalankan penterjemahan dan pentafsiran al-Quran dengan menyalin kembali Tafsir al-Baghawi. Lihat H. Aboebakar Aceh, *Sejarah al-Quran*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd., 1997.

(Hamka, 1982)

Ketiga: menghasilkan sesuatu yang berharga buat umat tercinta. Hamka menginginkan masyarakat Indonesia secara khususnya kembali kepada Islam. Antara kaedah untuk merealisasikan agenda tersebut ialah menghasilkan bahan rujukan agama kepada masyarakat. Hamka berkata:

Moga-moga Tafsir al-Azhar ini sebagai ole-oleku dari tahanan, hendaknya dapat berguna dan berfaedah bagi kaumku dan bangsaku yang haus akan penerangan agama.

(Hamka, 1982)

Hamka memperolehi aspirasi unggul daripada pihak yang memelopori pusat akademik terulung dunia Islam, iaitu al-Azhar. Dengan penganugerahan tersebut, beliau ingin benar-benar melunaskan harapan al-Azhar kepadanya demi menghasilkan sesuatu yang dapat menyuluh kehidupan masyarakatnya. Hamka menukilkan di dalam *Tafsir al-Azhar*:

Salah satu niat seketika menyusunnya ialah hendak meninggalkan pusaka yang moga-moga ada harganya untuk ditinggalkan bagi bangsaku dan umat Muslimin Indonesia, jika panggilan tuhan yang pasti datang kepadaku kelak. Telah timbul niat sejak dia (Tafsir al-Azhar) pertama kali disusun, moga-moga dapatlah hendaknya hasil karya ini memenuhi husnulzan (baik sangka) al-Azhar kepada saya itu telah dapat saya penuhi sebaik-baiknya.

(Hamka, 1982)

Keempat: dapat memanfaatkan intipati ilmu yang dicurahkan melalui pengajian tafsir di Masjid al-Azhar. Pada peringkat permulaan, intipati pengajian tafsir tidak ditulis sendiri oleh beliau kerana pengajian hanya membabitkan aktiviti lisan sahaja. Hj. Yusuf Ahmad memulakan inisiatif penulisan hasil pengajian tersebut ke dalam Majalah *Gema Islam*. Ruangan tersebut diberi nama khas oleh Hamka sebagai *Tafsir*

al-Azhar. Kemudiannya Hamka menyusun kembali penulisan tersebut sehingga menjadi manuskrip ilmu yang sempurna (Hamka, 1982).

4.2.1 Tafsir Al-Azhar

Tafsir al-Azhar adalah karya tulisan Hamka yang memuatkan terjemahan, tafsiran dan kupasan ayat-ayat al-Quran. Beliau berjaya mengarang sehingga lengkap meliputi keseluruhan 30 juz al-Quran. Hamka menamakan karyanya “*Tafsir al-Azhar*” bersempena dengan nama Masjid al-Azhar. Masjid ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan kronologi penghasilan tafsiran al-Quran. Sebelum beliau menulis, Hamka terlibat aktif menyampaikan kuliah tafsir di masjid berkenaan. Hamka telah menyampaikan kuliah tafsir bermula dari surah *al-Mu`minin* sehingga sebahagian surah *al-Syura* (Hamka, 1982). Sepanjang perjalanan majlis ilmu tersebut, penulisan yang dijalankan hanya dalam fasa tertentu iaitu berkaitan tafsiran satu juz setengah al-Quran yang melibatkan surah-surah yang dinyatakan tadi.

Masjid al-Azhar pada asalnya dinamakan Masjid Agong Kebayoran Baru. Ia kemudian diubah dengan nama Masjid Agong al-Azhar bersempena lawatan Syeikh al-Azhar, Mahmud Syaltut ke masjid tersebut pada akhir tahun 1960. Beliau amat bergembira dengan suasana dan pelbagai aktiviti membangunkan ummah yang berlangsung di masjid tersebut (Hamka, 1982).

Hamka telah menyatakan bahawa beliau telah berjaya melunaskan cita-citanya untuk mengarang tafsiran al-Quran (Wahba dan Hafiz, 2007)³³ dan berpeluang

³³ Hamka ada menyebut di dalam tafsirnya: “ tuhan Allah rupanya mengkehendaki agar masa terpisah dari anak isteri dua tahun, dan terpisah dari masyarakat, dapat saya pergunakan menyelesaikan pekerjaan yang berat ini, mentafsirkan *al-Quran al-Karim*. Kerana kalau saya masih di luar, pekerjaan

menggunakan masa secara intensif untuk mengarang *Tafsir al-Azhar* semasa beliau berada di dalam tahanan. Hamka memperuntukkan waktu siang terutamanya pada waktu pagi untuk mengarang tafsir. Beliau juga memilih aktiviti membaca buku pada waktu petang, membaca al-Quran pada waktu Maghrib dan bertahajud pada lewat malam. Hamka ada menukilkan bahawa beliau berkesempatan khatam bacaan al-Quran lebih daripada seratus kali dan bermunajat kepada Allah s.w.t. hampir setiap malam. Beliau mula mengarang *Tafsir al-Azhar* pada tahun 1963 ketika berusia 55 tahun (Hamka, 1982).

Penulisan tafsiran al-Quran ini secara khususnya telah berlaku menerusi tiga peringkat masa iaitu peringkat pertama pada tahun 1963, peringkat kedua pada 1964 sehingga 1966 dan peringkat ketiga pada tahun 1967. Sebenarnya pada peringkat pertama, karya ini dimautkan dalam majalah *Gema Islam* pada 1 Februari 1962 hasil usaha sama dengan sahabatnya bernama Hj. Yusuf Ahmad. Hamka sendiri memulakan penulisan secara sepenuhnya sepanjang tahun 1963 (Hamka, 1982).

Pada peringkat kedua, Hamka telah mengarang secara intensif selama dua tahun empat bulan semasa berada di dalam tahanan. Ketika beliau dibebaskan pada pertengahan tahun 1966, karya tersebut belum lagi dapat diselesaikan (Hamka, 1982). Pada peringkat ketiga, Hamka telah selesai mengarang secara keseluruhan *Tafsir al-Azhar*. Cetakan pertama turut bermula pada tahun 1967 (Hamka, 1982).

Daripada fakta ini, bermakna Hamka telah mengarang dan menyempurnakan *Tafsir al-Azhar* selama lebih kurang lima tahun iaitu bermula dari tahun 1962 sehingga

saya ini tidak akan selesai sampai saya mati. Masa terencil dua tahun telah saya pergunakan sebaik-baiknya.”

tahun 1967. Hamka membahagikan fasa penulisan tafsir 30 juz kepada dua peringkat iaitu pertama bermula pada juz 18 surah *al-Mu'minin* sehingga tamat Juz 'Ammah dan kedua bermula dari Juz 1, surah *al-Baqarah* sehingga juz 17, surah *al-Anbiya*'.³⁴ *Tafsir al-Azhar* diterbitkan sebanyak sembilan naskah buku yang mengandungi tiga puluh juz ayat al-Quran (Hamka, 1982). Setiap naskah mempunyai kandungan minimum tiga juz ayat al-Quran dan mempunyai maksimum empat juz ayat al-Quran. Pentafsiran al-Quran disusun dengan sempurna seperti berikut (Hamka, 1982):

- i) Nama surah perbincangan;
- ii) Pendahuluan surah tersebut contoh "*Surat al-Baqarah*" (Lembu Betina);
- iii) Tajuk-tajuk kecil hasil daripada perbincangan pada ayat-ayat utama contoh "*Kufur*";
- iv) Bibliografi bagi setiap juz perbincangan;
- vi) Tajuk pengantar perbincangan juz yang seterusnya contoh "*Pengantar Juzuk Tiga*."

4.3 Persekitaran Keagamaan, Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Membentuk Pemikiran Hamka

Indonesia merupakan antara negara yang mempunyai jumlah penduduk terbanyak di dunia. Jumlah penduduk pada tahun 1980, iaitu setahun sebelum kematian Hamka ialah 147,490,298 juta orang (*Jumlah Penduduk Menurut Provinsi*, http://www.datastatistikindonesia.com/component/option,com_tabel/task,show/Itemid

³⁴ Hamka ada menyebut kenapa beliau memilih pendekatan sedemikian. Hamka berkata: "sebabnya maka dimulai dari juz 18 ialah kerana memikirkan sudah banyak dikarang kitab tafsir secara meluas tetapi jarang yang sampai tamat ketiga puluh juzuknya. Dengan harapan moga-moga jadi sambungan dari tafsir-tafsir secara meluas yang telah dicuba oleh ahli-ahlinya terlebih dahulu tetapi tidak tamat, mereka telah berhenti atau meninggal."

,164/). Kini pada tahun 2011, penduduk Indonesia sudah mencecah 236,610,963 juta orang (*Data statistik penduduk Indonesia*, http://www.datastatistikindonesia.com/proyeksi/index.php?option=com_pdd&Itemid=926).

Populasi ini menggambarkan kepelbagaian manusia yang wujud di sekitar kehidupan Hamka. Majoriti penduduk Indonesia adalah penganut Islam teramai di dunia (*Jumlah Muslim Indonesia Terbesar di Dunia*, <http://rioardi.wordpress.com/2009/10/09/survei-jumlah-muslim-indonesia-terbesar-di-dunia/>). Justeru, sudah tentu Hamka telah menyaksikan pelbagai pengamalan agama Islam dalam bentuk peribadatan, majlis pengajian dan identiti masyarakat Islam di kawasan-kawasan tanah air terutama kawasan pergerakan beliau seperti Maninjau, Medan, Yogyakarta, Makasar dan Jakarta.

Hamka mendapat pendidikan Islam semenjak kecil daripada ayahandanya sendiri dan membesar dalam suasana mendapat pendedahan berkaitan ruh amalan Islam. Beliau berpengalaman dalam menuntut ilmu di Makkah dan menimba ilmu daripada tokoh tempatan seperti Haji Omar Said Tjokroaminoto K. H. Fachruddin dan Ki Bagus Hadikusumo (Rushdi, 2001). Beliau didapati terkesan dengan pemikiran pembaharuan yang dibawa Muhammad 'Abduh dan Rasyid Rida. Ini disebabkan pergerakan beliau sebagai salah seorang tokoh pembaharuan Islam di Indonesia yang memerlukan landasan aspirasi daripada tokoh-tokoh sebelumnya. Beliau didapati memuatkan sejumlah riwayat pentafsiran daripada tokoh-tokoh tersebut atau sebagai bahan sokongan kepada pendapat beliau sendiri di dalam Tafsir Al-Azhar (*Hamka*, <http://pemudaiman.blogspot.com>).

Pemikiran Islam Hamka juga terhasil disebabkan faktor penglibatan beliau dalam gerakan Islam seperti Muhammadiyah. Beliau mengikuti gerakan Muhammadiyah mulai tahun 1925 untuk melawan khurafat, bidaah, tarekat dan kebatinan sesat di Padang Panjang. Beliau kemudiannya ditabalkan sebagai salah seorang pengerak utama organisasi tersebut. Hamka jarang menetap di sesebuah kawasan dalam tempoh yang lama kerana berhijrah bagi melaksanakan agenda pergerakan dakwah (Rushdi, 2001). Daerah-daerah yang dikunjungi seperti Makasar, Medan dan Jakarta boleh dianggap sebagai kawasan yang mempunyai potensi pembangunan Islam. Keadaan ini mengamit perhatian Hamka untuk berfikir dan bertindak dengan sesuatu wadah yang selari dengan Islam seperti pentafsiran al-Quran untuk menambahkan lagi kesuburan agama yang sedia ada.

Perjuangan hamka dalam politik dapat membentuk pemikiran siasah bercirikan Islam, anti penjajahan dan kezaliman. Kegiatan politik beliau bermula pada tahun 1925 ketika beliau menjadi anggota parti politik Sarekat Islam. Pada tahun 1945, beliau membantu menentang usaha kembalinya penjajah Belanda ke Indonesia dan menyertai kegiatan gerila di dalam hutan di Medan. Beliau menjadi anggota Konstituante MASYUMI dan menjadi peminato utama dalam Pilihan Raya Umum 1955 (Rushdi, 2001). Penglibatan dalam politik menjerumuskan beliau ke penjara di sebabkan faktor pertentangan dengan Sukarno selaku Presiden Indonesia. Penjara adalah antara lokasi Hamka menterjemahkan pemikiran beliau ke dalam *Tafsir al-Azhar*.

Hamka dilahirkan di desa kecil Sungai Batang, tepi danau Maninjau, Sumatera Barat yang terkenal sebagai daerah yang subur dan indah. Minat membaca atau belajar sendiri, dengan pemandangan alam yang indah dan persekitaran keluarga yang taat beragama merupakan asas pertumbuhan Hamka (Rushdi, 2001). Kebanyakan penduduk Maninjau terlibat dalam bidang pertanian dan perikanan (*Menyelamatkan Danau Limboto*, <http://menyelamatkandanaulimboto.wordpress.com/pengendalianpencemarandanau/marganof/4-profil-daerah/>). Keadaan ekonomi juga turut mempengaruhi keadaan Hamka berfikir. Beliau ada mengungkapkan perihal golongan yang mengusahakan pertanian dan teori kebajikan Islam yang berupaya membantu rakyat termasuk golongan tersebut (Hamka, 1982).

Pengaruh ekonomi dapat menentukan keadaan kekayaan atau kemiskinan rakyat. Justeru, Hamka kelihatan sensitif tentang permasalahan ekonomi lalu beliau menyebut hakikat kekayaan dan kemiskinan di dalam buku *Tasauf Modern* (Hamka, 1979). Sumedi Andono (2005) berpendapat warga Indonesia sememangnya sinonim hidup dalam kemiskinan. Kehidupan awal Hamka ketika mula menjadi tenaga pengajar di Padang Panjang turut dihipit kemiskinan dan ia memberi sedikit kesan kepada pemikiran beliau (Rusydi, 2008). Ini dapat dibuktikan menerusi penghasilan karya pertama iaitu novel *Si Sabariah* yang berkaitan isu kemiskinan dan kekayaan (Hamka, 1928). Novel yang ditulis dengan huruf jawi dan berbahasa Minangkabau ini mengisahkan kisah benar seorang gadis bernama Sabariah yang berkahwin dengan seorang pemuda bernama Pulai lalu mereka ditakdirkan hidup menderita dalam kemiskinan. Hamka mengetengahkan latar belakang ekonomi sebagai punca tragedi yang berlaku dalam novel berkenaan. Daripada penghasilan novel ini, Hamka ada

menyampaikan mesej tentang kepentingan mengatasi kepincangan dalam masyarakat seperti masalah kemiskinan.

Hamka sememangnya hidup dalam pelbagai latar sosial. Ini disebabkan beliau banyak bergerak dan melawat pelbagai destinasi dalam dan luar negara. Pengkaji berpendapat beliau mempunyai ramai kenalan dan pengikut berdasarkan kegiatan sosialnya yang melibatkan pelbagai anggota masyarakat dan terdapat pengakuan kehebatan daripada rakan sezaman dan generasi selepasnya. Latar sosial yang pelbagai menyebabkan Hamka terkesan untuk mempelbagaikan mesej dakwah. Hamka terlibat dalam aktiviti menyampaikan ilmu, khutbah, ceramah, perbincangan, jihad dan aktiviti penulisan untuk dihidangkan kepada masyarakat. Menurut Wan Sabri (2008), beliau-belia Indonesia amat berminat mempelajari Islam, tetapi menghadapi halangan kerana kurang pengetahuan dalam bahasa Arab. Oleh itu, Hamka telah menulis tafsir dalam bahasa Melayu-Indonesia bagi memudahkan pemahaman masyarakat.

Kedapatan amalan sosial yang diselaputi kepercayaan khurafat, tahyul dan bidaah menyebabkan Hamka terpanggil untuk merungkaikan polimek yang berlaku (Fadhlullah, 2008). Isu ini turut dimuatkan di dalam *Tafsir Al-Azhar*. Keadaan penduduk muslim Indonesia yang begitu ramai menyaksikan kepelbagaian aliran pemikiran dan corak pengamalan Islam. Hamka memutuskan untuk mewujudkan pemikiran berasaskan interaksi harmoni sesama muslim bagi menangani pertentangan pendapat. Beliau berhujah dalam pentafsiran ayat 7 hingga 9 surah *al-Mumtahanah* bahawa ayat tersebut merupakan asas kepada toleransi dalam agama yang sering

dilupakan umat Islam. Pemikiran ini dicetuskan supaya tidak berlaku perselisihan faham dengan cara yang negatif dalam masalah *khilafiyat* (Wan Sabri, 2008).

Pada tahun 1967, berlaku ketegangan antara penganut Kristian dan Islam di Indonesia disebabkan satu kenyataan dari seorang mubaligh Kristian yang menghina Nabi Muhammad s.a.w.. Rentetan daripada beberapa peristiwa ketegangan seperti serangan pihak tertentu membakar beberapa gereja telah menyebabkan pemerintah mewujudkan satu perundingan khas antara agama namun tiada penyelesaian konkrit dapat dicapai. Hamka menyatakan polimek ketegangan ini berlaku berpunca daripada kegagalan dialog keharmonian antara agama (Wan Sabri, 2008). Keadaan yang berlaku dalam sejarah Indonesia tersebut telah diterapkan dalam pentafsiran beliau yang berkaitan hubungan Muslim, Nasrani dan Yahudi.

4.4 Sumber-Sumber Pentafsiran Al-Quran Yang Digunakan Hamka

Hamka menyebutkan perkara utama yang perlu dirujuk dalam mentafsirkan al-Quran ialah dengan al-Quran itu sendiri (Hamka, 1982). Selain itu, al-Sunnah, pendapat sahabat, tabiin dan ulama yang turut digunakan. Beliau berkata:

Betapa pun keahlian kita memahamkan arti dari tiap-tiap kalimah al-Quran, kalau kita hendak jujur beragama, tidak dapat tidak, kita mesti memperhatikan bagaimana pendapat ulama-ulama terdahulu, terutama sunnah rasul, pendapat sahabat-sahabat Rasulullah dan tabiin dan ulama ikutan kita.

(Hamka, 1982)

Hamka turut gemar mengambil pandangan ahli-ahli tafsir lain. Mereka ini tidak sesekali dilupakan walaupun beliau berupaya memberi pandangan sendiri. Perkara ini

akan diperincikan penulis dalam bab seterusnya iaitu tumpuan kajian metodologi pentafsiran Hamka.

Hamka mengaplikasikan kitab-kitab tafsiran yang lain sebagai sandaran perbahasannya. Beliau menggunakan pendekatan memilih pandangan tafsiran terkuat, membuat perbandingan dan mengaitkan dengan pandangan beliau sendiri. Di samping itu, beliau mengemukakan hujah-hujah sokongan daripada sumber ilmu tambahan seperti sains dan falsafah.

Kitab- kitab yang telah dirujuki Hamka termasuklah (Hamka, 1982):

1. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Quran* oleh al-Tabari;
2. *Tafsir al-Quran al-Azim* oleh Ibn Kathir;
3. *al-Kasyafat 'an Haqaiq al-Tanzil* oleh Ab al-Karim Jar-Allah al-Zamakhshari;
4. *al-Jami' li Ahkam al-Quran* oleh al-Qurtubi;
5. *Mafatih al-Ghaib* oleh Fakhr al-Din al-Razi;
6. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil* oleh 'Ala' al-Din 'Ali b. Muhammad b. Ibrahim al-Baghdadi;
7. *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Tanzil* oleh al-Nasafi;
8. *Tafsir al-Jalalain* oleh Jalal al-Din al-Suyuti dan Jalal al-Din al-Mahalli;
9. *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul* oleh Jalal al-Din al-Suyuti;
10. *Fi Ma'rifah al-Nasikh wa al-Mansukh* oleh 'Ali b. Hazm al-Andalusi,;
11. *al-Fath al-Qadir* oleh al-Syaukani,;
12. *Tafsir al-Maraghi* oleh Ahmad Mustafa al-Maraghi;
13. *al-Jawahir fi Tafsir al-Quran al-Karim* oleh Tantawi Jauhari;

14. *Mahasin al-Ta`wil* oleh Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi;
15. *Tafsir al-Manar* oleh Muhammad Rasyid Rida;
16. *al-Mushaf al-Mufassar* oleh Muhammad Farid Wajdi;
17. *Fi Zilal al-Quran* oleh Syed Qutb;
18. *Adwa al-Bayan* oleh Muhammad al-Amin b. Muhammad al-Mukhtar;
19. *Turjuman al-Mustafid* oleh Amin al-Din 'Abd al-Rauf b.'Ali al-Fansuri
al-Sinki al-Jawi;
20. *Tafsir al-Furqan* oleh A. Hassan Bangil;
21. *Tafsir al-Quran al-Hakim* oleh Qasim Bakri, Muhammad Nur al-Imam dan
A.M. Dt. Majoindo;
22. *Tafsir al-Quran al-Karim* oleh Mahmud Yunus;
23. *Tafsir al-Quran* oleh H. Zainuddin Hamidi dan Fakhruddin H.S.;
24. *Tafsir al-Quran al-Hakim* oleh Abdulhalim Hasan, Zainal Arifin Abbas dan
Abdurrahim al-Haitami;
25. *Tafsir al-Quran dan Terjemahannya* oleh Departmen Agama;
26. *al-Mizan fi Tafsir al-Quran* oleh al-Sayyid Muhammad Husain
al-Tabatabaiy;
27. *'Ala al-Rahman fi Tafsir al-Quran* oleh Muhammad Jawad al-Balaghi;
28. *Al-Bayan fi Tafsir al-Quran* oleh al-Sayyid Abul Qasim al-Musawi al-Khai.

4.5 Keistimewaan Hamka Dalam Pentafsiran Al-Quran

Peribadi dan latar belakang pengalaman beliau dalam arena pendidikan dan perjuangan Islam menyebabkan pentafsiran al-Quran yang diterokai sarat dengan pelbagai keistimewaan seperti kepakaran menggunakan bahasa yang indah dan

mudah difahami, mengemukakan tafsiran daripada pelbagai sumber ilmu dan kebolehan mewujudkan pentafsiran ayat yang padat dan menarik.

Hamka menggunakan bahasa Indonesia-Melayu sebagai bahasa penterjemahan dan pentafsiran al-Quran. Bahasa tersebut merupakan bahasa pertuturan terbesar di rantau Nusantara. Menyedari hakikat ini beliau menggunakan sebaik mungkin perantaraan bahasa Indonesia-Melayu sebagai saluran dakwah ilmu tafsiran al-Quran.³⁵

Hamka bijak memilih perkataan yang mudah difahami dan tidak banyak bercanggah dengan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam asas bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkataan yang sukar difahami oleh penutur bahasa Melayu di negara lain. Tidak dinafikan terdapat juga perkataan yang agak mengelirukan tetapi dalam kuantiti yang minimum.³⁶ Pengkaji berpandangan pentafsiran al-Quran yang dilaksanakan oleh Hamka berorientasikan supaya ia dapat dimanfaatkan warganegara Indonesia dan keduanya seluruh penduduk Melayu Islam di rantau Nusantara.³⁷

³⁵ Hamka sangat berharap karya *Tafsir al-Azhar* dapat dimanfaatkan dengan sewajarnya oleh masyarakat Nusantara kerana karya berkenaan ditampilkan dengan perantaraan bahasa yang mudah difahami dan perbincangan yang tidak terlalu komprehensif. Hamka ada menyebut harapannya: “oleh sebab *Tafsir al-Azhar* ini ditulis dalam suasana baru, di negara yang penduduk muslimnya lebih besar jumlahnya dari penduduk yang lain, sedang mereka haus akan bimbingan agama, haus hendak mengetahui rahsia al-Quran, maka pertikaian-pertikaian mazhab tidaklah dibawaikan dalam tafsir ini.” Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk “*Haluan Tafsir*” Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

³⁶ Walaupun beliau bijak menggunakan pendekatan bahasa tetapi Hamka bersifat tawaduk lantas mengakui bahawa beliau bukanlah seorang tokoh bahasa walaupun telah berjaya mengarang lebih daripada seratus buah buku ilmiah di dalam bahasa Indonesia. Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk “*Muqaddimah*”, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

Hamka mensasarkan *Tafsir al-Azhar* kepada penduduk Indonesia secara khusus. Ini dapat dilihat melalui tulisan beliau iaitu: “salah satu niat seketika menyusunnya ialah hendak meninggalkan pusaka yang moga-moga ada harganya untuk kuditinggalkan bagi bangsaku dan ummat muslimin Indonesia jika panggilan tuhan yang pasti datang kepadaku kelak.” Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk “*Mengapa Dinamai Tafsir al-Azhar*”, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

³⁷ Ini terbukti dengan kata-kata Hamka berbunyi: “Moga-moga *Tafsir al-Azhar* ini sebagai ole-oleku dari tahanan, hendaknya dapat berguna dan berfaedah bagi kaumku dan bangsaku yang haus akan

Beliau menyatakan pentafsiran al-Quran pada zaman sekarang perlu dilibatkan dengan ilmu pengetahuan sampingan³⁸ (Hamka, 1982). Justeru, ilmu-ilmu lain seperti sejarah, falsafah dan sains turut diselitkan. Contoh dalam konteks ini ialah pada ayat 7 surah *al-Fatihah*. Dalam ayat ini Allah s.w.t. menyebut golongan-golongan sesat yang mesti dihindari dan tidak diikuti. Hamka menambahkan tafsiran dengan mengutarakan kebejatan pemikiran golongan yang menyimpang dari syarak seperti *Pantheisme*, *Polytheisme* dan *Deisme*. Ini menunjukkan Hamka memanfaatkan pengetahuannya berkaitan ilmu ideologi dan falsafah pemikiran manusia.

Dalam ayat 33 surah *al-Rahman* adalah berkenaan keizinan Allah s.w.t. kepada manusia dan jin untuk melintasi penjuru langit dan bumi. Hamka turut menyelitkan ilmu astronomi ketika mentafsirkan ayat ini di dalam *Tafsir al-Azhar*. Beliau menyebut pengembaraan manusia ke bulan menaiki *Apollo* dan gambaran perjalanan manusia ke planet *Venus*.

Sementara dalam ayat 22 surah *al-Hadid* pula menyatakan kedatangan bala bencana adalah sudah ditetapkan dan tiada siapa mampu menghalangi ketentuan Allah s.w.t.. Ketika mentafsirkan ayat ini, Hamka mengetengahkan beberapa episod sejarah yang mengemparkan dunia satu ketika dahulu. Beliau menyingkap sejarah malapetaka

penerangan agama.” Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk “*Hikmat Ilahi*”, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

³⁸ Hamka bijak dalam menghuraikan sesebuah ayat dengan mengemukakan ilmu-ilmu tambahan bagi menarik minat para pembaca dan pengkaji. Kebanyakan *mufassir* moden mula menggunakan kaedah ini untuk merencanakan perbincangan ilmiah dan untuk membuktikan keunikan al-Quran yang berkait rapat dengan ilmu-ilmu yang lain. Hamka ada berpesan: “maka dalam soal-soal yang berkenaan (tafsiran ayat-ayat) dengan hal ehwal dalam alam ini, seorang pentafsir hendaklah menuruti perkembangan ilmu pengetahuan.” Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, di bawah tajuk “*Hikmat Ilahi*”, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.

yang berlaku ke atas kapal *Titanic* pada tahun 1922, letusan *gunung Krakatau* pada tahun 1833 dan tragedi gempa bumi yang melanda Padang Panjang pada 1926. Keseluruhan contoh ini menunjukkan kemampuan Hamka dalam menampilkan isi yang padat dan menyeronokkan pembaca dengan kupasan bersifat semasa.

4.6 Cabaran Dalam Menyampaikan Tafsiran Al-Quran

Penyampaian ilmu tafsiran al-Quran adalah salah satu cabang dakwah di dalam Islam iaitu menyeru manusia kembali kepada wahyu. Hasan al-Banna ada berbicara mengenai gerakan dakwah menyeru manusia agar kembali kepada al-Quran dan agama Allah s.w.t.:

...Sesungguhnya kita bertugas menyeru al-Quran yang berada di kanan kami dan al-Sunnah yang berada di kiri kami serta amalan yang ditinggalkan generasi *al-Salaf al-Salih* bagi merealisasikan sebuah ummah yang menjadi contoh (kepada dunia) dan sesungguhnya kami menyeru kepada Islam, prinsip-prinsipnya serta perundangannya...

(al-Khatib, 1995)

Setiap pendakwah pasti menghadapi tribulasi dalam menyampaikan risalah kebenaran seperti yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. Hamka juga tidak sunyi dihipit dengan cabaran ketika berdakwah kepada masyarakat.

Hamka telah meluangkan masa hampir lima tahun dalam aktiviti pentafsiran al-Quran. Penyampaian tafsir al-Quran akhirnya terhenti pada tahun 1964 lantaran Hamka ditahan oleh pemerintah. Beliau juga terpaksa berpisah dengan isteri dan anak tercinta. Hamka menyebut di dalam *Tafsir al-Azhar*:

Dalam keadaan tidak tahu apa kesalahan saya dalam tengah hari letih berpuasa, saya dijemput dan dicabut dengan segenap kekerasan dari ketenteraman saya dengan anak isteri, disisihkan dari masyarakat dan dimasukkan ke dalam tahanan.

(Hamka, 1982)

Hamka ditahan pada detik 27 Januari 1964. Penahanan tersebut bukanlah kerana Hamka benar-benar melakukan satu jenayah tetapi kerana konspirasi jahat yang diatur pemerintah Indonesia bagi menyekat kemaraan pengaruh beliau. Hamka hanya mengetahui sebab-sebab penahanan selepas empat hari berada di dalam penjara. Tuduhan-tuduhan tersebut ialah (Hamka, 1982):

- i) Merancang dan memprovokasi keadaan dalam rapat umum yang berlangsung pada 11 Oktober 1963 untuk membunuh Menteri Agama Indonesia, H.Saifuddin Zuhri;
- ii) Menerima dana kewangan sebanyak empat juta *Dollar* daripada Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, Perdana Menteri Malaysia ketika itu;
- iii) Menghasut mahasiswa di Institut Agama Islam Negeri (I.A.I.N.) di Ciputat pada bulan Oktober 1963 agar meneruskan pemberontakan Kartosuwiryo;
- iv) Mengadakan pakatan sulit bersama ejen Tunku Abdul Rahman di Pontianak. Pakatan sulit ini menunjukkan Hamka menyokong Malaysia ketika tercetus konfrontasi di antara dua negara tersebut.

Beliau sesekali tidak melakukan tuduhan-tuduhan yang dinyatakan tadi. Antara kenyataan Hamka yang membuktikan dirinya berada di dalam kezaliman ialah (Hamka, 1982):

Artinya menurut tuduhan ini saya adalah seorang pengkhianat besar kepada tanahair saya sendiri. Sedihlah kita memikirkan bagaimana jatuhnya mental dan moral manusia pada masa itu. Rupanya di dalam sembilan orang mahasiswa yang saya beri kuliah di I.A.I.N. di waktu itu menyelinap (menyamar) sebagai mahasiswa yang kerjanya adalah mendengar-dengar, kalau ada kuliah yang diberikan oleh seorang dosen

atau guru besar yang dapat ditarik-tarik untuk dijadikan beban fitnah bagi menghancurkan dosen tersebut. Padahal pidato saya di muka rapat umum di Pontianak itu diambil dengan tape recorder yang isinya menguntungkan konfrontasinya Sukarno bukan menyokong Tunku Abdul Rahman. Itulah fitnah-fitnah yang ditimpakan kepada diriku, sehingga ditahan, ditanyanya dan diperiksa tidak kurang daripada dua setengah bulan lamanya (ketika mula-mula ditahan). Dengan segala macam usaha saya dipaksa buat mengaku apa yang dituduh.

Setelah berada di dalam penjara selama dua tahun empat bulan akhirnya Hamka dibebaskan pada tahun 1966. Pembebasan tersebut berlaku disebabkan rentetan peristiwa pemberontakan yang dikenali Gerakan September 30 atau “G30S PKI” yang telah mengorbankan enam pegawai tinggi tentera Indonesia pada 30 September 1965. Gerakan pemberontakan ini dikatakan dicetuskan Parti Komunis Indonesia. Peristiwa ini berjaya mengubah undang-undang Penetapan Presiden no.11/1963 yang menetapkan tahanan yang terlibat tidak boleh dikeluarkan dalam tempoh terdekat (Hamka, 1982). Hamka mengatakan seandainya peristiwa ini maka sukarlah beliau melepaskan diri dari sangkar kezaliman. Pembebasan ini sangat bererti kerana beliau berjaya bebas daripada kesengsaraan dan mengeluarkan satu manuskrip berharga buat tatapan ummah iaitu *Tafsir al-Azhar*.

Sebenarnya Hamka turut berdepan dengan cabaran masa untuk menyempurnakan *Tafsir al-Azhar*. Hasrat tersebut berjaya disempurnakan ketika berada di dalam tahanan. Hamka pernah menukilkan:

...selalulah saya bertanya-tanya di dalam hati, bilakah tafsir ini akan selesai dikerjakan, pada hal tugas-tugas yang lain di dalam masyarakat terlalu besar pula. Saya kerap meninggalkan rumah. Saya kerap keluar kota dan memenuhi undangan kawan-kawan sefahaman di daerah-daerah yang jauh.

(Hamka, 1982)

Hamka juga berdepan dengan tekanan dan kesunyian terpisah dengan keluarga. Beliau menceritakan bahawa anaknya pernah mencadangkan agar beliau menulis serba sedikit penghargaan kepada pihak yang menahannya di dalam penjara. Hal ini bertitik tolak daripada penahanan merekalah *Tafsir al-Azhar* dapat diwujudkan. Hamka menjawab permintaan anaknya tersebut dengan kata-kata berikut:

Tidak anakku! Ayah tidak hendak berterima kasih kepada mereka itu kerana terima kasih yang demikianpun akan menambah hasad mereka juga. Bahkan akan mereka katakan ayah mencemuh kepada mereka kerana maksud mereka digagalkan tuhan. Ayah belumlah mencapai darjat yang demikian tinggi sehingga mengucapkan terima kasih kepada orang yang aniaya, zalim, hasad, dengki.

(Hamka, 1982)

Proses penulisan tafsir kebanyakan berjalan semasa beliau merengkok di dalam penjara. Beliau tidak dapat menyempurnakan *Tafsir al-Azhar* sepenuhnya di situ kerana kekurangan bahan dan beberapa keperluan. Justeru beliau memerlukan masa tambahan setahun selepas dibebaskan iaitu pada tahun 1966 untuk menyempurnakan tafsiran tersebut. Akhirnya pada tahun 1967 manuskrip tersebut dapat dicetak dan dapat dimanfaatkan umat Islam (Hamka, 1982).

4.7 Rumusan

Antara perkara-perkara yang membantu Hamka dalam penulisan tafsiran al-Quran ialah penguasaan ilmu pengetahuan semenjak kecil, pengalaman yang luas sebagai wartawan, editor majalah dan aktivis Islam, pengembaraan ke pelbagai destinasi dan kekuatan semangat yang tinggi. Penglibatan beliau dalam lapangan pentafsiran al-Quran dapat disimpulkan melalui dua aktiviti utama iaitu penyampaian kuliah tafsir al-Quran dan penulisan *Tafsir al-Azhar*.

Tafsir al-Azhar adalah karya Hamka yang memuatkan terjemahan, tafsiran dan kupasan ayat-ayat al-Quran. Beliau berjaya mengarang sehingga lengkap meliputi keseluruhan 30 juz al-Quran walaupun menghadapi pelbagai tribulasi. Karya ini dinamakan “*Tafsir al-Azhar*” bersempena dengan nama Masjid al-Azhar yang menjadi tempat beliau aktif menyampaikan kuliah tafsir. Pada peringkat permulaan, intipati pengajian tafsir tidak ditulis sendiri kerana beliau hanya menjalankan pengajian secara aktiviti lisan sahaja. Hj. Yusuf Ahmad memulakan inisiatif penulisan hasil pengajian tersebut ke dalam Majalah *Gema Islam*. Ruangan tersebut diberi nama khas oleh Hamka sebagai *Tafsir al-Azhar*. Kemudiannya, Hamka menyusun kembali penulisan tersebut sehingga menjadi manuskrip ilmu yang sempurna.

Hamka telah mengarang *Tafsir al-Azhar* selama lebih kurang lima tahun iaitu bermula dari tahun 1962 sehingga tahun 1967. Beliau didapati mengutamakan pentafsiran al-Quran dengan al-Quran itu sendiri dan mengaitkan dengan al-Sunnah, pendapat sahabat, tabiin dan ahli-ahli tafsir lain.

Hamka turut mengaplikasikan kitab-kitab tafsiran yang lain sebagai sandaran perbahasannya. Beliau menggunakan pendekatan memilih pandangan tafsiran terkuat, membuat perbandingan dan mengaitkan dengan pandangan beliau sendiri. Di samping itu, beliau mengemukakan hujah-hujah sokongan daripada sumber ilmu tambahan seperti sains dan falsafah.

Antara keistimewaan beliau dalam pentafsiran al-Quran ialah beliau menggunakan bahasa yang mudah difahami, mengemukakan tafsiran daripada pelbagai sumber ilmu dan mewujudkan isi yang padat dengan kupasan bersifat semasa, perumpamaan, kisah-kisah tauladan dan pengalaman tersendiri.

Beliau menghadapi pelbagai tribulasi seperti dipenjara oleh pemerintah Indonesia, namun beliau tetap beristiqamah dalam menghasilkan *Tafsir al-Azhar*. Manuskrip yang dihasilkan menggambarkan taraf keintelektualan Hamka. Peninggalan manuskrip tafsir al-Quran tersebut sangat bernilai dan menjadi rujukan tafsir al-Quran alternatif yang tersohor di rantau Nusantara.

BAB LIMA

METODOLOGI PENTAFSIRAN HAMKA PADA AYAT-AYAT YANG MENGANDUNGI KALIMAH PENGERTIAN TAKWA DI DALAM SURAH AL-BAQARAH, TAFSIR AL-AZHAR.

5.1 Pengenalan

Melalui bab ini, perbincangan akan memerihalkan ayat-ayat yang mengandungi pengertian kalimah takwa. Melalui ayat-ayat pilihan tersebut, pengkaji akan menampilkan tafsiran Hamka dan metodologi yang diaplikasikan.

5.2 Pengenalan Surah Al-Baqarah

Surah *al-Baqarah* adalah surah kedua yang terdapat di dalam al-Quran al-Karim dan merupakan surah terpanjang dan turut mengandungi sepotong ayat yang terpanjang. Kedapatan 286 ayat di dalam surah ini. Perkataan *al-Baqarah* bererti “lembu betina” dan ada yang menterjemahkannya sebagai “sapi betina.”

Surah *al-Baqarah* adalah *surah Madaniyyah*³⁹ dan sebahagian besar surah ini diturunkan pada permulaan tahun Hijrah kecuali ayat 281 diturunkan di Mina pada Haji Perpisahan menjelang kewafatan Rasulullah s.a.w.⁴⁰ Surah ini dinamakan dengan surah *al-Baqarah* kerana ia berkaitan dengan kisah Bani Israil yang

³⁹ *Surah Madaniyyah* adalah surah yang diturunkan di Madinah. Surah *al-Baqarah* diturunkan selepas peristiwa Hijrah dan dimasukkan dalam kumpulan ayat-ayat *Madaniyyah*. Lihat Manna' al-Qatan, *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Birut: Muasasah al-Risalah, 2000.

⁴⁰ Kebiasaannya dalam setiap kitab terjemahan al-Quran akan diselitkan penerangan latar belakang sesebuah ayat. Penerangan turut menyentuh status surah sama ada *Makiyyah* atau *Madaniyyah* dan sejarah penurunan ayat-ayat tertentu di dalam surah berkenaan. Lihat *al-Quran dan Terjemahannya*, Kerajaan Arab Saudi Arab, 1992.

diperintahkan Nabi Musa a.s. untuk mencari lembu betina bagi menyelesaikan satu kes pembunuhan yang berlaku (Hamka, 1982).

Kandungan surah *al-Baqarah* terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, ayat-ayat memfokuskan kebenaran al-Quran, menghuraikan sifat golongan munafik dan kafir, menyeru umat manusia keseluruhannya menyembah Allah s.w.t. dan meninggalkan syirik, menerangkan proses kejadian manusia dan alam, menerangkan janji syurga dan neraka, mendedahkan kisah Nabi Adam, Hawwa` dan Iblis serta perihal golongan Yahudi dan Ahli Kitab. Dalam bahagian yang kedua pula diterangkan secara meluas tentang hukum syarak yang meliputi ibadah, *mu'amalah*, *munakahat* dan *jinayat* serta beberapa perkara umum yang lain.

Mengikut pandangan Hamka, terdapat enam perkara penting yang lahir daripada intipati surah ini terhadap kaum muslimin dalam rangka memperteguhkan agama Islam, menegakkan jati diri dan semangat menyebarkan dakwah. Enam perkara itu ialah (Hamka, 1982):

- i. Supaya mempunyai kesungguhan dan meninggalkan tauladan terbaik kepada manusia yang lain;
- ii. Kesanggupan menegakkan kebenaran;
- iii. Jangan merasa lemah dengan kemiskinan, penghijrahan dan bahaya yang mendatang;
- iv. Bersiap sedia menghadapi musuh yang memerangi Islam;
- v. Memperkuat hati, memperdalamkan keimanan, memperhebatkan ibadah dan takwa;

vii. Mendirikan rumah tangga yang baik, suami isteri yang bahagia, mengalirkan pendidikan pada keluarga dan menyebarkan cinta kepada keluarga terdekat, anak yatim dan fakir miskin.

Surah *al-Baqarah* juga mengandungi pelbagai kelebihan dan terdapat banyak hadith yang menerangkan kelebihan surah ini. Antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: Sesungguhnya setiap sesuatu itu ada puncak dan puncak al-Quran ialah surah *al-Baqarah*.

(al-Mundhiri, *al-Targhib wa al-Tarhib*, no.314, j.2, Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, 2005.)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

)

Maksudnya: Barangsiapa yang membacanya (Surah *al-Baqarah*) pada waktu malam maka rumahnya tidak akan dimasuki syaitan selama tiga malam, barangsiapa yang membacanya pada waktu siang maka rumahnya tidak akan dimasuki syaitan selama tiga hari.

(al-Suyuti, *al-Jami' al-Saghir*, no.2420, Misr: Dar al-Fikr, 1976.)

Sabda Rasulullah s.a.w.:


Maksudnya: Bacalah surah *al-Baqarah* sesungguhnya sesiapa yang membacanya memperolehi keberkatan dan sesiapa yang meninggalkannya memperolehi kerugian. Surah ini akan mengagalkan kuasa sihir.

(al-Tabrani, *al-Mu'jam al-kabir*, no.3992, Birut: Dar al-Fikr, 2002.)

Menurut Abu Al-Baqir (2007), Allah s.w.t. menjadikan surah *al-Baqarah* mengandung khasiat penerang hati, penguat keyakinan, penyubur tanaman, peraih kejayaan, pengubat sihir dan gila, pengerak ibadah, penawar penyakit, penghindar bala, pemurah rezeki, pencetus kehormatan diri dan pencetus kebahagiaan rumah tangga. Manakala menurut Kurdi (1997), menerusi pengamalan beberapa ayat tertentu di dalam surah ini menyebabkan seseorang itu mampu memiliki akal yang cerdas, menghindari malapetaka dan kejahatan, mengetahui kejadian di waktu tidur, mengetahui perihal pencuri barang dan mendamaikan suami isteri dengan izin Allah s.w.t..

5.3 Pandangan Ulama Tentang Takwa

Takwa merupakan manifestasi yang mesti dicapai oleh setiap insan hasil daripada segala syariat yang telah diturunkan dan pewartaan nas-nas agama. Insan yang memahami tuntutan takwa adalah insan yang bakal meraih kejayaan di dunia dan akhirat. Kalimah pengertian takwa dapat didapati dalam pelbagai ayat di dalam al-Quran. Ini membuktikan Allah s.w.t. memerintah manusia supaya melaksanakan tuntutan ini. Allah s.w.t. berfirman:



Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

(al-Quran, *Ali 'Imran* 2 : 102)

Rasulullah s.a.w. ada bersabda mengenai takwa. Antaranya:

Maksudnya: Bertakwalah kepada Allah di mana jua kamu berada.

(al-Tirmidhi, *al-Jami' al-sahih Sunan al-Tirmidhi*, No. 1987, Misr: Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabi., 1989)

Dalam hadits yang panjang riwayat Irbad b.Sariyah, baginda turut bersabda:

Maksudnya: Aku berwasiat kepada kalian supaya bertakwa kepada Allah.

(al-Darimi, *Sunan al-Darimi*, no. 2676, Damsyiq: Dar al-Qalam, 1996.)

Makna dan pengertian takwa yang difirmankan Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. mempunyai pelbagai pengertian. Para sahabat dan para ulama sendiri turut mempunyai pelbagai pengertian tersendiri mengenai takwa. Takwa merupakan *masdar* dari kata *waqa* yang bererti menghalangi diri dari segala keinginan, menjalankan segala perintah dan menjauhi segala larangan termasuk perkara *syubhat* (Ibn Manzur, 2003). Orang paling mengerti agama dalam pandangan ulama *salaf* adalah orang yang paling bertakwa (Ibn al-Qayyim, t.t.). Takwa mempunyai pengertian yang pelbagai berdasarkan kepada dua asas utama iaitu melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Ibn Mas'ud mengatakan takwa ialah taat kepada Allah dan tidak menderhakai-Nya, mensyukuri-Nya dan tidak kufur, mengingati dan tidak melupai-Nya (Sa'id Hawa, 2003). Pengertian ini turut diikuti al-Hasan al-Basri, 'Ikrimah, Qatadah dan Muqatil (al-Zuhaili, 1998). Menurut Ibn 'Abbas, golongan yang bertakwa ialah mereka yang menghindari syirik dan sentiasa beramal dengan ketaatan kepada Allah (al-Qurtubi, 2000). 'Umar bin 'Abd al-'Aziz berpendapat perbuatan takwa bukanlah sekadar berupaya berpuasa di siang hari dan berqiamulail di waktu malam tetapi perbuatan takwa ialah sanggup meninggalkan perkara yang diharamkan Allah dan menunaikan

kefardhuan Allah. Sesiapa yang mendapat kurniaan dari Allah takala bertakwa maka ia adalah sesuatu yang amat baik dan membawa kebaikan yang seterusnya (Muhammad Khalil, 2005).

Ulama terkemuka dalam lapangan ilmu tasawuf, al-Ghazali (2003) merumuskan bahawa intipati takwa ialah mampu menyucikan hati dari segala kejahatan, sehingga ia menjadi pemelihara yang membenteng daripada segala kejahatan. Definisi takwa menurut bahasa ada diterangkan al-Qurtubi (2000) iaitu takwa ialah kurang bertutur yakni mengawasi mulut daripada bertutur perkara yang tidak bermanfaat. Selanjutnya beliau menjelaskan orang yang bertakwa ialah orang yang memastikan diri beramal kebaikan dan memisahkan tingkah lakunya daripada terkena azab dari Allah. Ibn Kathir (2000) meriwayatkan dari Thalq bin Habib tentang definisi takwa iaitu mengerjakan ketaatan kepada Allah dengan bimbingan cahaya dari Allah sambil mengharap pahala daripada-Nya, dan rela meninggalkan kemaksiatan dengan disertai rasa takut akan siksaan daripada-Nya. Al-Nawawi menyebut bahawa perkataan takwa adalah sebagai perkataan himpunan tentang segala manifestasi ajaran Islam dari perihal aqidah, ibadah, muamalah dan akhlak (Mustafa dan Mahy al-Din, 2003).

Terdapat pandangan tentang takwa yang dikemukakan ulama-ulama mutakhirin. Menurut al-Qaradawi (2002), takwa pada dasar maknanya adalah mengambil tindakan penjagaan dan memelihara dari sesuatu yang mengganggu dan memudaratkan iman. Syed Qutb (2005) menyimpulkan takwa ialah keupayaan menyatukan kehendak syariat dalam soal dalaman dan luaran seseorang. Tindakan utama makna takwa dapat dilihat menerusi pandangan 'Afif 'Abd al-Fatah (t.t.).




Beliau mengariskan tindakan utama daripada ketakwaan ialah perasaan takut kepada Allah, justeru sesiapa yang takut kepada-Nya maka akan bertukar menjadi insan yang sangat bertakwa kepada-Nya.

Wahbah al-Zuhaili (1998) merupakan antara ulama semasa, turut menegaskan makna takwa yang selari dengan pandangan *salaf* iaitu takwa ialah menunaikan perintah-perintah wajib dan menjauhi larangan dan maksiat keseluruhannya serta mengikuti perintah mengikut kadar kemampuan dalam perkara yang terdapat pilihan dalam agama. Begitu juga dengan penjelasan dari Muhammad 'Ali al-Sabuni (2003) yang memperkatakan takwa ialah orang yang menjauhi kemurkaan Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya serta berusaha melindungi diri daripada terkena azab-Nya. Sa'id Hawa (2003) turut mengemukakan takrif orang yang bertakwa ialah orang memelihara diri dengan menunaikan apa-apa yang ditanggungjawabkan atau meninggalkan apa yang diperintahkan dan bersatu dalam mengikuti petunjuk kitab Allah.

Daripada takrifan dan penjelasan tersebut, makna takwa wujud dalam pelbagai penjelasan seperti mengikuti perintah Allah, meninggalkan larangan-Nya, memelihara diri daripada terjebak dalam perkara kemurkaan Allah, berhati-hati dalam amal perbuatan, menghadirkan perasaan takut dan membersihkan hati daripada sifat-sifat buruk.

5.4 Ayat-Ayat Yang Mengandung Kalimah Pengertian Takwa Di Dalam Surah Al-Baqarah

Kalimah pengertian takwa yang diambil daripada terjemahan ayat-ayat berkenaan adalah berasal daripada kalimah 'Arab dalam bentuk *isim* (kata nama), *fi'il madi* (perbuatan yang telah berlaku), *fi'il mudari'* (perbuatan yang sedang berlaku dan bakal berlaku), *fi'il 'amar* (suruhan atau perintah) dan *fa'il* (pelaksana) iaitu dalam konteks perkataan takwa yang berasal daripada kalimah *waqayah* () (Ibn Manzur, 2003). Terdapat 31 ayat al-Quran dalam surah *al-Baqarah* yang menggunakan kalimah berkaitan perkataan takwa.⁴¹ Kalimah-kalimah ini dalam keadaan berulang-ulang dan dapat disimpulkan menerusi 13 kalimah al-Quran di bawah ini yang berkaitan makna pengertian takwa⁴² :

1.  : "Orang-orang yang hendak bertaqwa."
2.  : "Supaya kamu terpelihara. "
3.  : "kepadaku sajalah kamu bertaqwa. "
4.  : "Takutlah kamu."
5.  : "Supaya kamu terpelihara."
6.  : "Mereka telah bertaqwa."
7.  : "Orang-orang yang bertaqwa. "
8.  : "Supaya mereka jadi taqwa. "
9.  : "Barangsiapa yang taqwa."
10.  : "Taqwa."
11.  : "Taqwalah. "
12.  : "Mereka berbuat taqwa."
13.  : "Dan hendaklah ia taqwa."


5.5 Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran

⁴¹ Berdasarkan penelitian terhadap 31 ayat di dalam surah *al-Baqarah*, terdapat kesamaan dan kadang kala perbezaan makna takwa yang difirman Allah s.w.t.. Kedudukan 31 ayat-ayat berkenaan ialah pada ayat 2, 21, 24, 41, 48, 63, 66, 103, 123, 177, 179, 180, 183, 187, 189, 194, 196, 197, 203, 206, 212, 223, 224, 231, 233, 237, 241, 278, 281, 282 dan 283.

⁴² 13 kalimah ini diterjemahkan berdasarkan terjemahan Hamka di dalam *Tafsir Al-Azhar*, Indonesia :terbitan Pustaka Panjimas, 1982.

Melalui tajuk ini, pengkaji akan menumpukan tafsiran Hamka melalui aspek metodologi yang digunakan beliau. Berikut adalah ayat-ayat yang mengandungi terjemahan mengikut *Tafsir al-Azhar* (1982) dan analisis metodologi yang digunakan beliau:

1. Ayat ke-2:



Terjemahannya: Inilah Kitab itu, tidak ada sebarang keraguan padanya padanya satu petunjuk bagi orang-orang yang hendak bertaqwa.


Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Hamka mengaitkan surah *al-Fatihah* dan ayat 79 surah *al-Waqi'ah* untuk menyokong pentafsiran ayat ini;
- b. Menampilkan sedikit fakta berkaitan ilmu *Tarikh Mashaf*: Hamka memulakan tafsiran dengan menerangkan keadaan al-Quran di zaman Rasulullah yang diturunkan secara berperingkat;
- c. Memuatkan catatan pengalaman peribadi: Tujuannya ialah untuk menambah kupasan tentang maksud ayat yang ditafsirkan dengan kisah pengalaman tersendiri ketika menghadiri Konferensi Kebudayaan Islam pada tahun 1962.

Resolusi konferensi tersebut menyebut bahawa kebudayaan Islam yang sebenar yang perlu dihayati ialah kebudayaan takwa;

- d. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau menyebut orang yang ingin bertakwa perlu melaksanakan perkara-perkara kebaikan seperti memelihara hubungan yang baik dengan tuhan, memelihara diri daripada perkara yang tidak diredhai tuhan, memelihara segala perintah-Nya, berhati-hati dalam perjalanan hidup, takut, cinta, kasih, harap, cemas, berani, tawakal, redha, sabar dan sesuatu yang dilaksanakan kesan daripada iman dan amal salih.

2. Ayat ke-21:




Terjemahannya: Wahai manusia! sembahlah olehmu Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu terpelihara.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Memulakan tafsiran dengan memfokuskan pada perkataan tertentu sahaja: Pentafsiran dimulakan dengan penghuraian makna perkataan *wahai manusia*. Hamka memilih perkataan berkenaan dengan tujuan membezakan ayat-ayat lain yang tidak mengandungi kalimah seruan;
- b. Menggunakan beberapa contoh yang berada di persekitaran manusia: Hamka menyebut nikmat-nikmat yang dikecapi manusia seperti sawah, ladang, rumahtangga dan harta pusaka;
- c. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka menterjemahkan dengan perkataan “supaya kamu terpelihara” dalam ayat ini dan tidak menyebut secara

terus perkataan takwa. Pengkaji tetap memasukkan ayat ini dalam sampel kajian kerana kalimah asal daripada ayat al-Quran ini tetap berkaitan dengan kalimah takwa. Hamka lebih memfokuskan kepada maksud “supaya kamu terpelihara” daripada maksud “supaya kamu bertakwa” dengan tujuan supaya para pembaca dapat memahami terus maksud takwa yang lebih mendalam. Beliau menjelaskan bahawa manusia perlu memelihara martabat diri daripada menyamai taraf binatang.

3. Ayat ke-24:




Terjemahannya: Maka kalau kamu tidak dapat membuat, dan sekali-kali kamu tidak dapat membuat, maka takutlah kamu kepada neraka yang penyalakannya ialah manusia dan batu yang disediakan untuk orang-orang kafir.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan. Hamka memulakan tafsiran dengan menerangkan terlebih dahulu maksud kehendak ayat ke-23 yang berkisar tentang seruan Allah s.w.t. kepada golongan yang ingin mencabar al-Quran;
- b. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Hamka menampilkan pepatah Indonesia yang berbunyi “kanji pun tak lalu, air pun tak lalu” untuk ditujukan kepada golongan kuffar yang keras kepala;

- c. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “maka takutlah kamu kepada neraka” dan tidak menterjemahkan dengan perkataan takwa dalam ayat ini. Hamka lebih memfokuskan kepada maksud “maka takutlah kamu kepada neraka” dengan tujuan supaya para pembaca dapat menterjemahkan tuntutan takwa kepada perasaan gerun terhadap seksaan Allah s.w.t..

4. Ayat ke-41:




Terjemahannya: Dan percayalah kepada apa yang Aku turunkan, yang bersetuju dengan apa yang ada sertamu, dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu jadi orang-orang yang mula sekali mengkufurinya dan janganlah kamu jual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit dan semata-mata kepadaku sajalah kamu bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada kandungan kitab-kitab sebelum al-Quran: Hamka menghuraikan sebahagian peraturan Allah s.w.t. yang terkandung di dalam Taurah yang termaktub di dalam al-Quran. Peraturan Allah s.w.t. tersebut ialah percaya kepada Allah s.w.t., jangan membuat berhala, hormat kepada ibu bapa, jangan berzina, jangan mencuri dan jangan menjadi saksi palsu;
- Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka menjelaskan dengan maksud takwa ialah menjaga hubungan dengan Allah s.w.t.. Beliau juga

mentafsirkan semata-mata perhubungan dengan Allah s.w.t. yang perlu dipelihara dan dititikberatkan dengan rasa penuh tanggungjawab kepada tuhan.

5. Ayat ke-48:



Terjemahannya: Dan takutlah kamu akan hari yang tidak akan dapat melepaskan satu diri sesuatu apa pun dari diri yang lain dan tidak akan diterima daripadanya permohonan dan tidak diambil daripadanya penebusan dan tidak mereka akan ditolong.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mengemukakan pentafsiran berdasarkan unsur sejarah dunia: Hamka menukilkan sejarah perkembangan Yahudi di dunia termasuk di Sepanyol dan benua Eropah dan sentimen mereka yang sangat berbangga dengan keturunan. Di samping itu, beliau turut menukilkan kecaman masyarakat Eropah dan kezaliman Nazi Jerman ke atas mereka;
- Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pengertian “dan takutlah kamu akan hari (akhirat)”. Pentafsiran ini membawa maksud mengawasi diri dan keturunan daripada perasaan lapang dada dan bakal terlepas daripada tanggungjawab di akhirat.

6. Ayat ke-63:



Terjemahannya: Dan ingatlah takala telah Kami ambil perjanjian dengan kamu, dan telah Kami angkat gunung di atas kamu: peganglah apa yang telah Kami berikan kepada kamu dengan sungguh-sungguh, dan ingatlah olehmu apa yang ada di dalamnya, supaya kamu semua takwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Hamka mengaitkan tafsiran dengan ayat ke-170 surah *al-'Araf* ;
- Menampilkan pandangan ulama tafsir yang lain: Hamka menyatakan pandangan para *mufasssir* secara umum berkaitan keadaan gunung dalam ayat ini yang sama ada benar-benar diangkat Allah s.w.t. atau disebaliknya;
- Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pengertian “terpelihara dari bahaya”. Beliau sekadar menjelaskan makna takwa dengan begitu ringkas di sini.

7. Ayat ke-66:



Terjemahannya: Maka Kami jadikanlah dianya sebagai suatu teladan bagi mereka yang semasa dengannya dan orang-orang yang di belakangnya, dan pengajaran bagi orang-orang yang bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan. Hamka mengaitkan ayat ke-65 surah *al-Baqarah* pada peringkat permulaan perbahasan kerana ia berkait rapat dengan ayat ke-66 ini. Di samping itu, Hamka turut

mengaitkan pentafsiran berdasarkan ayat ke-5 surah *al-Juma'ah* dalam konteks pentafsiran berdasarkan ayat dari surah yang lain pula;

- b. Menyatakan pentafsiran berdasarkan riwayat sahabat: Hamka menyatakan riwayat daripada Ibn 'Abbas berkenaan dengan perubahan Bani Israil menjadi kera;
- c. Menyatakan pentafsiran berdasarkan riwayat tabiin: terdapat riwayat yang dinukilkan daripada Ibn Ishaq, Ibn al-Jarir dan Ibn al-Munzir berkenaan tempat kejadian dan riwayat tentang maksud Bani Israil bertukar menjadi buruk;
- d. Menampilkan pandangan ulama semasa: Beliau menampilkan pandangan seorang mubaligh Islam Minangkabau, Duski Samad yang memperumpamakan manusia yang lanjut usia dan berperangai pelik adalah seperti “beruk tua yang terpaut”;
- e. Mengemukakan pentafsiran dengan *ijtihad* sendiri secara berterus terang: Hamka menjelaskan *ijtihad*nya dengan jelas seperti berikut: “Sebab itu maka penafsir ini tidaklah berpegang pada sesetengah ahli tafsir yang lain yang menafsirkan bahawa mereka (Bani Israil) disumpah tuhan, sehingga langsung bertukar jadi beruk.” Beliau seterusnya mentafsirkan bahawa Bani Israil telah diubah nurani dan perbuatan sehingga mirip tingkah laku beruk;
- f. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “pengajaran bagi orang-orang yang bertaqwa” dengan huraian sekiranya orang-orang yang bertakwa diberi rezeki yang sedikit mereka tetap akan berpuas hati kerana yang penting rezeki itu halal dan mereka tidak akan berhelah terhadap agama.

8. Ayat ke-103:






Terjemahannya: Padahal jika kalau sekiranya mereka beriman dan bertakwa sesungguhnya pahala dari sisi Allahlah yang lebih baik, jika kalau adalah mereka mengetahui.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mengaitkan tafsiran dengan fakta tentang para Nabi: Hamka memfokuskan beberapa keterangan tentang Nabi Sulaiman yang telah dikafirkan oleh golongan Yahudi. Keterangan ini dinukilkan tanpa pernyataan riwayat;
- b. Menampilkan hujah-hujah daripada ilmu Tauhid: Hamka menegaskan prinsip utama *'aqidah* iaitu *i'ktiqad* mengenai perutusan rasul dan perihal kemuliaan mereka;
- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan isu semasa: Beliau menyatakan terdapat umat Islam di Indonesia yang mewujudkan “buku ganjil” yang menyediakan ayat-ayat al-Quran untuk tujuan sihir;
- d. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan bahawa orang-orang yang hidup dengan bertakwa tidak akan keras kepala dan hidup dengan mengamalkan anasir buruk (sihir).

9. Ayat ke-123:




Terjemahannya: Dan takutlah kamu akan hari yang tidak akan dapat melepaskan satu diri daripada diri yang lain sesuatu pun tidak diterima daripadanya penebusan, dan tidak bermanfaat padanya satu syafaat pun dan tidaklah mereka akan ditolong.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Menampilkan hujah-hujah daripada ilmu Tauhid: Hamka menegaskan prinsip *'aqidah* paling utama iaitu tentang kepercayaan mutlak hanya kepada Allah s.w.t.;
- b. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Ajaran Kristian yang menyebut kematian al-Masih adalah untuk menembus dosa manusia diketengahkan dalam tafsiran dan dinyatakan bersama sanggahan daripada Islam;
- c. Mengemukakan pentafsiran dengan menampilkan contoh-contoh individu yang rapat dengan manusia: Waris dan guru dijadikan contoh golongan yang mulia di dunia tetapi tidak dapat membantu meringankan azab seseorang di akhirat;
- d. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “maka takutlah kamu kepada neraka” dengan pengertian yang hampir sama dengan ayat 48 sebelum ini. Beliau tidak menterjemahkan dengan perkataan takwa dalam ayat ini.

10. Ayat ke-177:





Terjemahannya: Bukanlah kebajikan itu lantaran kamu memalingkan muka ke arah timur dan barat, akan tetapi kebajikan itu ialah bahawa kamu percaya kepada Allah dan hari yang akhir dan malaikat dan kitab, dan Nabi-Nabi dan memberikan harta atas cinta kepadanya kepada kekuarga yang hampir dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan anak perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan penebus hamba sahaya dan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat; dan orang-orang yang akan memenuhi janji mereka apabila mereka berjanji dan orang-orang yang sabar di waktu kepayahan dan kesusahan dan peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:


- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Hamka mengemukakan hujah berdalilkan ayat-ayat dari ayat 30 surah *al-Sajadah*, ayat 91 surah *al-Nisa*’, ayat 3 surah *al-’Ankabut*, ayat 19 surah *al-Ma’arij*. ayat 91 surah *al-Maidah* dan ayat 3 surah *al-Mujadalah*;
- b. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Terdapat hadith-hadith riwayat al-Baihaqi, riwayat bersama oleh Ahmad, Tirmidhi, Nasaii, Ibnu Majah, al-Hakim dan al-Baihaqi dan hadith riwayat Bukhari dan Muslim sebagai sandaran hujah. Di samping itu, terdapat pernyataan sebuah hadith sahih mengenai *kaffarah* membebaskan hamba akan tetapi tidak dinyatakan sumber riwayat;

- c. Menyatakan pentafsiran berdasarkan riwayat sahabat: Menampilkan tafsiran dari 'Abdullah b. Mas'ud yang menyentuh tentang keadaan hati manusia takala menderma dan tafsiran dari Ibn 'Abbas yang menyentuh tentang maksud "*anak perjalanan*";
- d. Menyatakan pentafsiran berdasarkan riwayat tabiin: Riwayat tafsiran dari Mujahid dikemukakan dalam penerangan adab terhadap orang musafir;
- e. Menampilkan hujah-hujah daripada ilmu Tauhid: Penerangan kepentingan beriman kepada Allah, hari akhirat, perihal malaikat dan kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul dijadikan sebagai bahan pentafsiran;
- f. Menghuraikan ayat berdasarkan ilmu fiqh: Dalam isu zakat ini, Hamka mengemukakan perbincangan fiqh yang panjang dengan dimuatkan pandangan dari mazhab Zahiri, kata-kata Syeikh Mustafa al-Ghalayini tentang kepentingan ikhlas, sejarah Ma'an b. Zaidah iaitu seorang tokoh dermawan yang tidak diwajibkan zakat, kepentingan perjanjian dalam Islam seperti perkahwinan dan pertabalan khalifah, perihal perhambaan menerusi peperangan dan pembebasan hamba;
- g. Mengutarakan perbahasan falsafah Islam: Pentafsiran dilakukan dengan cara mewujudkan penerangan konsep falsafah solat dan perkaitan dengan lafaz doa *Iftitah*, teori kontrak sosial dan perkaitan dengan Islam dan konsep perjanjian Islam. Konsep perjanjian dengan tuhan dan perjanjian sesama manusia dibincangkan beserta sebuah hadith yang tidak dinyatakan sumber riwayat;

- h. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Hamka memaparkan beberapa konsep ideologi Sosialis dan Komunis sebagai perbandingan dengan ideologi kebajikan Islam;
- i. Mengemukakan fakta khas secara butiran nombor: Beliau menyebut secara khusus bahawa terdapat 98 ayat al-Quran tentang perihal sabar;
- j. Memasukkan unsur sejarah dunia: Kisah di Sudan dipaparkan dalam kupasan isu meminta-minta daripada orang lain manakala sejarah Revolusi Oktober 1917 dipaparkan dalam isu penggagasan Sosialisme. Sejarah Islam turut diselitkan iaitu keadaan pemerintahan khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz;
- k. Menampilkan ilmu psikologi kemanusiaan: Dalam konteks ini, Hamka menerangkan sifat naluri manusia secara umum tanpa menyatakan sumber kenyataannya;
- l. Memasukkan beberapa fakta-fakta semasa: Hamka mengaitkan dengan hal ehwal undang-undang antarabangsa seperti peraturan mengharamkan perhambaan;
- m. Mengaitkan kisah sejarah dan tauladan: Memuatkan secebis kisah seorang pemimpin yang melanggar perjanjian negara sendiri dan sejarah perhambaan yang dijalankan di Rusia;
- n. Menerangkan contoh bersifat semasa: Hamka menyebut perbuatan mengadap arah dalam konteks keadaan geografi. Ini dapat dilihat umpamanya masyarakat Indonesia dalam keadaan mengadap ke arah barat dan masyarakat Amerika pula dalam keadaan mengadap ke arah timur apabila masing-masing ingin menumpukan ke bahagian tengah dunia;

- o. Menggunakan pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia:
Hamka menggunakan bahasa kiasan “tangan yang di atas lebih mulia dari tangan di bawah” dalam kupasan ”orang-orang yang meminta”;
- p. Memuatkan catatan pengalaman pribadi bagi menguatkan kupasan maksud ayat yang ditafsirkan: Beliau menceritakan serba sedikit pengalaman dihantui penderitaan tatkala berlaku perang di tanah air akibat serangan Belanda dan jihad memerangi penjajah tersebut;
- q. Memperkukuhkan tafsiran mengenai takwa: Hamka mentafsirkan orang-orang yang bertakwa berdasarkan riwayat Ibnu Jarir sebagai golongan yang selalu memelihara hubungan dengan Allah dan memastikan iman sentiasa mendaki ke tahap yang lebih tinggi.

11. Ayat ke-179:



Terjemahannya: Dan untuk kamu di dalam hal Qishash itu ada kehidupan, wahai orang-orang yang mempunyai fikiran dalam supaya kamu semua menjadi orang-orang yang bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mengutarakan perbahasan falsafah Islam: Hamka menghuraikan falsafah perundangan Islam terutama tentang qisas;
- b. Menampilkan contoh yang berkaitan dengan persekitaran manusia: Untuk memudahkan pembaca memahami maksud ayat ini, Hamka memuatkan contoh kes seseorang yang terlibat dalam jenayah pembunuhan yang berlaku dalam masyarakat;

- c. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan bahawa golongan yang bertakwa ialah masyarakat beriman. Beliau menjelaskan masyarakat tersebut adalah yang bersikap menegakkan keamanan, memelihara perdamaian, mempertahankan hidup berdasarkan syariat, mempunyai kesedaran beragama dan perasaan takut kepada Allah s.w.t..

12. Ayat ke-180:



Terjemahannya: Diwajibkan atas kamu apabila seseorang daripada kamu hampir mati jika dia ada meninggalkan harta supaya berwasiat untuk kedua ibu bapa dan keluarga terdekat baik Kewajiban atas orang-orang yang taqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Menampilkan pandangan ulama lain: Pentafsiran dijalankan dengan memuatkan permasalahan status ayat ini. Hamka menyatakan perselisihan para ulama' tanpa menyebut nama mereka. Terdapat daripada mereka yang memandang ayat ini sudah tidak relevan kerana ia dimansukhkan menerusi ayat pembahagian waris di dalam surah *al-Nisa'*;
- Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Hamka menampilkan hadith bersumberkan riwayat al-Tirmidhi yang menjadi dokongan kepada golongan ulama yang menyatakan ayat ini adalah mansukh manakala hadith riwayat Ibn Abi Syaibah dan al-Baihaqi pula menjadi dokongan kepada ulama yang menyatakan ayat ini tidak mansukh;

- c. Mengutarakan ilmu Nasakh dan Mansukh: Terdapat perbincangan ayat yang disebutkan adalah berpandukan perspektif ilmu ini;
- d. Mengutarakan pentafsiran berlandaskan hukum fiqh: Perbincangan berkaitan wasiat dan faraid diselitkan dengan fakta-fakta penting;
- e. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Beliau mengutarakan tajuk ``wasiat`` sebagai pembukaan pentafsiran;
- f. Mentafsirkan kalimah takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “kewajipan atas orang-orang yang bertakwa” iaitu orang-orang yang tidak meninggalkan kekacauan kepada keluarga dan berusaha meninggalkan perkara yang baik (wasiat) untuk kebaikan keluarga. Pentafsiran hanya berbentuk pernyataan ringkas.

13. Ayat ke-183:



 Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kepada kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:


- a. Mentafsirkan ayat berdasarkan hadith: Beliau memuatkan hadith riwayat Ibn Majah yang mendedahkan amalan puasa adalah berhubung rapat dengan nilai sabar. Perbincangan juga difokuskan pada lafaz hadith yang berbunyi “*imanan wahtisaban*” tanpa disertai riwayat asal hadith berkenaan;


- b. Pentafsiran berdasarkan riwayat daripada sahabat: Permulaan pentafsiran turut difokuskan kepada tafsiran sahabat bernama 'Abdullah b. Mas'ud yang menjelaskan perintah puasa adalah perintah yang berat;
- c. Mengaitkan dengan kandungan kitab-kitab beserta sejarah para Rasul terdahulu: Hamka menjelaskan kandungan Taurah dan Injil serta sejarah Nabi Musa dan Nabi 'Isa dalam bab kewajipan puasa. Di samping itu, pentafsiran dilakukan dengan menukilkan amalan “puasa” oleh Nabi Zakaria, Maryam dan Nabi 'Isa yang termaktub dalam *surah Maryam*;
- d. Pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Kaedah ini tidak digunakan dengan meluas kerana Hamka hanya memilih kalimah al-Quran tertentu sahaja untuk dijadikan bahan pentafsiran. Kalimah *siyam* ditampilkan untuk menjelaskan pengertian puasa beserta peraturan ibadah tersebut;
- e. Menampilkan pandangan ulama: Hamka menukilkan pandangan rakannya bernama K.H. Wahid Hasyim tentang pengalaman puasa dan pandangan al-Ghazali tentang amalan golongan sufi yang mengamalkan puasa daripada mendekati perkahwinan;
- f. Menafsirkan ayat dengan menampilkan hujah-hujah daripada ilmu fiqh: Pentafsiran dilakukan dengan cara menerangkan kaedah ibadah puasa dan hukum-hakam yang berkaitan;
- g. Mentafsirkan ayat dengan mengutarakan falsafah Islam: Hamka menerangkan falsafah dan hikmah yang terkandung di dalam ibadah puasa;
- h. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Penceritaan budaya puasa dalam agama lain seperti

Hindu, agama Mesir purba, Buddha dan Kristian dikemukakan sebagai bahan perbandingan. Hamka turut mengemukakan pandangan Barat yang menghina amalan berpuasa dan fakta tentang kemaksiatan yang berlaku pada hari Natal di Barat;

- i. Mengemukakan ilmu sampingan: Memasukkan beberapa pandangan ahli perubatan tentang faedah puasa tanpa diiringi nama mereka;
- j. Memasukkan unsur-unsur sejarah dunia dan pengalaman peribadi: Hamka menceritakan pengalaman penjajahan Belanda dan hubung kait dengan ibadah puasa;
- k. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan tajuk khas: Tafsiran dimulakan dengan tajuk *Puasa*;
- l. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “menjadi orang-orang yang bertakwa” ialah orang yang beriman yang dapat menahan nafsu kerana melaksanakan perintah Allah s.w.t.. Pentafsiran hanya berbentuk ringkas.

14. Ayat ke-187:






Terjemahannya: Dihalalkan bagi kamu pada malam puasa bercampur kepada isteri kamu. Mereka adalah pakaian bagi kamu dan kamu adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu telah berkhianat kepada diri-diri kamu maka diampuniNya kamu dan dimaafkanNya kamu. maka sekarang singgunglah mereka dan carilah apa yang telah ditentukan Allah buat kamu dan makanlah dan minumlah sehingga berbeda bagi kamu tali putih dari tali hitam dari waktu fajar. Kemudian itu sempurnakanlah puasa sampai malam dan janganlah kamu singgung mereka padahal kamu sedang iktikaf di dalam masjid-masjid. Itulah batas-batas Allah, maka janganlah kamu dekati akan dia. Demikianlah Allah telah menjelaskan perintah-perintahNya kepada manusia supaya mereka jadi taqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan. Hamka membuat kesimpulan bahawa dalam lingkungan ayat 183 hingga 187 surah *al-Baqarah* adalah mengenai penjelasan perintah puasa;
- b. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Hamka menampilkan hadith riwayat Bukhari dan Muslim yang menceritakan tentang amalan 'Adi b. Hatim yang telah menyediakan dua helai benang sebagai panduan untuk melihat waktu fajar menyinsing;
- c. Menampilkan pandangan ulama: Hamka mengemukakan pandangan *ijtihad* Abu 'Ali al-Qali yang telah menjatuhkan hukuman berpuasa dua bulan berturut-turut kepada seorang khalifah Bani Umayyah;

- d. pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Perbincangan difokuskan pada kalimah al-Quran iaitu “*rafath*” dan “*mubasyarah*” dan diterangkan maknanya menurut kaedah penterjemahan daripada bahasa Arab;
- e. Memuatkan ilmu fiqh: Beliau menerangkan fiqh berkaitan waktu tempoh berpuasa dan hukum iktikaf serta perkara yang membatalkan kedua-dua ibadah ini. Permasalahan “*ru`yah al-hilal*” dan kaedah “*hisab*” turut dijadikan bahan pentafsiran;
- f. Memasukkan unsur sejarah: Hamka menceritakan suasana aktiviti “*ru`yah*” di Indonesia semasa zaman pentadbiran Menteri Agama, K.H. Fakih Usman dan zaman penghulu-penghulu di Tanah Jawa;
- g. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Terdapat penggunaan bahasa Minangkabau tentang istilah bermain-main yang disebut ‘*bergelut-gelut*’;
- h. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan tajuk khas: Hamka meletakkan satu tajuk khas iaitu “*Pakaian*” untuk memulakan perbincangan tentang perhubungan suami isteri;
- i. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan dengan pernyataan “supaya mereka jadi takwa”. Selanjutnya beliau menjelaskan supaya mereka menjadi orang-orang yang menegakkan iman dan takwa. Pentafsiran hanya berbentuk ringkas.

15. Ayat ke-189:




Terjemahannya: Mereka bertanya kepada engkau dari hal bulan sabit. Katakanlah: dia itu adalah waktu-waktu yang ditentukan manusia dan (untuk) Haji dan tidaklah kebajikan itu bahawa kamu masuk rumah dari belakangnya tetapi yang kebajikan ialah barangsiapa yang takwa, dan datanglah ke rumah-rumah dari pintunya, serta takwalah kepada Allah supaya kamu peroleh kejayaan.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain iaitu ayat 2 dan 3 surah *al-Juma'ah* serta ayat 129 dan ayat 151 surah *al-Baqarah*;
- Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith yang berkaitan dengan ayat yang dibincangkan: Terdapat hadith riwayat 'Abd b. Humaid dan Ibn Jarir dan riwayat daripada Ibn Abi Hatim yang berkaitan dengan permasalahan *hilal*. Hamka turut menyebut pandangan Bukhari dan beberapa perawi hadith yang tidak dimaklumkan nama mereka tentang situasi masyarakat jahiliah mengerjakan haji;
- Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Beliau menyebut kisah Rasulullah s.a.w. yang berdukacita atas kematian putera baginda;
- Menampilkan tafsiran sahabat: Terdapat tafsiran daripada Abu 'Ubaidah yang menjelaskan maksud sebenar arahan al-Quran supaya memasuki rumah dari pintu hadapan ialah apabila seseorang ingin bertanya kepada Rasulullah maka ia perlu mengikut saluran sebenar, soalan yang tepat dan bukan perkara remeh-temeh;

- e. Mengemukakan tafsiran bersumberkan riwayat tabiin: Hamka mengemukakan hujah berdasarkan riwayat Ibn 'Asakir tentang kisah seorang sahabat datang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang keadaan anak bulan;
- f. Pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Beliau menjelaskan terlebih dahulu makna “*hilal*” dari sudut pengertian asal;
- g. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan pandangan ahli ilmu balaghah: Hamka mengupas jawapan Rasulullah s.a.w. tentang persoalan *hilal* daripada sudut ilmu tersebut;
- h. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Pentafsiran dimulakan dengan sebuah tajuk khas iaitu “Dari Hal Hilal dan Tanyakanlah Sesuatu Kepada Ahlinya”;
- i. Memperkukuhkan tafsiran mengenai takwa: Beliau mentafsirkan perkataan takwa dengan makna takwa hati kepada Allah dengan diperkukuhkan hujah berdasarkan keterangan umum daripada riwayat Bukhari dan beberapa perawi tanpa disebut nama mereka.

16. Ayat ke-194:



Terjemahannya: Bulan yang mulia dengan bulan yang mulia. Dan segala yang mulia itu ada padanya Qishash. Maka barangsiapa yang melanggar kepada kamu hendaklah langgar pula atasnya, yang setimpal dengan pelanggaranannya atas kamu itu. Dan taqwalah kepada

Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah adalah beserta orang-orang yang bertaqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Hamka mendatangkan fakta sirah bahawa Rasulullah s.a.w. bergerak bersama 1,200 orang sahabat untuk mengerjakan umrah dan fakta peristiwa perjanjian *Hudaibiyyah*;
- b. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan tafsiran sahabat: Beliau menukikan riwayat bersumberkan Ibn 'Abbas yang mengaitkan ayat ini dengan mimpi Rasulullah s.a.w. mengerjakan umrah;
- c. Pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Hamka menghuraikan perkataan "*hurumatu*" berdasarkan ilmu bahasa Arab dan diterjemahkan kepada bahasa tempatan;
- d. Mentafsirkan ayat dengan mengutarakan perbahasan falsafah Islam: Beliau menceritakan sebahagian dan peraturan perang yang diajar Islam kepada dunia;
- e. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu fakta secara khusus: Beliau menyusun maksud ayat ini yang berkaitan "kesucian" secara teratur seperti penjelasan pertama hingga keempat;
- f. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan perkataan takwa dengan makna sikap dalaman (jiwa) dan berwaspada terhadap segala kemungkinan (bahaya dari musuh Islam dan halangan ketika ibadat haji). Pentafsiran hanya berbentuk umum.

17. Ayat ke-196:

Dan sempurnakanlah haji dan umrah itu karena Allah. Tetapi jika kamu dhalangi maka kirimkanlah kurban sedapatnya. Dan jangan kamu cukur kepala kamu hingga sampai kurban itu ke peyembelihannya. Maka barangsiapa yang sakit atau ada gangguan di kepalanya maka berfidyahlah dengan berpuasa atau sedekah atau kurban. Tetapi apabila kamu telah aman, lalu siapa yang bersenang-senang dengan umrah kepada haji maka hendaklah dibayarnya kurban sedapatnya. Tetapi barangsiapa yang tidak mendapat hendaklah puasa tiga hari ketika haji dan tujuh hari apabila telah kembali (kamu). Itulah sepuluh hari yang sempurna. Yang demikian itu ialah bagi orang yang tidak ada dirinya penduduk Masjid al-Haram. Dan takwalah kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah adalah sangat berat siksaanNya.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Beliau mengaitkan ayat 97 surah *Ali 'Imran* untuk tujuan pentafsiran ibadah haji dan ayat 37 surah *al-Haj* sebagai sumber tafsiran berkaitan ibadah korban;
- Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w., kisah para Nabi dan sejarah Islam: Beliau mengemukakan secebis sejarah atau keadaan

ibadah haji pada zaman Nabi Ibrahim a.s. hingga kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu, Hamka menukilkan bahawa perisytiharan Rasulullah s.a.w. tentang pensyariatan haji dan umrah telah bermula pada tahun ke-4 Hijrah;

- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan pandangan tabiin: Hamka menengahkan pandangan Sufian al-Thauri, Ibn Habil dan Muqatil dalam perbincangan penyempurnaan ibadah haji dan umrah;
- d. Menggunakan perantaraan bahasa Arab: Beliau menghurai perkataan “*hadyu*” dan “*dam*” berdasarkan ilmu bahasa Arab dan diterjemahkan kepada bahasa tempatan;
- e. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menerangkan terlebih dahulu perihal rukun haji dan mewujudkan perbandingan antara perintah haji dan perintah puasa. Pentafsiran berkenaan ibadah haji ini dipraktikkan berdasarkan pandangan mazhab yang mahsyur secara tersusun. Beliau juga memperincikan perbincangan mengenai *Haji Qiran*, *Haji Tamattu’* dan *Haji Ifrad*. Hamka menyentuh pandangan mazhab Syafi’i tentang isu pembayaran *dam*, memasukkan hal ehwal semasa perjalanan haji dan mengemukakan tafsiran berdasarkan hadith Bukhari dan Muslim serta pandangan sesetengah ulama (tanpa menyebut nama mereka) dalam masalah berkaitan kegagalan menyempurnakan keperluan ibadah haji;
- f. Menyelitkan pentafsiran berdasarkan unsur ilmu tasawuf: Hamka turut mentafsirkan ayat ini dengan huraian ilmiah mengenai “*rukun batin*”;
- g. Memasukkan unsur-unsur sejarah dunia: Beliau memaparkan sejarah konfrontasi di antara Arab Saudi dan negara Mesir pada tahun 1961 yang telah membantutkan urusan ibadah haji dan mengaitkan dengan kepentingan *Tahallul Ihsar*;

- h. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Beliau menggunakan bahasa Jawa untuk menerangkan maksud “prihatin”;
- i. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Penttafsiran dimulakan dengan sebuah tajuk khas iaitu “Syariat Haji dan Umrah”;
- j. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan perkataan takwa dengan makna hendaklah membina takwa dengan membangunkan hati yang mampu bertakwa dan mengerjakan ibadat dengan khusyuk. Pentafsiran hanya berbentuk umum.


18. Ayat ke-197:

Terjemahannya: Haji itu ialah beberapa bulan yang telah dimaklumi. Maka barangsiapa yang memerlukan berhaji di bulan-bulan itu, maka sekali-kali tidak boleh rafats (bercakap kotor) dan tidak boleh fusuq dan tidak boleh berbantah di dalam haji. Dan apapun kebaikan yang kamu perbuat, Allah mengetahuinya dan bersiap bekallah kamu. Maka sesungguhnya bekal yang sebaik-baiknya ialah takwa. Dan takwalah kepadaKu, wahai orang-orang yang berfikir.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Beliau mentafsirkan ayat dengan menyandarkan kepada lafaz *talbiyyah* yang mahsyur daripada Rasulullah s.a.w. tanpa dinyatakan sumber riwayat;
- b. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyebut waktu pelaksanaan haji secara khusus;
- c. Memuatkan catatan pengalaman peribadi bagi menguatkan kupasan maksud ayat yang ditafsirkan: Pengalaman Hamka mengerjakan haji pada tahun 1927 diselitkan bagi tujuan menjelaskan suasana ibadah haji pada ketika itu;
- d. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan perkataan takwa pada ayat yang bermaksud “maka sesungguhnya bekal yang sebaik-baiknya ialah takwa” dengan pentafsiran bererti kuat takwa hatinya, manakala pada ayat yang bermaksud “Dan takwalah kepadaKu, wahai orang-orang yang berfikir” ditafsirkan dengan makna tegakkan iman, hadapi segala kewajipan dan hidup siap sedia untuk melaksanakan perintah Allah seperti pengertian yang terkandung dalam lafaz *talbiyyah*.

19. Ayat ke-203:



Terjemahannya: Dan sebutlah Allah pada hari-hari yang telah ditentukan itu. Maka barang siapa yang mempercepatkan dalam dua hari maka tidaklah dosa atasnya. Dan barangsiapa yang menta'khirkan, maka tidaklah (pula) ada dosa atasnya yaitu bagi barangsiapa yang

takwa. Dan takwalah kamu kepada Allah, dan ketahuilah bahawasanya kamu sekalian kepadaNya akan dikumpulkan.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyatakan waktu *hari Wuquf*, *hari Nahr* dan *hari-hari Tasyriq*. Di samping itu, beliau menyebut fiqh ibadah haji ketika di Mina, perihal *tahallul*, *tawaf* dan menjelaskan pengertian *Haji Mabrrur* dan *Mardud*;
- b. Mengemukakan tafsiran berlandaskan hadith: Hamka menyelitkan kenyataan daripada riwayat Ahmad dan empat ahli hadith yang menyusun *al-Sunan*, tentang rombongan dari Nejed yang datang bertemu Rasulullah s.a.w. ketika Haji Wada'. Di samping itu, beliau menukilkan sebuah hadith tanpa menyatakan sumber yang berkaitan kepentingan mengambil acuan ibadah haji daripada amalan Rasulullah s.a.w.;
- c. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan. Beliau mengaitkan ayat ke-124 surah *al-Baqarah* yang mengisahkan perjuangan Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Isma'il a.s.;
- d. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Hamka menjelaskan sirah Rasulullah s.a.w. berkaitan dengan pelaksanaan Haji Wada' dan detik kewafatan baginda;
- e. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Hamka mentafsirkan perkataan takwa pada ayat yang bermaksud "Dan barangsiapa yang menta'khirkan, maka tidaklah (pula) ada dosa atasnya yaitu bagi barangsiapa yang takwa.." dengan pentafsiran yang bererti iaitu orang yang memiliki takwa dalam hati dan inilah

orang yang tiada niat yang menyimpang ketika ingin bertahallul awal atau mentakhirkan amalan haji, manakala pada ayat yang bermaksud “Dan takwalah kamu kepada Allah, dan ketahuilah bahawasanya kamu sekalian kepada-Nya akan dikumpulkan” ditafsirkan dengan makna moga-moga berkesan ibadah haji dan menghasilkan keindahan jiwa. Pentafsiran hanya berbentuk umum.

20. Ayat ke-206:




Terjemahannya: Dan apabila dikatakan kepadanya: Takwalah kepada Allah! Dibawalah dia oleh kesombongannya berbuat dosa. Lantaran itu cukuplah jahannam untuknya dan itulah seburuk-buruk ketetapan.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan ayat berdasarkan pandangan sendiri: Hamka tidak mengenengahkan sebarang pentafsiran daripada sumber utama pentafsiran seperti al-Quran dan al-Sunnah atau daripada tafsiran sahabat dan sebagainya. Beliau hanya menyimpulkan maksud ayat ini dalam bentuk penterjemahan ayat secara zahir sahaja seperti mengaitkan ayat ini dengan penguasa zalim yang sombong apabila ditegur dengan pesanan takwa;
- b. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan dengan cara mengulangi kembali kalimah takwa iaitu dengan pernyataan “takwalah kepada Allah.” Pentafsiran hanya berbentuk umum dan ringkas.

21. Ayat ke-212:



Terjemahannya: Dihiasikan bagi orang-orang yang kafir kehidupan dunia dan mereka hinakan orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertakwa itu akan lebih atas dari mereka di hari kiamat. Dan Allah mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dihitung.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mengaitkan dengan kandungan kitab terdahulu: Hamka menjelaskan kandungan Taurat berkenaan kebenaran tauhid yang dibawa Nabi Muhammad s.a.w..
- b. Menggunakan perantaraan bahasa Arab: Beliau mengaitkan perkataan “*al-silmi*” yang bererti penyatuan di awal pentafsiran.
- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyatakan pembahagian *ghanimah* empat perlima bahagian kepada *mujahid fi sabilillah*.
- d. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Hamka memaparkan perihal golongan pemuka Quraish di Makkah dan Yahudi di Madinah serta kepimpinan munafik di bawah 'Abdullah b. Ubai yang menolak dan membenci kerasulan baginda. Hamka menyebut dalam bentuk kenyataan ringkas tanpa menyatakan sumber riwayat;
- e. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah para sahabat: Hamka memaparkan keadaan hijrah golongan muhajirin yang bersusah payah berhijrah ke Madinah, dalam bentuk kisah umum tanpa menyatakan sumber riwayat;

- f. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan makna takwa dengan pengertian golongan yang mempunyai ketulusan hati dan keimanan.

22. Ayat ke-223:




Terjemahannya: Istri-isteri kamu adalah sawah ladang bagi kamu. Maka datangilah kebun sawah ladangmu sebagaimana yang kamu kehendaki. Dan bersedialah untuk diri kamu dan takwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawasanya kamu akan menjumpainya kelak, dan khabar gembiralah untuk orang-orang yang beriman.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Hamka mentafsirkan ayat dengan mengaitkan ayat ke-72 surah *al-Nahl*, ayat ke-8 surah *al-Mu'min* dan ayat ke-23 surah *al-Ra'd*;
- Mengemukakan fakta secara khusus: Keterangan berkaitan syurga Na'im dikemukakan dalam bentuk fakta-fakta khas namun tidak disertakan dengan sumber fakta berkenaan;

- c. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan makna takwa dengan pengertian lelaki yang memelihara kemaluan ketika isteri kedatangan haid. Pentafsiran hanya berbentuk umum.

23. Ayat ke-224:




Terjemahannya: Dan janganlah kamu jadikan Allah sebagai penghalang bagi sumpah kamu (yang menghalangi kamu) berbuat kebajikan dan bertaqwa dan mendamaikan di antara manusia. Dan Allah adalah Maha Mendengar dan Mengetahui.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Beliau mengaitkan tafsiran dengan ayat ke-23 dan ke-24 surah *al-Kahfi* dan ayat ke-34 surah *Luqman*;
- b. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan hadith: Hamka menyebut riwayat Ibn Abi Hatim tentang teguran 'Aishah r.a. kepada seorang lelaki. Hadith riwayat Bukhari dan Muslim serta hadith riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan Ahmad turut dimuatkan untuk menguatkan tafsiran berkaitan perihal sumpah. Di samping itu, Hamka menyebut riwayat al-Nasai dan Ibnu Majah tentang Malik al-Jusammi yang mendapat teguran Rasulullah s.a.w.;

- c. Mengemukakan tafsiran dari sahabat: Pentafsiran adalah berdasarkan tafsiran Ibn 'Abbas yang menyatakan larangan mengambil nama Allah s.w.t. sebagai dasar persumpahan untuk meninggalkan perkara yang baik;
- d. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah para sahabat: Hamka memaparkan kisah Abu Bakar yang bersumpah tidak akan memberi bantuan selama-lamanya kepada Mistah. Beliau menyatakan dalam bentuk kisah umum tanpa menyatakan sumber riwayat;
- e. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Beliau menghuraikan perkataan “urdatan” berdasarkan ilmu bahasa Arab dan diterjemahkan kepada bahasa tempatan;
- f. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk secara khusus: Beliau memulakan dengan tajuk khusus bertajuk “Bersumpah”;
- g. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan dengan cara mengulangi kembali kalimah takwa iaitu dengan pernyataan “dan bertaqwa”. Pentafsiran hanya berbentuk umum dan ringkas.

24. Ayat ke-231:



Terjemahannya: Dan apabila kamu mentalak perempuan-perempuan itu, lantas sampai janji mereka (iddah), maka rujuklah kepada mereka dengan yang patut, atau lepaskan mereka dengan patut (pula), dan jangan kamu rujuk kepada mereka dengan (maksud) menyusahkan, kerana kamu hendak melanggar (peraturan Allah) sdan barangsiapa yang berbuat demikian, sesungguhnya dia telah menganiaya dirinya (sendiri) dan janganlah kamu ambil ayat-ayat Allah jadi permainan. Dan ingatlah olehmu nikmat Allah atas kamu dan apa yang telah dinasihatkanNya kepada kamu dengan dia. Dan takwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawasanya Allah atas tiap-tiap sesuatu adalah mengetahui.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Terdapat nukilan hadith riwayat Ibn al-Mundhir dan Ibn Abi Hatim serta riwayat daripada Ibn Mardawaih;
- b. Mengemukakan pentafsiran bersumberkan riwayat sahabat: Beliau memaparkan riwayat Ibn 'Abbas tentang 'iddah di zaman jahiliah;
- c. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Hamka menyebut tentang peristiwa khutbah terakhir Rasulullah s.a.w. dan beberapa pesanan daripada baginda;
- d. Memasukkan unsur sejarah: Hamka memaparkan sejarah berkaitan aktiviti *rujuk* yang berlaku pada zaman Jahiliah dan sejarah Hendry VIII yang mewujudkan gereja persendirian yang mempunyai polisi bertentangan dengan Gereja utama Romawi;
- e. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: beliau memasukkan beberapa fakta daripada kitab Kristian iaitu *Markus* untuk menyangkal hujah Kristian itu sendiri. Catatan beliau daripada Majalah *Gema Islam* no.24 (1963) turut dimuatkan untuk menyanggah beberapa tuduhan Kristian. Antara huraian yang diketengahkan ialah pandangan


Prof. Dr. J. Verkuyl yang bertindak memprovokasi Islam dan Hamka menyertakan jawapan terhadap tohmahan sarjana tersebut;

- f. Mengemukakan contoh yang berkaitan dengan individu dalam masyarakat: Hamka membuat misalan kes murtad yang diandaikan berlaku pada seorang wanita. Beliau menyatakan walaupun kes itu melibatkan seorang wanita namun wanita itu tetap dihukum kerana termasuk dalam kelompok yang mempermainkan hukum Allah s.w.t.;
- g. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Hamka memulakan perbincangan dengan tajuk “Rujuk Sebelum Selepas Iddah” dan pada pertengahan pentafsiran ayat tersebut, Hamka mengetengah tajuk khas yang kedua iaitu “Talak Dalam Hukum Kristen”;
- h. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Beliau menggunakan pepatah Indonesia iaitu “laki-laki semalu, perempuan serasa” yang bermaksud segala perbuatan baik atau buruk suami akan memberi kesan kepada isteri;
- i. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: beliau menghuraikan maksud takwa dengan mengaitkan dengan ibadah puasa. Takwa di sini diperjelaskan dalam maksud “bukanlah orang yang bertakwa kepada tuhan bagi sesiapa yang menindas kaum perempuan.” Kisah mengenai perempuan yang sengaja murtad akibat kekangan suami diselitkan ketika menghuraikan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Dan takwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawasanya Allah atas

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada surah yang lain. Pentafsiran ayat dijalankan berdasarkan ayat ke-15 surah *al-Ahqaf*;
- b. Mengemukakan pentafsiran dengan pandangan sahabat: Terdapat kata-kata 'Ali r.a. tentang peranan ibu dalam menjaga anak kandungannya;
- c. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w.: Hamka menceritakan sirah Rasulullah s.a.w. berkaitan ibu susu baginda;
- d. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyebut pandangan umum ahli tafsir mengenai maksud waris. Dalam permasalahan waris, beliau menukilkan pandangan Imam Ahmad b. Hanbal;
- e. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Beliau menghurai kalimah “*taradin*”, “*tasyawurin*” dan “*bil al-ma'kruf*” serta menghuraikan kalimah *khitab* yang terdapat di dalam ayat ini berdasarkan ilmu bahasa Arab dan diterjemahkan kepada bahasa tempatan;
- f. Pentafsiran dengan menyelitkan ilmu perubatan dan sains: Bidang ilmu berkenaan yang dilampirkan adalah berkisar tentang kebaikan susu ibu;
- g. Menukilkan pandangan sarjana Barat dan kajian umum: Hamka memuatkan sebuah kajian Dr. Paul Gyorgy yang berkaitan kekerapan aktiviti penyusuan di dunia;
- h. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Beliau menggunakan pepatah yang berbunyi “*janji biasa mungkir, titian biasa lapuk*” dalam mengingatkan para pembaca supaya bersama-sama menjaga amanah yakni perjanjian dengan Allah s.w.t. dengan sebaik-baiknya;

- i. Mewujudkan tafsiran berdasarkan kisah-kisah tauladan: Beliau menyelitkan riwayat tentang kisah yang berlaku ke atas Imam al-Haramain yang bersungguh-sungguh mengawasi anak daripada sumber penyusuan yang meragukan. Kisah Ratu Elizebeth ke-II yang nekad menyusukan puteranya turut dicatatkan;
- j. Menggunakan kaedah memfokuskan pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Pentafsiran dimulakan dengan tajuk “*Menyusukan Anak*”;
- k. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan dengan makna memelihara janji dengan Allah atas anak kecil yang dianugerahkan. Beliau turut menggunakan pepatah yang berbunyi “*janji biasa mungkir, titian biasa lapuk*” ketika menjelaskan maksud takwa.

26. Ayat ke-237:



Terjemahannya: Dan jika kamu talak mereka sebelum kamu menyentuh mereka, padahal telah kamu tentukan untuk mereka (mahar) yang difardhukan itu, maka separuhlah dari apa yang kamu fardhukan itu. Kecuali jika mereka maafkan atau memberi yang di tangannya terpegang ikatan nikah itu.. Dan bahawa kamu bermaaf-maafan itulah dia yang lebih dekat kepada takwa. Dan janganlah kamu lupakan kebaktian di antara kamu. Sesungguhnya Allah terhadap apa yang kamu kerjakan adalah melihat.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan keterangan ulama *Salaf*: Hamka mengetengahkan contoh-contoh ulama *Salaf* yang menghukum *mut'ah* sebagai wajib iaitu daripada kalangan sahabat ialah 'Ali b. Abu Talib dan 'Abdullah b.'Umar manakala daripada tabiin pula ialah Hasan al-Basri, Sa'id b. Jubair, Abu Qilabah, al-Zuhri, Qatadah dan al-Dahak;
- b. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyebut perihal bayaran *mahar* dan contoh bayaran *mahar* semasa berlaku perceraian sebelum persetubuhan;
- c. Mewujudkan tafsiran yang mengaitkan kisah-kisah tauladan: Beliau memaparkan kisah sahabat bernama Jubair bin Mut'im yang menceraikan isterinya;
- d. Menegaskan pentafsiran berdasarkan *ijtihad* tersendiri: Hamka menegaskan *ijtihad* beliau dengan perkataan “..*terlebih dahulu wajiblah kaum muslimin belajar peraturan nikah kahwin, talak dan rujuk dari al-Quran sendiri..*”;
- e. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan takwa sebagai tujuan hidup bagi orang yang beriman. Pentafsiran hanya berbentuk umum dan ringkas.

27. Ayat ke-241:




Terjemahannya: Dan untuk perempuan-perempuan yang ditalak, wajiblah diberi bekal menurut patutnya, kewajiban atas orang-orang yang taqwa.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan dan ayat yang terdapat di dalam surah yang lain. Hamka mengemukakan tafsiran dengan mengaitkan hubungan ayat tersebut dengan ayat ke-236 surah *al-Baqarah* dan ayat ke-28 dan ke-29 surah *Ahzab* yang berkaitan dengan kes penceraian;
- b. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan riwayat sahabat: Terdapat riwayat tanpa pernyataan sumber riwayat berkenaan 'Ali b. Abu Talib yang telah membayar *mut'ah* kepada bekas isterinya;
- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan hukum fiqh: Hamka mengutarakan pandangan ulama tanpa dinyatakan nama-nama mereka berkaitan masalah *mut'ah*;
- d. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Pentafsiran dimulakan dengan tajuk "*Mut'ah*";
- e. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan makna takwa dengan makna orang yang memiliki perasaan yang halus. Pentafsiran hanya berbentuk umum dan ringkas.

28. Ayat ke-278:



Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! takwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa dari riba itu, jikalau benar-benar kamu orang-orang yang beriman.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Menyebut *asbab al-nuzul* sebagai rujukan pentafsiran: Hamka mengemukakan pentafsiran berdasarkan riwayat Ibn Jarir, Ibn Mundhir dan Ibn Abi Hatim;
- Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Pentafsiran dimulakan dengan tajuk “Riba II”;
- Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan dengan cara mengulangi kembali kalimah takwa iaitu dengan pernyataan “*Wahai orang-orang yang beriman! takwalah kepada Allah.*” Pentafsiran hanya berbentuk umum.

29. Ayat ke-281:



Terjemahannya: Dan hendaklah kamu takut akan suatu hari, yang di hari itu kamu akan dikembalikan kepada Allah kemudian akan disempurnakan ganjaran tiap-tiap orang dari apa yang telah mereka usahakan., dan tidaklah mereka akan dianiaya.


Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan dengan kenyataan bahawa ayat ini merupakan penutup kandungan ayat-ayat tentang riba yang terdapat sebelum ayat berkenaan;
- Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith dan *athar*: Hamka menampilkan hadith berkaitan khutbah *Wada'* riwayat 'Amr bin al-Ahwash dan hadith larangan riba riwayat 'Abdullah b. Mas'ud serta *athar* berkaitan ayat terakhir di dalam al-Quran daripada riwayat 'Umar al-Khattab;

- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan riwayat daripada sahabat: Beliau mengambil pentafsiran bersumberkan Ibn 'Abbas berkenaan dengan status ayat-ayat riba yang dianggap sebagai ayat terakhir diturunkan;
- d. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan riwayat daripada tabiin: Beliau mengambil pentafsiran Sa'id bin Jubair berkenaan jarak penurunan ayat ini dengan kewafatan Rasulullah s.a.w.;
- e. Menyebut *asbab al-nuzul* sebagai rujukan pentafsiran: Hamka menyatakan secara ringkas faktor penurunan ayat ini yang dianggap sebagai ayat terakhir yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.;
- f. Mengetengahkan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyebut jenis-jenis riba mengikut huraian ilmu fiqh. Beliau turut mengemukakan contoh pinjaman masa kini yang berbentuk riba, penjelasan konsep "*sad li al-zari'ah*" dalam *Riba Fadl*. perbincangan ulama tentang masalah bayaran dinar dengan dinar, dirham dengan dirham, dan pembelian emas dengan emas;
- g. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Hamka menjelaskan hal ehwal ekonomi sekarang yang berada di bawah pengaruh Yahudi dan Kristian. Beliau membuat tafsiran dengan mengemukakan kemurnian ekonomi Islam yang dapat mengatasi kezaliman sistem ekonomi Barat;
- h. Mengutarakan pandangan ulama semasa: Hamka memuatkan pandangan H.O.S.Tjokroaminoto mengenai konsep "Bank Shadaqah" yang mengutamakan kebajikan umat dan meminggirkan aktiviti riba;

30. Ayat ke-282:

184



Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu mengadakan suatu perikatan hutang-hutang buat dipenuhi di suatu masa yang tertentu, maka tuliskanlah dia. Hendaklah menulis di antara kamu seorang penulis yang adil, dan janganlah enggan seorang penulis menuliskan sebagai yang telah diajarkan akan dia oleh Allah. Maka hendaklah dia menuliskan dan hendaklah merencanakan orang yang yang berkewajiban atasnya dan hendaklah dia takut kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangi sedikit pun daripadanya. Maka jika orang berkewajiban itu seorang yang safih atau lemah, atau dia tidak sanggup merencanakan, maka hendaklah walinya yang merencanakan dengan adil. Dan hendaklah kamu adakan dua saksi dari laki-laki kamu. Tetapi jika tidak ada dua laki-laki, maka (bolehlah) seorang laki-laki dan dua perempuan, di antara saksi-saksi yang kamu sukai. Supaya jika seorang di antara kedua (perempuan) itu keliru, supaya diperingatkan oleh seorang lagi. Dan janganlah enggan saksi-saksi apabila mereka diundang (jadi saksi). Dan janganlah kamu jemu menuliskannya, kecil ataupun besar, buat dipenuhi pada masanya. Yang demikian itulah yang lebih adil di sisi Allah dan lebih teguh dekat untuk tidak ada keragu-raguan. Kecuali perdagangan tunai yang kamau adakan di antara kamu, maka tidaklah mengapa tidak kamu tuliskan. Dan hendaklah kamu mengadakan saksi jika kamu menjual beli. Dan tidak boleh dipersusahkan penulis dan tidak pula saksi. Karena kalau kamu berbuat demikian, maka yang begitu adalah suatu kedurhakaan pada diri kamu masing-masing. Dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan Allah akan mengajar kamu. Dan Allah atas tiap-tiap sesuatu adalah Maha Mengetahui.


Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran itu sendiri: Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan. Beliau menyebut kronologi maksud ayat daripada ayat 261 hingga ayat 281 surah *al-Baqarah*;
- b. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Hamka mengemukakan hadith riwayat daripada Ahmad dan Tabrani yang menyentuh kebaikan harta yang terdapat pada orang yang baik;

- c. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan ilmu fiqh: Hamka menyebut pandangan ahli-ahli fiqh tentang pengambilan saksi hutang daripada kalangan bukan Islam;
- d. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan bahasa Arab: Beliau menggunakan kalimah Arab iaitu “*ta`kid*” dan memfokuskan penjelasan makna pada kalimah “*qardan hasanan*” dan “*syahid*”. Pada catatan no. 6, Hamka menamakan dua golongan daripada manusia dengan kalimah Arab iaitu “*safih*”, “*daiif*” dan satu golongan manusia dengan perkataan “*tidak sanggup*” dalam bahasa tempatan;
- e. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Beliau menjawab tohmahan musuh bahawa Islam tidak memberi hak yang sama kepada kaum wanita;
- f. Memuatkan fakta ilmu ekonomi: Hamka menyelitkan perbincangan berkaitan teori-teori ekonomi dan perbandingan dengan konsep ekonomi Islam;
- g. Mengemukakan fakta tentang realiti semasa: Hamka menyebut realiti aktiviti ekonomi masa kini yang kian menyenangkan pengguna seperti sistem pengkalan data dan hitungan perniagaan;
- h. Mengemukakan contoh yang berkaitan aktiviti manusia: Beliau menggunakan contoh jenis perniagaan iaitu perjanjian pembelian sebuah gedung;
- i. Mewujudkan tafsiran dengan mengaitkan kisah tauladan: Terdapat kisah petani yang hanya bekerja menanam bunga anggerik di Kebayoran Lama, Jakarta Selatan, tetapi mampu menunaikan haji;
- j. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan sebuah tajuk khas: Hamka memulakan tafsiran dengan tajuk khas iaitu “Surat-Surat Perjanjian”;

- k. Menggunakan kaedah memfokuskan isi-isi penting dengan kaedah pengutaraan nombor: Penghuraian fakta tafsiran dilakukan dengan mengemukakan nombor 1 hingga nombor 14 isi perbincangan;
- l. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan dengan pengertian berikut iaitu “jangan diabaikan, iaitu dengan tuhan..”, “Allah jualah kehendaknya didasarkan segala urusan dan perjanjian” dan “ingat kepada Allah.” Pentafsiran hanya dikemukakan dalam ayat yang berbentuk umum dan ringkas tanpa diiringi sebarang dalil.

31. Ayat ke-283 :



Terjemahannya: Dan jika kamu di dalam perjalanan, sedang kamu tidak mendapat seorang penulis, maka hendaklah kamu pegang barang-barang agunan. Tetapi jika percaya yang setengah kamu akan yang setengah, maka hendaklah orang yang disertai amanat itu menunaikan amanatnya, dan hendaklah ia takwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu sembunyikan kesaksian. Dan barangsiapa yang menyembunyikan (kesaksian) itu, maka sesungguhnya telah berdosa hatinya. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Metodologi pentafsiran ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada hadith: Hamka menukilkan hadith tanpa riwayat yang berbunyi mafhumnya “tidak merosakkan dan tiada kerosakan sepatutnya berlaku di antara manusia dengan manusia”;
- b. Mengemukakan tafsiran berlandaskan ilmu *fiqh*: Hamka mengemukakan tafsiran dengan menyebut adab-adab berhutang yang disarankan Islam;
- c. Menyelitikan pentafsiran bersandarkan kepada ilmu ekonomi: Beliau menyebut istilah *Notaris* dan beberapa aktiviti hutang di kalangan masyarakat. Di samping itu, beliau menyebut perbandingan di antara peraturan pinjaman moden iaitu *Notarelease Acte* dengan peraturan pinjaman Islam;
- d. Mengemukakan contoh yang berkaitan aktiviti manusia: Contoh kes hutang yang disebutkan Hamka ialah hutang berkonsepkan cagaran cincin;
- e. Mentafsirkan takwa berdasarkan *ijtihad* sendiri: Beliau mentafsirkan makna takwa dengan maksud kedua pihak iaitu pemberi hutang dan penghutang hendaklah menjaga takwa kepada Allah dan menjaga niat daripada diganggu gugat oleh syaitan. Pentafsiran hanya dikemukakan dalam ayat yang berbentuk umum dan ringkas tanpa diiringi sebarang dalil.

5.6 Rangkuman Metodologi Hamka

Setiap ahli tafsir mempunyai metodologi yang tersendiri dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Metodologi yang diaplikasikan membuktikan pentafsiran yang dilakukan adalah mengikut lunas-lunas yang ditentukan syarak bagi menghasilkan pentafsiran yang tepat dan berkualiti. Hamka turut tidak terkecuali dalam hal ini,

beliau mentafsirkan ayat al-Quran dengan penuh dinamik dan disiplin ilmu yang menarik. Ini menyebabkan nama beliau tersohor dalam senarai ulama tafsir moden.

Sebagai rumusan daripada tafsiran Hamka pada ayat-ayat terpilih yang mengandungi kalimah berkaitan perkataan takwa di dalam *surah al-Baqarah*, Hamka telah mengaplikasikan metodologi berikut:

1. Mentafsirkan ayat berlandaskan kandungan ayat yang terdapat sebelum ayat berkenaan: Ini merupakan metodologi utama para pentafsir al-Quran termasuk Hamka kerana mereka memahami kaedah ini adalah yang kaedah terbaik. Antara contoh pendekatan Hamka ialah mengaitkan ayat 24 *surah al-Baqarah* dengan ayat sebelumnya, ayat 103 dengan ayat 102 *surah al-Baqarah* dan ayat 196 dihubungkan pentafsirannya dengan 168 dan 183 daripada *surah* yang sama. Beliau turut menyebut kronologi maksud ayat daripada ayat 261 hingga ayat 281 *surah al-Baqarah*. Secara keseluruhan, ayat-ayat kajian yang termasuk dalam kaedah ini ialah ayat 24, 66, 189, 203, 241 dan 282.
2. Mentafsirkan ayat dengan merujuk pada ayat yang berkaitan yang terdapat pada *surah* yang lain: Ini juga merupakan metodologi utama para pentafsir al-Quran. Pentafsiran diaplikasikan berlandaskan kandungan ayat yang terdapat pada *surah* yang lain. Ini dapat dilihat melalui pentafsiran ayat 196 dihubungkan dengan ayat 97 *surah Ali 'Imran*. Secara keseluruhan, ayat-ayat kajian yang termasuk dalam kaedah ini ialah ayat 2, 63, 66, 189, 196, 223, 224, 233 dan 281.

3. Mentafsirkan ayat berdasarkan al-Sunnah: Hadith adalah pelengkap kepada keterangan al-Quran dan merupakan inti pati sunnah itu sendiri. Justeru, beliau banyak menampilkan pelbagai hadith untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Hadith yang dinukilkan terdiri daripada riwayat Bukhari, Muslim, Ibn Majah, Baihaqi, Tirmidhi, Abu Dawud, Ahmad dan Tabrani, Ibn Abi Dunya, Ibn 'Asakir, Ibn Syaibah, 'Abd b. Humaid, Ibn Jarir, Ibn Abi Hatim, Ibn Al-Mundhir, Ibnu Mardawaih, 'Amr bin al-Ahwash dan 'Abdullah Ibn Mas'ud dan 'Umar al-Khattab. Hamka juga menukilkan hadith tanpa pernyataan sumber riwayat. Dalam perkara sunnah, Hamka memuatkan beberapa zikir dan lafaz *talbiyyah* yang menjadi bahan pentafsiran ayat 197 dan ayat 203 tanpa dinyatakan sumber riwayat. Ayat-ayat yang ditafsirkan berdasarkan kaedah ini ialah ayat 177, 180, 181, 187, 189, 197, 203, 224, 231, 281, 282 dan 283.
4. Menyatakan pentafsiran berdasarkan riwayat sahabat: Dalam konteks ini Hamka memilih riwayat daripada sahabat seperti Ibn 'Abbas, 'Umar al-Khattab. 'Abdullah b. Mas'ud, 'Ali b. 'Abu Talib dan Abu 'Ubaidah. Namun beliau kelihatan lebih cenderung untuk mengambil banyak pendapat Ibn 'Abbas berbanding sahabat yang lain. Terdapat riwayat tanpa pernyataan sumber ambilan berkenaan hal 'Ali b. Abu Talib yang telah membayut *mut'ah* kepada bekas isterinya. Ayat-ayat yang berkaitan dengan kaedah konteks ini ialah ayat 66, 177, 183, 187, 189, 194, 224, 231, 233 dan 281.

5. Mengemukakan tafsiran bersumberkan riwayat tabiin: Hamka mengutarakan riwayat secara khusus daripada Sa'id bin Jubair, Sufian al-Thawri, Ibn Habil dan Muqatil Ibn Jarir, Ibn 'Asakir. Ini dapat dilihat melalui tafsiran Hamka pada ayat 66, 177, 196, 281 surah *al-Baqarah*.
6. Mentafsirkan ayat berdasarkan keterangan daripada kandungan kitab-kitab sebelum al-Quran: Hamka menyebut keterangan berkenaan secara umum sahaja. Ini kerana beliau bukan mengambil fakta daripada versi asal kitab terdahulu akan tetapi beliau mengambil keterangan tersebut diambil daripada al-Quran dalam keadaan tidak diiringi rujukan ayat. Kaedah ini boleh dianggap sebagai kaedah mentafsirkan ayat al-Quran dengan kandungan al-Quran itu sendiri dalam keadaan secara tidak langsung sahaja. Ayat-ayat yang termasuk dalam kaedah ini ialah ayat 41, 183 dan 212.
7. Menampilkan pandangan ulama terdahulu dan ulama semasa: Beliau mengupas maksud ayat berdasarkan pandangan ulama terdahulu seperti riwayat sahabat yang digelar ulama *Salaf* seperti 'Ali b. Abu Talib dan 'Abdullah b. 'Umar manakala daripada tabiin pula ialah Hasan al-Basri, Sa'id b. Jubair, Abu Qilabah, al-Zuhri, Qatadah dan al-Dahak. Ini dapat dilihat menerusi pentafsiran ayat 237. Pandangan ulama silam yang dinyatakan pula ialah Imam al-Haramain, *ijtihad* Abu 'Ali al-Qali dan Imam al-Ghazali manakala pandangan ulama semasa pula diambil daripada tokoh seperti Duski Samad, H.O.S. Tjokroaminoto, K.H.Wahid Hasyim dan Syekh Mustafa al-Ghalayini. Ayat-ayat yang terbabit dalam kaedah pentafsiran ini ialah ayat

66, 183, 187, dan 281. Terdapat juga sumber pentafsiran daripada ulama yang tidak dinyatakan nama mereka, yakni sekadar disebut secara umum dalam pentafsiran ayat 63 dan 233.

8. Menyatakan *asbab al-Nuzul* iaitu sebab penurunan ayat bagi memperkukuhkan pentafsiran: Hamka telah menyebut secara khusus *asbab al-Nuzul* pada tafsiran ayat 189, ayat 224 dan ayat 278 sahaja. Hamka mengemukakan pentafsiran berdasarkan riwayat Ibn Jarir, Ibn Mundhir dan Ibn Abi Hatim.
9. Mentafsirkan ayat dengan mengaitkan dengan sirah Rasulullah s.a.w., kisah para Nabi dan sejarah Islam: Kaedah ini diterapkan Hamka menerusi pentafsiran ayat 103, 183, 189, 194, 196, 203, 212, 231, 233 dan 281. Dalam aspek ini, beliau menyebut perihal ibu susu Rasulullah s.a.w., kisah Rasulullah s.a.w. yang berdukacita atas kematian putera baginda, sebab dan bentuk penentangan golongan Quraish, Yahudi dan Munafik terhadap baginda, fakta sirah bahawa Rasulullah s.a.w. bergerak bersama 1,200 orang sahabat untuk mengerjakan umrah dan fakta berkenaan peristiwa perjanjian Hudaibiyah, pelaksanaan Haji *Wada'*, khutbah terakhir dan detik kewafatan baginda. Hamka memfokuskan beberapa keterangan tentang Nabi Sulaiman, sejarah Nabi Musa dan Nabi 'Isa dalam bab kewajipan puasa, amalan *'puasa'* Nabi Zakaria, Maryam dan Nabi 'Isa, amalan haji di zaman Nabi Ibrahim a.s. hingga kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w.

10. Menggunakan perantaraan bahasa Arab bagi mendapatkan terjemahan dan mentafsirkan kalimah yang terkandung di dalam ayat tertentu: Hamka menumpukan pentafsiran pada kalimah al-Quran seperti “*rafath*”, “*fusuq*”, “*jidat*”, “*hurumat*”, “*hadyu`*”, “*dam*” “*siyam*”, , “*mubasyarah*”, “*hilal*”, “*al-silmi*”, “*urdatan*”, “*taradin*”, “*tasyawurin*”, “*bi al-ma'kruf*”, “*khitab* ”, “*ta`kid*”, “*syahid* ”, “*safih*”, “*da`if*” dan pada kalimah Arab yang ditampilkan untuk perbincangan seperti “*ta`kid*” dan “*qardan hasanan*”. Ayat-ayat yang terlibat ialah 183, 187, 189, 196, 194, 212, 224, 233 dan 282. Kaedah ini tidak digunakan dengan meluas kerana Hamka hanya memilih kalimah al-Quran tertentu sahaja. Di samping itu, kalimah dari lafaz hadith iaitu “*imanan wahtisaban*” turut dinyatakan dalam pentafsiran ayat 183.
11. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan pandangan ahli ilmu balaghah: Hamka mengupas jawapan Rasulullah s.a.w. tentang persoalan *hilal* dari sudut ilmu tersebut dalam ayat 189.
12. Menampilkan sebahagian ilmu berkaitan Nasakh dan Mansukh: Hamka menyatakan taraf ayat yang dimansukhkan sebelum mengemukakan pentafsiran lanjut. Ayat yang terlibat dalam konteks ini ialah ayat 180 yang berkaitan dengan hukum wasiat semasa seseorang itu hampir meninggal dunia.
13. Menampilkan sedikit fakta berkaitan ilmu *tarikh mashaf*: Hamka memulakan tafsiran dengan menerangkan keadaan al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w. yang diturunkan secara berperingkat pada permulaan pentafsiran ayat 2.

14. Menegaskan prinsip *'aqidah* dan ilmu Tauhid dalam sesetengah ayat yang ditafsirkan: Pentafsiran menyentuh konsep ketuhanan, rukun iman dan konsep kepercayaan kepada hari Akhirat menerusi perbahasan ayat 2, 103, 123 dan ayat 177.
15. Menafsirkan ayat dengan menampilkan hujah-hujah daripada ilmu fiqh: Hamka mengutarakan pandangan empat mazhab terkenal dan mazhab sampingan seperti mazhab Zahiri bagi membantu penafsiran ayat dalam isu zakat ini. Beliau menjelaskan Ilmu fiqh secara umum tanpa disandarkan kepada mana-mana mazhab secara khusus dalam bab kepentingan perjanjian dalam Islam, perihal perhambaan menerusi peperangan, wasiat, faraid, ibadah puasa, iktikaf, permasalahan *ru'yah al-hilal*, *hisab*, *ghanimah*, perihal ibadah haji, waris, *mahar*, *mut'ah*, permasalahan riba, pinjaman, hutang dan ekonomi Islam. Ini dapat dilihat menerusi pentafsiran ayat 177, 180, 183, 187, 189, 196, 197, 203, 212, 233, 237, 241, 278, 281, 282 dan 283.
16. Menyelitikan pentafsiran berdasarkan unsur ilmu tasawuf: Hamka mentafsirkan ayat dengan huraian ilmiah mengenai ilmu ini pada ayat 196 sahaja. Huraian beliau menyentuh “rukun batin” dalam ibadah haji.
17. Mentafsirkan ayat dengan mengutarakan perbahasan falsafah Islam: Tafsiran menjadi lebih menarik apabila Hamka mengutarakan falsafah dan hikmah perlaksanaan hukum hakam Islam. Falsafah yang dinyatakan merupakan isi terpenting daripada sesebuah kehendak ayat al-Quran yang wajar difahami

para pembacanya. Beliau menyebut falsafah puasa, perundangan *qisas*, falsafah solat dan perkaitan dengan lafaz *doa Iftitah*, teori kontrak sosial dan perkaitan dengan Islam, konsep perjanjian Islam dan konsep peraturan perang yang diajar Islam ayat 177, 179, 183 dan 194.

18. Memasukkan unsur-unsur sejarah dunia: Hamka mengutarakan perkembangan Yahudi, konfrontasi Arab Saudi-Mesir, perang Indonesia-Belanda, budaya tempatan masyarakat Sudan, Revolusi Oktober 1917, keadaan pemerintahan khalifah 'Umar bin 'Abd al'Aziz, sejarah aktiviti *ru'yah* di Indonesia, sejarah rujuk yang berlaku pada zaman Jahiliah dan sejarah Henry VIII yang bertindak mewujudkan gereja persendirian dan sejarah perhambaan yang dijalankan Rusia. Dengan adanya penyelitan unsur berkenaan maka pentafsiran ayat 48, 123, 187, 196 dan 231 berjaya dikembangkan berdasarkan unsur sejarah.
19. Mentafsirkan ayat dengan bantuan ilmu sampingan: Beliau menampilkan ilmu-ilmu duniawi seperti sains, psikologi kemanusiaan, hal ehwal undang-undang antarabangsa, pandangan ahli perubatan, ilmu ekonomi dan fakta semasa. Menerusi kaedah ini, Hamka bijak mencipta kelainan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut disiplin ilmu semasa. Hamka tidak terikat dengan fakta agama semata-mata. Pentafsiran ayat yang terbabit dalam kaedah ini ialah ayat 177, 183, 233 dan 278.
20. Mengemukakan tafsiran dalam bentuk menyanggah teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam: Ini dapat dibuktikan dengan pentafsiran yang

dilakukan beliau pada ayat 123, 177, 183, 231, 281 dan 282. Teori dan ideologi yang bertentangan dengan Islam yang diutarakan ialah ajaran Kristian dan Sosialis, budaya puasa dalam agama lain seperti Hindu, agama Mesir purba, Buddha dan Kristian, hujah Barat yang menghina amalan berpuasa, pandangan Prof. Dr. J. Verkuyl yang bertindak menghina Islam dan penguasaan ekonomi dunia di bawah pengaruh Yahudi dan Kristian yang dianggap lebih berpengaruh dan cemerlang daripada Islam. Hamka membuat tafsiran dengan mengemukakan jawapan dan hujah membela Islam dengan jawapan yang tersendiri sebagai bahan pentafsiran.

21. Mewujudkan tafsiran yang menarik dengan mengaitkan kisah-kisah tauladan: Ini dapat dilihat menerusi pentafsiran ayat 177, 224, 233, 237, 241 dan 282. Hamka memuatkan kisah seorang pemimpin yang melanggar perjanjian negara sendiri, Imam al-Haramain, Ratu Elizebeth ke-II, Jubair bin Muth'im, perihal petani di Kebayoran Lama, dan kisah Ma'an b. Zaidah, kisah Abu Bakar dan kisah 'Ali b. Abu Talib.
22. Mengemukakan pentafsiran berdasarkan keadaan semasa dan contoh yang berada di persekitaran manusia: Beliau menyebut contoh keadaan menghadapi arah mengikut kedudukan geografi negara Indonesia dan Amerika, kerapuhan aqidah yang berlaku dalam masyarakat umat Islam di Indonesia, nikmat-nikmat yang dikecapi manusia seperti sawah, ladang, rumahtangga dan harta pusaka, contoh-contoh individu yang rapat dengan manusia seperti waris dan guru, contoh kes seseorang yang terlibat dalam jenayah murtad dan

pembunuhan, jenis perniagaan, contoh cagaran dan hutang. Contoh-contoh ini terdapat dalam ayat 21, 123, 177, 179, 231 dan 283.

23. Memuatkan catatan pengalaman peribadi bagi menguatkan kupasan maksud ayat yang ditafsirkan: Dalam mentafsirkan ayat 177 dan 197, Hamka memuatkan pengalaman beliau mengerjakan ibadah haji, pengalaman menghadiri Konferensi Kebudayaan Islam dan pengalaman menghadapi penderitaan takala berlaku perang di tanah air akibat serangan Belanda.
24. Menggunakan beberapa pendekatan unik yang terkandung di dalam bahasa Indonesia: Hamka bijak menggunakan kata-kata bidalan dan perumpamaan dalam ayat-ayat pentafsiran. Ini dapat dilihat menerusi perbahasan ayat 24, 123, 177, 187, 196, 197, 231, 233 dan ayat 224. Hamka menyebut istilah bahasa Minangkabau iaitu *bergelut-gelut* dan istilah bahasa Jawa pada perkataan “prihatin. “ Pepatah Indonesia yang digunakan ialah “tangan yang di atas lebih mulia dari tangan di bawah” dalam kupasan “orang-orang yang meminta”, “laki-laki semalu, perempuan serasa” dan “janji biasa mungkir, titian biasa lapuk”.
25. Menggunakan kaedah memfokuskan sesuatu pentafsiran dengan tajuk khas: Tafsiran dimulakan dengan tajuk khas pada ayat 181, 187, 189, 224, 231, 233, 241, 278, 281 dan 282. Tajuk-tajuk yang dimasukkan ialah “Puasa”, “Pakaian”, “Dari Hal Hilal dan Tanyakanlah Sesuatu Kepada Ahlinya”, “Bersumpah”, “Rujuk Sebelum Selepas Iddah”, “Talak Dalam Hukum Kristen”, “Riba II”, “Surat-Surat Perjanjian” “Bersumpah” dan “Mut’ah.”

26. Setiap ayat dimasukkan nasihat-nasihat berharga berdasarkan ijtihad tersendiri: Hamka menampilkan nasihat dan ingatan berguna kepada para pembaca. Ini bermakna Hamka melengkapkan pentafsiran ayat dengan menyebut apa yang mesti diamalkan berdasarkan kandungan sesebuah ayat. Kesemua ayat-ayat yang ditafsirkan Hamka diiringi dengan kenyataan *ijtihad* beliau dalam bentuk penjelasan ayat dan nasihat yang turut bercampur dengan sumber pentafsiran yang lain. Ini menunjukkan pentafsiran beliau tidak terikat kepada pentafsiran *bi al-ma`thur* semata-mata.
27. Memfokuskan sesuatu fakta secara khusus: Hamka menggunakan kaedah butiran nombor ketika menjelaskan rukun haji dalam pentafsiran ayat 196. Dalam pentafsiran berkaitan “*kesucian*” dalam ayat 194, beliau memfokuskan penjelasan dengan pernyataan fakta dari pertama hingga keempat. Dalam ayat 282 pula, beliau menghuraikan fakta tafsiran dengan mewujudkan fakta tersusun dari nombor satu hingga nombor 14 manakala dalam pentafsiran ayat 177, beliau mendatangkan fakta khas tentang jumlah ayat tentang sabar di dalam al-Quran.
28. Menekankan maksud daripada perkataan takwa: Terdapat 31 ayat di dalam *surah al-Baqarah* yang menyentuh kalimah berkaitan perkataan takwa. Hamka menggunakan perkataan takwa itu sendiri sebagai bahan pentafsiran dalam ayat 2, 41, 179, 197 dan 278. Beliau mengupas makna takwa dalam bentuk umum dalam ayat-ayat tersebut. Daripada kajian ini, beliau didapati bersungguh-sungguh menyeru manusia supaya bertakwa dan ini terbukti juga

apabila beliau tidak meninggalkan penjelasan mengenai takwa dalam ayat ini walaupun kedapatan pentafsirannya dalam bentuk umum dan ringkas.

5.7 Rumusan

Hamka didapati mempunyai metodologi yang bersifat semasa kerana beliau merupakan ulama yang kreatif dan memiliki banyak pengalaman. Melalui metodologi yang diketengahkan, beliau mempunyai cita-cita yang besar agar masyarakat Nusantara dapat mengambil manfaat daripada pentafsiran al-Quran yang dicetuskan. Pengkaji mendapati pentafsiran ayat-ayat berkenaan dilahirkan menerusi metodologi yang tidak bercanggah dengan syarak.

Hamka menetengahkan kebanyakan pengertian takwa berdasarkan ijtihad sendiri dan sedikit sahaja penghuraian secara mengemukakan dalil atau pandangan daripada ulama. Namun pengertian takwa yang diketengahkan tidak bercanggah dengan syarak kerana ia selari dengan takrifan takwa daripada para sahabat dan ulama-ulama muktabar yang lain. Pentafsiran yang dilakukan adalah menyentuh tentang tanggungjawab individu dalam bentuk perbuatan dan perasaan. Hamka mentafsirkan takwa dalam 31 ayat sampel kajian dalam bentuk skop perbuatan iaitu melaksanakan perkara-perkara kebaikan, memelihara martabat diri, memelihara hubungan dengan Allah s.w.t., tidak membantah agama, menjauhi sihir, melakukan perbuatan yang menyebabkan iman sentiasa meningkat, tidak melakukan kekacauan kepada keluarga, meninggalkan perkara yang baik (wasiat) untuk kebaikan keluarga. Beriman dan mampu menahan nafsu dalam melaksanakan perintah Allah s.w.t., menjadi orang-orang yang menegakkan iman dan takwa dalam kehidupan dan yang

memelihara kemaluan ketika isteri kedatangan haid, tidak menindas kaum perempuan, memelihara anak kecil atas amanah daripada Allah s.w.t. dan tidak akan berhelah terhadap agama.

Pentafsirkan takwa dalam bentuk skop perasaan atau dalaman pula ialah perasaan gerun terhadap seksaan Allah s.w.t., nekad mengawasi diri dan keturunan daripada perasaan lapang dada dan bakal terlepas daripada tanggungjawab di akhirat, berpuas hati dengan rezeki, takut kepada tempat neraka, sikap dalaman yang mahu beriman, berwaspada terhadap segala bahaya dari musuh Islam dan halangan ketika ibadat haji, membangunkan hati, mengerjakan ibadat dengan khusyuk, mempupuk keikhlasan, mengingati Allah dalam segala urusan dan perjanjian dan menjaga niat daripada diganggu gugat oleh syaitan. Seterusnya Hamka menyimpulkan golongan yang bertakwa ialah masyarakat beriman yang bersikap menegakkan keamanan, memelihara perdamaian, mempertahankan hidup berdasarkan syariat, mempunyai kesedaran beragama dan perasaan takut kepada Allah s.w.t..

Keseluruhan pentafsiran tersebut sejajar dengan pandangan Ibn Mas'ud (al-Zuhaili, 1998), Ibn Abbas (al-Qurtubi, 2000), al-Ghazali (2003), Ibn Kathir (2000), al-Qaradawi (2002), Syed Qutb (2005) 'Afif 'Abd al-Fatah (t.t.), Wahbah al-Zuhaili (1998), Muhammad 'Ali al-Sabuni (2003) dan Sa'id Hawa (2003). Tiada kedapatan pernyataan Hamka yang bercanggah dengan pernyataan para sahabat, tabiin dan ulama muktabar.

Ilmu-ilmu sampingan seperti sains, psikologi kemanusiaan, hal ehwal undang-undang antarabangsa, pandangan ahli perubatan, ilmu ekonomi dan fakta semasa

diketengahkan Hamka tanpa dinyatakan sumber rujukan yang lengkap. Beliau hanya menyatakan senarai rujukan ilmiah dari manuskrip ilmu Islam sahaja. Pengkaji membuat andaian bahawa Hamka bertindak memuatkan ilmu-ilmu sampingan adalah berdasarkan ingatan, pengalaman, maklumat dan bacaan tidak rasmi. Beliau mungkin mengabaikan rujukan ilmu sampingan kerana ingin memastikan *Tafsir al-Azhar* tidak dikenali sebagai kitab tafsir yang terlalu didominasi ilmu-ilmu sampingan.

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Dalam bab yang terakhir ini, penulis memberikan rumusan berkaitan perbincangan yang telah dinyatakan dalam bab-bab terdahulu. Selain itu, penulis mengutarakan saranan-saranan penting yang berkaitan dengan kehebatan metodologi Hamka dan sumbangan beliau dalam lapangan pentafsiran al-Quran.

6.2 Rumusan Keseluruhan

Ilmu tafsir mempunyai disiplin yang tersendiri dan kompleks berbanding ilmu-ilmu yang lain. Ia merupakan ilmu Islam yang sentiasa berkembang dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Sejarah Islam memaparkan banyak tokoh-tokoh *mufasssir*

telah muncul selepas generasi awal yang diasaskan Rasulullah s.a.w.. Hal ini kerana baginda dan para sahabat mewariskan ilmu berkenaan dan membuka pintu *ijtihad* terhadap pentafsiran al-Quran. Pelbagai kaedah disusun oleh ulama dalam menampilkan tafsiran al-Quran.

Perkembangan tafsir al-Quran merentasi pelbagai zaman dan keadaan. Dalam konteks zaman era moden, pentafsiran al-Quran bermula pada awal abad ke-19 Masihi. Ketika itu dunia Islam mengalami pelbagai kemelut dan penindasan pihak musuh. Justeru, lahir pelbagai tafsir al-Quran dalam versi moden yang terisi dengan semangat perjuangan dan pembelaan. Tafsir al-Quran dalam versi moden diterokai oleh reformis-reformis atau pejuang ummah seperti Rasyid Rida, Jamal al-Din al-Qasimi, Tantawi Jauhari, Ahmad Mustafa al-Maraghi, Syed Qutb dan Hamka.

Hamka adalah antara ulama' yang memiliki pelbagai keistimewaan dalam konteks dunia Islam Nusantara. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai tokoh ulama tersohor malah sebagai aktivis politik dan sasterawan yang telah banyak menghasilkan karya bertemakan keagamaan yang berjaya mencuri minat pelbagai lapisan masyarakat.

Karya agung yang dihasilkan Hamka ialah *Tafsir al-Azhar*. Kitab tersebut memuatkan tafsiran al-Quran dalam versi moden dan pelbagai etika ilmiah. Hamka berjaya menulis tafsir berkenaan meliputi 30 juz al-Quran walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

Metodologi pentafsiran beliau didapati tidak bercanggah dengan syarak kerana beliau menggunakan kaedah pentafsiran metodologi utama para *mufasssir* seperti

pentafsirkan ayat berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, riwayat sahabat, tabiin, kandungan kitab-kitab sebelum al-Quran, pandangan ulama terdahulu dan ulama semasa, ilmu *asbab al-Nuzul*, sirah Rasulullah s.a.w., kisah para Nabi, sejarah Islam, perantaraan ilmu bahasa Arab, ilmu Nasakh dan Mansukh, ilmu *tarikh mashaf* . Di samping itu, penghuraian Hamka tentang prinsip 'aqidah dan ilmu Tauhid adalah jelas dan tidak membabitkan isu-isu kontroversi dalam perbincangan ilmu kalam. Pentafsiran turut berlandaskan ilmu fiqh daripada sumber mazhab muktabar dan unsur ilmu tasawuf. Setiap ayat ditafsirkan dengan beberapa ijtihad yang berisi beberapa pedoman dan penjelasan yang dikehendaki ajaran Islam. Tidak kedapatan unsur-unsur pentafsiran ke arah pemujaan elemen yang bertentangan syarak atau berdasarkan kehendak nafsu tertentu.

Hamka didapati lebih cenderung mengemukakan metodologi pentafsiran yang lebih bersifat semasa dan tidak terikat dengan metodologi asas semata-mata. Beliau telah mengaplikasikan kaedah menengahkan ilmu-ilmu sampingan seperti sains, ilmu psikologi dan sejarah dunia. Beliau turut menyelitkan kisah-kisah dan contoh-contoh semasa yang berlaku pada zaman moden tanpa meminggirkan kisah-kisah tauladan pada zaman lampau.

Tafsir al-Azhar turut mengutarakan pandangan pemikir Barat dan ideologi yang berlawanan dengan Islam. Ini membuktikan keberanian dan keterbukaan metodologi yang digunakan beliau. Hujah-hujah tafsiran yang dikemukakan berdasarkan metodologi ini sangat bermanfaat kepada umat Islam pada zaman sekarang yang menghadapi cabaran yang dicetuskan pihak musuh-musuh Islam. Di samping itu,

Hamka bijak menggunakan kaedah menerangkan falsafah dan kebaikan serta hukum hakam Islam bagi memikat pembaca yang mungkin turut terdiri daripada pembaca bukan Islam yang ingin mengkaji kandungan al-Quran.

Hamka selaku ulama moden kelihatan lebih gemar mengetengahkan pentafsiran ayat yang bermatlamatkan agar pembaca dapat mengetahui apa kehendak dan apa yang mesti diamalkan. Justeru, beliau lebih banyak menggunakan perkataan dan pandangan sendiri. Walaupun wujud pendekatan berkenaan, perkataan dan pandangan yang dinyatakan adalah beradaptasikan sumber al-Quran, sunnah Rasulullah s.a.w. serta tafsiran daripada sahabat dan tabiin.

Antara kelemahan yang tertera dalam metodologi pentafsiran Hamka, beliau tidak menyatakan pelbagai riwayat tafsir, cukup sekadar beberapa riwayat yang sudah dikira memadai dalam menerangkan maksud ayat. Ini kerana tafsiran Hamka bukanlah bertujuan untuk menyatakan riwayat-riwayat tafsiran al-Quran dengan terlalu meluas tetapi lebih bertujuan memudahkan pembaca memahami asas kehendak ayat. Orentasi ini adalah positif tetapi kelihatan tidak menyamai piawaian tafsir-tafsir *ma`thur* yang mengutamakan konsep ini di samping memberi kefahaman kepada pembaca al-Quran.

Latar belakang beliau selaku ulama yang aktif di dalam masyarakat dan beberapa cabaran yang dihadapi tidak memungkinkannya menyusun sebuah tafsir al-Quran yang begitu padat dan panjang seumpama kitab-kitab tafsir zaman silam. Berdasarkan kajian, hampir kesemua karya tafsir zaman moden tidak menyatakan riwayat daripada sumber yang pelbagai kerana masing-masing mengetengahkan

metodologi yang bersifat semasa. Begitu juga dalam hal metodologi berkaitan penggunaan bahasa Arab, seperti Nahu dan ilmu Balaghah. Hamka sememangnya kurang menggunakan pendekatan ini dengan meluas. Metodologi ini dipraktikkan dalam skop yang sangat ringkas dan tidak dapat diistilahkan sebagai metodologi utama beliau. Tambahan pula, *Tafsir al-Azhar* ditulis di dalam bahasa Indonesia. Penggunaan metodologi berkaitan bahasa Arab terpaksa dibataskan kerana Hamka lebih menfokuskan penggunaan bahasa ibunda seperti perumpamaan, kata-kata bermadah dan bahasa yang menarik. Ini berlainan dengan kaedah pentafsiran yang dilakukan oleh ulama silam yang menggunakan perantaraan bahasa Arab secara langsung. Hamka tidak mengaplikasikan bahasa Arab kerana beliau menginginkan *Tafsir al-Azhar* diamati oleh penduduk Nusantara yang rata-ratanya tidak mahir lagi mengerti aspek-aspek berkaitan bahasa Arab. Apabila pentafsiran dilakukan berdasarkan metodologi bahasa Arab semata-mata maka ia tidak akan mendatangkan manfaat kepada kelompok pembaca yang disasarkan. Tidak dinafikan metodologi ini adalah antara kaedah pentafsiran yang penting. Beliau bukanlah mengeneipkan kaedah ini tetapi sekadar mengemukakan kaedah ini dalam keadaan secara tidak langsung. Oleh itu, kadangkala Hamka meninggalkan kenyataan berhubung pentafsirannya daripada segi ilmu nahu, balaghah dan sebagainya dengan terus menyebut makna tersirat di sebalik ayat.

Nama-nama seperti al-Qurtubi, al-Tabari, Ibn Kathir dan al-Zamakhshari adalah ulama silam yang merintis bidang pentafsiran al-Quran. Justeru, rata-rata karya mereka memuatkan fakta yang padat kerana memuatkan pelbagai riwayat dan ilmu Islam. Karya-karya tafsir moden seperti *Tafsir al-Azhar* adalah berkesinambungan

dan bersumberkan peninggalan ulama berkenaan. Sehebat mana karya tafsir yang dicetuskan pada zaman moden pasti tidak dapat menyaingi mutu karya tafsir zaman silam kerana perbezaan guru, pengalaman bersama generasi ulama hebat, dan faktor *sanad* periwayatan.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menilai dengan lebih mendalam kehebatan ilmu dan pemikiran beliau. Melalui tumpuan kajian pada ayat-ayat yang mengandungi kalimah takwa di dalam surah *al-Baqarah*, pengkaji mendapati Hamka sangat menitikberatkan maksud serta kehendak sesuatu ayat al-Quran yang ditafsirkan. Di samping itu, beliau sangat gemar menjelaskan kalimah takwa dalam pelbagai pengertian tersendiri.

Melalui metodologi yang diketengahkan, beliau mempunyai cita-cita yang besar agar masyarakat Nusantara dapat mengambil manfaat daripada apa yang dicetuskan. Ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa Indonesia yang diserikan dengan kisah teladan masyarakat setempat, perumpamaan dan kata-kata daripada ulama Nusantara. Metodologi yang diketengahkan banyak menggunakan ilmu-ilmu semasa dan hujah-hujah menolak idealisme yang bertentangan dengan Islam. Pendekatan ini adalah bertujuan mengimbangi keperluan zaman yang sarat dengan pelbagai ilmu moden, mencipta kelainan dalam pentafsiran al-Quran dan menarik semua pembaca termasuk yang bukan beragama Islam. Natijahnya, melalui metodologi tersebut, *Tafsir al-Azhar* dikenali sebagai kitab yang mengandungi pelbagai ilmu dunia dan akhirat.

Tribulasi yang dihadapi beliau selaku ulama dan pemimpin serta beberapa faktor seperti suasana persekitaran Nusantara, latar belakang pengajian dan zaman yang berlainan daripada generasi ulama unggul, tidak memungkinkan beliau dapat menghasilkan tafsir al-Quran yang mengandungi piawaian *al-Tafsir bi al-Ma`thur*. Walau bagaimanapun, *Tafsir al-Azhar* adalah kitab yang hebat dan diiktiraf sebagai kitab tafsir moden. Buktinya ia menjadi rujukan utama tafsir versi Melayu di ceruk rantau Nusantara. Melalui *Tafsir al-Azhar* yang dihasilkan, para pencinta al-Quran dapat menggarap pelbagai manfaat dan ilmu berguna untuk pedoman kehidupan di dunia dan akhirat.

6.3 Cadangan

Hamka telah meninggalkan khazanah ilmu yang sangat berharga kepada umat Islam khususnya masyarakat Islam di rantau Nusantara. Peninggalan ilmu dan pemikiran beliau perlu dimanfaatkan generasi masa kini bagi melahirkan ulama seperti beliau dan sebagai batu lonjatan untuk mencetuskan karya tafsir sumpama *Tafsir al-Azhar*. Antara saranan penting yang ingin pengkaji kemukakan bagi mengetengahkan ketokohan Hamka, keunggulan karya *Tafsir al-Azhar* dan keunikan metodologi yang diaplikasikan beliau dalam pentafsiran al-Quran adalah seperti berikut:

- i) Pelbagai pihak pertubuhan Islam seperti persatuan ulama setempat, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam perlu bekerjasama untuk menyusun program memperingati sumbangan Hamka terhadap perkembangan ilmu Islam di

Nusantara. Program-program yang diatur boleh dilaksanakan secara usahasama antara badan-badan pertubuhan Islam Indonesia atau negara jiran yang lain;

ii) Pihak Universiti tempatan perlu mengadakan pusat kajian mengenai pemikiran Hamka. Hal ini kerana Hamka adalah contoh ulama dari rantau Asia Tenggara yang berjaya mengukir nama di peringkat antarabangsa. Dengan kewujudan pusat pengkajian pemikiran Hamka, mahasiswa dan masyarakat akan dapat mengambil manfaat dan terkesan secara langsung;

iii) Karya *Tafsir al-Azhar* mestilah dijadikan bacaan wajib bagi mahasiswa yang menceburi jurusan pengkhususan tafsir al-Quran. Sekarang ini, kebanyakan jurusan berkenaan hanya mengkaji dan mendalami kitab-kitab tafsir ulama silam. Amalan ini sangat positif dan wajar dicambahkan dengan penelitian terhadap karya ulama setempat seperti Hamka;

iv) Pihak sarjana Islam perlu memikirkan satu inisiatif baru untuk mewujudkan sebuah tafsir moden seumpama *Tafsir al-Azhar*. Inisiatif ini dapat dijalankan melalui pengkajian terhadap metodologi yang diaplikasikan Hamka pada kandungan keseluruhan seluruh kitab berkenaan;

v) *Tafsir al-Azhar* mestilah terus disebar melalui cetakan terbaru besertakan ulasan sampingan atau “*tahqiq*”. Ulasan sampingan ini adalah bertujuan untuk merungkai beberapa permasalahan yang mungkin timbul sepanjang pembacaan kitab tafsir tersebut dari segi penggunaan bahasa dan sumber riwayat;

vii) Pihak kerajaan wajar mengatur seminar atau program ilmiah berkaitan metodologi yang diaplikasikan Hamka dalam mentafsirkan al-Quran. Melalui program ilmiah yang dilancarkan, kerajaan dapat meniup semangat anggota masyarakat bagi meneruskan perjuangan Hamka yang sentiasa mengharumkan nama negara Indonesia dan Nusantara. Kesannya, masyarakat dapat menilai dan menyahut seruan tersebut dan seterusnya melahirkan ribuan ulama tempatan seumpama Hamka yang mampu menghasilkan karya tafsir moden dan berbakti untuk negara.

6.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini dapat mengesan beberapa metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran. Hasil kajian juga mendapati Hamka memuatkan kandungan ayat-ayat al-Quran secara sempurna di dalam *Tafsir al-Azhar* dan pentafsiran adalah berdasarkan etika yang selari dengan tuntutan syarak. Berdasarkan kelebihan tersebut, pengkaji mencadangkan supaya kajian seterusnya dapat dijalankan dalam aspek-aspek berikut:

- a. Mengkaji berkenaan metodologi pentafsiran Hamka terhadap surah-surah pendek. Kajian tersebut dicadangkan supaya penelitian terhadap surah-surah klasifikasi tersebut tidak diabaikan. Di samping itu, kajian yang berlangsung dapat mengesan adakah Hamka mengetengahkan kaedah yang sama atau sebaliknya disebabkan faktor bilangan ayat yang sedikit dalam surah yang pendek;
- b. Mengkaji tentang keberadaan pengaruh *Tafsir al-Azhar* di kalangan para pemimpin sama ada dalam skop negara Malaysia atau negara Indonesia atau

negeri-negeri tertentu di alam Nusantara. Kajian tersebut dapat difokuskan tentang sejauh mana pengaplikasian *Tafsir al-Azhar* sebagai rujukan kepimpinan dan pentadbiran.;

- c. Mengkaji tentang perbandingan secara khusus terhadap karya tafsir Hamka dengan karya *mufassir* silam. Kajian dapat dilakukan dengan mengemukakan kelebihan *Tafsir al-Azhar* dan *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran* karangan Ibn Jarir al-Tabari;
- d. Mengkaji kebarangkalian kelemahan metodologi pentafsiran Hamka yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar*. Hasil kajian diharap mampu mempertahankan keilmuan Hamka sekiranya dapatan kajian menyatakan kelemahan hanya wujud dalam aspek teknikal sahaja dan bukan aspek utama disiplin pentafsiran al-Quran.

6.5 Penutup

Pengkaji memanjatkan lafaz syukur kepada Allah s.w.t. yang telah menganugerahkan kekuatan dan kesempatan untuk menyiapkan kajian ini. Diharap kajian ini mampu mengetengahkan beberapa fakta kehebatan Hamka dalam pentafsiran al-Quran dan memberi manfaat berguna buat tatapan para pengkaji al-Quran al-Karim. Pada pandangan pengkaji, Hamka adalah satu-satunya ulama Nusantara yang berjaya membahaskan ilmu tafsir dengan cemerlang. Pengkaji dan masyarakat Islam umumnya berpeluang memahami kehendak al-Quran dengan lebih sempurna berdasarkan kandungan pentafsiran *Tafsir al-Azhar* yang terisi dengan pelbagai metodologi pentafsiran ayat yang unik lagi menarik. Akhir kata, semoga kajian ini

dapat mengamit perhatian para pencinta karya tafsiran al-Quran di Nusantara untuk turut melibatkan diri dalam kajian berkenaan khazanah ilmu wahyu yang telah ditinggalkan Hamka.

BIBLIOGRAFI

Bahasa Melayu (Malaysia)

Al-Quran dan terjemahan. (1992). Arab Saudi: terbitan bahasa Melayu keluaran kerajaan Arab Saudi.

Abdullah Al-Qari Hj Salleh. (2000). *Data-data terbitan awal penterjemahan dan pentafsiran al-quran di alam melayu.* Shah Alam: al-Hidayah Publishers.

Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Islam dan al-hadith.* Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Abdul Rahman Aziz. (2008). *Bina insan melalui pembentukan etika sosial dan etika individu dari perspektif Hamka. Pemikiran Hamka.* suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Aziz. (2002). *Pemikiran etika Hamka.* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.

Abebakar Atjeh. (1997). *Falsafah al-Quran.* Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Aboebakar Acheh. (1997). *Sejarah al-Quran.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

- Abu Al-Baqir Al-Dusuqi. (2007). *Khasiat dan fadhilat ayat-ayat suci al-Quran 30 juzu'*. Kelantan: Al-Baqir Enterprise.
- Ali Yusuf Ali. (1989). *Silsilah ulama tafsir*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Asmah Hj. Omar. (1990). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawi Hj. Ehsan. (2004). *'Ulum al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris. (t.t). *Qamus al-Marbawi*. Mesir: Penerbitan Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh.
- Basri Ibrahim. (1997). *Ulama pewaris nabi*. Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Fadhlullah b. Jamil. (2008). *Tajdid dan islah mengikut pemikiran Hamka. Pemikiran Hamka*. suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Deraman dan Mustafa Abdullah. (2001). *Pengantar usul tafsir*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia: Intel Multimedia and Publication.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2005). *Hamka ulama' Nusantara*. Dewan Agama dan Falsafah. Kuala Lumpur: Kumpulan Kraftangan Sdn Bhd.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1976). *Di bawah lindungan Kaabah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1974). *Kenang-kenangan hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1979). *Tasauf moden*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hasan Mahmud. (1995). *Mengenal qiraat al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah penyelidikan: satu sorotan*. Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publications Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurdi Ismail Hj. Za. (1997). *Amalan hikmat dan rahsia dari al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1986). *Ensiklopedia sejarah Islam*. Bangi: penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Redzuan Othman. (2008). *Sumbangan Hamka dalam penulisan sejarah Melayu di alam Melayu*. Suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. *Pengantar falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaid Kadri. (1995). *Fakta-fakta dari Tafsir Al-Azhar*. Johor: Badan Gemilang Sdn. Bhd.
- Muhammad Abdullah al-Khatib. (2001). *Penjelasan di sekitar Risalah al-Ta'alim*. (tjmh.). Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhamad Nur Labis. (2007). *Data-Data terbitan awal, penterjemahan dan pentafsiran al-Quran di alam Melayu*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Muhammad Zakariyya, M. (2005). *Hikmah dan fadhilat al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Raja Ahmad Shalaby, Siti Zaleha Ibrahim dan Mohd Zuber Zain. (2004). *Tokoh-tokoh guru Nusantara*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Razali Adam. (1985). *al-Quran: di antara tafsir dan israiliyyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmawati Ali. (1997). *Pengantar 'ulum al-Quran*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- Rushdi, H. (2001). *Keperibadian, sejarah dan perjuangan. Pemikiran Hamka*. Suntingan Sidek Baba 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusydi, H. (2008). *Hamka pujangga Islam, kebanggaan rumpun Melayu*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Salah 'Abd Fattah. (1994). *Panduan bergaul dengan al-Quran: Miftah lita'ammul ma'a al-Quran*. (tjmh.). Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2000). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Subhi Salih. (1996). (tjmh.) Ariffin Omar dan Mohd. Nor Ngah. *Ilmu hadith: satu pengenalan dan kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Syed Mahadzir Syed Ibrahim. (2006). *163 tokoh terkenal Islam*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Tajuddin Saman. (1993). *Tokoh ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ustaz Mahadi Dahlan. (2003). *Tajwid ilmi dan amali*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Wahba dan Hafiz Hamzah. (2007). *Ulama membina tamadun manusia*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Wan Sabri b. Wan Yusof. (2008). *Tafsir al-Azhar: suatu gambaran perubahan sosial di Indonesia pada abad ke-20. Pemikiran Hamka*. suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahasa Indonesia

- Abdillah Ahmad al-Jufri. (2003). *Pelita al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Alfatih Suryadilaga, M. (2005). *Metodologi ilmu tafsir*. Yogyakarta: Penerbitan Teras.
- Amanah, Dra. H. St. (1993). *Pengantar ilmu al-Quran dan tafsir*. Semarang: Penerbit CV. Asyifa`.
- Charles Isawi. (2001). *Filsafat Islam tentang sejarah*. Jakarta: Tinta Emas.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1974). *Si Sabariah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1976). *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck*. Jakarta: Bukit Bintang.

- Hasjmy, A. (1979). *Prof. Dr. Hamka yang saya kenal. Kenang-kenangan 70 tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Imam Barnadib. (1982). *Arti dan metode sejarah pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP.
- Koentjaraningrat. (t.t). *Metode-metode penelitian masyarakat*. Jakarta: Penerbitan PT Gramedia.
- Mulyo, Sumedi Andono. (2005). *Strategi nasional penanggulangan kemiskinan*. Jakarta: Keluaran Khas Komite Penanggulangan Kemiskinan, Kerajaan Indonesia.
- Rusydi, H. (1976). *Kenangan-kenangan 70 tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nur Islam.
- Yunan Yusuf. (1990). *Corak pemikiran kalam Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Penerbitan Pustaka Panjimas.
- Yunus Amir Hamzah. (1993). *Hamka sebagai seorang pengarang Roman*. Jakarta: CV Puspita Sari Indah.
- Bahasa Arab**
- Al-Quran al-Karim*
- 'Abd al-'Aziz Hajjiy. (2003). *Tafsir ayat al-'aqidah*. Misr: Dar al-Sabuni.
- 'Abd al-Baqi, Muhammad Fuad. (1988). *al-Mu'jam al-mufahras li al-faz al- Quran al-karim*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- 'Abd al-Karim Zaidan. (1996). *al-Wajiz fi usul al-fiqh*. Birut: Muassasah al-Risalah.
- 'Abd al-Mun'im al-Nimr. (1983). *'Ulum al-Quran al-karim*. Birut: Dar al-Kitab Lubnani.
- 'Abd al-Wahab 'Abd al-Latif. (1952). *al-Mukhtasar fi Ibn Rijab al-athar*. Birut: Dar al-Fikr.
- 'Abd al-Wahab Faid. (1978). *al-Dakhil fi tafsir al-Quran al-karim*. Qahirah: Matba'ah al-Hasan.
- Abu 'Amr b. Salah. (1931). *'Ulum al-hadith*. Qahirah: al-'Ilmiyyah Halab.
- Abu Dawud, Sulaiman Ibn al-Asy'ath al-Sijistani al-Azdi. (t.t.). *Sunan Abi Dawud*. Qahirah: Dar al-Hadith.

- Abu Syuhbah, Muhammad b. Muhammad. (1996). *Madkhal li al-dirasat al Quran al-karim*. Misr: Maktabah al-Sunnah al-Misriyyah.
- 'Afif Abd al-Fatah Tabbarah. (t.t.). *Ruh al-din al-Islami*. Birut: Dar Al-Ilm li al-Malayin.
- Ahmad Muhammad Sirah. (1992). *al-Tafsir bi al-ra'yi wa manahij al-mufasssirun*. Mansurah: Jami'ah al-Azhar, Kuliah Usul al-Din wa al-Da'wah.
- Ahmad b. Hanbal. (t.t.). *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Birut: Dar al-Fikr.
- al-Asfabahani, Abu Na'im. (1993). *Akhbar al-Asfabahani li Abi Na'im*. Qahirah: Dar al-Ma'rifah.
- Al-'Ak, Khalid 'Abd Rahman. (1994). *Usul al-Tafsir wa qawa'iduh*. Birut: Dar al-Nafais.
- Al-Alusi, Abu al-Thana Syihab al-Din Mahmud. (1994). *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Birut: Dar-Fikr.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd-Allah Muhammad b. Isma'il. (t.t.). *Sahih al-Bukhari*. Misr: Dar wa Matabi' al-Sya'b.
- Al-Darimi, Muhammad 'Abd-Allah b. 'Abd al-Rahman. (1996). *Sunan al-Darimi*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Daruqutni, 'Ali b. 'Umar. (2001). *Sunan al-Daruqutni*. Dimasyq: Dar al-Muabbad.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husain. (2005). *al-Tafsir wa al-mufasssirun*. Misr: Maktabah al-Qahirah.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad b. Muhammad. (2003). *Ihya' 'ulum al-din*. Misr: Dar al-Salam.
- Al-Habsyi, Muhammad. (1999). *al-Qiraat al-mutawatirah*. Birut: Dar al-Fikr.
- Al-Hakim, Abi 'Abd-Allah al-Naisaburi. (t.t.). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Birut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Kandahlawi, Muhammad Yusuf. (1999). *Hayah al-sahabah*. Misr: Dar al-Hadith.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1994). *Tafsir al-Maraghi*. Birut: Dar al-Fikr.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad b. 'Abd al-Rahman b. 'Abd al-Rahim. (t.t.). *Tuhfah al-wadhi*. Birut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

- Al-Mundhiri, 'Abd al-'Azim 'Abd al-Qawi b. 'Abdullah b. Salamah b. Sa'ad. (2005). *al-targhib wa al-tarhib*. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-Nasaii, Abi 'Abd al-Rahman Ahmad b. Syu'ib. (1991). *al-sunan al-kubra*, Misr: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, 1991.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Yahya b. Syaraf. (2003). *al-Tibyan fi 'ulum al-Quran*. Birut: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). *al-Iman wa al-hayah*. Misr: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qasyani, 'Abd al-Razzaq b. Ahmad Jamal al-Din. (t.t.). *Ta'wilat al-Quran*. Qahirah: Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-Qatan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'ulum al-Quran*. Misr: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd-Allah Muhammad b. Ahmad Al-Ansari. (2000). *al-Jami' li ahkam al-Quran*. Mesir: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-Razi, Muhammad b. al-Hasan b. al-Husain al-Taimi al-Bakri al-Tabrastani. (1995). *al-Tafsir al-kabir*. Birut: Dar al-Fikr.
- Al-Sabbagh, Muhammad Lutfi. (1988). *Buhuth fi usul al-tafsir*. Qahirah: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1999). *Mukhtasar tafsir Ibn Kathir*. Misr: Dar al-Sabuni.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (2003). *Safwah al-tafasir*. Misr: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr. (1983). *al-Dur al-ma'thur fi tafsir bi al-manthur*. Birut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr. (2003). *al-Itqan fi 'ulum al-Quran*. Misr: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr. (1976). *al-Jami' al-saghir*. Misr: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr. (1976). *al-Tadrib: tadrib al-rawi, syarh taqrib al-Nawawi*. Misr: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr. (1999). *Tafsir al-jalalain*.

Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Syarqawi, Ahmad Muhammad. (2004). *Ikhtilaf al-mufasssin asbab wa ghawabituh*. Jami'ah al-Azhar, Mesir: Kuliyyah Usul al-Din wa al- Da'wah bi al-Mansurah.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (2005). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran*. Qahirah: Dar al-Salam.

al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman b. Ahmad. (2002). *al-Mu'jam al-kabir*. Birut: Dar al-Fikr.

Al-Tirmidhi, Muhammad b. 'Isa b. Saurah. (1989). *al-Jami' al-sahih sunan al-Tirmidhi*. Misr: Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Al-Tustari, Abu Muhammad Sahl b. 'Abd-Allah. (1908). *Tafsir al-Quran al-karim*. Misr: Matba'ah al-Sa'adah.

Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud b. 'Umar. (t.t.). *Tafsir al-kasyaf*. Birut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad b. 'Abdullah. (1990). *al-Burhan fi 'ulum al-Quran*. Misr, Dar al-Ma'rifah.

Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. (1996). *Manahil fi 'ulum al-Quran*. Misr: Dar al- Kitab al-'Arabi.

Al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *al-Tafsir al-munir*. Birut: Dar al-Fikr.

Badran Abu al-'Ainain. (t.t.). *Dirasat hawl al-Quran*. Iskandariah: Muassasah al-Syabab al-Jami'ah.

Ibrahim 'Ali, al-Sayyid 'Ali 'Isa. (2005). *Fadail suwar al-Quran*. Misr: Dar al-Salam.

Ibn 'Arabi, Muhammad b. 'Ali al-Khatimi al-Ta'iy al-Andalusi. (t.t.). *al-Futuhah al-makkiyyah fi ma'rifah al-asrar al-malikiyyah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn Hajar, Abu al-Fadl Ahmad b. 'Ali al-'Asqalani. (1939). *al-Isabah fi tamyiz al-sahabah*. Qahirah: Mutba'ah Mustafa.

Ibn Hibban, Muhammad b. Hibban b. Ahmad. (2001). *Sahih Ibn Hibban*. Birut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, 'Iman al-Din Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar al-Dimashqi. (t.t.). *Usd*

- al-ghabah fi ma'rifah al-sahabah*. Birut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, 'Iman al-Din Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar al-Dimashqi. (1951). *Ikhtisar 'ulum al-hadith*. Qahirah: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, 'Iman al-Din Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar al-Dimashqi. (2000). *Tafsir Ibn Kathir*. Qahirah: Maktabah Aulad li al-Syeikh al-Turath.
- Ibn Majah, Abu Abd-Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Sa'ad, Abu 'Abd-Allah Muhammad. (t.t.). *Tabaqat al-kubra*. Birut: Dar Sadir.
- Ibn Taimiyyah, Abi al-'Abbas Taqiy al-Din Ahmad b. 'Abd al-Halim. (1390 H). *al-Furqan bayn awliya' al-rahman wa awliya' al-syaitan*. Birut: al-Maktabah al-Islami.
- Ibn Taimiyyah, Abi al-'Abbas Taqiy al-Din Ahmad b. 'Abd al-Halim. (t.t). *Muqaddimah fi usul al-tafsir*. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Ibn Qayyim, Sham al-Din Abu 'Abd-Allah, Muhammad b. Abi Bakr b. Ayyub al-Dimasyqi. (t.t.). *Miftah Dar as-Sa'adah*. Birut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Mahmud Basyuni Fawdah. (1987). *al-Tafsir al-maudu'iy wa manhaj al-haq fi hidayah al-khalq*. Misr: Maktabah al-Ahmadiyyah.
- Mahmud Rifa'ah Anbar Al-Tantawi. (1994). *al-Tuhfah al-anbariyyah fi ma'rifah al-Quraniyyah*. Maliziyya-Misr: al-Muassasah al-Islamiyyah bi Qodah.
- Malik b. Anas, Abu 'Abd-Allah. (1951). *al-Muwwata'*. Misr: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Muhammad 'Abdullah al-Khatib dan Muhammad 'Abd al-Halim Hamid.(1995). *Nazarat fi risalah al-ta'lim*. Qahirah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Muhammad Hamd Zaghlul. (1999). *al-Tafsir bi al-ra'yi qawa'iduhu wa dawabituhu wa 'alamuhu*. Dimasyq: Maktabah al-Farabi.
- Muhammad Khalil 'Itani. (2005). *Min wasaya al-Rasul lirijal*. Birut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad Salim Muhsin. (t.t). *al-Hadi syarh taiyyibah al-nasyr fi al-qiraat al-'asyr*. Dimasyq: Dar al-Jil.

Muhammad b. Muhammad b. Abu Shahbah. (1996). *al-Israiliyyat wa al-maudu'iyat fi kutub al-tafsir*. Qahirah: Maktabah al-Sunnah.

Musa'id b. Sulaiman b. Nasir al-Toyyar. (2001). *Mafhum al-tafsir wa al-ta'wil wa al-istinbat wa al-tadabbur wa al-mufasssir*. Riyad: Dar Ibn al-Jauzi.

Muslim, Abu Husain Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi. (1991). *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar al-Hadith.

Mustafa al-Bugha dan Mahy al-Din Mistu. (2003). *al-Wafi fi syarh al-'arba'in al-Nawawiyyah*. Dimasyq: Dar Ibn Kathir.

Mustafa Muslim. (t.t.). *Manahij al-mufasssin*. Qahirah: Dar al-Muslim.

Rasyid Rida. (1995). *Tafsir al-manar*. Birut: Dar al-Fikr.

Safwat b. Mustafa. (1999). *al-Tafsir bi al-ma'thur: ahasmiyyatuh wa dawabituh*. Misr: Dar al-Nasyr al-Jam'iyyat.

Sa'id Hawa. (2003). *al-Asas fi al-tafsir*. Misr: Dar al-Salam.

Sa'id Hawa. (2005). *al-Islam*. Misr: Dar al-Salam.

Samir 'Abd al-'Aziz Syaliwah. (t.t.). *al-Fath al-mubin fi manahil al-mufasssin*. Qahirah: al-Matba'ah al-Husain al-Islamiyyah.

Subhi Salih. (1972). *Mabahith fi 'ulum al-Quran*. Birut: Dar al-'Ilm.

Syed Qutb. (2005). *Fi zilal al-Quran*. Misr: Dar al-Syuruq.

Tesis / Latihan Ilmiah

Abdul Halim Mat Diah. (t.t). *Falsafah pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia*. Sunan Kalijogo, Yogyakarta: Disertasi Ph.D: Institut Agama Islam Negeri.

Ahmad Nuruddin. (2002). *Metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran: Tumpuan kajian kepada surah al-Ahzab*. Kuala Lumpur: Tugas Sarjana Muda Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya.

Hasmani bt. Husain. (1984). *Analisa sumbangan pemikiran Hamka dalam mengislahkan masyarakat*. Bangi: Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustafa Hj. Daud. (1992). *Sastera dakwah: satu analisis kritis terhadap karya*

Rujukan Internet:

- a. *Biografi Buya Hamka*, <http://luluvikar.wordpress.com/2005/08/01/biografi-buya-hamka/>, diperolehi pada 1 Mac 2008.
- b. *Buya Hamka; Tokoh Ilmuan Nusantara*, <http://kelabhamka.blogspot.com/>, diperolehi pada 1 Mac 2008.
- c. *Buya Hamka: Ulama', Politisi dan Sastrawan Besar*, <http://www.tokohindonesia.com/ensiklopedi/h/hamka/index.shtm/>, diperolehi pada 1 Jun 2008.
- d. *Data Statistik Penduduk Indonesia*, http://www.datastatistikindonesia.com/proyeksi/index.php?option=com_pdd&Itemid=926, diperolehi pada 28 Julai 2011.
- e. *Hamka: Hilangnya Seorang Tokoh Ilmuan Islam*, <http://isuhangat.blogspot.com/2007/07/hamkahilangnya-seorang-tokoh-ilmuan.html>, diperolehi pada 17 Mac 2008.
- f. *Hamka*, Blog Mohd Syauqi bin Md Zahir al-Kulimi, Pusat Asasi UIAM, <http://pemudaiman.blogspot.com>, diperolehi pada 4 Ogos 2011.
- g. *Hamka*, majalah/e@siswa/default.asp?categories=Tokoh%20Ilmu., diperolehi pada 5 Mac 2008.
- h. *Hamka*, Kompas.com, <http://kompas.com/ver1/Nasional/0705/12/093500.htm>, diperolehi pada 25 Februari 2008.
- i. *Hasil Tulisan Prof. Dr Hamka*, <http://clearblogs.com/hamka/>, diperolehi pada 14 Mei 2008.
- j. *Jejak Ulama, Minda Madani Online*, <http://www.abim.org.my/madani/content/view/24/1/>, diperolehi pada 20 April 2008.
- k. *Jumlah Penduduk Menurut Provinsi*, http://www.datastatistikindonesia.com/component/option,com_tabel/task,show/Itemid164/, diperolehi pada 28 Julai 2011.
- l. *Jumlah Muslim Indonesia Terbesar di Dunia*, <http://rioardi.wordpress.com/2009/10/09/survei-jumlah-muslim-indonesia-terbesar-di-dunia/>, diperolehi pada 3 Ogos 2011.
- m. *Menyelamatkan Danau Limboto*, <http://menyelamatkandanaulimboto.wordpress.com/pengendalian-pencemaran-danau/marganof/4-profil-daerah/>, diperolehi pada 3 Julai 2011.
- n. *Penyataan Umum UKM*, http://www.mohe.gov.my/webkpt_v2/UKM.php, diperolehi pada 18 Jun 2008.

- o. *Riwayat Hamka*, [http://members.tripod.com /man999/Hamka.htm](http://members.tripod.com/man999/Hamka.htm)., diperoleh pada 1jun 2008.
- p. *Tafsir al-Azhar Online-Prof Dr Hamka*, <http://www.geocities.com/hamkaonline/>, diperoleh pada 4 Januari 2009.
- q. *Tuanku Kisa-i al-Minankabawi Lahirkan Tokoh Besar Hamka*, <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2006/ii/tuanku-kisai-al-minankabawi-lahirkan.htm>., diperoleh pada 4 Mac 2008.
- r. *Tanpa tajuk khas*, [http://www.rsi.sg /malay/pemikirislam/view/20040617102919/1.html](http://www.rsi.sg/malay/pemikirislam/view/20040617102919/1.html)., diperoleh pada 6 Jun 2008.
- s. *Tokoh Ilmuan*, [http://www.karangkraf.com.my/majalah/e@siswa/default.asp?categories=Tokoh % 20IlmuwanE](http://www.karangkraf.com.my/majalah/e@siswa/default.asp?categories=Tokoh%20IlmuwanE), diperoleh pada 5 Mac 2008.
- t. *Tokoh Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka*, <http://www.uhamka.ac.id/buya.htm>., diperoleh pada 11 April 2008.
- u. *Tuanku Kisa-i al-Minankabawi Lahirkan Tokoh Besar Hamka*, [http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com /2006 /ii / tuanku-kisai-al- minankabawi-lahirkan.htm](http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2006/ii/tuanku-kisai-al-minankabawi-lahirkan.htm). diperoleh pada 23 Februari 2008.

LAMPIRAN

i . Institusi dan Multimedia

Senarai Jabatan/organisasi serta pegawai-pegawai kerajaan yang telah ditemui dan akan membantu pengkaji mendapatkan data, maklumat serta statistik berkaitan dengan tajuk:

a. Institusi

- i) Perpustakaan Universiti Malaya
- ii) Perpustakaan Universiti Utara Malaysia
- iii) Perpustakaan Universiti Sains Malaysia
- iv) Universiti Kebangsaan Malaysia
- v) Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah Negeri Kedah
- vi) Perpustakaan Awam Negeri Kedah

b. Multimedia

- i) Laman web beralamatkan Malaysia berkaitan dengan Hamka.
- ii) Laman web dari Indonesia , web Universiti Hamka Indonesia.

- iii) Laman web dari Singapura.
- iv) Keratan akhbar/majalah.

ii. Surat Kebenaran Mengumpul Data dan Maklumat



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

Pusat Pengajian Siswazah

"KEDAH GEMILANG"

UUM/PPS/PEL : 88475

04 Februari 2006

Ketua Pustakawan
Universiti Malaya
50603 Lembah Pantai
Kuala Lumpur

Tuan / Puan

PERMOHONAN UNTUK MENGUMPUL DATA DAN MAKLUMAT

Dengan ini disahkan bahawa Muhammad Yusry Affandy b Md. Isa @ Yusuff (no. matrik : 88475) merupakan pelajar siswazah program Sarjana secara Separuh Masa di Universiti Utara Malaysia.

Pelajar ini perlu mengutip serta mengumpul data/maklumat daripada pelbagai sumber yang telah dikenalpasti untuk membolehkan mereka memenuhi keperluan penyediaan Kertas Projek/Tesis.

Sehubungan dengan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepada pelajar berkenaan dalam usaha tersebut. Segala maklumat yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

"AKADEMIK CEMERLANG UUM TERBILANG"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(FARHANA ABDUL WAHAB)

Penolong Pengarah

b.p. Dekan

Tel : 04-9283157 / Faks : 04-9284019

E-mail : farhana@uum.edu.my



iii. Gambar al-marhum Hamka



iv. Buku *Tafsir al-Azhar* (Sampel Utama Kajian)



iv. Contoh Petikan Antara Manuskrip Yang Dijadikan Bahan Kajian
(Pentafsiran Ayat 2 dan 21 Surah Al-Baqarah, *Tafsir al-Azhar*)

Allah belaka. Tetapi di lain riwayat terdapat bahwa beliau pernah memberi arti *Alif-Lam-Mim* itu dengan *Allahu, Lathifun, Majidun*, (Allah, Maha Halus, Maha Utama).

Ada pula segolongan ahli tafsir menyatakan bahwasanya huruf-huruf di awal Surat itu adalah sebagai pemberitahuan, atau sebagai panggilan untuk menarik perhatian tentang ayat-ayat yang akan turun mengiringinya.

Riwayat yang terbanyak memberinya arti ialah daripada Ibnu Abbas. Adapun perkataan yang shahih daripada Nabi s.a.w. sendiri tentang arti huruf-huruf itu tidaklah ada. Kalau ada tentu orang sebagai Abu Bakar as-Shiddiq, Umar bin Khathab, Usman bin Affan dan Ali bin Abu Thalib tidak akan mengeluarkan pendapat bahwa huruf-huruf itu tidak dapat diartikan, sebagai kita sebutkan di atas.

Nyatalah bahwa huruf-huruf itu bukan kalimat bahasa, yang bisa diartikan. Kalau dia suatu kalimat yang mengandung arti, niscaya tidak akan ragu-ragu lagi seluruh bangsa Arab akan artinya. Oleh sebab itu maka lebih baiklah kita terima saja huruf-huruf itu menurut keadaannya. Dan jika kita salinkan arti-arti atau tafsir yang dikemukakan oleh Ibnu Abbas atau yang lain-lain, hanyalah semata-mata menyalin riwayat saja, dan kalau kita tidak campurtangan tidaklah mengapa. Sebab akan mendalami isi al-Quran tidaklah bergantung daripada mencari-cari arti dari huruf-huruf itu. Apatah lagi kalau sudah dibawa pula kepada arti rahasia-rahasia huruf, angka-angka dan tahun, yang dijadikan semacam ilmu tenung yang dinamai *simia'*, sehingga telah membawa al-Quran terlampau jauh daripada pangkalan aslinya.

✓ "Inilah Kitab itu; tidak ada sebarang keraguan padanya; satu petunjuk bagi orang-orang yang hendak bertakwa." (ayat 2).

Inilah dia Kitab Allah itu. Inilah dia al-Quran, yang meskipun seketika ayat ini diturunkan belum merupakan sebuah naskah atau *mushhaf* berupa buku, namun setiap ayat dan Surat yang turun sudah mulai beredar dan sudah mulai dihafal oleh sahabat-sahabat Rasulullah; tidak usah diragukan lagi, karena tidak ada yang patut diragukan. Dia benar-benar wahyu dari Tuhan, dibawa oleh Jibril, bukan dikarang-karangkan saja oleh Rasul yang tidak pandai menulis dan membaca itu. Dia menjadi petunjuk untuk orang yang ingin bertakwa atau Muttaqin.

Kita baru saja selesai membaca Surat al-Fatihah. Di sana kita telah memohon kepada Tuhan agar ditunjuki jalan yang lurus, jalan orang yang diberi nikmat, jangan jalan orang yang dimurkai atau orang yang sesat. Baru saja menarik nafas selesai membaca Surat itu, kita langsung kepada Surat al-Baqarah dan kita langsung kepada ayat ini. Permohonan kita di Surat al-Fatihah sekarang diperkenankan. Kamu bisa mendapat jalan yang lurus, yang diberi nikmat, bukan yang dimurkai dan tidak yang sesat, asal saja kamu suka memakai pedoman kitab ini. Tidak syak lagi, dia adalah petunjuk bagi orang yang suka bertakwa.

✓ Apa arti takwa? Kalimat takwa diambil dari rumpun kata *wiqayah* artinya memelihara. Memelihara hubungan yang baik dengan Tuhan. Memelihara diri

menayipkan definisi

jangan sampai terperosok kepada suatu perbuatan yang tidak diridhaikan oleh Tuhan. Memelihara segala perintahNya supaya dapat dijalankan. Memelihara kaki jangan terperosok ke tempat yang lumpur atau berduri. Sebab pernah ditanyakan orang kepada sahabat Rasulullah, Abu Hurairah (ridha Allah untuk beliau), apa arti takwa? Beliau berkata: "Pernahkah engkau bertemu jalan yang banyak duri dan bagaimana tindakanmu waktu itu?" Orang itu menjawab: "Apabila aku melihat duri, aku mengelak ke tempat yang tidak ada durinya atau aku langkahi, atau aku mundur." Abu Hurairah menjawab: "Itulah dia takwa!" (Riwayat dari Ibnu Abid Dunya).

(Maka dapatlah dipertalikan pelaksanaan jawaban Tuhan dengan ayat ini atas permohonan kita terakhir pada Surat al-Fatihah tadi. Kita memohon ditunjuki jalan yang lurus, Tuhan memberikan pedoman kitab ini sebagai petunjuk dan menyuruh hati-hati dalam perjalanan, itulah takwa. Supaya jalan lurus bertemu dan jangan berbelok di tengah jalan.)

(Ketika pada akhir Desember 1962 kami mengadakan Konferensi Kebudayaan Islam di Jakarta, dengan beberapa teman telah kami bicarakan pokok isi dari Kebudayaan Islam.

Akhirnya kami mengambil kesimpulan, ialah bahwa Kebudayaan Islam ialah kebudayaan takwa. Dan kami pun sepakat mengambil langsung kalimat takwa itu, karena tidak ada kata lain yang pantas menjadi artinya. Jangan selalu diartikan takut, sebagai yang diartikan oleh orang dahulu-dahulu. (Sebab takut hanyalah sebagian kecil dari takwa. Dalam takwa terkandung cinta, kasih, harap, cemas, tawakkal, ridha, sabar dan lain-lain sebagainya. Takwa adalah pelaksanaan dari iman dan amal shalih.) Meskipun di satu-satu waktu ada juga diartikan dengan takut, tetapi terjadi yang demikian ialah pada susunan ayat yang cenderung kepada arti yang terbatas itu saja. Padahal arti takwa lebih mengumpul akan banyak hal. Bahkan dalam takwa terdapat juga berani! Memelihara hubungan dengan Tuhan, bukan saja karena takut, tetapi lebih lagi karena ada kesadaran diri, sebagai hamba.

Dia menjadi petunjuk buat orang yang suka bertakwa, apatah lagi bagi orang yang telah bertakwa. Sama irama ayat ini dengan ayat di dalam Surat al-Waq'ah (Surat 56, ayat 79).

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

"Tidaklah akan menyentuh kepadanya, melainkan makhluk yang telah dibersihkan."

Sehingga kalau hati belum bersih, tidaklah al-Quran akan dapat menjadi petunjuk.

Lalu diterangkan sifat atau tanda-tanda dari orang yang bertakwa itu, yang kita dapat menilik diri kita sendiri supaya memenuhinya dengan sifat-sifat itu:

- (24) Maka jika kamu tidak dapat membuat, dan sekali-kali kamu tidak akan dapat membuat, maka takutlah kamu kepada neraka yang penyalakannya ialah manusia dan batu, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir.

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي
وُقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

- (25) Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman dan beramal shalih, bahwasanya untuk mereka adalah syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Tiap-tiap kali diberikan kepada mereka suatu pemberian dari semacam buah-buahan, mereka berkata: "Inilah yang telah dijanjikan kepada kita dari dahulu". Dan diberikan kepada mereka akan dia serupa, dan untuk mereka di dalamnya ada isteri-isteri yang suci, dan mereka akan kekal di dalamnya.

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ
جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا
مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا
مِنْ قَبْلُ وَأَنُوتُوا بِهِ مُنْشِبِينَ ﴿٢٥﴾ وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ
مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Martabat dan tingkat yang dapat dicapai oleh orang yang beriman karena menerima petunjuk Tuhan sudah diterangkan, sebab-sebab orang menjadi kafir pun sudah dijelaskan. Orang yang pecah rohani dengan jasmaninya sehingga menjadi munafikpun sudah. Manusia yang mempergunakan akalnyapun sudah dapat mengerti jalan mana yang akan dia tempuh, jalan selamat atau jalan celaka. Sekarang dihentikan itu dahulu dan disuruhlah manusia supaya dengan fikiran yang tenang memikirkan hubungannya dengan Tuhan.

"Wahai manusia!" (pangkal ayat 21). — Rata seruan kepada seluruh manusia yang telah dapat berfikir — "Sembahlah olehmu akan Tuhanmu yang telah menciptakan kamu." — Dari tidak ada, kamu telah diadakan dan hidup di atas bumi. — "Dan orang-orang yang sebelum kamu." Artinya datang ke dunia mendapat sawah dan ladang, rumahtangga dan pusaka yang lain dari nenek-moyang sehingga yang datang kemudian hanya melanjutkan apa yang diceritakan dan dilatih oleh orang tua-tua. Maka orang tua-tua yang telah meninggalkan pusaka itu pun Allah jualah yang menciptakan mereka. Disuruh mengingat itu — "Supaya kamu terpelihara." (ujung ayat 21). Disuruh kamu mengingat itu agar insaf akan kedudukanmu dalam bumi ini. Dengan mengingat diri dan mengingat kejadian nenek-moyang bersambung ingatan yang sekarang

ditafsirlah dgn. terpelihara bkn meng. kait. hubung
dengan zaman lampau, supaya kelak diwariskan lagi kepada anak-cucu, yaitu
supaya selalu terpelihara atau dan memelihara diri dan kemanusiaan, jangan
jatuh martabat jadi binatang. Yaitu dengan jalan berbadat, berbakti dan
menyembah kepada Tuhan, mensyukuri nikmat yang telah dilimpahkanNya.

Fikirkanlah olehmu hai manusia, akan Tuhanmu itu:

"Yang telah menjadikan untuk kamu akan bumi, jadi hamparan." (pangkal ayat 22). Terbentang luas sehingga kamu bisa hidup makmur di atas hamparannya itu. "Dan langit sebagai bangunan" yang dapat dirasakan melihat awannya yang berarak di waktu siang dan bintangnya yang gemerlap di waktu malam dan matahari yang memberikan sinar dan bulannya yang gemilang cahaya. "Dan diturunkanNya air dari langit" — dari atas — "Maka keluarlah dengan sebabnya buah-buahan, rezeki bagi kamu." Maka pandanglah dan renungkanlah itu semuanya, sejak dari buminya sampai kepada langitnya, sampai kepada turunnya air hujan menyuburkan bumi itu. Teratur turunnya hujan menyebabkan suburnya apa yang ditanam. Kebun subur, sawah menjadi, dan hasil tanaman setiap tahun dapatlah diambil buat dimakan. Fikirkanlah dan renungkanlah itu semuanya, niscaya hati sanubari akan merasa bahwa tidak ada orang lain yang sekasih, sesayang itu kepadamu. Dan tidak ada pula kekuasaan lain yang sanggup berbuat begitu; menyediakan tempat diam bagimu, menyediakan air dan menumpahkan bahan makanan yang boleh dikatakan tidak membayar. Sehingga jika terlambat hujan turun dari jangka yang terbiasa, tidaklah ada kekuatan lain yang sanggup mencepatkan datangnya. "Maka janganlah kamu adakan bagi Allah sekutu-sekutu, padahal kamu mengetahu." (ujung ayat 22).

Tentu kalau telah kamu pakai fikiranmu itu, mengetahuilah kamu bahwa Yang Maha Kuasa hanyalah Dia sendiriNya. Yang menyediakan bumi buat kamu hanya Dia sendiriNya, yang menurunkan hujan, menumbuhkan dan menghasilkan buah-buahan untuk makananmu hanya Dia sendiriNya. Sebab itu tidaklah pantas kamu buatkan untuk Dia sekutu yang lain. Padahal kamu sendiri merasa bahwa tidak ada yang lain itu berkuasa. Yang lain itu cumalah kamu bikin-bikin saja.

Ayat ini akan diikuti lagi oleh banyak ayat yang lain, yang nadanya menyeru dan membangkitkan perhatian manusia terhadap alam yang berada sekelilingnya. Ayat ini telah menunjukkan kehidupan kita di atas bumi yang subur ini, menyambung keturunan dari nenek-moyang kita. Dikatakan di sini bahwa bumi adalah hamparan, artinya disediakan dan dikembangkan laksana mengembangkan permadani, dengan serba-serbi keseluruhannya. Dan di atas kita terbentanglah langit lazuardi, laksana satu bangunan besar. Di atas langit itu terdapat matahari, bulan dan bintang dan awan gumawan dan angin yang berhembus sejuk. Lalu diterangkan pula bahwa kesuburan bumi adalah karena turunnya hujan dari langit, artinya dari atas.

Ayat ini menyuruh kita berfikir dan merenungkan, diikuti dengan merasakan. Bukanlah kemakmuran hidup kita sangat bergantung kepada pertalian langit dengan bumi lantaran hujan? Adanya gunung-gunung dan kayu-kayuan,